



# TUISYEN RAKYAT SELANGOR

# 2021

# BAHASA MELAYU

Ditulis dan disusun oleh  
Guru Berprestasi Tinggi  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

# KANDUNGAN

<b>TOPIK 1</b>	Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan .....	1
<b>TOPIK 2</b>	Karangan Umum .....	12
<b>TOPIK 3</b>	Sistem dan Aplikasi Bahasa .....	43
<b>TOPIK 4</b>	Pemahaman [Petikan Umum] .....	76
<b>TOPIK 5</b>	Pemahaman [Petikan KOMSAS] .....	85
<b>TOPIK 6</b>	Pemahaman [Novel] .....	104
<b>TOPIK 7</b>	Rumusan .....	115
<b>KERTAS MODEL 1</b>	.....	136
<b>KERTAS MODEL 2</b>	.....	146



## Pengenalan

- 1 Karangan berdasarkan bahan rangsangan atau karangan berpandu bermaksud bahan untuk menulis karangan telah disediakan dan calon diminta mengembangkan idea asas (berdasarkan gambar) untuk menjadi sebuah karangan yang lengkap.
- 2 Bahan berpandu berdasarkan gambar (satu atau beberapa gambar), graf, data, kartun, dialog, petikan rencana, atau berita daripada surat khabar.
- 3 Soalan ini akan diajukan dalam Kertas 1, Soalan Bahagian A. Hanya satu soalan diberikan dan calon wajib menjawabnya.
- 4 Soalan ini diperkenalkan untuk membantu calon memperoleh markah yang tinggi dalam bahagian karangan.
- 5 Sebanyak 30 markah akan diberikan.
- 6 Kapanjangan karangan sekitar 150 patah perkataan hingga 200 patah perkataan.
- 7 Masa yang dicadangkan untuk menjawab ialah 30 minit.

## Cara Menjawab

- 1 Calon digalakkan menjawab soalan ini dahulu sebelum menulis karangan di Bahagian B.

- 2 Sebelum menjawab, perhatikan dengan teliti kata kunci yang diberikan. Maklumat yang terdapat dalam bahan perlu disertakan.
- 3 Calon dicadangkan menulis lima perenggan dan setiap perenggan sebanyak 40 patah perkataan.
- 4 Idea sendiri berupa cadangan boleh dimasukkan dalam bahagian penutup.
- 5 Karangan ini seperti karangan biasa yang memerlukan pendahuluan, isi, dan penutup.
- 6 Letakkan sekurang-kurangnya satu slogan, peribahasa, ataupun kata-kata hikmat.

## Skor Cemerlang

[26 hingga 30 markah]

- 1 Karangan menepati tema bahan rangsangan.
- 2 Bahasa gramatis dari segi kata dan juga ayat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.
- 3 Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, hadis, dan petikan ucapan.
- 4 Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.

## MODEL GRE A


Pantun dan grafik di bawah berkaitan dengan sukan.

Huraikan pendapat anda tentang **usaha meningkatkan minat remaja dalam sukan**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

### Program Satu Murid Satu Sukan Sekolah Menengah Kebangsaan Sentosa

Perhatian kepada semua murid!  
Semua murid diwajibkan menyertai sekurang-kurang satu acara sukan.



### Usaha Meningkatkan Minat Remaja dalam Sukan

Pisang berangan dibuat pengat,  
Sangat enak apabila dimakan;  
Ibu bapa memberikan semangat,  
Mendorong anak-anak bersukan.

Mencari rotan di dalam hutan,  
Rotan dijual di tengah pekan;  
Komuniti setempat juga berperanan,  
Sediakan gelanggang untuk bersukan.

[**Pendahuluan**] Penyertaan murid dalam aktiviti sukan menjadikan mereka memiliki **badan cergas otak cerdas**. Hal ini demikian kerana badan akan berpeluh apabila bersukan sekali gus mengeluarkan toksin yang tidak diperlukan oleh badan. Perjalanan darah ke seluruh tubuh menjadi lancar seterusnya diri akan lebih sihat.

[**Idea 1**] Program Satu Murid Satu Sukan bertujuan memastikan setiap murid mengambil bahagian dalam aktiviti sukan di sekolah seterusnya membudayakan murid dalam bidang sukan. **Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**. Jika murid tidak mencuba, tidak mungkin bakat dalam diri mereka dapat digilap.

[**Idea 2**] Ibu bapa pula hendaklah memberikan semangat kepada anak-anak dalam bidang sukan. Belikanlah mereka pakaian dan kasut sukan yang sesuai. Sikap ibu bapa ini akan mendorong anak untuk lebih serius dalam sukan yang diminati. Sekiranya anak gagal meraih kemenangan, ibu bapa perlu terus memberikan semangat kerana **gagal sekali bukan gagal selama-lamanya**.

[**Idea 3**] Setiap komuniti kawasan perumahan perlu menyediakan gelanggang yang sesuai untuk remaja bersukan seperti bermain badminton, bola keranjang atau sepak takraw. Selain mereka memanfaatkan masa yang terluang, mereka juga dapat memupuk semangat muhibah. Oleh itu, masa mereka tidaklah terbuang sia-sia.

[**Penutup**] Sebagai kesimpulannya, semua pihak terutama ibu bapa perlulah memberikan sokongan apabila anak mereka ingin terlibat dalam sesuatu acara sukan. Slogan **Majulah Sukan untuk Negara** harus dipegang oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia jika kita mahu acara sukan ini terus mendapat tempat dalam jiwa rakyat.

*Guna semua fakta yang terdapat dalam semua bahan.*

E-mel di bawah meminta penjelasan tentang usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu. Bahasa e-mel tersebut dengan menghuraikan **usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Daripada	atiqah2021@gmail.com
Kepada	
Perkara	Usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu
<p>Salam sejahtera sahabatku yang berada di Kuala Lumpur.</p> <p>Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan untuk memartabatkan bahasa Melayu, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Penegasan dasar bahasa dan penguatkuasaan dasar bahasa secara bersepadu,</li> <li>(ii) Program pemyarakatan bahasa kebangsaan bertaraf kebangsaan, dan</li> <li>(iii) Pengayaan khazanah ilmu dan persuratan dalam bahasa Melayu.</li> </ul> <p>Saya berharap saudara dapat membantu saya menghuraikan idea-idea di atas. Sekian, terima kasih.</p>	

**MuLus:** Isi tempat kosong dengan jawapan yang disediakan.

mengutamakan dipinggirkan	dilaksanakan agenda	lingua ditingkatkan	lapisan kegemilangan	berpijak menggembeng
------------------------------	------------------------	------------------------	-------------------------	-------------------------

Daripada	
Kepada	atiqah2021@gmail.com
Perkara	Usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu
<p>[<b>Pendahuluan</b>] Salam sejahtera sahabatku, Atiqah. Sejak abad ketujuh Masihi, bahasa Melayu telah menjadi bahasa kerajaan, bahasa perdagangan, bahasa pengajian agama dan (1) _____ franca di rantau Kepulauan Melayu semasa kerajaan Sriwijaya. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pula, bahasa Melayu mencapai puncak (2) _____ sebagai bahasa pentadbiran, bahasa diplomasi, bahasa perdagangan dan bahasa ketatanegaraan.</p> <p>[<b>Idea 1</b>] Dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu, penegasan dasar bahasa dan penguatkuasaan dasar bahasa secara bersepadu perlu dilaksanakan. Semua urusan rasmi dan majlis rasmi pada peringkat kebangsaan mesti (3) _____ penggunaan bahasa Melayu. Semua peruntukan tentang bahasa kebangsaan yang terdapat dalam undang-undang negara hendaklah dihormati oleh semua (4) _____ masyarakat.</p> <p>[<b>Idea 2</b>] Program pemyarakatan bahasa kebangsaan bertaraf nasional amat penting. Semua kementerian, jabatan, agensi dan perbadanan kerajaan termasuklah pihak swasta hendaklah secara aktif menyertai program pemyarakatan bahasa kebangsaan yang dirancang dan (5) _____ oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Melalui usaha ini, bahasa dan persuratan Melayu tidak (6) _____ oleh masyarakat.</p> <p>[<b>Idea 3</b>] Pengayaan khazanah ilmu dan persuratan dalam bahasa Melayu hendaklah dimantapkan. Usaha ini perlu (7) _____ supaya nilai bahasa Melayu menjadi lebih tinggi melalui penerbitan bahan ilmiah. Selain itu, agenda pengayaan khazanah ilmu dan persuratan Melayu mesti dimasukkan dalam (8) _____ pembangunan negara melalui belanjawan tahunan negara.</p> <p>[<b>Penutup</b>] Sebagai kesimpulannya, semua pihak haruslah (9) _____ sinergi untuk meledakkan darjat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam semua urusan harian. Oleh hal yang demikian, marilah kita (10) _____ di bumi yang nyata dengan menjaga bahasa kebangsaan supaya <b>tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas</b>. Sekian. Terima kasih.</p> <p style="text-align: right;">[209 patah perkataan]</p>	

Sajak dan grafik di bawah berkaitan dengan potensi diri seorang remaja. Huraikan pendapat anda tentang **pendekatan mengembangkan potensi diri**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Setiap insan itu istimewa  
punyai potensi tersembunyi  
yang harus digali, diasah  
digilap agar menyinar

Sinar itu perlukan pengorbanan  
keperitan, kepayahan, kegagalan  
bukan alasan untuk berputus asa  
bangkitlah dan teruslah melangkah

Hidup penuh liku cabaran  
yang perlu kita tempuhi  
dengan perjuangan sebenar  
demi sebuah kejayaan



**Mengembangkan Potensi Diri**

[**Pendahuluan**] Ramai antara kita yang tidak mengenali potensi diri sendiri. Hal ini tentu amat (1) \_\_\_\_\_ kerana potensi diri sangat membantu seseorang untuk lebih maju. Namun, potensi diri perlu dikembangkan dengan sungguh-sungguh kerana **yang bulat tidak datang** (2) \_\_\_\_\_, **yang pipih tidak datang melayang**.

[**Idea 1**] Potensi diri boleh berkembang apabila kita mencuba melakukan pelbagai perkara. Kita hanya akan mengetahui potensi dan bakat kita lebih menyerlah dalam sesuatu permainan itu apabila kita mencuba banyak jenis permainan. Kemudian bakat tersebut boleh terus digilap dengan mendapatkan bimbingan daripada jurulatih yang (3) \_\_\_\_\_.




[**Idea 2**] Kita juga perlu mencontohi tokoh yang berjaya untuk mengembangkan potensi diri. Kita boleh membaca kisah-kisah kejayaan tokoh atau memanfaatkan (4) \_\_\_\_\_ sosial untuk mengikuti perkembangan mereka dalam pelbagai bidang. Kita boleh menjadikan usaha mereka menempa kejayaan sebagai lebah (5) \_\_\_\_\_ madu sebagai (6) \_\_\_\_\_.

[**Idea 3**] Seterusnya, potensi diri boleh dikembangkan jika berani menghadapi kegagalan. Kegagalan dianggap cabaran bagi mereka yang (7) \_\_\_\_\_ waja untuk terus menggilap potensi diri. Pada waktu yang sama, kita tidak perlu mempedulikan kata-kata yang boleh (8) \_\_\_\_\_ semangat demi kejayaan yang lebih bermakna.

[**Penutup**] Sebagai kesimpulannya, setiap remaja sebenarnya boleh (9) \_\_\_\_\_ potensi diri. Hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Sesungguhnya, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Jangan sesekali (10) \_\_\_\_\_ sebelum potensi diri dapat dikembangkan sehingga mengecapi bunga-bunga kejayaan.


[202 patah perkataan]

Maklumat di bawah berkaitan dengan keistimewaan buah-buahan tempatan.  
 Huraikan pendapat anda tentang keistimewaan buah-buahan tempatan.  
 Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

<b>Khasiat Buah-buahan</b>	
	Kaya vitamin C dan D Merawat masalah kulit Mengubati sembelit
Kaya vitamin dan serat Sumber tenaga Menurunkan berat badan	
	Kaya karbohidrat dan serat Mengawal gula dalam darah Penyembuhan luka

**PESTA BUAH-BUAHAN TEMPATAN**  
 Tarik: 7 Mei  
 Masa: 10.00 pagi – 10.00 malam  
 Tempat: Dataran Anggerik

Mari beramai-ramai  
nikmati keenakan  
buah-buahan  
tempatan!



**Aneka Jenis  
Murah & Segar**

**MuLus:** Tulis pendahuluan yang sesuai.

**Keistimewaan Buah-buahan Tempatan**

[Pendahuluan] \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[Idea 1] Buah-buahan tempatan mempunyai pelbagai khasiat untuk kesihatan tubuh badan. Buah-buahan tempatan mengandungi serat, pelbagai jenis vitamin, potasium, kalsium, zat besi, magnesium dan sebagainya. Walaupun buah-buahan banyak khasiatnya namun kita tetap perlu memakannya secara seimbang kerana setiap makanan jika diambil secara berlebihan pasti mendatangkan kemudaratannya.

[Idea 2] Selain berkhasiat, buah-buahan tempatan juga enak dimakan. Oleh sebab negara kita mempunyai beraneka jenis buah tempatan, sudah pastinya menyajikan kepelbagaian rasa yang tersendiri dan unik. Secara tidak langsung, buah-buahan tempatan dapat memenuhi cita rasa rakyat Malaysia. Sedangkan buah durian yang berbau kuat juga mempunyai ramai penggemarnya, inikan pula buah-buahan lain.

[Idea 3] Seterusnya, buah-buahan tempatan tentunya lebih segar berbanding dengan buah-buahan import. Hal ini demikian kerana buah-buahan import mengambil masa yang lama untuk sampai kepada pengguna. Keadaan ini berbeza dengan buah-buahan tempatan yang mudah didapati di seluruh negara pada bila-bila masa terutamanya bagi buah-buahan tidak bermusim.


[Penutup] Sebagai kesimpulannya, buah-buahan tempatan memiliki keistimewaannya tersendiri. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus menyokong buah-buahan tempatan dengan menanam, membeli dan memakannya. Janganlah kita menjadi seperti peribahasa **keras dalam hutan disusui, anak di rumah mati kelaparan** dengan hanya mengutamakan buah-buahan import tanpa mengendahkan buah-buahan tempatan.



Grafik dan syair di bawah berkaitan dengan alam sekitar.  
 Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha melestarikan alam sekitar**.  
 Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**Penjagaan Alam Sekitar**

- Kempen
- Gotong-royong
- Kitar semula



**Syair Alam Sekitar**

Jadilah warga bertimbang rasa,  
 Memelihara alam sekitar kita,  
 Di sekolah murid diajar juga,  
 Guru mendidik alam terjaga.



Balak ditebang sesuka hati,  
 Tanah runtuh di sana sini,  
 Penguat kuasa perlulah teliti,  
 Tindakan tegas tanpa kompromi.



**MuLus:** Isi tempat kosong dengan penutup yang sesuai.

**Usaha-usaha Melestarikan Alam Sekitar**

**[Pendahuluan]** Bumi terpaksa menanggung pelbagai kerosakan dan kemusnahan yang dilakukan oleh manusia. Pelbagai bencana alam seperti banjir, kemarau, serta tanah runtuh berpunca daripada sikap manusia yang rakus. Pengurusan alam sekitar perlu dilakukan seiring dengan pembangunan negara demi kelangsungan generasi yang akan datang.

**[Idea 1]** Usaha melestarikan alam sekitar adalah dengan mengadakan kempen alam sekitar seperti Kempen Cintailah Sungai Kita dan Kempen Kitar Semula. Masyarakat akan didedahkan dengan kepentingan dan cara-cara menjaga alam sekitar seperti menguruskan sisa pembuangan. Kempen juga dapat menggalakkan pengguna mengitar semula bahan-bahan yang boleh dimanfaatkan.

**[Idea 2]** Peranan sekolah juga tidak boleh dinafikan. Pendidikan alam sekitar turut diajar dalam sukatan pelajaran beberapa mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Sains dan Pendidikan Moral. Pelbagai program juga boleh dilaksanakan seperti pertandingan kelas terbersih dan kempen menghijaukan persekitaran sekolah. Lantas, murid didedahkan dengan proses kitaran alam sekitar dan interaksinya dengan hidupan lain di bumi ini.

**[Idea 3]** Pihak kerajaan perlu bersikap tegas untuk menguatkuasakan undang-undang alam sekitar. Segala bentuk aktiviti yang memusnahkan alam sekitar seperti pembalakan haram perlu dikenakan tindakan. Di samping itu, projek-projek pembangunan perlu dipantau rapi dan dikenakan syarat yang ketat agar tidak merosakkan alam sekitar.

**[Penutup]** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Petikan dan grafik di bawah berkaitan dengan permainan tradisional.  
 Huraikan pendapat anda tentang **kelebihan-kelebihan permainan tradisional**.  
 Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Bagi memartabatkan permainan tradisional, Rafiuddin Baharuddin mengambil inisiatif memperkenalkan beberapa jenis permainan lama di Muzium Diraja Seri Menanti. Rafiuddin, 54, berkata, dia mahu menjadikan permainan tradisional sebagai daya tarikan bagi mendorong ibu bapa membawa anak-anak berkunjung ke Muzium Diraja Seri Menanti.

“Antara permainan tersebut ialah batu seremban, gasing, congkak, terompah tempurung, ceper, baling tin dan selipar serta senapang buluh. Aktiviti ini membolehkan masyarakat mengenali budaya warisan, mengukuhkan hubungan rakyat yang berbilang kaum dan sebagai tarikan pelancong tempatan dan asing,” katanya ketika ditemui di Muzium Diraja Seri Menanti, hari ini.


Dipetik dah diubah suai daripada “Popularkan Semula Permainan Tradisional” oleh Amrah Yahya, *Harian Metro*, 12 Julai 2020

**PESTA PERMAINAN TRADISIONAL**  
**Anjuran Persatuan Penduduk**  
**Taman Cendana**

Pelbagai jenis permainan tradisional pelbagai kaum dipertandingkan

- Semua dijemput menyertainya
- Kanak-kanak hingga dewasa

*Jangan lepaskan peluang*



Hadiah menarik menanti anda!

**MuLus:** Isi tempat kosong dengan mengembangkan tiga idea yang terdapat dalam gambar.

**Kelebihan Permainan Tradisional**

[**Pendahuluan**] Setiap generasi mempunyai jenis permainannya yang tersendiri seiring dengan perubahan teknologi. Pada suatu ketika dahulu, permainan seperti gasing, wau dan congkak dimainkan untuk mengisi masa lapang. Permainan tradisional perlu dipertahankan supaya **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas** kerana banyak manfaat kepada pemain.

[**Idea 1**] Permainan tradisional merupakan warisan budaya yang tidak ternilai harganya. \_\_\_\_\_

---



---



---

[**Idea 2**] Selain itu, permainan tradisional boleh menjadi daya tarikan yang signifikan dalam industri pelancongan.

---



---



---

[**Idea 3**] Pada sisi yang lain, permainan tradisional dapat mengukuhkan hubungan masyarakat yang berbilang kaum.

---



---



---

[**Penutup**] Sebagai kesimpulannya, kita harus berganding bahu **bagai aur dengan tebing** untuk mempertahankan permainan tradisional ini. Walaupun permainan moden **bagai cendawan tumbuh selepas hujan**, namun permainan tradisional seharusnya tetap mekar di hati.





Maklumat di bawah berkaitan dengan koperasi sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang **faedah kedai koperasi sekolah**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Koperasi fungsi pengguna adalah untuk memudahkan anggota-anggotanya mendapatkan barangan yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Koperasi fungsi pengguna peringkat sekolah pula diperkenalkan untuk menanam sifat berjimat cermat dan proses pembelajaran perniagaan dalam kalangan murid. Antara aktiviti utama yang dijalankan seperti mengusahakan kedai buku, kantin sekolah dan kedai dobi yang secara tidak langsung dapat menjana pendapatan sekolah.



Sumber: Portal Rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Harga buku dan alat tulis di kedai koperasi ini lebih murah daripada di kedai-kedai lain.

Ya, betul. Kita juga tidak perlu membuang masa pergi ke pasar raya untuk membeli barang keperluan sekolah.



**Faedah Kedai Koperasi Sekolah**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Dialog dan grafik di bawah berkaitan dengan obesiti dalam kalangan kanak-kanak. Huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa mengatasi masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak. Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Halim: Saya ada masalah, doktor. Anak-anak saya mengalami masalah obesiti.

Doktor: Bagaimanakah pemakanan anak-anak encik?


Halim: Saya dan isteri sibuk bekerja. Mereka lebih banyak makan makanan segera kerana lebih mudah.

Doktor: Sebagai seorang bapa, encik perlu memastikan pola pemakanan yang berkhasiat dan seimbang untuk anak-anak. Buah-buahan juga tidak boleh diabaikan dalam menu harian.


Halim: Tidak ada pil pelangsing badan?

Doktor: Di pasaran luar memang banyak pil pelangsing badan. Itu semua penipuan untuk mencantikkan badan. Amalkan gaya hidup yang sihat.

*Berat Badan Unggul  
Kawal Berat Badan, Anda Sihat*



Hindari obesiti dengan gaya hidup sihat. Beriadah selalu!



**Peranan Ibu Bapa Mengatasi Obesiti dalam Kalangan Kanak-kanak**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Maklumat di bawah berkaitan dengan budaya sains dan teknologi.



Huraikan pendapat anda tentang **cara memupuk budaya sains dan teknologi.**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri mahu penguasaan ilmu sains, teknologi dan inovasi (STI) diperkasakan bagi memastikan negara terus berdaya saing dalam kemajuan sosial dan ekonomi. Kebergantungan pada teknologi import juga perlu dikurangkan bagi membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk menyelidik dan membangunkan teknologi yang mampu bersaing dan diekspor untuk pasaran antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, untuk menarik minat masyarakat terhadap sains dan teknologi beliau menyarankan ibu bapa memperkenalkan dunia sains dan teknologi kepada anak-anak. Guru pula memberikan penekanan pada aspek teori, amali dan penyelidikan. Institusi pengajian tinggi pula perlu menawarkan lebih banyak kursus berkaitan dengan sains dan teknologi.

Dipetik dan diubah suai daripada “Perkasa Ilmu Sains, Teknologi dan Inovasi Pacu Ekonomi Negara” dalam Berita Harian, 14 Julai 2020



**Cara Memupuk Budaya Sains dan Teknologi**

Lined area for writing the response, overlaid with a large 'P.T.R.S.' watermark.

*Gurindam dan grafik di bawah berkaitan dengan ciri-ciri ketua murid.  
Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri terbaik ketua murid.  
Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**Gurindam Ciri-ciri Ketua Murid**

Menjadi ketua tugas berat,  
Ramai murid yang tidak larat.

Pemimpin baik sahsiah terpuji,  
Tiada murid akan mengeji.

Tanggungjawab sedia untuk digalas,  
Usah menolak, usah culas.

Suri teladan segala perlakuan,  
Sikap terpuji menjadi ikutan.



**Ciri-ciri Terbaik Ketua Murid**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---



## Keperluan SPM

- 1 Kertas SPM 1103/1 Bahasa Melayu Bahagian (B) mengandungi **empat** soalan dan calon diminta memilih salah satu daripada tajuk tersebut.
- 2 Calon diminta menulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan. Calon tidak boleh melebihi jumlah perkataan yang ditetapkan (pemeriksa akan menyemak sehingga 500 patah perkataan dan ayat terakhir yang membawa makna).

## Bentuk dan Jenis Karangan

- 1 Pada umumnya, terdapat dua bentuk karangan, iaitu:
  - (a) Karangan berformat khusus
  - (b) Karangan tidak berformat
- 2 Karangan berformat khusus seperti surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, laporan, ucapan/syarahan/ ceramah/ perbahasan, wawancara, ulasan, dan rencana.

## Persediaan Awal Sebelum Mengarang

- 1 Sebagai persediaan awal, calon perlu mengemaskinikan pengetahuan tentang isu-isu semasa, sama ada menerusi akhbar, majalah, televisyen, mahupun Internet.
- 2 Sejak tingkatan empat lagi, calon sewajarnya sudah menyediakan fail berdasarkan sesuatu topik dan setiap kali memperoleh maklumat yang berkaitan, calon perlu memasukkan ke dalam fail tersebut.
- 3 Topik yang perlu diketahui ialah pendidikan, kemasyarakatan, sains dan teknologi, akhlak dan disiplin remaja, alam sekitar, kesihatan, kebudayaan dan pelancongan, perindustrian, isu semasa, dan hal-hal berkaitan dengan antarabangsa.
- 4 Calon juga perlu menguasai asas-asas penulisan supaya hasil penulisan mengandungi fakta yang kukuh, sekali gus memperlihatkan kematangan calon berfikir.

## Strategi Mengarang

- 1 Memilih soalan yang tepat
  - (a) Soalan yang hendak dipilih bersesuaian dengan pengetahuan, pemahaman, dan keupayaan calon agar karangan yang ditulis tepat, padat, dan bernas.

- (b) Calon perlu memahami kehendak soalan berdasarkan petikan yang diberi dan arahan soalan. Kemudian, cari kata kunci dalam soalan.
  - (c) Contohnya: *bincangkan, bahaskan, berikan pendapat, ceritakan, gambarkan, huraikan, dan ulaskan.*
  - (c) Setiap kata kunci yang ditemui, perlu digarisi agar kehendak soalan difahami.
- 2 Menyediakan rangka karangan
  - (a) Bahan yang diperoleh jangan terus ditulis. Catatkan dalam kertas, kemudian susun; idea yang penting didahulukan, kemudian cari contoh yang berkaitan bagi memantapkan idea tersebut.
  - (b) Aspek bahasa perlu diberikan perhatian, termasuklah aspek tatabahasa, ejaan, tanda baca, perenggan, dan pemilihan kata yang tepat.
- 3 Perenggan pendahuluan
  - (a) Perenggan pendahuluan mestilah berdasarkan rangka pendahuluan yang disediakan.
  - (b) Perenggan ini amat penting untuk menarik perhatian pemeriksa agar terus membacanya.
  - (c) Pelbagai bentuk pendahuluan boleh ditulis (lihat contoh) yang menarik perhatian pemeriksa.
  - (d) Dicadangkan menulis enam perenggan (pendahuluan, empat idea dan penutup). Had minimum idea ialah tiga idea. Calon boleh lebih daripada empat idea, tetapi penghuraian idea akan kurang padat.
- 4 Perenggan idea
  - (a) Setiap idea perlu ditulis dalam satu perenggan. Untuk memantapkan idea, perlu ada huraian dan contoh yang bersesuaian. Masukkan peribahasa, kata-kata hikmat, hadis dan puisi.
  - (b) Setiap idea perlu ada wacana yang bersesuaian agar keterangan setiap idea tidak terputus dan dapat memperlihatkan kesatuan idea yang mantap.
- 5 Menyemak karangan
  - (a) Sebelum menyerahkan karangan kepada pemeriksa, calon perlulah menyemak karangan tersebut terlebih dahulu.
  - (b) Pastikan tiada idea-idea penting tertinggal dan penggunaan penanda wacana yang bersesuaian.
  - (c) Semak aspek bahasa yang meliputi tatabahasa, ejaan, tanda baca, dan penggunaan kata yang tepat.



FORMAT KARANGAN [MAKSIMUM DITOLAK 2 MARKAH]		
Bil	Jenis Karangan	Format
1	Wawancara	(a) Tanpa keterangan awal ditolak 2 markah (b) Tanpa keterangan akhir ditolak 2 markah
2	Ucapan Syarahan Ceramah Perbahasan (Pertandingan)	(a) Tanpa kata-kata menghadap majlis ditolak 2 markah (b) Tanpa lafaz hadirin di tengah-tengah ayat ditolak 1 markah (c) Tanpa kata-kata penutup ditolak 1 markah
3	Rencana Ulasan (Buku) Laporan	(a) Tanpa tajuk ditolak 2 markah (b) Tanpa nama penulis ditolak 2 markah
4	Surat Kiriman Rasmi	(a) Tanpa alamat di sebelah kiri ditolak 1 markah (b) Tanpa tarikh ditolak 1 markah (c) Tanpa menghadap surat ditolak 1 markah (d) Tanpa perkara ditolak 1 markah (e) Tanpa penutup ditolak 1 markah (f) Tanpa tandatangan ditolak 1 markah
5	Surat Kiriman Tidak Rasmi	(a) Tanpa alamat di sebelah kanan ditolak 1 markah (b) Tanpa menghadap surat ditolak 1 markah (c) Tanpa perenggan ditolak 1 markah (d) Tanpa penutup ditolak 1 markah (e) Tanpa tandatangan ditolak 1 markah

[Pada dasarnya kesalahan format akan ditolak 4 markah. Namun, kadang-kadang Lembaga Peperiksaan Malaysia menetapkan kesalahan format ditolak 2 markah sahaja.]

PENILAIAN BAHASA	
KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi), ayat (sintaksis), tanda baca, dan ejaan
LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
IDEA	Tema, idea utama, pengembangan (huraian/ bahasa/ hujahan/ contoh), dan kerelevanan
PENGOLAHAN	Wacana, logik, pemerenggan, dan format
GAYA BAHASA	Keindahan bahasa, ungkapan, dan peribahasa

CADANGAN PEMARKAHAN	
PERINGKAT/ MARKAH/ KRITERIA	
<b>CEMERLANG [60 – 70]</b>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat.</li> <li>2 Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis.</li> <li>3 Ejaan dan tanda baca betul.</li> <li>4 Laras bahasa sesuai dengan tugas.</li> <li>5 Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>6 Idea relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>7 Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>8 Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>9 Penggunaan unsur bahasa bervariasi.</li> <li>10 Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ol>	
<b>KEPUJIAN [50 – 59]</b>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai.</li> <li>2 Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>3 Ejaan dan tanda baca masih betul.</li> <li>4 Laras bahasa sesuai mengikut tugas.</li> <li>5 Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>6 Idea masih relevan mengikut tugas dan huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li>7 Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai.</li> <li>8 Wacana masih lengkap.</li> <li>9 Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.</li> <li>10 Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ol>	

### BAIK [40 – 49]

- 1 Penggunaan pelbagai jenis kata terhad.
- 2 Ayat kurang gramatis.
- 3 Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.
- 4 Laras bahasa kurang sesuai.
- 5 Penggunaan kosa kata umum dan terhad.
- 6 Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.
- 7 Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai.
- 8 Wacana masih/ kurang lengkap.
- 9 Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.
- 10 Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan.
- 11 Bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.

### MEMUASKAN [30 – 39]

- 1 Penggunaan kata kurang tepat.
- 2 Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.
- 3 Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.
- 4 Idea masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.
- 5 Pengolahan tidak menarik.
- 6 Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
- 7 Unsur bahasa tidak bervariasi.
- 8 Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.

### BELUM MENCAPAI PENGUASAAN MINIMUM [01 – 29]

- 1 Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.
- 2 Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.
- 3 Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.
- 4 Pengolahan tidak menarik.
- 5 Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.
- 6 Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.
- 7 Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami.

### Cara Pemeriksaan

- 1 Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
- 2 Jika karangan:
  - (a) Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - (b) Melebihi 500 patah perkataan – periksa sehingga 500 patah perkataan dan ayat terakhir yang membawa makna.
- 3 **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
- 4 Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**.
- 5 Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

### Cara menandai kesalahan isi, ejaan dan tanda baca

- ( ) Kesalahan isi
- \_\_\_\_\_ Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // Kesalahan ejaan yang berulang
- Kesalahan tanda baca

### MENGARANG MENGGUNAKAN TEKNIK DiKeMaSeN+A

#### Pengenalan

Teknik DiKeMaSeN+A merupakan cara memperoleh idea ketika mengarang atau menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Menerusi teknik ini, dua atau tiga idea dihimpunkan dalam sebuah perenggan. Teknik ini memudahkan calon menulis karangan dengan lebih panjang.

#### Konsep DiKeMaSeN+A

Bagi tujuan mengarang, konsep ini digunakan sebagai **idea utama** dan idea yang berkaitan sebagai **idea kecil** [Lihat model karangan dalam buku ini].

## PENDAHULUAN TAMPAL DAN UBAH SUAI

Berdasarkan pendahuluan yang diberikan, anda perlu ubah suai berdasarkan bahan baharu yang anda cipta, kemudian anda hafal untuk dimanfaatkan ketika menjawab Karangan Bahagian B.

### Modul Pendahuluan 1

Senyum nan manis, penyejuk jiwa hamba,  
Semanis-manisnya bak gula,  
Rupa nan elok penghibur ayah bonda,  
Indah kurniaan Maha Esa,  
Sayang-disayangi, timang-ditimbang,  
Alahai manjaku seorang,  
Sayang-disayangi, timang-ditimbang,  
Cinta hatiku selamanya.

Lirik lagu “Comel Pipi Merah” yang disampaikan oleh Datuk Seri Siti Nurhaliza menggambarkan harapan seorang ibu terhadap anaknya. Setiap ibu bapa memang mengharapkan anak-anak menjadi penghibur dengan tingkah laku yang mulia dan seterusnya menjadi anak yang dapat berbakti kepada keluarga, agama, masyarakat, dan negara. [Mula kaitkan dengan fokus tajuk.]

### Modul Pendahuluan 2

Burung didik terbang di awan,  
Anak muda menangkap ikan;  
Baik-baik kita berkawan,  
Akhlak mulia mesti diutamakan.

Pantun di atas mengingatkan kita agar mengutamakan akhlak ketika memilih rakan. Akhlak yang mulia merupakan ciri-ciri modal insan yang kita inginkan. Walaupun nilai modal insan ini tidak pernah tertera dengan jelas dalam laporan untung rugi mana-mana organisasi, namun berperanan besar dalam menentukan prestasi organisasi terbabit. [Mula kaitkan dengan fokus tajuk.]

### Modul Pendahuluan 3

Berburu ke padang datar,  
Dapat rusa belang kaki;  
Berguru kepalang ajar,  
Bagai bunga kembang tak jadi.

Orang lain berburu di hutan rimba, tetapi anehnya ada yang berburu di padang yang datar. Orang lain berburu mendapat rusa, tetapi berburu di padang datar mendapat belalang. Begitulah ilmu pengetahuan, jika kita mempelajari secara tidak sempurna, ilmu itu tidak akan memberikan sebarang manfaat. [Mula kaitkan dengan fokus tajuk.]

### Modul Pendahuluan 4

Sejak kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada 1511 yang kemudian menjajah selama 130 tahun, diikuti Belanda (183 tahun), disusuli Inggeris (117 tahun) dan kemudian pendudukan Jepun (empat tahun) seterusnya sekali lagi Inggeris (12 tahun) sehingga kemerdekaan negara pada 1957 yang mengambil masa 446 tahun, rakyat Tanah Melayu ketika itu hidup terumbang-ambing mengikut percaturan kuasa asing. [Mula kaitkan dengan fokus tajuk.]

### Modul Pendahuluan 5

Daripada Anas bin Malik menerusi Riwayat al-Bukhari, Nabi Muhammad SAW bersabda, “Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.”. Hadis tersebut mengingatkan betapa pentingnya kita mengasihi keluarga dan kepada manusia seluruhnya. [Mula kaitkan dengan fokus tajuk.]

## PENUTUP TAMPAL DAN UBAH SUAI

Berdasarkan penutup yang diberikan, anda perlu ubah suai dengan peribahasa yang lain dan berdasarkan bahan baharu yang anda cipta, kemudian anda hafal untuk dimanfaatkan ketika menjawab Karangan Bahagian B.

### Modul Penutup 1

Sebagai kesimpulannya, eloklah kita renungi kata-kata pujangga Inggeris yang berbunyi, “**Orang yang putus asa akan berpindah dari satu tempat ke tempat lain untuk kepuasan peribadi mereka.**”. Sesungguhnya, seseorang yang pernah jatuh, boleh bangkit dengan nasib yang lebih baik semula. Pepatah Melayu ada menyebut, “**Ayam sudah patah taji, kalau-kalau dapat menikam**” yang bermaksud orang yang telah jatuh melarat itu mungkin akan berubah nasibnya. Oleh itu, [kaitkan dengan tajuk]

---

---

---

---

---

---

Berdasarkan usaha yang kita lakukan, sudah pasti buih-buih kejayaan akan menjadi milik kita. Hal ini telah ditegaskan dalam pujangga Arab yang berbunyi, “**Barang siapa bersungguh-sungguh, maka dia akan mendapatkan kejayaan**”.

### Modul Penutup 2

Sebagai kesimpulannya, eloklah kita renungi kata-kata pujangga Arab yang berbunyi, “**Sebaik-baik manusia itu adalah yang terlebih baik budi pekertinya dan lebih bermanfaat bagi manusia**”. Manakala pepatah China ada berkata, “**Langit adalah adil, dan tidak ada orang yang dikesualikan. Yang bisa menolong dirimu adalah dirimu sendiri**”. Oleh itu, [kaitkan dengan tajuk]

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Sesungguhnya, kebenaran atau kebaikan akan terserlah juga walaupun disembunyikan, seperti kata pepatah Melayu, “**Intan itu jika terbenam di pelimbanan sekalipun, tidak akan hilang cahayanya**”.

## Praktis MuLus

### MuLus 1

#### Pendapat

Pemilik baharu skuad bola sepak Kelantan, Norizam Tukiman, berhasrat menyaingi Johor Darul Ta'zim (JDT), bagi persembahan di atas padang apabila menyedari liku-liku yang perlu ditempuhi sebelum pasukan *The Red Warriors* kembali dicanang sebagai pencabar utama. Ahli perniagaan itu memasang hasrat besar selepas melengkapkan proses pemilikan pasukan bekas juara 2012 tersebut daripada Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) dan sudah mempunyai perancangan untuk membangkitkan aura pasukan dari Pantai Timur itu.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan berita “Norizam: Liga-M Perlukan Kelantan Saingi JDT”, oleh Shaiful Shamsudin, [www.stadiumastro.com](http://www.stadiumastro.com)

*Petikan berita tersebut membuktikan bahawa bidang sukan, terutamanya bola sepak merupakan industri yang boleh memberikan keuntungan kepada pemiliknya. Sehubungan dengan itu, berikan pendapat anda berkaitan dengan manfaat sukan kepada masyarakat.*

**MuLus:** *Isi tempat kosong dengan satu atau dua ayat yang sesuai.*

## Faedah Sukan kepada Masyarakat

Di tepi halaman menanam halia,  
 Tanam juga pokok pegaga;  
 Beriadah bersukan amalan mulia,  
 Tubuh menjadi sihat bertenaga.

### Pendahuluan

Pantun di atas menggambarkan kepentingan sukan. Hal ini tidak menghairankan sehinggakan seorang usahawan iaitu Norizam Tukiman sanggup membeli dan menguruskan pasukan bola sepak Kelantan. Kesungguhan usahawan tersebut membuktikan bahawa sukan, terutamanya bola sepak merupakan industri yang menguntungkan dan banyak memberikan manfaat. Namun, tidak dinafikan masih ramai yang enggan bersukan tetapi ironinya ada dalam kalangan mereka yang suka mengikuti perkembangan sukan. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

<b>Idea 1</b>	Salah satu daripada faedah sukan ialah kegiatan sukan dapat membantu mengekalkan kesihatan fizikal dan mental.
Huraian	Walau bagaimanapun, ramai yang tidak mahu bersukan dengan pelbagai alasan. Kebanyakan remaja sekarang lebih meminati permainan dalam talian daripada mengeluarkan peluh dengan bersukan.
Contoh/ Bukti	_____
Kesan/ Kesimpulan	_____
<b>Idea 2</b>	Bersukan dapat memanfaatkan masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
Huraian	Sesungguhnya <b>masa itu emas</b> dan amat berharga kepada manusia. Pepatah Arab ada menyebut, <b>“Masa ibarat pedang. Jika kita tidak menggunakannya untuk memotong, masa akan memotong kita”</b> .
Contoh/ Bukti	_____
Kesan/ Kesimpulan	_____
<b>Idea 3</b>	Di samping itu, sukan merupakan salah satu instrumen penting untuk mengeratkan hubungan perpaduan dan integrasi masyarakat.
Huraian	Kegiatan sukan melahirkan semangat kekitaan untuk meraih kemenangan. Tanpa menghiraukan perbezaan kaum, para pemain dan penyokong bersatu padu demi pasukan mereka seperti peribahasa <b>“Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”</b> .

Contoh/ Bukti	
Kesan/ Kesimpulan	
<b>Idea 4</b>	Sukan juga mampu memberikan ruang untuk menambahkan pendapatan secara individu dan kumpulan.
Huraian	Atlet profesional menjadikan sukan sebagai kerjaya yang mendatangkan pendapatan lumayan. Selain itu, penganjur dan pengusaha peralatan dan prasarana sukan pula mampu menjana pendapatan yang besar.
Contoh/ Bukti	
Kesan/ Kesimpulan	
Penutup	Sebagai kesimpulannya, eloklah kita renungi pepatah Cina yang berbunyi “ <b>Langit adalah adil, dan tidak ada orang yang dikecualikan. Yang boleh menolong dirimu ialah dirimu sendiri</b> ”. Sesungguhnya, gagal atau berjaya hidup seseorang bergantung pada diri sendiri. Oleh sebab sukan banyak memberikan manfaat, maka kita perlu menjadi sukan sebahagian daripada kehidupan kita. _____

## MuLus 2 Ceramah

PELABUHAN KLANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia menumpaskan cubaan penyeludupan rokok rentas sempadan yang bernilai RM12.04 juta membabitkan 30.1 juta batang rokok. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Johari Alfiah, berkata dalam operasi pada Khamis minggu lalu itu bahawa cubaan penyeludupan berjaya dipatahkan selepas pihaknya menyita tiga buah kontena bermuatan rokok terbabit.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan berita “Kastam Rampas Rokok Lebih RM12 Juta”, oleh Ruwaida Md Zain, *Berita Harian*, 2 Julai 2020

*Petikan akhbar tersebut menunjukkan kerajaan begitu serius membendung penyeludupan rokok yang begitu berleluasa. Usaha ini membuktikan kerajaan berusaha mengurangkan ketagihan rokok dalam masyarakat kita. Sehubungan dengan itu, anda telah diundang oleh sebuah sekolah untuk menyampaikan ceramah. Pihak penganjur mahu anda menyampaikan ceramah yang bertajuk “Cara-cara Mengurangkan Tabiat Merokok dalam Kalangan Remaja”. Sediakan teks ceramah itu selengkapnya.*

Teknik DiKeMaSeN+A

**MuLus:** Isi tempat kosong dengan satu atau dua ayat yang sesuai.



**Cara-Cara Mengurangkan Tabiat Merokok  
dalam Kalangan Remaja**

<p>Lafaz salam dan penghargaan kerana diundang. Nyatakan tajuk ceramah.</p>	<p>[<i>Pendahuluan</i>] Terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis. Yang Berusaha Puan Roosezah Sabri, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Manik, guru-guru penolong kanan, dan murid sekalian. _____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p>Terangkan maksud gaya hidup sihat. Ayat kedua kesan daripada mengamalkan gaya hidup sihat.</p>	<p>[<i>Idea 1</i>] Untuk mengatasi masalah ini, kesedaran dalam diri setiap masyarakat tentang bahaya merokok perlu wujud. Oleh yang demikian, kita perlu mendidik diri kita mengamalkan gaya hidup sihat. _____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p>Bukti suri teladan ibu bapa. Ayat ketiga, kesannya terhadap ibu bapa/anak.</p>	<p>Hadirin yang dimuliakan, [<i>Idea 2</i>] Ibu bapa memainkan peranan penting untuk membendung gejala merokok dalam kalangan remaja. Lantaran itu, ibu bapa hendaklah menjadi suri teladan yang baik kepada anak mereka. _____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p>Sikap remaja apabila di luar rumah. Ayat ketiga, tindakan masyarakat terhadap remaja yang merokok.</p>	<p>[<i>Idea 3</i>] Masyarakat juga memainkan peranan penting untuk membendung gejala merokok ini daripada terus menular. Nilai hidup masyarakat perlu diperbetul untuk memastikan kehidupan yang sihat dapat diwujudkan. _____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p>Fakta yang patut dinyatakan guru. Ayat ketiga, impak kepada remaja.</p>	<p>Hadirin yang dikasihi, [<i>Idea 4</i>] Sekolah memainkan peranan penting untuk membendung gejala merokok dalam kalangan remaja. Semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas, guru-guru hendaklah menekankan bahayanya merokok. _____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>

Langkah penyelesaian. Nyatakan peranan remaja. Nyatakan juga harapan.	<p>[<i>Penutup</i>] Sebagai kesimpulannya, walaupun amat sukar untuk mengurangkan apatah lagi membuang terus tabiat merokok dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja, namun masih ada lorong cahaya untuk mengatasinya. _____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
---	---

**MuLus 3      Pendapat**

Patriotisme perlu ada pada diri setiap rakyat Malaysia. Semangat patriotik terhadap negara tidak sewajarnya timbul hanya dalam perjuangan menuntut kemerdekaan atau apabila negara berada dalam ancaman musuh semata-mata. Semangat patriotik seharusnya menjadi pendorong setiap rakyat yang cinta akan negaranya, untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya. Usaha mempertahankan kemerdekaan negara perlu seiring dengan usaha membentuk negara bangsa. Pembinaan negara bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina negara bangsa bergantung pada perkongsian nilai serta semangat patriotik.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan rencana  
“Malaysia Prihatin - Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama”,  
oleh Ku Hasnan Ku Halim, *Berita Harian*, 30 Ogos 2020

Sebagai respons daripada petikan rencana tersebut, berikan **pendapat anda tentang usaha-usaha mewujudkan negara bangsa di Malaysia.**

**MuLus:** Isi tempat kosong dengan satu atau dua ayat yang sesuai.

**Usaha-usaha Mewujudkan Negara Bangsa**

<b>Pendahuluan</b>	
Negara merupakan kumpulan masyarakat yang mendiami di sesuatu kawasan yang mempunyai kedaulatan politik dan jentera pemerintahan. Rakyat pula ialah warganegara yang dibezakan dengan satu identiti dan moyang, ibu bapa, atau warisan yang sama. Identiti nasional pula merujuk kepada sifat-sifat berlainan satu kumpulan dan rasa seseorang individu sebagai ahli kumpulan berkenaan. Pembinaan negara bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina negara bangsa bergantung pada perkongsian nilai serta semangat patriotik. Hal ini menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya, dan kepercayaan dari pelbagai negara.	
<b>Idea 1</b>	Untuk mewujudkan sebuah negara bangsa, kita perlu bersama-sama memperkasakan bahasa kebangsaan.
Huraian	<p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
Contoh/ Bukti	<p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
Kesan/ Kesimpulan	<p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>

<b>Idea 2</b>	Selain itu, kita hendaklah bersama-sama memantapkan perpaduan dan integrasi nasional.
Huraian	<hr/> <hr/> <hr/>
Contoh/ Bukti	<hr/> <hr/> <hr/>
Kesan/ Kesimpulan	<hr/> <hr/> <hr/>
<b>Idea 3</b>	Keamanan negara perlu diperteguh.
Huraian	<hr/> <hr/> <hr/>
Contoh/ Bukti	<hr/> <hr/> <hr/>
Kesan/ Kesimpulan	<hr/> <hr/> <hr/>
<b>Idea 4</b>	Usaha melahirkan bangsa Malaysia perlu juga mengambil kira keadilan dalam agihan ekonomi.
Huraian	<hr/> <hr/> <hr/>
Contoh/ Bukti	<hr/> <hr/> <hr/>
Kesan/ Kesimpulan	<hr/> <hr/> <hr/>
<b>Penutup</b>	<p>Sebagai kesimpulannya, impian kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bangsa akan terlaksana sekiranya seluruh rakyat bersatu mengutamakan negara berbanding dengan mengutamakan kaum masing-masing.</p> <hr/> <hr/> <hr/>

**Pelita Sebuah**

Dengan sinar cahaya  
di malam gelita  
kelip-kelip warnanya  
menerangi kamar alam  
sekian lama malam  
merantai kegelapan  
akhirnya kukenal siang  
berwajah suram  
alangkah indahnyanya cuma  
kulihat di dalam terang.

Pelita sebuah  
membawa cahaya ilmu  
hutan menjadi terang  
gua malam  
bercahaya api  
lautan menjadi tenang  
gelombang dan karang  
dapat direnang  
kujelajahi malam  
tanpa bimbang.

Ami Masra  
UPM Serdang, 1988

*Sajak di atas menggambarkan pernyataan penyajak terhadap pengorbanan seorang guru. Sehubungan dengan itu, guru anda telah mengedarkan borang pertandingan menulis cerpen untuk bacaan remaja menjelang sambutan Hari Guru. Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut. Cerpen mesti bertemakan kedegilan remaja dalam menempuh hidup, namun akhirnya insaf akan sikapnya itu.*

*Sediakan cerpen tersebut selengkapnyanya.*

**MuLus:** *Isi tempat kosong dengan frasa yang sesuai.*

**Setelah Padam Api Kebencian**

Kebencian dan keresahan berbaur di hati Nabil. Dia memang tidak bersetuju apabila dipaksa menyertai Perkhemahan Jati Diri oleh pihak sekolah. Jahat sangatkah dirinya sehinggakan perlu menyertai perkhemahan yang disertai oleh sekumpulan murid bermasalah?

“Apakah yang kamu fikirkan? Kawan-kawan kamu sudah bersiap untuk meredah hutan, tetapi kamu (1) \_\_\_\_\_!” sergah Cikgu Kumar. Rasa kebencian itu seakan-akan mahu meletup. Engkaulah yang melaporkan kepada ayahku apa-apa sahaja yang aku lakukan. Engkaulah yang merotanku kerana masuk ke tandas perempuan. Engkau akan tahu diri aku yang sebenarnya di perut hutan ini!

Nabil bersama-sama 28 orang peserta perkhemahan diarahkan (2) \_\_\_\_\_.

Baru beberapa meter dia sudah berasa letih. Belum pun (3) \_\_\_\_\_, mereka sudah disuruh berkawad selepas selesai memasak, makan tengah hari dan solat zuhur. Petang-petang begini pula mereka diminta meredah hutan.

“Mengapakah kamu terhegeh-hegeh? Lihat kawan-kawan kamu, boleh saja berjalan laju,” tanya Cikgu Kumar.

Kata-kata itu menusuk ke hatinya. Mahu tidak mahu dia terpaksa mempercepat langkahnya, walaupun di barisan belakang sekali. Dalam kepalanya sedang memikirkan sesuatu untuk mengenakan guru itu. Biar guru berusia 43 tahun itu tahu sama ada langit itu tinggi atau rendah!

“Tanamkan di hatimu untuk menjadi orang yang baik. SPM tidak lama lagi. Kamu harus fikirkan tentang SPM, bukan hal-hal yang remeh. Masa untuk gembira terlalu banyak, tetapi masa untuk berjuang dalam pelajaran, hanya inilah kesempatannya,” kata-kata ibunya (4) \_\_\_\_\_ ke benaknya.

Untuk seketika kata-kata itu menyebabkan dadanya bergetar. Timbul rasa keinsafan. Namun, rasa jengkel terhadap Cikgu Kumar tidak juga berkurangan. Dia merasakan perlu membuat sesuatu untuk mengajjar guru itu!

Ketika keletihan benar-benar hampir hilang, semua (5) \_\_\_\_\_ meredah hutan lagi. Mahu tidak mahu, Nabil terpaksa menurut. Nabil menghayunkan langkahnya. Kini di depannya Cikgu Kumar. Dipandangnya ke belakang, tiada sesiapa. Tidak perlu menunggu waktu yang lain, sebaliknya inilah waktu yang sesuai. Apakah yang patut aku buat? Antara rasa bersalah dan kebencian silih berganti. Tidak semena-mena dia ternampak satu lubang di depan. Dia buat-buat terjatuh

ke tubuh guru itu dengan harapan guru itu termasuk ke dalam lubang. Namun, guru itu sempat melompat dan (6) \_\_\_\_\_ itu menyebabkan Nabil termasuk ke dalam lubang yang gelap.

“Tolong!” jerit Nabil meminta pertolongan. Dia juga mengerang kesakitan. Cikgu Kumar yang mendengar jeritan itu berpatah balik, memanjangkan lehernya dan memandang ke bawah.

“Kumpulan Harmoni berhenti. Tolong Nabil!” jerit Cikgu Kumar. Langkah mereka berhenti. Suasana yang pada mulanya tenang tiba-tiba menjadi tegang. Cikgu Kumar berusaha turun ke dalam lubang sedalam lima meter. Akhirnya, dia berjaya turun dengan (7) \_\_\_\_\_.

Tali itu kemudian diikat pada tubuh Nabil. Peserta yang lain menariknya ke atas. Nabil menjerit kesakitan. Dia dapat merasakan kakinya seakan-akan mahu tercabut. Akhirnya dia berjaya dibawa ke atas. Tubuhnya lemah. Tiga orang peserta membantu Cikgu Kumar mengusung tubuh Nabil. Mereka berpatah balik. Sampai di bilik urus setia, Nabil diberi rawatan kecemasan.

Dalam keadaan separuh sedar, Nabil dapat memerhatikan Cikgu Kumar begitu (8) \_\_\_\_\_ merawatnya.

“Cikgu...”

“Saya tahu kamu sakit. Bersabarlah. Cikgu akan bawa kamu ke hospital.”

“Saya banyak menyusahkan cikgu.”

“Selagi darah kamu masih mengalir, kamu tetap menjadi anak murid cikgu.”

Tiba-tiba Nabil mendapat kekuatan untuk bangun. Dia (9) \_\_\_\_\_ lalu memeluk Cikgu Kumar. Cikgu Kumar seperti terkejut, tetapi akhirnya membalas pelukan itu.

“Berubahlah, jadilah orang yang baik.”

“Terima kasih, cikgu,” luah Nabil. Air matanya tidak mampu (10) \_\_\_\_\_. Kali ini dia benar-benar menyesal terhadap segala kesilapannya selama ini.

## MuLus 5

## Pendapat

### Standard Batik dan Songket Malaysia

Produk batik dan songket yang ingin mendapatkan pengesahan kualiti perlu menjalani beberapa siri ujian yang telah ditetapkan dalam dokumen standard yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

Produk hendaklah lulus semua ujian dan sekiranya produk gagal dalam salah satu ujian yang dijalankan, maka produk berkenaan dianggap tidak menepati standard yang telah ditetapkan. Sampel batik akan diuji di Makmal Pengujian Kualiti Batik di Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan manakala produk songket pula akan diuji di Makmal Pengujian Kualiti Songket di Kraftangan Malaysia Cawangan Terengganu.

Dipetik daripada portal rasmi  
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

*Sebagai respons terhadap maklumat di atas, kerajaan menetapkan standard bagi produk batik dan songket di Malaysia bagi memajukan industri yang telah lama bertapak di negara ini. Tindakan ini telah mendapat sokongan daripada pelbagai pihak yang ingin melihat industri ini terus berkembang maju.*

*Berikan **pendapat** anda tentang usaha-usaha untuk memajukan industri batik dan songket.*

**MuLus:** *Isi tempat kosong dengan ayat yang sesuai.*

## Usaha-usaha Memajukan Industri Batik dan Songket

**[Pendahuluan]** Masyarakat Malaysia begitu kaya dengan warisan seni halus yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Tenunan, sulaman, tekat dan ukiran umpamanya adalah antara seni halus yang begitu sinonim dengan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kebudayaan. Batik merupakan salah satu kraf tangan yang unggul di Malaysia manakala songket pula terhasil daripada tenunan benang sutera atau kapas dengan benang emas atau perak dan telah terkenal di Malaysia sejak abad ke-15. Industri tenunan songket ini telah berkembang pesat terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur seperti di Terengganu dan Kelantan. Bunga atau hiasan di kepala kain ditenun mengikut cita rasa penenun.

**[Idea 1]** Setiap individu dalam kalangan masyarakat Malaysia berperanan untuk memastikan industri batik dan songket terus berkembang maju. Lantaran itu, kita perlu menyokong dan menghargai hasil ciptaan dan buatan orang tempatan. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**[Idea 2]** Keluarga juga memainkan peranan penting untuk menggalakkan anak-anak mereka memakai batik dan songket. Ibu bapa boleh membiasakan anak-anak memakai pakaian daripada batik atau songket.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**[Idea 3]** Henrik Johan Ibsen, dramatis tersohor dunia dari Norway (1828 – 1906) ada berkata, “**Masyarakat seperti perahu, semua orang perlu membantu bagi menentukan arah kemudinya**”. Lantaran itu, setiap anggota masyarakat perlu memainkan peranan untuk memajukan industri ini. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**[Idea 4]** Seterusnya, peranan sekolah juga tidak terkecuali dalam usaha memajukan industri batik dan songket negara. Pelbagai cara boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk memperkenalkan produk batik dan songket kepada murid-murid. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**[Penutup]** Sebagai kesimpulannya, rakyat Malaysia harus yakin bahawa industri batik dan songket boleh berkembang maju. Kepelbagaian produk batik dan songket yang disesuaikan mengikut zaman dan cita rasa terkini mampu memastikan industri ini **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas**. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



Anak dara menumbuk pandan,  
Membuat kuih hidangan kenduri;  
Ilmu yang baik dijadikan teladan,  
Segala yang buruk letak di tepi.

Kalau mengail di lubuk dangkal,  
Dapat ikan penuh seraga;  
Kalau kail panjang sejengkal,  
Jangan lautan hendak diduga.

*Pantun tersebut mengajar kita tentang sikap berani untuk menghadapi cabaran hidup. Sehubungan dengan itu, sebagai seorang yang meminati ekspedisi, anda dan rakan pergi ke suatu tempat untuk membuat kajian atau memanfaatkan masa yang terluang. Pengalaman yang anda lalui itu sukar untuk anda lupakan.*

*Tulis pengalaman anda itu dalam bentuk cerita.*

### Kenangan Pahit di Pulau Pangkor

Setelah diri terkurung hampir tiga bulan gara-gara COVID-19, pelawaan rakan untuk ke Pulau Pangkor telah menggamit perasaan.

“Pulau itu berasal daripada bahasa Thai, iaitu ‘Pang Ko’ yang bermaksud pulau yang cantik. Namanya pun sudah menggambarkan keindahan. Jadi, tidak perlulah awak berfikir dua kali, bersetuju sahajalah untuk ke sana. Kita bermalam di chalet,” luah Razif meyakinkan saya.

“Saya tidak ada masalah. Di sana, kita boleh melihat lokasi bersejarah. Berdasarkan buku teks, pihak Belanda telah membina gedung atau kubu untuk menyimpan bijih timah pada tahun 1670. Kubu itu juga untuk menghalang pihak Inggeris daripada merampas pulau itu. Pada masa yang sama pihak Belanda sedang berperang dengan Acheh yang menjadikan Pulau Pangkor sebagai negeri di bawah naungannya,” balas saya.

Setelah mendapat persetujuan daripada keluarga, akhirnya saya, Razif, Allan Yap dan Kumar bertolak ke Pulau Pangkor dengan menaiki bas. Setelah tiba di pulau yang mempunyai keluasan 2 200 hektar itu, kami bermalam di sebuah chalet di Pantai Puteri Dewi.

Pada hari kedua, kami ke Hutan Lipur Pulau Pangkor yang terletak di dalam Hutan Simpan Pangkor Utara. Ketika kami tiba, lebih 30 orang pengunjung sudah berada di pinggir hutan seluas 319.95 hektar itu. Jam sudah menunjukkan pukul 9.15 pagi. Cuaca begitu redup. Tanpa berlengah, kami meredah hutan. Sesekali terdengar kicauan burung dan deruan ombak.

“Macam ada bunyi harimau saja,” luah Allan Yap tiba-tiba.

“Eh, jaga mulut! Lihat dan pandang. Jangan ulas apa-apa,” tegur saya. Ketika itu, hati saya berasa kurang enak. Belum pun sempat saya mengajak rakan berpatah balik, tiba-tiba saya perasan bahawa hutan yang kami lalui semakin tebal dan tiada laluan untuk bergerak ke hadapan. Sesatkah?

Allan Yap yang berjalan di hadapan tiba-tiba bergerak lebih laju kemudian hilang daripada pandangan. Kami panik dan berusaha mencarinya. Ketika itu, kami terdengar sayup-sayup jeritan seseorang dari kejauhan. Itu suara Allan Yap! Kami mencari arah datangnya suara itu.

“Allan termasuk dalam lubang!” teriak Razif.

“Tolong! Tolong! Tolong!” Saya menjerit untuk menarik perhatian daripada sesiapa yang ada di situ. Tiada jawapan.

“Tolong bawa aku ke atas!” rayu Allan Yap.

Tanpa diduga, sebenarnya saya sedang memegang akar kayu yang terjuntai. Akar ini boleh dijadikan sebagai tali, getus hatiku. Setelah berbincang, Razif bersetuju menuruni lubang itu dengan memegang akar itu. Saya dan Kumar memegang akar pada bahagian hulu kerana bimbang akar itu akan terputus.

Razif sudah sampai ke bawah. Dia memeluk erat Allan Yap. Kemudian kami menarik akar yang dipegang oleh Allan Yap. Sebelum Allan Yap sampai di atas, akar itu hampir putus menyebabkan dia memegang akar-akar lain

yang memenuhi lubang itu. Kemudian, Razif naik dengan memegang akar-akar kayu dan akar yang tadi.

Saat itu, hujan lebat turun mencurah membasahi bumi. Razif gagal mengawal keadaan menyebabkan dia terjatuh ke dalam lubang sedalam lima meter itu semula.

“Banyak ular dalam tu! Cepat selamatkan Razif!” luah Allan Yap dalam keadaan tercungap-cungap.

Akhirnya Razif berjaya naik dengan memegang akar yang digunakan oleh Allan Yap tadi. Saya melihat betis Allan Yap dan Razif ada bekas patukan ular. Tanpa berlengah, kami keluar dari hutan itu.

Sesampainya kami di pinggir hutan, kami terangkan kepada pengunjung yang ada di situ. Mereka membantu membawa kami berempat ke Klinik Kesihatan Pulau Pangkor yang terletak di Jalan Pasir Bagok dengan menaiki dua buah teksi.

[504 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Ibu bapa sering menekankan kepentingan akademik berbanding dengan kegiatan kokurikulum. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu diyakinkan akan kepentingan kegiatan kokurikulum.  
**Bincangkan** isu tersebut.
- 2 Penglibatan rakan anda dalam olahraga telah melalui pelbagai cabaran yang begitu getir sehinggalah dia berjaya meraih pingat emas menerusi kejohanan pada peringkat kebangsaan.  
Tulis **perbualan** anda dengan rakan anda mengenai cabaran yang dilalui untuk meraih kejayaan.
- 3 Banyak faktor yang dinilai untuk memilih atlet bagi mewakili sekolah, daerah, negeri dan negara seperti memastikan atlet tersebut tangkas, berkemahiran tinggi dan cerdas.  
**Ulaskan** faktor-faktor tersebut.

## MODEL 2 Pidato

PUTRAJAYA: Kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.0 peratus pada April 2020 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu susulan bilangan individu yang menganggur meningkat ketara kepada 778 800. Masalah ini wujud disebabkan penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang mencetus faktor kehilangan pekerjaan dan kesukaran mendapatkan pekerjaan. Pasaran buruh Malaysia pada Mei 2020 dijangka akan terus terjejas berikutan PKP Bersyarat (PKPB) mulai 5 Mei 2020 kerana perniagaan masih belum beroperasi sepenuhnya.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan berita  
“778 800 Penganggur Setakat April 2020”,  
oleh Mohd Zaky Zainuddin, *Berita Harian*, 15 Jun 2020

Sebagai respons daripada berita di atas, murid-murid perlu mempunyai persediaan untuk melangkah ke alam pekerjaan. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah anda telah menganjurkan pertandingan pidato sempena Minggu Kerjaya 2021. Anda bercadang menyertai pertandingan tersebut dan memilih tajuk “Persediaan Remaja Sebelum Menempuh Alam Pekerjaan”.

Sediakan **teks pidato** tersebut selengkapnya.

### Persediaan Remaja Sebelum Menempuh Alam Pekerjaan

Sirih berlipat sirih pinang,  
Sirih dari Pulau Mutiara;  
Pemanis kata selamat datang,  
Awal bismillah pembuka bicara.

**[Pendahuluan]** Salam sejahtera, salam meraikan Minggu Kerjaya 2021. Sejambak mawar, seharum kesturi buat peneraju majlis, barisan hakim, penjaga masa dan warga pendidik. “Persediaan Remaja Sebelum Menempuh Alam Pekerjaan”, bunyi mauduk pidato yang bakal disajikan. “Persediaan” bermaksud persiapan. “Remaja” ialah golongan belia yang berusia 12 hingga 21 tahun. “Menempuh” bermaksud melalui. “Alam pekerjaan” pula bermaksud dunia kerjaya yang bakal dilalui oleh semua remaja lepasan sekolah. Dalam konteks pidato pada hari ini, bolehlah dirungkaikan sebagai persiapan yang perlu dilakukan oleh remaja sebelum meninggalkan alam persekolahan untuk memasuki alam pekerjaan.

Hadirin yang dikasihi,

**[Idea 1]** Prof. Hamka (1908 – 1981), ulama dan sasterawan tersohor dari Indonesia ada berkata, “Biarpun seribu kapal tenggelam di tengah lautan, namun cita-cita manusia tidak pernah padam”. Oleh yang demikian, setiap murid seharusnya mempunyai cita-cita tersendiri. Cita-cita perlu diraih dengan memberikan penekanan terhadap akademik sejak sekolah rendah lagi. Namun begitu, pemilihan terhadap aliran yang dipelajari perlu diberikan perhatian. Mereka yang mahu menjadi seorang doktor, jururawat, dan ahli farmasi mestilah memilih aliran sains dan mereka yang ingin menceburi bidang perundangan pula perlu memilih aliran sains sosial.

**[Idea 2]** Pepatah Arab menyebut, “Lisan itu mampu menembus apa-apa yang tidak mampu ditembusi oleh jarum”. Pepatah ini mengingatkan kita supaya berhati-hati dalam menggunakan lisan. Dalam hal ini, kemahiran berkomunikasi perlu dikuasai oleh setiap remaja. Kita perlu mengetahui etika ketika berkomunikasi dengan orang yang lebih berusia, berjawatan dan mempunyai latar belakang yang berbeza. Oleh sebab itulah, kita perlu meningkatkan penguasaan bahasa di samping mempelajari adab. Semakin banyak bahasa yang kita kuasai, semakin mudah untuk kita meningkat dalam kerjaya yang kita sandang.

Hadirin yang dimuliakan,

**[Idea 3]** Kita perlu ukur baju di badan sendiri. Benar, kita perlu mengukur kemampuan kita. Pada waktu yang sama, kita juga perlu mempunyai ketahanan fizikal dan mental bagi menghadapi alam pekerjaan. Jika kita berasa stres semasa belajar, kita juga akan menghadapi situasi yang sama malah lebih banyak lagi tekanan ketika bekerja. Hal ini demikian kerana pekerja perlu memberikan komitmen untuk kerja yang berkualiti. Dengan kepantasan pemodenan dan Revolusi Perindustrian 4.0 telah melonjakkan lagi tuntutan kualiti pekerja. Lantaran itu, aktiviti kokurikulum di sekolah membolehkan remaja membentuk ketahanan fizikal untuk menghadapi cabaran.

**[Idea 4]** Masa sering diabaikan oleh remaja sedangkan mereka yang berjaya ialah golongan yang tahu memanfaatkan masa. Oleh itu, remaja perlulah bijak membahagikan masa dengan sebaik mungkin. Setiap individu perlu berdikari dan perlu melakukan pelbagai perkara sebagai seorang dewasa yang mandiri apabila memasuki alam pekerjaan. Jika remaja sudah terbiasa bijak membahagikan masa, impaknya mereka akan menjadi pekerja yang tangkas dan cepat melaksanakan kerja seterusnya meningkatkan kualiti serta produktiviti kerja.

**[Penutup]** Sudah terang lagi bersuluh, berdasarkan hujah yang dikemukakan, seseorang remaja perlulah memulakan persediaan awal sejak di bangku sekolah lagi untuk menjadi seorang pekerja yang berwawasan dan berkemahiran secara holistik. Remaja perlulah berusaha mengintrospeksi diri dan mengembangkan kebolehan dalam pelbagai aspek kemahiran sebagai persediaan melangkah ke alam pekerjaan kerana yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang dan hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Sebagai penutup, terimalah serangkap pantun yang berbunyi,

Bunga dedap di atas para,  
Anak dusun pasang pelita;  
Andai tersilap tutur bicara,  
Jari disusun maaf dipinta.

Sekian, terima kasih.

[504 patah perkataan]

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Pengangguran dalam kalangan belia dikaitkan dengan sikap belia yang suka memilih kerja. Mereka mahukan kerjaya berdasarkan kelulusan yang diperoleh dengan tangga gaji yang sesuai.  
**Bincangkan** isu tersebut dengan menekankan jalan keluar untuk mengatasi masalah berkenaan.
- 2 Perkembangan dunia yang semakin pesat menyebabkan peluang pekerjaan bukan sahaja di dalam negara, malahan boleh diperoleh di luar negara. Namun, hanya pekerja yang berkualiti dan berkemahiran tinggi diingini oleh majikan.  
Berikan **pendapat** anda tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menceburi kerjaya pada peringkat global.
- 3 Anda telah menerima sepucuk surat daripada rakan anda. Rakan anda itu ingin mengetahui persediaan dan tindakan yang perlu dilakukan sebelum dan ketika menghadiri temu duga.  
Balas **surat** rakan anda itu selengkapnya.

**MODEL 3 Pendapat**

**Negeri Bertuah Ini**

Negeri bertuah ini  
Tanah air tercinta  
Di sini kita dilahirkan  
Di sini kita dibesarkan  
Di sini taat setia dicurahkan.

Negeri bertuah ini  
Rakyat belajar berdikari  
Hutan diteroka menjadi ladang  
Desa dibangunkan  
Bandar dimodenkan  
Rakyat bersama mengesap pembangunan

Negeri bertuah ini  
Tanah air tercinta  
Pesan nenek moyang  
Di mana bumi dipijak  
Di situ jejak bertapak  
Di mana tempat bernaung  
Di situ taat dijunjung  
Di mana darah tumpah  
Di situ kasih dicurah.

**A. Latib Talib**  
*Dewan Sastera, Ogos 2007*

Sajak tersebut menggambarkan kecintaan penyajak terhadap negaranya yang maju hasil usaha pemimpin dan rakyat memodenkan negara. Hal ini tidak dapat disangkal apabila Malaysia mula beralih kepada sektor perindustrian untuk meningkatkan ekonomi negara.

Berikan **pendapat** anda tentang kepentingannya memajukan sektor perindustrian kepada negara.

**Kepentingan Sektor Perindustrian kepada Negara**

**[Pendahuluan]** Sejak kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka kepada Portugis pada 1511 yang kemudian menjajah selama 130 tahun, diikuti Belanda (183 tahun), disusuli Inggeris (117 tahun) dan kemudian pendudukan Jepun (empat tahun) seterusnya sekali lagi Inggeris (12 tahun) sehingga kemerdekaan negara pada 1957 yang mengambil masa 446 tahun, rakyat Tanah Melayu ketika itu hidup terumbang-ambing mengikut percaturan kuasa asing. Selepas negara mengecapi kemerdekaan, ekonomi negara dibangunkan dengan sektor pertanian dan perlombongan. Pada tahun 1980-an, Perdana Menteri mula membawa Malaysia kepada sektor perindustrian untuk memastikan negara mampu bersaing dengan negara-negara lain.

**[Idea 1]** Usaha memajukan sektor perindustrian merupakan pendekatan untuk membebaskan bangsa Malaysia dari lembah kehinaan. Kita perlu akui bahawa sektor perindustrian dapat meningkatkan pendapatan negara apabila aliran wang masuk ke dalam negara dapat ditingkatkan dengan mengeksport barangan perindustrian. Antara barangan yang banyak dieksport ke luar negara ialah barangan elektrik seperti televisyen, radio, dan komponen komputer. Pada masa yang sama, pendapatan kerajaan turut meningkat apabila lebih banyak pengusaha bidang perindustrian membayar cukai.

[**Idea 2**] Selain itu, sektor perindustrian yang tumbuh **bagai cendawan selepas hujan** telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Pada waktu yang sama, inisiatif kerajaan yang menggalakkan industri kecil dan sederhana juga memberikan impak yang besar kepada penduduk luar bandar. Contohnya, industri pembuatan tembikar, perusahaan keropok lekor dan perusahaan kraf tangan dapat membuka peluang pekerjaan untuk penduduk di luar bandar. Keadaan ini dapat mengikis kehidupan **kais pagi makan pagi, kais petang makan petang** yang sering membelenggu penduduk luar bandar.

Haiwan mencecap rezeki di baruh,  
Tempat rimbunan pohon selepat;  
Nikmat dikecap rakyat seluruh,  
Jurang kemiskinan berjaya dirapat.

[**Idea 3**] Seterusnya, sektor perindustrian boleh memajukan sektor pertanian. Kemajuan bidang perindustrian turut dapat merangsang perkembangan sektor pertanian. Penggunaan jentera moden membuka peluang kepada petani untuk mengurangkan keperluan tenaga manusia serta meningkatkan tahap produktiviti. Keadaan ini dapat mengurangkan kos pengeluaran dan memaksimumkan keuntungan. Lebih-lebih lagi, kebanyakan bidang perindustrian memerlukan hasil sektor pertanian sebagai bahan mentah. Sebagai contohnya, perusahaan ladang kelapa sawit semakin bertambah apabila industri pembuatan minyak kelapa sawit berkembang ekoran permintaannya yang semakin meningkat.

[**Idea 4**] Di samping itu, sektor perindustrian telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat. Peningkatan pendapatan negara menerusi sektor perindustrian membolehkan kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti pendidikan, kesihatan, dan pengangkutan yang bertaraf tinggi kepada rakyat. Berdasarkan perangkaan negara, pendapatan isi rumah bulanan penengah rakyat Malaysia meningkat 6.6 peratus kepada RM5 228 pada 2016 daripada RM4 585 pada 2014. Pendapatan isi rumah bulanan purata bagi Malaysia pula meningkat 6.2 peratus kepada RM6 958 pada 2016 daripada RM6 141 semasa 2014. Kadar kemiskinan pula pada keseluruhannya bertambah baik dengan mencatatkan penurunan kepada 0.4 peratus pada 2016 daripada 0.6 peratus pada 2014.

[**Penutup**] Sebagai kesimpulannya, sektor perindustrian mendatangkan banyak kebaikan terhadap negara. Oleh sebab itu, semua pihak harus berganding bahu melaksanakan peranan masing-masing untuk memajukan bidang perindustrian negara. Jika hasrat ini berjaya dilaksanakan, tidak mustahil negara kita dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju. Namun begitu, kepentingan sektor-sektor lain seperti pertanian tidak seharusnya dikesampingkan. Sesungguhnya, dalam keghairahan memburu kejayaan, janganlah sampai meninggalkan yang lain. Renungilah kata-kata Aristotle (384 SM –322 SM), ahli falsafah Greece yang menyebut, “**Apabila mahukan kejayaan, janganlah hanya mengira anak-anak tangga tetapi panjatlh anak-anak tangga itu satu persatu**”.

[507 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

- 1 Kerajaan berterusan membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk bersaing dengan syarikat yang lebih kukuh.  
Pada **pendapat** anda, apakah usaha yang patut dilakukan oleh kerajaan untuk membantu IKS mengembangkan perusahaan mereka?
- 2 Anda telah ditugaskan oleh guru penasihat persatuan untuk mewawancara seorang usahawan yang berjaya.  
Tulis **wawancara** tersebut selengkapnya.
- 3 Seandainya seorang usahawan yang berjaya memberikan RM1 juta untuk anda memulakan perusahaan. Anda segera membuat perancangan dan kajian sebelum melibatkan diri dalam sesuatu perusahaan.  
**Ceritakan** perancangan dan kajian anda itu.

KUCHING: Kerugian semasa yang dialami industri pelancongan dan budaya pada tahun 2020 dianggarkan mencecah RM45 bilion dalam tempoh Januari hingga Jun. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi agensi pelancongan akan mengukuhkan inisiatif pelancongan domestik menerusi kempen Cuti-cuti Malaysia. Bagi memastikan industri pelancongan terus berdaya saing, MOTAC melaksanakan beberapa inisiatif untuk membantu meringankan beban pemain industri seperti kursus dalam talian untuk pemandu pelancongan berlesen, kursus latihan Mesra Malaysia untuk barisan hadapan pelancongan, pengecualian lesen bayaran untuk pengendali pelancongan, agensi pelancongan dan pemandu pelancong juga diskaun 40 peratus untuk kompaun yang dikeluarkan oleh kementerian sebelum 31 Disember 2020.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan berita  
“Industri Pelancongan Rugi RM45 Bilion”,  
oleh Mohd Roji Kawi, *Berita Harian*, 27 Jun 2020

*Petikan berita tersebut menyatakan kerugian besar yang dialami oleh sektor pelancongan akibat COVID-19. Ekopelancongan diakui memberikan banyak keuntungan kepada negara. Sahabat anda pula ingin mengetahui mengenai ekopelancongan yang terdapat di tempat anda.*

*Balas surat rakan anda itu dengan menceritakan keistimewaan tempat tersebut dan sedikit sejarah tempat tersebut.*

### **Deruan Air Lata Kijang, Mempesonakan Pengunjung yang Datang**

26, Jalan Mawar,  
71600 Kuala Kelawang,  
Negeri Sembilan,  
18 Mei 2021.

**[Pendahuluan]** Menemui Nadia yang kini berada di Kuching, Sarawak semoga saudari sekeluarga berada dalam keadaan sihat. Ketika saya menulis surat ini, saya sekeluarga berada dalam keadaan sihat. Terlebih dahulu, terima kasih atas titipan warkah sebelum ini. Dalam surat saudari itu, saudari ingin mengetahui tempat-tempat yang menarik di tempat saya. Setelah berfikir-fikir, saya teringat akan sebuah tempat menarik yang baru sahaja saya kunjungi bersama dengan teman-teman, iaitu Lata Kijang yang terletak di Jelebu.

Nadia yang diingati,

**[Idea 1]** Lata, jeram, atau sungai jarang dikaitkan dengan Negeri Sembilan. Hal ini demikian kerana pantai Port Dickson telah menjadi satu identiti pelancongan di negeri ini di samping syurga membeli-belah, iaitu Nilai 3 yang menawarkan pelbagai barangan pada harga murah. Namun, jika diterokai dengan lebih mendalam, negeri adat perpatih ini sebenarnya mempunyai pelbagai destinasi menarik berteraskan keindahan alam selain Port Dickson. Lata Kijang di Jelebu contohnya merupakan destinasi pelancongan menarik yang kaya dengan flora dan fauna serta masih belum terusik keindahannya oleh pembangunan.

**[Idea 2]** Menyedari potensi kawasan itu boleh menggamit kedatangan pelancong, kerajaan Negeri Sembilan memperluas aktiviti di situ dengan aktiviti sukan lasak pacuan empat roda selain menyediakan kawasan tapak perkhemahan untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan. Air terjun setinggi 80 meter yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Kenaboi itu masih dalam proses untuk dieksploitasi sebagai lokasi pilihan pelancong. Kawasan itu hanya boleh dikunjungi dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda yang mengambil masa kira-kira satu setengah jam dari pekan Kuala Klawang.

Nadia yang dihormati,

**[Idea 3]** Selain itu, terdapat Gua Semong dan Gua Harimau yang sedia menunggu untuk diterokai oleh pengunjung seterusnya memberikan pengalaman yang menarik kepada setiap pengunjung. Disebabkan daya tarikan itu, Lata Kijang berjaya menarik lebih 1 000 orang peserta dari dalam dan luar negara seperti Hong Kong, China, Eropah, dan Taiwan untuk menyertai kegiatan sukan lasak pacuan empat roda sejak tahun 2005. Selain keunikan dan keindahan alam semula jadi yang menjadi tarikan utama, kehidupan orang asli di sekitar kawasan berkenaan juga antara elemen yang membantu meletakkan Lata Kijang sebagai lokasi pilihan pelancong.



Nadia yang dimulihkan,

[**Idea 4**] Saudari tidak bercadang mahu ke Lata Kijang? Jika berminat, eloklah saya memberitahu serba sedikit laluan ke tempat tersebut. Sebenarnya, Lata Kijang hanya boleh dikunjungi dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda yang mengambil masa perjalanan kira-kira satu setengah jam dari Kuala Klawang walaupun jaraknya cuma 10 kilometer atau tiga setengah jam dari Kajang melalui Genting Peres. Oleh sebab kesukaran untuk pergi ke tempat tersebut, pelancong biasanya hanya tahu nama, tetapi tidak berpeluang untuk berkunjung ke sana. Namun, sekiranya saudari berpeluang tiba di tempat tersebut, berehatlah sepuas-puasnya dan nikmatilah keindahan alam yang menghijau.

[**Penutup**] Akhir kalam, ingin saya menyatakan bahawa jika saudari mempunyai kelapangan, eloklah berkunjung ke Negeri Sembilan amnya dan Lata Kijang khasnya. Keunikan hutan lipur Lata Kijang dengan spesies tumbuh-tumbuhan di sini yang sukar ditemui di tempat lain amat memikat perhatian. Ditambah lagi dengan keindahan air terjun setinggi 80 meter yang berbusa putih bagaikan salji. Pada kesempatan lain, ceritakanlah kepada saya tempat-tempat yang menarik di Sarawak jika saudari ada kelapangan. Tiada sesiapa yang dapat menyangkal bahawa Sarawak kaya dengan seni budaya dan tempat-tempat yang mempesonakan.

Merdu suara burung kenari,  
Murai riuh mencari pasangan;  
Tempat menarik dalam negeri,  
Hutan menghijau menjadi pilihan.

Sekian dahulu, terima kasih saya ucapkan.

Daripada,

*Johan*  
(Johan)

[501 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Kasih tercurah bakti disemai,  
Tokoh berjasa akan disanjung;  
Melanconglah ke negaraku yang permai,  
Destinasi menarik boleh dikunjungi.

Pantun di atas mengalu-alukan kedatangan pelancong.

Berikan **pendapat** anda tentang usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan Malaysia menjadi pilihan pelancong dari dalam dan luar negara.

2 Jauh perjalanan luas pengalaman.

Tulis sebuah **cerita** berdasarkan pengalaman anda berkunjung ke tempat yang menarik.

3 Para pelancong dari luar negara telah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang menguntungkan.

Nyatakan **pendapat** anda tentang usaha yang patut dilakukan untuk memastikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan terus kekal di hati pelancong asing.

Aktiviti kesukarelawan atau khidmat masyarakat semakin berkembang dan mendapat perhatian umum pada masa ini. Usaha murni ini menjadi platform terbaik untuk memecahkan tembok dan merapatkan jurang antara dua pihak, iaitu universiti dan masyarakat. Semangat kesukarelawanan melalui pelbagai bentuk khidmat sosial secara sukarela kini giat dijalankan pada peringkat global. Kebanyakan universiti membuka ruang kepada mahasiswa untuk melibatkan diri sebagai sukarelawan dalam usaha membantu bukan sahaja masyarakat setempat tetapi juga di negara-negara lain yang memerlukan bantuan.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan rencana  
“5 Rahsia Kelebihan Menjadi Sukarelawan Mahasiswa”,  
oleh Dr. Md Asrul Nasid Bin Masrom, *news.uthm.edu.my*

*Petikan tersebut memaparkan maklumat berkaitan dengan aktiviti kesukarelawanan. Pengorbanan individu atau pertubuhan yang melakukan aktiviti kesukarelawanan amat disanjung tinggi. Sebagai wartawan, anda telah mewawancara seorang tokoh yang terlibat dalam kegiatan sukarelawan. Dalam pertemuan tersebut anda bertanyakan faedah-faedah aktiviti kesukarelawanan.*

*Tulis hasil wawancara tersebut sepenuhnya.*

### **Faedah-faedah Aktiviti Kesukarelawanan**

Saya telah berpeluang bertemu dengan Datuk Roslan Wahab (DRW), Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam. Dalam pertemuan tersebut, saya mengajukan pertanyaan berkaitan dengan faedah-faedah aktiviti kesukarelawanan.

WARTAWAN: Assalamualaikum, Datuk.

DRW: Waalaikumussalam.

WARTAWAN: Saya daripada akhbar Warta Rakyat. Sebagai Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam, saya ingin bertanyakan tentang kerja-kerja kesukarelawanan.

DRW: [**Pendahuluan**] Menurut Abu Bakar As-Siddiq (572 – 634), khalifah Islam pertama, “**Hidup seperti pohon kayu yang lebat buahnya, tumbuh di tepi jalan, dilempar orang dengan batu, tetap dibalas dengan buah**”. Dalam hidup ini, kita harus membantu orang yang memerlukan tanpa mengira warna kulit dan latar belakang. Menurut Kamus Dewan, “sukarela” bermakna dengan kehendak sendiri dan tidak dipaksa. Manakala “kesukarelaan” membawa makna sikap sukarela. Jadi, kesukarelawanan dapat dimaksudkan sebagai melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah, dengan niat yang ikhlas dan tidak mengharap apa-apa balasan.

WARTAWAN: Apakah faedahnya aktiviti kesukarelawanan ini, Datuk?

DRW: [**Idea 1**] Banyak faedahnya kerana aktiviti kesukarelawanan merupakan alternatif untuk menghindarkan diri daripada terjebak dengan gejala negatif. Mereka yang aktif melakukan kerja-kerja kemasyarakatan secara sukarela seperti membantu mengawal keselamatan, membantu mangsa banjir atau membantu orang kurang upaya pastinya tiada masa untuk melepak atau berpelesiran. Impaknya, jati diri mereka akan lebih kuat dan tidak mudah untuk terpengaruh dengan gejala-gejala negatif.

WARTAWAN: Faedah yang lain, Datuk?

DRW: [**Idea 2**] Confucius (551 SM – 479 SM), ahli falsafah sosial yang termasyhur dari China ada berkata, “**Semakin banyak kita belajar, semakin insafiah kita betapa sedikitnya yang kita ketahui**”. Menerusi aktiviti sukarelawan, kita akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti teknik menyelamatkan mangsa dan ilmu pertolongan cemas. Para sukarelawan dapat mempraktikkan ilmu yang diperolehnya ketika menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan. Oleh itu, kesukarelawanan menjadi batu loncatan untuk memperoleh pengetahuan baharu dalam hidup.

WARTAWAN: Ada pendapat mengatakan kesukarelawanan dapat memupuk nilai-nilai murni. Sila jelaskan, Datuk.

DRW: [**Idea 3**] Benar, aktiviti kesukarelawanan dapat memupuk nilai-nilai murni dalam sanubari seseorang. Konsep gotong-royong dan bantu-membantu ini diperkukuh oleh item budaya seperti yang diungkapkan dalam peribahasa Melayu, “**Yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing**” dan “**Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah**”. Begitu sekali tradisi ini membudaya dalam masyarakat sehingga mereka yang tidak menyertainya diibaratkan seperti **enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing**. Nilai-nilai murni ini dapat dipupuk kerana kerja-kerja sukarela dilakukan tanpa mengharapkan imbalan.

WARTAWAN: Bagaimanakah pula dengan jaringan persahabatan?

DRW: [**Idea 4**] Ketika terlibat dengan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, kita sebenarnya berhadapan atau bergaul dengan pelbagai orang hebat yang baru kita kenali. Boleh jadi dia seorang pengarah syarikat, peguam ataupun doktor. Jaringan persahabatan ini amat penting kepada golongan muda yang masih menganggur untuk memanfaatkan rakan yang baru dikenali sebagai batu loncatan. **Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu**. Pemikiran seseorang itu akan lebih terbuka dan matang hasil pergaulan dengan orang yang cerdik dan mempunyai latar belakang yang berbeza.

WARTAWAN: Sebelum mengakhiri wawancara ini, silakan Datuk memberikan kata-kata penutup.

DRW: [**Penutup**] Sebagai kesimpulannya, kita hendaklah berganding bahu untuk mempromosikan aktiviti kemasyarakatan ini. Kita tidak boleh mengharapkan satu pihak sahaja untuk menggerakkan aktiviti ini. Kita tidak perlu rasa terhina untuk melakukan kerja-kerja sukarelawan. **Jika ular menyusur akar sekalipun tak akan hilang bisanya**. Sesungguhnya, keamanan dan keharmonian hidup rakyat Malaysia kerana adanya insan yang banyak melakukan kerja sukarelawan. Peribahasa Jerman ada menyebut, “**Orang yang tidak pernah mengecap rasa pahit, tidak tahu rasanya manis**”. Liku hidup yang kita tempuhi akan terasa amat manis setelah melalui semua rintangan, terutamanya menerusi kerja sukarelawan.

WARTAWAN: Terima kasih atas kesudian Datuk untuk diwawancara.

DRW: Sama-sama.

[506 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Anda mempunyai pengalaman yang menarik ketika terlibat dalam misi menyelamatkan mangsa bencana alam. Tulis pengalaman anda itu dalam bentuk **cerita**.
- 2 Remaja menggemari aktiviti mencabar untuk memanfaatkan masa yang terluang. Antara aktiviti yang digemari remaja seperti ekspedisi mendaki gunung dan sukan lasak. Berikan **pendapat** anda tentang sebab-sebab remaja menggemari aktiviti lasak.
- 3 Sindiket penipuan menerusi Internet terus berlaku walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan. Anda mempunyai cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Tulis sebuah **rencana** dengan mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.

Rukun Negara ialah ideologi kebangsaan Malaysia yang telah dibentuk pada 31 Ogos 1970. Rukun Negara diperkenalkan berikutan Peristiwa 13 Mei 1969 yang telah melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Tujuan utama Rukun Negara dibentuk adalah untuk membentuk perpaduan yang kukuh. Oleh itu, prinsip-prinsip dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi memastikan kejayaan dan kestabilan Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan rencana  
“Disebalik Makna Prinsip Rukun Negara”,  
oleh Fahezah Nor Mohamed, *agri.upm.edu.my*

*Petikan tersebut menjelaskan tujuan Rukun Negara diperkenalkan. Dalam usaha menyebarkan pemahaman khalayak tentang Rukun Negara, anda sendiri yang arif mengenai Rukun Negara telah diundang untuk menyampaikan ucapan sempena penubuhan Kelab Rukun Negara di sebuah sekolah. Dalam ucapan perasmian, anda menghuraikan secara mendalam mengenai prinsip Rukun Negara dengan menekankan kesannya dalam mewujudkan perpaduan dan masyarakat yang harmoni.*

*Sediakan teks **ucapan** anda itu selengkapnya.*

**Rukun Negara:  
Kepentingannya untuk Mewujudkan Perpaduan dan Masyarakat yang Harmoni**

Pegaga tekukur tumbuh melata,  
Sayang merbah di pohon cemara;  
Assalamualaikum mulanya kata,  
Saya sembah pembuka bicara.

**[Pendahuluan/Kata Alu-aluan]** Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis. Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Yang Berusaha, Puan Hajah Misliah binti Kulop, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Seri Aman, penolong-penolong kanan, guru-guru, dan murid semua. Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan kepada pihak sekolah atas kesudian mengundang saya merasmikan penubuhan Kelab Rukun Negara di sekolah ini. Sebenarnya Rukun Negara ialah ideologi kebangsaan Malaysia. Kewujudan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 bermatlamat mewujudkan perpaduan kaum dan seterusnya melahirkan masyarakat yang harmoni.

Hadirin yang dimuliakan,

**[Idea 1]** Prinsip pertama Rukun Negara ialah kepercayaan kepada Tuhan. Bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Menerusi kepercayaan beragama inilah yang menjadikan seluruh rakyat Malaysia sebagai sebuah bangsa yang berdaulat. Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi persekutuan, tetapi agama dan kepercayaan-kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian dalam persekutuan. Jawatankuasa penggubal Rukun Negara menyedari betapa pentingnya agama dan kepercayaan kepada Tuhan dalam kehidupan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

**[Idea 2]** Prinsip kedua Rukun Negara ialah kesetiaan kepada raja dan negara. Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara. Sistem beraja juga diamalkan di setiap negeri, dan Yang di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak beraja. Seri Paduka Baginda, Raja-raja dan Yang di-Pertua Negeri ialah lambang perpaduan rakyat. Kesetiaan kepada raja dan negara membawa maksud setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh ketaatan dan kesetiaan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tanah air.

Hadirin yang dikasihi,

**[Idea 3]** Prinsip yang ketiga ialah keluhuran perlembagaan. Prinsip ini menekankan perlunya rakyat menerima, mematuhi, dan mempertahankan keluhuran serta kemuliaan perlembagaan negara. Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah sumber perundangan tertinggi yang dibentuk untuk memberikan perlindungan kepada setiap rakyat negara ini terhadap hak dan keistimewaan sebagai warganegara Malaysia. Perlembagaan negara juga menentukan pola politik dan kedudukan sosioekonomi rakyat di negara ini dan sumber rujukan bagi segala hal yang berkaitan dengan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan, dan hak sosioekonomi rakyat.

[*Idea 4*] Prinsip yang keempat ialah kedaulatan undang-undang. Keadilan yang berteraskan kedaulatan undang-undang ini menunjukkan bahawa setiap rakyat sama tarafnya di sisi undang-undang negara. Kebebasan asasi terjamin bagi semua warganegara Malaysia menerusi undang-undang berasaskan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Prinsip yang terakhir ialah kesopanan dan kesusilaan. Prinsip kelima ini menekankan personaliti dan tingkah laku rakyat Malaysia yang bertunjangkan nilai-nilai serta adab ketimuran. Prinsip ini bertujuan membentuk warganegara yang bersopan santun dan bersusila dengan nilai-nilai murni. Prinsip ini bersesuaian dengan budaya masyarakat yang berlandaskan nilai ketimuran yang lemah lembut dan beradab.

[*Penutup*] Sebagai kesimpulannya, Rukun Negara merupakan landasan yang terbaik untuk mewujudkan keamanan negara dan keharmonian hidup setiap warganegara. Sebenarnya, Rukun Negara merupakan prinsip yang hanya bermakna jika dihayati dan diamalkan. Jean-Baptiste Colbert (1619 – 1683), ahli politik Perancis ada berkata, “**Kebesaran sesebuah negara tidak diukur dengan luas daerahnya, tetapi diukur daripada watak masyarakatnya**”. Dalam konteks Malaysia, watak yang diingini ialah rakyat yang memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. Anda semua masih lagi di bangku sekolah, bagi yang berada di tingkatan lima akan meninggalkan alam persekolahan pada tahun depan. Hanya mereka yang mempunyai jati diri yang kuat dapat bertahan.

Bunga dedap di atas para,  
Anak dusun pasang pelita;  
Kalau tersilap tutur bicara,  
Jemari disusun maaf dipinta.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, saya merasmikan Kelab Rukun Negara Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Seri Aman. Sekian, terima kasih.

[500 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

- 1 Walaupun lebih enam dekad negara memperoleh kemerdekaan dan pelbagai usaha pula telah dilakukan oleh kerajaan, namun perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat belum begitu membanggakan. Berikan **pendapat** anda tentang usaha-usaha untuk memperkukuh perpaduan kaum rakyat Malaysia.
- 2 Anda menerima sepucuk surat daripada sahabat pena anda. Dalam surat itu, sahabat anda bertanyakan peranan sekolah dalam memupuk perpaduan kaum. Balas **surat** rakan anda itu selengkapnya.
- 3 Jabatan Perpaduan Negara telah mengadakan Peraduan Menulis Cerpen Perpaduan 2021. Anda bercadang menyertai pertandingan tersebut. Tulis sebuah **cerpen** selengkapnya.

Murid merupakan modal insan yang sangat berharga untuk menentukan arah pembangunan negara pada masa akan datang. Dalam konteks pendidikan kebangsaan, kegiatan kokurikulum merupakan satu program penting demi membangunkan potensi murid secara menyeluruh. Secara umum, kegiatan kokurikulum yang sedia ada telah membina disiplin murid dan meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran. Namun demikian, masih banyak ruang yang perlu dipenuhi untuk mengisi agenda generasi muda pada era yang semakin mencabar.

Garis Panduan Kurikulum Persatuan Bahasa Melayu

*Maklumat tersebut menerangkan fungsi kegiatan kokurikulum. Berteraskan fungsi tersebut, kelab, persatuan dan unit beruniform di sekolah terus mengadakan aktiviti. Anda sebagai Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu telah diminta untuk menyediakan laporan tentang aktiviti Minggu Bahasa yang telah berjaya dijalankan. Tulis laporan itu selengkapnya.*

### Laporan Aktiviti Minggu Bahasa Melayu 2021

[**Pendahuluan**] Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Meru (SMKM), Klang telah berjaya menganjurkan Minggu Bahasa Melayu pada 8 Mac hingga 12 Mac 2021 sebagai salah satu daripada aktiviti tahunannya. Pelbagai aktiviti seperti persembahan dan pertandingan telah dijalankan selama lima hari tersebut. Majlis Perasmian Minggu Bahasa Melayu telah berlangsung dengan begitu meriah pada 8 Mac 2021. Pegawai Pendidikan Daerah Klang, Puan Maimunah binti Mustaffa dalam ucapan perasmian beliau telah memuji usaha yang dijalankan oleh Persatuan Bahasa Melayu SMKM kerana mengambil langkah proaktif menganjurkan Minggu Bahasa Melayu dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

[**Idea 1**] Pada hari perasmian tersebut juga telah diadakan persembahan syair oleh dua orang murid tingkatan lima, iaitu Abdul Rahman bin Hamzah dan Arni Majohn. Mereka mendendangkan syair yang telah dipilih sebagai johan Pertandingan Menulis Syair sempena Hari Kokurikulum yang diadakan pada tahun lepas. Syair tersebut bertajuk “Keindahan Bahasa Melayu” dan merupakan hasil karya Nafisaf binti Jaafar, murid Tingkatan 5 Elit. Selain dendangan syair, majlis perasmian juga diserikan dengan persembahan deklamasi sajak oleh tiga orang murid berbilang kaum, iaitu Rupeah binti Sulaiman, Kumala Udayan, dan Jane Tan. Mereka berpadu suara mendeklamasikan sajak yang bertajuk “Bahasa” nukilan penulis terkenal Abdul Rahman Shaari.

[**Idea 2**] Pada 9 Mac 2021, Pertandingan Menulis Esei dan Cerpen kategori menengah rendah dan menengah atas telah dijalankan. Tema penulisan cerpen dan esei tersebut ialah Bahasa Jiwa Bangsa. Sebanyak 25 orang peserta mengambil bahagian dalam kategori masing-masing. Penilaian dibuat berdasarkan isi, bahasa, dan pengolahan. Tiga orang pemenang bagi setiap kategori telah dipilih berdasarkan esei dan cerpen masing-masing. Samsiah Salim telah dipilih sebagai johan kategori menengah rendah dengan tajuk esainya “Memperkasakan Bahasa Kebangsaan dalam Pendidikan Abad ke-21”. Nik Ahmad Syafiq pula muncul sebagai johan kategori menengah atas. Manakala Pertandingan Menulis Cerpen pula dimenangi oleh Faizah Jamaluddin bagi kategori menengah rendah dan kategori menengah atas dimenangi oleh Tan Theam Seng.

[**Idea 3**] Pada 10 Mac 2021, iaitu hari ketiga Minggu Bahasa Melayu, Pertandingan Bahas Ala Parlimen telah dilangsungkan. Pertandingan yang dilaksanakan secara kalah mati ini telah disertai oleh lapan buah pasukan. Sebanyak empat pertandingan telah dijalankan pada pusingan awal dan empat pasukan telah layak ke peringkat separuh akhir. Setelah tamat pusingan separuh akhir, pasukan Hang Jebat dan Hang Tuah telah berjaya mara ke peringkat akhir yang berlangsung pada 11 Mac 2021. Dalam pertandingan akhir ini, pasukan Hang Jebat sebagai pasukan pembangkang telah dinobatkan sebagai pemenang dengan menewaskan pasukan kerajaan, iaitu pasukan Hang Tuah. Mereka menghujahkan idea-idea yang bernas tanpa mengikut perasaan kerana **keris pedang tiada tajam, lebih tajam mulut manusia**.

[**Idea 4**] Seterusnya, Kuiz Bahasa Melayu dan Kuiz Sastera Melayu secara berkumpulan telah dijalankan pada hari keempat yang bertarikh 12 Mac 2021. Pertandingan yang terbuka penyertaannya ini telah mendapat sambutan begitu menggalakkan daripada murid tingkatan satu hingga tingkatan lima. Pertandingan ini telah dijalankan di Dewan Seri Cempaka secara bertulis dan diawasi oleh lima orang Ahli Jawatankuasa Persatuan Bahasa Melayu. Seterusnya, pada 12 Mac 2021, majlis penutupan rasmi Minggu Bahasa Melayu telah diadakan. Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Puan Zalakiah Hanim binti Mohd Salleh telah sudi merasmikan majlis penutupan ini. Hati setiap ahli Persatuan Bahasa Melayu berbunga riang mendengar pujian daripada Puan Zalakiah Hanim dalam ucapan



perasmian penutupan itu. Yang Dipertua PIBG telah melahirkan harapan agar program-program sebegini diteruskan pada setiap tahun kerana murid-murid boleh mendapat banyak manfaat.

[*Penutup*] Pada keseluruhannya, Minggu Bahasa Melayu 2021 telah berlangsung dengan jayanya hasil paduan tenaga para guru penasihat dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Bahasa Melayu. Aktiviti yang dijalankan selama lima hari berturut-turut ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan, iaitu menggalakkan pelibatan murid-murid dalam aktiviti bahasa demi mempertingkatkan kemahiran berbahasa selaras dengan cogan kata, “**Bahasa Jiwa Bangsa**”. Program ini telah menyerlahkan bakat murid kerana “**Intan itu jika terbenam di pelimbahan sekalipun, tidak akan hilang cahayanya**”. Semoga Minggu Bahasa Melayu dapat diteruskan pada setiap tahun dengan pelbagai aktiviti yang lebih menarik.

Laporan disediakan oleh

28 MAC 2021.

*Rafidah Nawi*

(RAFIDAH BINTI NAWI)

Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,  
SMK Meru, Klang.

[508 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Penggunaan bahasa pasar dalam kalangan remaja telah menjadi rungutan dalam kalangan pendidik dan pencinta bahasa Melayu.  
Berikan **pendapat** anda untuk menangani isu tersebut.
- 2 Karya Sasterawan Negara kurang dikenali, apatah lagi dihayati oleh masyarakat.  
Anda telah ditugaskan oleh ketua pengarang tempat anda bekerja untuk **mewawancara** tokoh yang berwibawa. Dalam pertemuan tersebut, anda bertanyakan langkah-langkah untuk menyebarkan karya Sasterawan Negara kepada khalayak.
- 3 Anda telah mengikuti Kem Penulis Muda. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program tersebut.  
Tulis **laporan** tersebut selengkapnya.

## MODEL 8

### Syarahan

PUTRAJAYA, 12 April – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum bagi membendung kenaikan harga barang. Langkah berkenaan diambil bagi mengelak mana-mana pihak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang keperluan. KPDNHEP juga menerima sejumlah 8 145 aduan dan pertanyaan berkaitan dengan bekalan dan harga barang dari 18 Mac sehingga 11 April 2020 melalui empat saluran utama iaitu *WhatsApp* (4 140) Sistem E-Aduan (1 766) talian *Hotline* (1 631) dan talian melalui *Enforcement Command Center* (608).

Dipetik dan diubah suai daripada petikan berita  
“KPDNHEP Laksana Skim Harga Maksimum Sepanjang PKP Fasa Ketiga - Ismail Sabri”,  
BERNAMA, 12 April 2020

Petikan tersebut menerangkan usaha kerajaan membendung kenaikan harga barang. Sehubungan dengan itu, sekolah anda menganjurkan Minggu Pengguna 2021. Salah satu aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan syarahan. Anda bercadang menyertai pertandingan tersebut dan tajuk yang anda pilih ialah “Usaha-usaha Mendepani Kenaikan Harga Barangan”.

Sediakan teks **syarahan** anda itu selengkapnya.

Teknik DiKeMaSeN+A



## Cara-cara Mendepani Kenaikan Harga Barang Keperluan Harian

Jejaran mengkudu berbias kesuma,  
Di celah angsana di Tanah Jawa;  
Ucapan alu-aluan pembuka bicara,  
Di dewan gemilang kita bersua.

[**Pendahuluan/Kata Alu-aluan**] Terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis. Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Ghazali Bin Ahmad, Pengetua Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, penolong-penolong kanan, guru-guru kanan, para hakim yang adil lagi bijaksana, guru-guru, dan rakan seperjuangan sekalian. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Pada pagi yang mulia ini, izinkan saya menyampaikan syarahan yang bertajuk “Cara-cara Mendepani Kenaikan Harga Barang Keperluan Harian”. “Cara-cara” bolehlah disimpulkan sebagai “tindakan, langkah, dan usaha tentu”, manakala “mendepani kenaikan harga barang” membawa maksud “berhadapan dengan situasi apabila barangan yang dijual di pasaran meningkat secara mendadak”.

Hadirin yang dimuliakan,

[**Idea 1**] Bagi membendung kenaikan harga barangan ini, setiap individu dalam masyarakat memainkan peranan yang penting. Antara perkara yang boleh dilakukan adalah dengan berhemat ketika berbelanja barangan keperluan. Tidak perlu membeli barangan berjenama mewah sekiranya kita boleh membelinya dengan harga yang murah namun tetap berkualiti. Kita perlulah bijak ketika berbelanja dengan membeli barangan keperluan di kedai yang menjual barang dengan harga berpatutan. Di samping itu, membeli barang keperluan ketika jualan murah juga langkah yang bijak namun kita perlu memastikan barang yang dijual masih berkualiti.

[**Idea 2**] Ibu bapa juga memainkan peranan dalam mendepani kenaikan harga sesuatu barangan. Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan memberikan contoh tentang cara berbelanja yang betul. Ibu bapa perlu menerangkan kepada anak-anak perbezaan antara barangan keperluan dengan barangan mengikut kehendak. Lantaran itu, ibu bapa sendiri hendaklah menerapkan cara berbelanja mengikut keperluan dalam kehidupan berkeluarga agar diteladani oleh anak-anak. Sekiranya ibu bapa bersikap boros, maka anak-anak akan terikut-ikut cara ibu bapa berbelanja kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya.

Hadirin yang dikasihi,

[**Idea 3**] Masyarakat juga tidak terkecuali dalam mendepani kenaikan harga barangan keperluan harian. Sebagai pengguna yang membeli barangan keperluan hampir setiap hari, anggota masyarakat perlu peka terhadap harga barang. Jika mendapati ada peniaga yang suka menahan lukah di pergentingan, masyarakat hendaklah membuat laporan kepada penguat kuasa Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Masyarakat sebagai pengguna terbesar perlu berani memulaukan peniaga-peniaga yang menaikkan harga barangan keperluan harian melebihi harga siling yang ditetapkan oleh KPDNHEP.

[**Idea 4**] Seterusnya, ilmu kepenggunaan harus diterapkan oleh pihak sekolah. Sama ada secara formal dalam subjek-subjek tertentu atau secara tidak formal, para guru perlu menekankan ilmu kepenggunaan di dalam kelas. Guru juga boleh mendidik murid membeli barangan keperluan sekolah dengan berhemat dan mengikut kemampuan diri. Murid-murid juga perlu diasuh untuk tidak berasa malu apabila memakai atau memiliki barang yang tidak berjenama dan murah. Selain itu, murid-murid juga perlu didedahkan dengan ilmu perniagaan di samping ilmu kepenggunaan melalui koperasi sekolah.

[**Penutup**] Sekarang sudah terang lagi bersuluh. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha mendepani kenaikan harga barangan dengan bijak. Kita akui dengan kenaikan harga barangan menyebabkan nilai pendapatan individu semakin mengecil seterusnya yang miskin akan bertambah miskin. Sesungguhnya, kesempitan hidup rakyat akan menyebabkan mereka kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Hingga di sini dahulu syarahan saya pada pagi ini. Yang baik itu semuanya datang dari Tuhan, yang buruk itu datangnya daripada diri sendiri. Saya akhiri syarahan saya dengan serangkap pantun yang berbunyi,

Perahu mudik mencari haluan,  
Terlompat-lompat si ikan sembilang;  
Hidup bersepatat membendung kenaikan,  
Harga terkawal rakyat riang.

Sekian, terima kasih.

[495 patah perkataan]

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Kedai koperasi sekolah anda telah menerima Anugerah Koperasi Terbaik 2021 peringkat negeri. Selaku pengerusi koperasi sekolah, anda diminta untuk menyampaikan ucapan dalam satu perhimpunan rasmi. Sediakan **teks ucapan** tersebut selengkapnya.
- 2 Peribahasa Melayu, “Sediakan payung sebelum hujan” mengingatkan kita akan kepentingan amalan menabung. Berikan **pendapat** anda tentang kelebihan amalan menabung dalam kehidupan seseorang.
- 3 Kemakmuran sesebuah negara berkait rapat dengan perkembangan ekonomi di dalam dan di luar negara yang positif. **Bincangkan** usaha untuk merencanakan ekonomi negara dan seterusnya merealisasikan matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju.

**MODEL 9 Surat Kiriman Rasmi**

Suhu bumi meningkat pada kadar yang berbeza mengikut benua dan kawasan tertentu. Lantas, pemanasan sistem iklim bukan perkara kecil yang boleh diabaikan. Manusia menjadi punca berlakunya gangguan sistem iklim dan paling ketara, sejak pertengahan abad ke-20. Perubahan suhu dunia berpunca daripada pemanasan global yang berterusan dengan purata suhu permukaan bumi meningkat lebih 1 darjah Celsius sejak era praindustri dan hal ini menjadi satu penanda aras yang digunakan secara meluas untuk mengukur pemanasan global.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan rencana “Menangani Isu Perubahan Iklim Melalui Gaya Hidup Lestari”, oleh Dr. Haliza Abdul Rahman, BERNAMA, 10 Julai 2020

Berdasarkan maklumat tersebut, Kementerian Alam Sekitar dan Air telah menganjurkan Pertandingan Menulis Surat Rasmi Alam Sekitar 2021. Peserta diminta menulis surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air berkaitan dengan isu alam sekitar. Anda berminat menyertai pertandingan tersebut. Tulis surat tersebut selengkapnya.

**Langkah-langkah untuk Mengatasi Pemanasan Global**

18, Jalan Anggerik Aranda 31/34,  
Kota Kemuning, Seksyen 31,  
40460 SHAH ALAM.

YBhg. Dato’ Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Alam Sekitar dan Air,  
Aras 1, Blok F11, Kompleks Parcel F,  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62000 PUTRAJAYA.

8 MEI 2021.

Dato’ Seri,

Cadangan Langkah-langkah untuk Mengatasi Pemanasan Global

[**Pendahuluan**] Merujuk perkara di atas, saya Samat Buang ingin mengemukakan cadangan untuk mengatasi pemanasan global. Diharapkan cadangan yang saya kemukakan boleh dimanfaatkan oleh pihak Dato’ Seri. Seperti yang kita maklum, isu pemanasan global seiring dengan peningkatan suhu dunia. Suhu dunia telah meningkat dua darjah dan kadarnya berbeza mengikut kawasan tertentu. Impaknya akan mempengaruhi alam sekitar dan hidupan di muka bumi.

2. **[Idea 1]** Sebenarnya, masyarakat perlu diberikan pengetahuan tentang pemanasan global. Masyarakat perlu disedarkan tentang bahaya pemanasan global dan punca-punca yang menyebabkan fenomena ini berlaku. Misalnya, penipisan lapisan ozon yang disebabkan oleh penggunaan barangan yang mengandungi klorofluorokarbon (CFC) seperti penyaman udara, aerosol dan peti sejuk. Malah lebih teruk lagi, lubang ozon telah dikesan di kutub selatan yang menyebabkan sinaran ultraungu sampai terus ke permukaan bumi dan boleh memberikan kesan negatif kepada manusia.
3. **[Idea 2]** Kerajaan sebelum ini telah berusaha mengatasi perubahan iklim. Kerajaan menjadikan faktor perubahan iklim sebagai salah satu cabaran yang perlu ditangani dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Perlu juga disebutkan bahawa perubahan iklim tidak terhad kepada isu alam sekitar, pengurusan bencana atau kaji cuaca semata-mata, sebaliknya merangkumi seluruh struktur dan kerangka pembangunan sesebuah negara. Untuk mengurangkan pelepasan gas-gas karbon ke atmosfera misalnya, sektor tenaga, pengangkutan, dan pembinaan perlu dirombak semula.
4. **[Idea 3]** Perdana Menteri mahu Malaysia mencontohi Jepun yang giat membangunkan penggunaan tenaga alternatif, terutamanya solar yang lebih bersih dan mesra alam. Walaupun pelaburan awal untuk pembangunan dan penggunaan tenaga solar agak tinggi, namun bagi jangka masa panjang, sumber tenaga semula jadi itu amat menjimatkan selain sentiasa tersedia untuk digunakan. Malaysia boleh mengambil peluang mendapatkan kerjasama, terutama dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan Jepun yang sudah berjaya menemui kaedah menghasilkan panel solar yang lebih kecil, tetapi mampu menyerap lebih banyak tenaga.
5. **[Idea 4]** Kerajaan hendaklah dari semasa ke semasa mengadakan Kempen Penyejukan Global. Kempen ini merangkumi amalan kitar semula, penanaman pokok di kawasan lapang, dan aktiviti untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat. Sebagai contohnya, setiap murid dan guru diwajibkan membawa satu jenis pokok untuk ditanam bagi mencantikkan landskap sekolah. Murid-murid dan guru juga diberikan tanggungjawab untuk menjaga pokok yang telah ditanam. Sebelum aktiviti penanaman pokok dilakukan, mereka akan diberikan demonstrasi oleh wakil yang telah dijemput khas daripada badan tertentu.
6. **[Penutup]** Sebagai kesimpulannya, eloklah kita renungi pepatah Melayu yang berbunyi, “Dengar cakap enggang, makan buah beluluk, dengar cakap orang, terjun masuk lubuk” yang bermaksud sesuatu pekerjaan mestilah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tidak boleh sekali-kali mendengar cakap orang kerana diri sendiri yang akan menerima padahnya. Dalam usaha melestarikan alam sekitar, kita perlu melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Kita perlu mengakui bahawa kos pencegahan pemanasan global jauh lebih menjimatkan berbanding dengan kos menangani kesan dan bencana akibat perubahan cuaca. Diharapkan surat saya ini dapat dimanfaatkan oleh pihak Dato’ Seri. Saya akhiri surat ini dengan lafaz terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

*Samat Buang*  
(SAMAT BIN BUANG)

[494 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Isu mengenai alam sekitar telah menjadi masalah sejagat. Pada **pendapat** anda, apakah yang patut dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan alam sekitar di negara kita kekal lestari untuk kelangsungan kehidupan generasi akan datang?
- 2 Anda telah diminta oleh keluarga anda untuk menulis sepucuk surat kepada pihak yang berkuasa untuk melaporkan masalah kerosakan alam sekitar yang berlaku di tempat anda kesan daripada aktiviti pembangunan. Tulis **surat** tersebut selengkapnya.
- 3 Anda seorang pencinta alam telah berpeluang menyertai misi menyelamatkan haiwan yang hampir pupus di hutan rimba. Tulis sebuah **cerita** berdasarkan pengalaman anda lalui itu.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Menerusi TMK, penggunaan komputer dan perisian berfungsi dengan mudah untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat, dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu. Hal ini bermaksud proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat dilakukan menggunakan perantaraan teknologi. Sebenarnya TMK tidak terhad kepada Internet dan komputer sahaja tetapi melibatkan televisyen, telefon, telefon mudah alih, faks, telegram, PDA dan sistem satelit dalam menyampaikan maklumat kepada penerima.

*Petikan tersebut menerangkan definisi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Sehubungan dengan hal itu, anda bercadang menulis sebuah rencana berkaitan dengan impak TMK kepada manusia sejagat. Tulis rencana tersebut selengkapnya.*

**Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)  
Memberikan Impak kepada Malaysia dan Manusia Sejagat**  
oleh Zulhilmi Mohamed Noh

[*Pendahuluan*] Johann Wolfgang von Goethe (1749 – 1832), sasterawan dari Jerman ada berkata, “**Manusia sangat cepat dapat mengetahui, namun lambat mempraktikkannya**”. Begitulah halnya dengan teknologi maklumat dan telekomunikasi (TMK). Sudah lebih 30 tahun TMK berkembang di seluruh dunia, namun negara-negara kecil, termasuk Malaysia lambat memanfaatkannya sebagai jalan pantas memburu kemajuan, seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Penemuan bidang TMK telah berjaya menganjak tamadun dunia kepada situasi yang lebih kompetitif. Kita bukan manusia yang **bodoh tidak dapat diajar, cerdik tidak dapat diikuti**, sebaliknya kita sanggup menerima perubahan. Namun, kita harus mengakui bahawa kemajuan teknologi ini meninggalkan pelbagai impak positif dan negatif.

[*Idea 1*] Kehadiran TMK merupakan anugerah istimewa kepada bidang pendidikan di seluruh dunia. Tugas mendidik menjadi mudah, cepat, dan berkesan dengan adanya teknologi maklumat. Seluruh dunia telah menjadi seolah-olah sebuah kampung elektronik dengan adanya teknologi ini. Keupayaan menghantar, menerima, dan memproses maklumat telah dapat diperluas. Penerimaan ilmu tidak lagi melalui perantaraan antara guru dengan murid-murid sahaja, malah dilakukan dengan menggunakan komputer dan bilik darjah bukan lagi disempadani batu-bata dan kayu, sebaliknya terbuka di alam maya.

[*Idea 2*] Dari segi ekonomi pula, urusan perniagaan dapat dijalankan dengan efektif dan efisien kerana adanya kemudahan teknologi maklumat ini. Dunia hari ini heboh tentang e-niaga, iaitu konsep perniagaan dalam talian. Syarikat-syarikat e-niaga muncul seperti **condawan tumbuh selepas hujan**. Hampir semua perniagaan sekarang mengiklankan alamat laman sesawang mereka beserta alamat e-mel. Pelbagai barang serta perkhidmatan dijual dan dibeli secara dalam talian menerusi Internet, bukan sahaja pada peringkat tempatan, malah dari seluruh pelosok dunia.

[*Idea 3*] Dari sudut sosialnya pula, pembangunan teknologi maklumat mengeratkan hubungan antara rakyat Malaysia dengan penduduk di seluruh dunia. Rakyat Malaysia sama ada yang berada di dalam negara atau di luar negara dapat berhubung dengan ahli keluarga dan sahabat handai pada bila-bila masa. Pelbagai aplikasi media sosial yang lebih murah daripada panggilan telefon dan jauh lebih pantas daripada penghantaran surat. Selain itu, hubungan antara negara terutamanya pemimpin politik dan tokoh perniagaan juga berjalan lancar melalui Internet. TMK menjadikan keamanan dan keharmonian masyarakat dunia dapat dibentuk.

[*Idea 4*] Walau bagaimanapun, pembangunan pesat teknologi maklumat tidak bebas daripada implikasi negatifnya. TMK menjadi wahana penyebaran unsur-unsur lucah terutamanya dalam kalangan generasi muda. Remaja yang mendahagai pengetahuan seks dijadikan sasaran utama peniaga-peniaga bahan pornografi ini. Pengusaha-pengusaha yang bersikap **bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing** ingin mengaut keuntungan besar dengan menjual perkhidmatan berunsur seks. Masalah ini juga merebak dengan cepat **bagai belut diketil ekor** dalam kalangan murid-murid sekolah tidak kira lelaki mahupun perempuan.

[*Penutup*] Sebagai kesimpulannya, TMK membawa pelbagai kebaikan, namun pada masa yang sama TMK turut memberikan laluan kepada aneka keburukan yang mampu melanda negara kita. Jadi, sebagai pengguna yang

bijak, kita tidak harus menyalahgunakan kemudahan teknologi maklumat ini. Semua pihak harus bersinergi **bagai aur dengan tebing** dan mengambil langkah sederhana untuk memastikan tiada unsur negatif yang berlaku seiring dengan ledakan teknologi berinformasi ini. Sudah menjadi tugas kita untuk mengambil yang jernih dan membuang yang keruh. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menyokong usaha kerajaan menaik taraf kemudahan TMK agar kita tidak dianggap **seperti katak di bawah tempurung**.

[504 patah perkataan]

## Praktis SPM

Tulis sebuah karangan bagi setiap soalan di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

- 1 Anda meminati cerita fiksiyen sains. Banyak novel berkaitan dengan fiksiyen sains telah anda baca. Tulis sebuah **cerpen** bertemakan fiksiyen sains.
- 2 Sains, teknologi dan inovasi telah memudahkan manusia menjalani kehidupan walaupun membawa kesan negatif kepada manusia.  
**Bincangkan** kebaikan dan keburukan sains, teknologi dan inovasi kepada manusia.
- 3 Sekolah anda telah menganjurkan Minggu Sains dan Teknologi 2021.  
Tulis **laporan** mengenai aktiviti yang dijalankan.

**Praktis MuLus** **Bentuk Kata**



Video PdPR

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **kata majmuk** yang sesuai.

makmal sains	lebu pasar	jalan raya	bola sepak
nasi ayam	pilihan raya	air mata	roti canai

- 1 Satu \_\_\_\_\_ kecil akan diadakan di kawasan itu setelah kematian wakil rakyatnya.
- 2 Keadaan \_\_\_\_\_ menjadi lengang disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan ekoran penularan COVID-19.
- 3 \_\_\_\_\_ yang mengalir di pipi abang sewaktu diumumkan sebagai juara pidato peringkat negeri menggambarkan kegembiraannya.
- 4 Pertandingan \_\_\_\_\_ tujuh sebelah bawah 17 tahun akan bermula pada bulan hadapan.
- 5 Saya suka makan \_\_\_\_\_ yang garing setiap kali bersarapan di Restoran Haji Salam.
- 6 Murid-murid wajib mematuhi peraturan di \_\_\_\_\_ kerana terdapat banyak kaca dan bahan kimia.

**Praktis SPM** **Bentuk Kata**

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Peserta konvoi yang akan melalui lebu raya diingatkan supaya berhemah ketika memandu. Kerjasama daripada setiap peserta amatlah dikehendaki. Penyelaras konvoi kemudiannya memberitahu bahawa peserta akan berehat di Hentian Rehat dan Rawat Pagoh, kemudian meneruskan perjalanan menuju utara. Cuaca agak panas dan matahari pula di atas kepala, jadi peserta perlu membiasakan diri dengan keadaan cuaca sebegitu.

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sepak raga ialah permainan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Permainan itu dimainkan oleh anak muda ketika senggang pada waktu petang. Pada waktu tengah hari, anak muda biasanya menghabiskan masa di rumah sahaja. Sambil bermain, mereka berbual-bual tentang hal yang berkaitan dengan kehidupan seharian. Permainan ditamatkan apabila hari hampir senja lalu pulang ke rumah masing-masing.



- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_

**Praktis MuLus**      **Bentuk Terbitan**

(a) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan dari segi imbuhan. Betulkan kesalahan-kesalahan itu dan anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- |   |  |
|---|--|
| <p>1 Ibu memasuki beberapa helai daun limau purut ke dalam kuah tomyam.</p> <p>_____</p>        | <p>4 Kaki Amira terseliah ketika bermain bola jaring di padang pada petang tadi.</p> <p>_____</p>          |
| <p>2 Pak Cik Saidin sedang baiki reban ayamnya yang rosak ditimpa dahan pokok.</p> <p>_____</p> | <p>5 Sudah dua hari Yasmin tidak dicakapkan dengan kami kerana merajuk.</p> <p>_____</p>                   |
| <p>3 Novel itu mengarang oleh penulis wanita yang tersohor di Malaysia.</p> <p>_____</p>        | <p>6 “Jangan tersebar maklumat yang belum tentu kesahihannya di media sosial,” kata ayah.</p> <p>_____</p> |

(b) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

- 1 Banyak pakaian tebal yang saya akan bawa untuk melancong kerana ketika ini negara tersebut dalam peralihan menuju kepada musim sejuk.  
\_\_\_\_\_
- 2 Pihak swasta akan menganugerahkan pemain itu jongkong emas jika bergaya meraih pingat emas dalam Sukan Olimpik London.  
\_\_\_\_\_
- 3 Pak Halim ialah warga emas tertua sekali di kampung kami padahal beliau masih sihat.  
\_\_\_\_\_

**PENYUNTINGAN AYAT**

Petikan mengandungi kesalahan bahasa yang merangkumi kesalahan ejaan, imbuhan, penggunaan kosa kata yang tepat dan penggunaan tatabahasa. Anda perlu menyenaraikan kesalahan tersebut, kemudian menulis kosa kata atau frasa yang betul semula.

**Praktis SPM**      **Kata Terbitan**

1 *Dalam petikan di bawah terdapat enam kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Menurut saintis Britain, katak di dakwa dapat membantu manusia untuk mengesan aktiviti gempa bumi. Berdasarkan kajian dan perhatian, katak mampu mengesan perubahan persekitaran dan mampu merasa kegiatan gempa bumi yang akan berlaku dalam tempoh berdekatan. Menurut salah seorang pengkaji Rachel Grant, katak mampu mengesan tanda-tanda sebelum gempa seperti lepasan gas dan habok yang mungkin menjadi amaran awal akan berlakunya gempa bumi.



Salah	Betul	Salah	Betul
(i)		(iv)	
(ii)		(v)	
(iii)		(vi)	

- 2 Dalam petikan di bawah terdapat **enam kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Budaya rasuah merupakan sesuatu budaya sosial yang sukar dipulih sehingga ke hari ini. Hal ini demikian kerana kebanyakan mereka yang terlibat itu adalah golongan yang berkedudukan tinggi dan berdarjat di dalam masyarakat. Masyarakat perlu perihatin terhadap isu ini dan bersama-sama menanganinya.

Salah	Betul	Salah	Betul
(i)		(iv)	
(ii)		(v)	
(iii)		(vi)	

- 3 Dalam petikan di bawah terdapat **enam kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kerajaan akan membina lebih banyak sekolah-sekolah menengah, terutamanya di daerah pendalaman untuk membolehkan murid yang telah selesai sekolah rendah terus mengikuti sistem pendidikan di sekolah menengah. Berbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk sediakan generasi yang memiliki ilmu akademik dan berkemahiran. Oleh itu, kerajaan mengharapkan agar murid dapat memanfaatkan ilmu yang dicurahkan oleh para pendidik.

Salah	Betul	Salah	Betul
(i)		(iv)	
(ii)		(v)	
(iii)		(vi)	

### Praktis MuLus Kata Ganda Penuh

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan **kata ganda penuh** yang sesuai.

- \_\_\_\_\_ hendaklah menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru di dalam kelas.
- Hakim mahkamah akan menjatuhkan hukuman terhadap pesalah mengikut peruntukan \_\_\_\_\_ yang telah ditetapkan.
- Guru disiplin mengarahkan \_\_\_\_\_ sekolah memeriksa rambut dan kuku setiap murid semasa perhimpunan pagi.
- “Keadaan di dalam bilik itu sungguh gelap sehinggakan saya tidak nampak \_\_\_\_\_,” kata Hanif kepada rakannya.
- Kita mestilah mematuhi \_\_\_\_\_ agama agar hidup kita lebih terarah dan sentiasa melakukan kebaikan.
- \_\_\_\_\_ itu menangis kerana terjatuh ketika sedang bermain buaian di taman permainan.

## Praktis MuLus Kata Ganda Separa

(a) *Gariskan kata ganda separa tunggal yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.*

- 1 (Bebola, Lelabu, Gegelang) sayong yang dijual di ekspo kraf tangan itu laris semuanya.
- 2 Abang sedang menolong ayah memasang (jeriji, jejari, sesiku) pada tingkap dapur.
- 3 Kakak mengisi air mawar dan minyak wangi ke dalam (bebuli, bebola, bebulu) yang cantik itu.
- 4 Semalam kami menolong nenek mengisi (dedaun, bebenang, kekabu) ke dalam bantal.
- 5 Ibu melarang adik menyentuh sarang (lelabah, tetupai, rerama) pada ranting pokok itu.
- 6 Abang ketawa apabila melihat saya gagal menaikkan (tetikus, lelayang, pepatan) itu.

(b) *Gariskan kata ganda separa berimbuhan yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah. Nyatakan jenis-jenisnya.*

Ayat	Imbuhan
1 Mat Jenin terkenal dengan sikapnya yang suka <u>berangan-angan</u> .	awalan
2 Puan Haslina menjual buah-buahan tempatan di gerainya.	
3 Mokhtar berada di pejabat sehari-harian demi menyiapkan tugas yang perlu dihantar pagi esok.	
4 Ilmu perbidanan yang ada pada Hanim diwarisi secara turun-temurun daripada nenek moyangnya.	
5 Ibu berpesan supaya saya berhati-hati ketika menyertai acara berakit di Sungai Kampar.	
6 Jari-jemari Diana diukir dengan inai pada malam sebelum hari pernikahannya.	

## Praktis MuLus Kata Ganda Berentak

*Isi tempat kosong dengan kata ganda berentak yang paling sesuai.*

kusut-masai	lintang-pukang	porak-peranda	kelam-kabut
hingar-bingar	ulang-alik	segar-bugar	gerak-geri

- 1 Suasana di pasar malam itu \_\_\_\_\_ dengan suara penjual dan pengunjung yang pelbagai ragam.
- 2 Amir dan Nasrun lari \_\_\_\_\_ apabila dikejar oleh seekor angsa ketika mereka melalui halaman rumah Nenek Semah.
- 3 Setiap hari Hanisah \_\_\_\_\_ dari tempat kerjanya ke hospital untuk melawat kakaknya yang sakit.
- 4 Azreen sekeluarga gemar membeli sayur dan ikan di pasar tani kerana masih \_\_\_\_\_.
- 5 Penduduk kampung berasa curiga terhadap \_\_\_\_\_ pemuda asing yang sering masuk ke kampung mereka.
- 6 Kebanyakan remaja yang terlibat dalam masalah sosial berasal daripada keluarga yang \_\_\_\_\_.

## Praktis MuLus Akronim

*Nyatakan nama penuh bagi setiap akronim yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.*

**Contoh:** Jabatan PERHILITAN bertanggungjawab melindungi hidupan liar di Semenanjung Malaysia.

Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara

- 1 Ibu bapa digalakkan menghantar anak mereka yang berumur empat tahun ke tadika.

- 2 Jentolak terpaksa digunakan untuk meratakan kawasan yang berbukit sebelum kerja-kerja pembangunan dimulakan.  
\_\_\_\_\_
- 3 Pelibatan Mary Tan dalam pertandingan gimrama menyebabkan dia berpeluang mengunjungi beberapa buah negara.  
\_\_\_\_\_
- 4 Setelah pulang daripada mengikuti kursus kepolisan di PULADA, gaya dan penampilan Azmi kian berubah.  
\_\_\_\_\_
- 5 Lulusan UPSI dalam bidang perguruan diakui terbaik dan diyakini masyarakat.  
\_\_\_\_\_
- 6 GAPENA akan menganjurkan Pertandingan Menulis Novel Patriotik sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-64 tahun.  
\_\_\_\_\_

### Praktis MuLus Kata Nama Am & Kata Nama Khas

- (a) Isi tempat kosong dengan **kata nama am** atau **kata nama khas** yang sesuai.
- 1 Warga kota berpusu-pusu ke stesen bas untuk pulang ke \_\_\_\_\_.
  - 2 \_\_\_\_\_ menangis apabila dimarahi emak kerana bermain di tempat yang becak.
  - 3 Pekerja syarikat itu sedang menurap \_\_\_\_\_ menuju ke Taman Rekreasi Aman.
  - 4 \_\_\_\_\_ yang kelihatan kusam itu akan dicat semula pada hujung tahun ini.
  - 5 Kehandalan Rashid Sidek bermain \_\_\_\_\_ sudah terkenal di seluruh pelosok dunia.
  - 6 Kucing itu diberi nama \_\_\_\_\_ oleh ibu saya kerana bulunya ada tompok-tompok hitam.
- (b) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. Betulkan kesalahan-kesalahan itu dan anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
- |   |   |
|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1 Sebagai seorang professor yang berpengalaman, beliau berjaya membentangkan data kejatuhan ekonomi dunia dengan begitu mendalam.<br/>_____</li> <li>2 Kamal bercadang mengikuti kursus di institut kemahiran yang terletak jauh dari rumahnya.<br/>_____</li> <li>3 Ibubapa harus bertanggungjawab sekiranya anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti lumba haram.<br/>_____</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>4 Pada minggu depan, Encik Adnan sekeluarga bercadang untuk makan angin di Puterajaya.<br/>_____</li> <li>5 Atlit sekolah kami terpilih untuk mengikuti kejohanan olahraga yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah Malaysia.<br/>_____</li> <li>6 Kami memilih duduk di apatmen kerana keselamatan keluarga lebih terjamin.<br/>_____</li> </ol> |
|---|---|

### Praktis MuLus Kata Kerja

Tandakan betul (✓) atau salah (✗) pada penggunaan **kata kerja** yang berhuruf condong dalam ayat-ayat di bawah.

1 Alisa sedang <i>ketiduran</i> adiknya di dalam buaian.	
2 Kumpulan koir itu <i>menyanyi</i> dengan penuh semangat.	
3 Lelaki itu pergi ke bandar dengan <i>menunggang</i> motosikal.	
4 Puan Shima lebih suka <i>membeli</i> di pasar-pasar raya besar.	
5 Alex selalu <i>mandi</i> di sungai itu dengan kawan-kawannya.	
6 Semangkuk bubur itu <i>memberikan</i> oleh Suhana kepada jirannya.	

7 Adik sedang <i>melukis</i> di ruang tamu dengan kawan-kawannya.	
8 Pak Azman <i>mengasah</i> parang-parang itu sehingga tajam.	
9 Halaman rumah nenek dipenuhi daun kering kerana belum <i>bersapu</i> .	
10 Lautan yang luas dan <i>membiru</i> itu mendamaikan jiwa Zaquan.	

### Praktis MuLus Kata Adjektif

Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata adjektif**. Betulkan kesalahan-kesalahan itu dan anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- |   |  |
|---|--|
| 1 Pemandu perlu bersedia untuk berhenti apabila lampu isyarat berwarna merah menyala.<br>_____  | 4 Suasana di dalam dewan itu seram kerana peperiksaan sedang dilangsungkan di situ.<br>_____       |
| 2 Badan Rahim menjadi gagah kerana dia tidak berselera makan sejak seminggu yang lalu.<br>_____ | 5 Kita tidak boleh berdiri terlalu kerap dengan landasan kereta api itu.<br>_____                  |
| 3 Kain sarung yang dipakai oleh Shima terlalu panjang sehingga mencecah lantai.<br>_____        | 6 Rosnani berasa ngeri apabila berada di tempat yang tinggi kerana fobia akan ketinggian.<br>_____ |

### Praktis MuLus Kata Hubung

Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata hubung**. Betulkan kesalahan-kesalahan itu dan anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- |  |   |
|--|---|
| 1 Kami menyusuri pantai manakala menikmati keindahan matahari terbenam.<br>_____ | 4 Azam mengatakan yang dia tidak dapat menyertai lawatan sambil belajar itu.<br>_____ |
| 2 Kebanyakan warga asing datang ke negara kita agar mencari rezeki.<br>_____     | 5 Penyakit Encik Azizi semakin pulih hingga dirawat oleh doktor pakar.<br>_____       |
| 3 Di dalam almari itu terdapat majalah-majalah atau akhbar-akhbar lama.<br>_____ | 6 Bukan Kamal yang menyiapkan kerja itu semoga kami yang menyiapkannya.<br>_____      |

### Praktis MuLus Kata Seru

Gariskan **kata seru** yang paling sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- |   |  |
|---|--|
| 1 (Eh, Aduh, Wah), sungguh cantik pemandangan di pulau ini! | 4 (Wah, Hai, Wahai), nama saya Ladyana!                              |
| 2 (Aduhai, Cis, Amboi), sombongnya awak!                    | 5 (Wahai, Syabas, Hai) kawanku, marilah kita menolong orang tua itu! |
| 3 (Oh, Cis, Eh), akan aku hapuskan penderhaka itu!          | 6 (Aduh, Aduhai, Wahai), kasihannya kanak-kanak yang didera itu!     |

### Praktis MuLus Kata Tanya

Isi tempat kosong dengan **kata tanya** yang sesuai.

- \_\_\_\_\_ awak akan pulangkan buku saya yang awak pinjam minggu lepas?
- \_\_\_\_\_ yang menampal poster-poster pada dinding tandas itu?

- 3 Dokumentari yang awak tonton tadi berkisar tentang \_\_\_\_\_?
- 4 Cara-cara untuk membuat kuih baulu \_\_\_\_\_?
- 5 Adik awak yang baru lahir itu namanya \_\_\_\_\_?
- 6 \_\_\_\_\_ baju kamu itu comot?

### Praktis MuLus Kata Perintah

Isi tempat kosong dengan kata perintah yang paling sesuai.

jangan tolong minta harap jemput sila

- 1 \_\_\_\_\_ kita akan dapat berjumpa lagi pada masa akan datang.
- 2 \_\_\_\_\_ kalian bertenang dan duduk di tempat masing-masing.
- 3 “\_\_\_\_\_ biarkan makanan di atas meja itu tidak bertutup,” kata ibu.
- 4 \_\_\_\_\_lah datang ke rumah terbuka saya pada hari raya kedua nanti.
- 5 “\_\_\_\_\_ lengkapkan borang ini dengan butir-butir peribadi encik,” kata kerani itu.
- 6 “\_\_\_\_\_ bancuhkan secawan kopi untuk ayah,” pinta Pak Rahim kepada anaknya.

### Praktis MuLus Kata Pangkal Ayat, Kata Pembener & Kata Sandang

(a) Isi tempat kosong dengan kata pangkal ayat yang paling sesuai.

- 1 \_\_\_\_\_, berjalanlah Sang Kura-kura menyusuri sungai untuk mencari Sang Tedung.
- 2 \_\_\_\_\_, Sang Kelembai itu ada menaruh hati kepada Puteri Astarina.
- 3 \_\_\_\_\_, tersebutlah suatu ceritera pada zaman dahulukala di tanah Gangga Negara.
- 4 \_\_\_\_\_, setelah meminum air penawar Putera Indera Sakti itu pun sembuhlah.

(b) Isi tempat kosong dengan kata pembener dan kata sandang yang paling sesuai.

- 1 “Murid itu menjawab semua soalan dengan \_\_\_\_\_,” kata Cikgu Ain kepada Cikgu Wani.
- 2 \_\_\_\_\_, saya yang mengambil dompet itu, tetapi saya telah menyerahkannya ke balai polis.
- 3 Kempen itu akan dirasmikan oleh \_\_\_\_\_ Amat Berhormat Menteri Besar Selangor.
- 4 \_\_\_\_\_ Buaya berasa tertipu dengan helah yang dibuat oleh \_\_\_\_\_ Kancil.

### Praktis MuLus Kata Bantu

Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah. Betulkan kesalahan-kesalahan itu dan anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Saya masih cuba memujuk adik yang sedang menangis itu.  
\_\_\_\_\_
- 2 Kakak saya telah dinaikkan pangkat pada tahun hadapan.  
\_\_\_\_\_
- 3 Ayah saya sedang membaca surat khabar pada setiap pagi semasa bersarapan.  
\_\_\_\_\_
- 4 Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya pernah melawat ke Kuala Lumpur pada cuti sekolah nanti.  
\_\_\_\_\_
- 5 Zambri belum mengikuti rombongan itu tetapi tidak dibenarkan oleh ayahnya.  
\_\_\_\_\_
- 6 Bas itu dijangka masih tiba dari Kelantan pada pukul 2.00 petang.  
\_\_\_\_\_

## Praktis MuLus Bentuk Penguat

Gariskan **kata penguat** yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah ini.

- 1 Perniagaan kedai serbaneka Encik Wong maju (agak, paling, sekali).
- 2 Kain songket di kedai itu sungguh halus (sekali, amat, sungguh) tenunannya.
- 3 Dahlia murid yang (terpandai, terkuat, terhebat) di dalam kelas itu.
- 4 Antara adik-beradiknya, Faridahlah yang paling (kacak, cantik, segar).
- 5 P. Ramlee seorang seniman agung yang (teramat, terlalu, sekali) masyhur.
- 6 Suara penyanyi itu (agak, nian, sekali) serak memang sesuai dengan lagu yang dinyanyikannya.

## Praktis MuLus Kata Penegas

Isi tempat kosong dengan **kata penegas** yang paling sesuai.

- 1 Apa \_\_\_\_\_ dayaku hendak memetik bintang untuk dibuat kerongsang.
- 2 Saya \_\_\_\_\_ sempat minum seteguk air kerana sudah lambat.
- 3 “Adik saya \_\_\_\_\_ mahu mengikut kita ke sana,” kata Arfi kepada rakannya.
- 4 Saliza \_\_\_\_\_ anak emas bapanya berbanding dengan adik-beradiknya yang lain.
- 5 “Dia \_\_\_\_\_ yang menunjukkan saya jalan ke rumah awak,” kata Gunalan kepada Rosli.
- 6 “Ada \_\_\_\_\_ abang kamu sudah pulang ke Malaysia?” tanya Fikri kepada Wahidah.

## Praktis MuLus Kata Nafi

Isi tempat kosong dengan **kata nafi** yang paling sesuai.

- 1 Rumah yang baru dibina oleh Pak Cik Iman itu \_\_\_\_\_ besar sangat.
- 2 Suzy \_\_\_\_\_ pergi ke sekolah hari ini kerana demam.
- 3 Makanan di atas meja itu \_\_\_\_\_ untuk Hamidah.
- 4 Kilang kasut ini \_\_\_\_\_ tempat kerja bapa Suhaimi.
- 5 Kucing itu \_\_\_\_\_ kucing yang mencakar Daneal.
- 6 Abang \_\_\_\_\_ membaca buku, tetapi berbual-bual dengan kawannya.

## Praktis MuLus Kata Pemerih

Tandakan (✓) pada ayat yang menggunakan **kata pemerih** dengan betul.

1 Mereka adalah anak-anak yatim piatu yang membesar di rumah kebajikan.	
2 Perkara yang paling penting ialah semangat kejiranan dalam kalangan penduduk.	
3 “Babak itu adalah yang paling susah untuk saya lakonkan,” kata pelakon itu.	
4 Permasalahan yang dibincangkan ialah dari segi ekonomi dan kewangan negara.	
5 Adalah dimaklumkan bahawa murid-murid dibenarkan untuk pulang awal hari ini.	
6 Cara untuk menurunkan berat badan adalah dengan bersenam pada setiap hari.	

## Praktis MuLus Kata Bilangan

Pilih penggunaan **kata bilangan** yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Lembu peliharaan Pak Tahir ada (beberapa, keempat, separuh, berapa) ekor.
- 2 Kakak amat menggemari telur ayam (semua, seluruh, separuh, sesetengah) masak.
- 3 Nabila gemar mengumpulkan (separuh, pelbagai, seluruh, segala) jenis setem luar negara.
- 4 (Ketiga, Tiap-tiap, Sesetengah, Kedua-dua) orang penjenayah itu telah berjaya diberkas oleh pihak polis.

5 (Seluruh, Ribuan, Setengah, Beberapa) helai kertas melayang apabila Saodah menghempas fail ke atas mejanya.

6 (Setiap, Segelintir, Sebilangan, Sebahagian) kawasan lapang di belakang rumah Pak Hamid ditanam dengan sayur-sayuran.

**Praktis MuLus** **Kata Arah**

Isi tempat kosong dengan **kata arah** yang paling sesuai.

utara dalam	segi antara	pangkal sudut	hadapan atas
----------------	----------------	------------------	-----------------

1 Kita hendaklah tunduk apabila berjalan di \_\_\_\_\_ orang tua.

4 Kamera litar tertutup dipasang di beberapa \_\_\_\_\_ bangunan pejabat itu.

2 Amira duduk di \_\_\_\_\_ Fariza dengan Shafinaz di dalam dewan itu.

5 Negeri Perlis terletak di \_\_\_\_\_ tanah air yang bersempadan dengan Thailand.

3 Mereka duduk di \_\_\_\_\_ pokok selepas penat meredah hutan.

6 Kanak-kanak itu berlarian di \_\_\_\_\_ batas sawah sambil memegang layang-layang.

**Praktis MuLus** **Kata Sendi Nama**

Pilih penggunaan **kata sendi nama** yang sesuai dalam ayat-ayat berikut.

1 Buku teks Bahasa Inggeris itu ada (pada, kepada, tentang, daripada) Azman.

4 Aniza tiba di rumahnya (di, pada, sejak, daripada) pukul 9.00 malam kerana kesesakan di jalan raya akibat sebuah lori terbalik.

2 Barang-barang keperluan harian ini (demi, untuk, agar, supaya) penduduk kampung yang miskin.

5 Marilah kita bersama-sama mengukuhkan perpaduan kaum (demi, oleh, pada, tentang) kemakmuran negara Malaysia yang tercinta.

3 Masih ada (di, pada, dalam, antara) kalangan murid tingkatan satu yang tidak pandai membaca dan menulis.

6 Beliau memperoleh pendidikan (daripada, dari, kepada, pada) Universiti Putera Malaysia dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu.

**Praktis MuLus** **Kata Pascakata**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

bahawasanya	lajunya	nampaknya	sakitnya	busuknya	sebenarnya
-------------	---------	-----------	----------	----------	------------

1 “\_\_\_\_\_, saya berasal dari kampung bukannya dilahirkan di bandar,” kata Suhaila berterus terang.

4 “\_\_\_\_\_ bau pekasam itu,” kata Adlin sambil menutup hidung apabila neneknya membuka balang pekasam.

2 “\_\_\_\_\_ hati saya apabila mendapat tahu dia menipu saya,” kata Raisa kepada Manisha.

5 Kamarul berlari dengan \_\_\_\_\_ meninggalkan peserta yang lain untuk sampai ke garisan penamat.

3 “\_\_\_\_\_ kami berikrar akan mempertahankan tanah adat ini daripada diceroboh,” kata para penduduk itu.

6 “Kamu \_\_\_\_\_ semakin kurus,” kata Tiara kepada rakan serumahnyanya.

**Praktis MuLus** **Frasa**

1 Nyatakan pola ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

(i) Buah manggis amat baik dimakan kerana banyak khasiatnya.

(ii) Jutawan itu mengelilingi dunia pada bulan Disember setiap tahun.



(iii) Sungai Rajang di negeri Sarawak sangat luas dan panjang.

\_\_\_\_\_

(iv) Model itu ialah Ratu Cantik Asia pada tahun 2010.

\_\_\_\_\_

(v) Cuaca sangat cerah dan berangin pada petang ini.

\_\_\_\_\_

(vi) Kanak-kanak itu perlu dikuarantin kerana menghidap difteria.

\_\_\_\_\_

2 Nyatakan pola ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

(i) Rumah baharu kami sangat besar dan cantik.

\_\_\_\_\_

(ii) Nurul Huda berlakon filem seram sebagai hantu.

\_\_\_\_\_

(iii) Kasut ayah di bawah tangga rumah nenek.

\_\_\_\_\_

(iv) Rajagopal ketua jurutera syarikat perkapalan.

\_\_\_\_\_

(v) Masakan rendang ibu amat sedap sekali.

\_\_\_\_\_

(vi) Ramai peserta kursus pengurusan perniagaan dari Melaka.

\_\_\_\_\_

## Praktis SPM

## Ayat Majmuk

1 Gabungkan ayat-ayat dalam petikan di bawah menjadi **tiga** ayat majmuk tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

Ramai orang beranggapan meminum air sejuk tidak elok.

Air sejuk boleh menyebabkan kegemukan.

Seseorang meminum air sejuk.

Badan secara automatik akan meningkatkan suhu air di dalam perut.

Meminum air sejuk tidak menyebabkan kegemukan.

Kegemukan berpunca daripada kesalahan cara pemakanan seseorang.

(i) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2 Tukar ayat majmuk di bawah menjadi **enam** ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.

Kulit epal mempunyai khasiat yang tinggi, bahkan lebih tinggi daripada isi buah epal. Hal ini demikian kerana kulit epal sangat kaya dengan pelbagai vitamin dan tinggi antioksidan. Khasiat kulit epal sangat besar kepada kesihatan tubuh badan kerana kulit epal mampu membantu mencegah kanser.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

(v) \_\_\_\_\_

(vi) \_\_\_\_\_

3 Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah menjadi **satu** ayat majmuk tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

(i) Hampir seluruh rakyat Malaysia menggemari sate.  
Sate ada pelbagai jenis mengikut cita rasa masyarakat.

---

---

(ii) Hasma tidak cemerlang dalam pelajaran.  
Hasma berjaya dalam perniagaan kedai makannya.

---

---


(iii) Kamu hendak mengikut ayah berjoging?  
Kamu hendak mengikut ibu pergi ke pasar tani?

---

---

**Praktis MuLus    Ayat Penyata**

Bina satu ayat penyata berdasarkan gambar yang diberikan.




---

---




---

---




---

---



---

---



---

---

1 Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberikan.

(i) Kawan saya berasal dari *Indonesia*.

---

(ii) Baju saya kotor kerana *terkena aiskrim*.

---

(iii) Harga sepinggan mi goreng ini cuma *RM3.00*.

---

(iv) Ayah saya bekerja sebagai *pensyarah di Universiti Malaya*.

---

(v) *Tarian zapin* yang dipersembahkan oleh murid-murid di atas pentas itu.

---

(vi) Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat kastard karamel ialah *susu, telur, dan gula*.

---

2 Berdasarkan petikan di bawah, bina **enam ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Kilang penyelenggaraan jentera di kawasan industri di *pinggir Sungai Gong* yang menyebabkan berlakunya pencemaran bau. Premis terbabit dipercayai sudah beroperasi *sejak tahun 2014*. Pencemaran bau itu *menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA)* di Sungai Selangor dihentikan. Pihak berkuasa sudah *dua kali menyarankan kepada kilang terbabit* supaya membuat permohonan lesen selepas dikesan beroperasi sejak enam tahun lalu. Kilang itu turut *membina struktur bangunan* di kawasan premis mereka. Pihak berkuasa telah mengeluarkan notis *mengikut Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974* kerana kilang tersebut gagal mengemukakan bukti.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

(v) \_\_\_\_\_

(vi) \_\_\_\_\_

Nyatakan jenis-jenis **ayat perintah** di bawah dalam ruangan yang disediakan.

1 Hantarkan makanan ini ke rumah Pak Cik Daud.	
2 Sila pakai uniform lengkap Puteri Islam esok.	
3 Jangan keluar bermain pada waktu maghrib begini.	
4 Minta hadirin beredar ke kantin untuk menikmati kudapan.	
5 Usahlah kamu merayu perempuan itu lagi.	
6 Simpan semua pakaian yang sudah berlipat itu di dalam almari.	

## Praktis MuLus Ayat Seruan

Bina ayat seruan bagi setiap kata seru yang diberikan.

- 1 Wah : \_\_\_\_\_
- 2 Syabas : \_\_\_\_\_
- 3 Wahai : \_\_\_\_\_
- 4 Eh : \_\_\_\_\_
- 5 Syukur : \_\_\_\_\_
- 6 Aduh : \_\_\_\_\_

## Praktis MuLus Ayat Aktif & Ayat Pasif

Nyatakan jenis ayat-ayat di bawah sama ayat aktif transitif (AAT), ayat aktif tak transitif (AATT) atau ayat pasif.

Ayat	Jenis Ayat
1 Bola yang besar itu tidak terangkat oleh adik.	
2 Pak Ali mengupah beberapa orang pekerja untuk memagari kebun getahnya.	
3 Bendera Malaysia berkibaran megah di Dataran Merdeka.	
4 Abang saya berniaga burger pada waktu malam di tepi simpang tiga itu.	
5 Pak Ramlee meniup seruling di anjung rumahnya pada waktu petang.	
6 Peragut itu kena tangkap oleh pihak polis semalam.	

## Praktis MuLus Ayat Aktif & Ayat Pasif

1 Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Kami mendaki gunung itu hampir lima jam tanpa berehat.

\_\_\_\_\_

- (ii) Kamu mesti memotong rumput di laman itu pada petang besok.

\_\_\_\_\_

- (iii) Hamizah menjual sayur-sayuran dari kebunnya di pasar tani.

\_\_\_\_\_

2 Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asal.

- (i) Cincin berlian berharga RM 24 juta itu dimiliki oleh jutawan terkenal Arab.

\_\_\_\_\_

- (ii) Pokok rambutan itu ditebang oleh emak saya kerana terlalu banyak semut.

\_\_\_\_\_

- (iii) Kerja-kerja di pejabat telah dimudahkan oleh penggunaan komputer.

\_\_\_\_\_

- 1 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya*

Alkisah maka tersebutlah perkataan Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada dan peri mengatakan penjurit ketujuh bercakap kepada Seri Betara dan Patih Gajah Mada hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan seorang dirinya, peri mengatakan tatkala Laksamana membunuh penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu. Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati.

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

Menurut cerita disebutkan tentang \_\_\_\_\_ dan Patih Gajah Mada dan hal mengenai \_\_\_\_\_ ketujuh bercakap kepada Seri Betara dan Patih Gajah Mada mahu \_\_\_\_\_ negeri Melaka itu seorang diri, hal mengatakan ketika Laksamana \_\_\_\_\_ penjurit tujuh bersaudara di \_\_\_\_\_ itu. Beberapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada tentang penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan \_\_\_\_\_ pergi ke Melaka itu sudah mati.

- 2 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Kata sahibulhikayat, maka tersebutlah perkataan Raja Benua Siam. Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu Syahrnuwi namanya disebut orang, dan raja-raja di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya, dan nama rajanya Bubunya. Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah.

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

Menurut orang yang empunya cerita, tersebut kisah \_\_\_\_\_. Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu, \_\_\_\_\_ disebut orang dan raja-raja di sebelah \_\_\_\_\_ ini semua di bawah pemerintahannya dan nama rajanya \_\_\_\_\_. Dikhabarkan ke benua Siam bahawa Melaka sebuah negeri yang besar yang tidak takluk kepadanya. Lalu, Paduka Bubunya menyuruh ke Melaka untuk \_\_\_\_\_ surat sembah.

- 1 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. ‘Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.’

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah.

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 2 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 3 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan semula tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlempak akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

- 4 Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan semula tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

---

---

---

---

---

---

---

---

**Praktis SPM**

**Peribahasa**

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Akmal berangan-angan untuk menjadi juruterbang pesawat MAS setelah tamat belajar nanti tetapi dia malas belajar sehingga selalu dimarahi oleh ayahnya. Ayahnya telah menasihatinya sekiranya dia ingin berjaya, dia mesti berubah sikap kerana orang yang malas tidak akan maju. Sekiranya dia rajin membuat latihan dan belajar tentu dia akan berjaya tetapi jika dia terus membuat pelbagai alasan apabila disuruh belajar atau membuat latihan maka sukarlah untuk dia mengecap kejayaan.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_

- 2 Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa berikut. Ayat anda hendaklah dapat memberikan maksud peribahasa tersebut.

(i) Seperti katak kena simbah air  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(ii) Aur ditanam betung yang tumbuh  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iii) Gajah mati tulang setimbun  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



3 Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Wanita dalam masyarakat tradisional lebih terkongkong dengan adat resam dan peraturan tertentu. Mereka laksana

(i) \_\_\_\_\_ kerana tidak bebas untuk pergi atau melakukan sesuatu tanpa kebenaran ibu bapa atau pihak lelaki. Namun (ii) \_\_\_\_\_ apabila peralihan zaman yang serba maju dan moden dengan teknologi ini membuka ruang kepada golongan wanita untuk terlibat dalam pelbagai bidang yang dimonopoli oleh golongan lelaki pada masa lalu. Malahan golongan wanita kini setaraf dengan golongan lelaki ibarat (iii) \_\_\_\_\_ kerana wanita juga mampu menjadi pemimpin utama di beberapa buah negara di dunia.

4 Dalam petikan di bawah terdapat beberapa peribahasa. Kenal pasti peribahasa tersebut, kemudian berikan maksud.

Kamarul bermati-matian tidak mengaku bahawa dia yang menulis dan menyebarkan berita palsu tentang pengurusan di media sosial, sikapnya ibarat lempar batu sembunyi tangan. Sebaliknya, Anwar pula yang dituduh melakukan perkara itu seperti peribahasa “lain orang makan nangka, lain orang yang kena getahnya”. Namun demikian, perbuatan Kamarul itu terbongkar juga akhirnya dan dia telah dibuang kerja oleh majikannya. Oleh itu, berhati-hatilah apabila berkata-kata kerana terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk akibatnya.

- (i) Peribahasa: \_\_\_\_\_  
Maksud: \_\_\_\_\_
- (ii) Peribahasa: \_\_\_\_\_  
Maksud: \_\_\_\_\_
- (iii) Peribahasa: \_\_\_\_\_  
Maksud: \_\_\_\_\_

**PRAKTIS PERSEDIAAN SPM [35 markah]**

**Praktis 1**

**Soalan 1**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja dan dua kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Usahawan dalam kalangan remaja bukan lagi sesuatu yang luar biasa. Pada hari ini, sesiapa sahaja yang berani dan cekal boleh menjadi usahawan tanpa mengira usia dan jantina. Hal ini didorong oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang membolehkan sesiapa sahaja yang ingin menjalankan perniagaan dan mengaut keuntungan tanpa batasan menerusi perniagaan secara dalam talian. Banyak remaja di dunia ini yang bergelar jutawan. Kejayaan luar biasa mereka menjadi inspirasi banyak orang.

Dipetik dan diubah suai daripada Usahawan Remaja Berjiwa Kental  
Oleh Fadhli Ali, Dewan Siswa, Mei 2020

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

[8 markah]

**Soalan 2**

*Tukar ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.*

- “Saya akan berangkat ke Kuala Terengganu pada petang ini,” kata Sarah kepada Adilah.
- “Berapa lama awak akan berada di sana?” tanya Adilah kepada Sarah.
- “Seminggu, jika tugas dapat disiapkan tapi kalau kerja tak selesai mungkin tambah seminggu lagi,” jawab Sarah.
- “Baiklah, bawa kereta tu hati-hati, sekarang musim hujan,” nasihat Adilah.
- “Awak jangan risau sebab saya pemandu berhemah,” balas Sarah.
- “Jangan lupa telefon saya jika awak dah sampai di sana nanti,” pesan Adilah.

---

---

---

---

---

---

---

---

[6 markah]

**Soalan 3**

*Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada **sebelas kesalahan** yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Koronavirus (COVID-19) merupakan pandemik baru yang belum pernah dikenalpasti. Malaysia salah satu dari negara di dunia yang turut kehadapan dengan COVID-19. Kes pertama dikesan di Malaysia pada Januari 2020 apabila tiga orang pelancong warga China masuk ke Malaysia menyeberangi Johor dari Singapura. Bermula dengan kes itulah menularnya COVID-19 ke seluruh pelusuk negara yang mencetuskan berbagai-bagai kluster. Pada awalnya, Malaysia masih membenarkan kemasukan pelancong asing ke dalam negara dengan pemeriksaan kesihatan yang baik.

Pada 27 Januari 2020, kerajaan mewartakan sekatan sementara untuk kemasukan rakyat negara China yang tinggal di bandar Wuhan, Wilayah Hubei dan sekitarnya. Walau bagaimana pun, tindakan ini gagal disekat penularan COVID-19 ke seluruh negara. Sehingga makalah ini ditulis, Malaysia mencatatkan lebih daripada 6000 kes jangkitan COVID-19 dan lebih 100 kematian.

Dipetik dan diubah suai daripada Mengadaptasi Kebiasaan Baharu oleh Rodzi Man, *Dewan Masyarakat*, Jun 2020

	Salah	Betul		Salah	Betul
1			7		
2			8		
3			9		
4			10		
5			11		
6					

[11 markah]

#### Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

---

---

---

---

---

---

---

---

[6 markah]

#### Soalan 5

Baca dialog di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **dua** peribahasa yang dapat dikaitkan dalam dialog ini.

DIANA: Awak buat apa sementara menunggu tawaran kerja?

FARAH: Saya menolong ibu membuat kuih untuk jualan di warung dan di kantin sekolah. Saya membuat kerja sementara sahaja untuk mendapatkan wang saku. Sekarang bukan senang mendapat kerja.

DIANA: Memang sukar hendak dapat kerja sekarang tetapi jika kita bersabar dalam melakukan sebarang pekerjaan, lama-lama akan mendapat hasil juga.

FARAH: Saya bersyukur kerana telah menamatkan pengajian. Sekurang-kurangnya saya ada ilmu untuk membantu saya meneruskan kehidupan pada hari depan.

DIANA: Saya tahu awak telah berusaha belajar bersungguh-sungguh, jika tidak masakan awak boleh berjaya menamatkan pengajian. Saya doakan awak akan mendapat kerja yang sesuai dengan cita-cita dan kelulusan awak.

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

### Praktis

2

#### Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Setiap tahun pada 31 Ogos, warganegara Malaysia akan menyambut Hari Kebangsaan. Sambutan ini boleh melahirkan jati diri dalam kalangan masyarakat. Seperti kebiasaannya, sambutan Hari Kebangsaan dimulakan dengan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang sebagai menandakan bermulanya kempen sambutan Hari Kebangsaan secara besar-besaran di seluruh negara. Pada tahun ini, pemilihan tema Malaysia Prihatin untuk sambutan Hari Kebangsaan telah memberikan makna mendalam kepada rakyat Malaysia keseluruhannya kerana negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk mengibarkan Jalur Gemilang di depan rumah masing-masing. Kakitangan kerajaan dan swasta juga perlu melakukan perkara yang sama di pejabat masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada Keadilan dan Kesamarataan  
Oleh Mohd Zaini Othman, *Harian Metro*, 6 Ogos 2020

- (i) \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

[8 markah]

**Soalan 2**

Berdasarkan petikan di bawah, **bina enam ayat tanya yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.**

Tahun ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan mengadakan perbarisan khas sempena sambutan Hari Angkatan Tentera. Sambutan akan diadakan pada 16 September. Sambutan akan diadakan di Tambatan Pangkalan TLDM Lumut. “Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama” dipilih sebagai tema sambutan. Pelbagai acara akan diadakan sempena hari terbuka itu yang pasti memberikan peluang kepada orang ramai menyaksikan persembahan hebat membabitkan ketenteraan selain pelbagai aktiviti menarik seperti pameran aset tentera, “eco-challenge” dan promosi kerja ATM. Sambutan Hari Angkatan Tentera bertujuan menekankan kepentingan kerjasama antara pasukan keselamatan dan rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara. Yang Di-Pertuan Agong menjadi tetamu kehormat dalam majlis tersebut. ATM turut menerbitkan sebuah klip video berdurasi 50 saat sempena sambutan Hari ATM ke-86 sebagai menghargai jasa dan pengorbanan pasukan pertahanan negara.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_
- (v) \_\_\_\_\_
- (vi) \_\_\_\_\_

[6 markah]

**Soalan 3**

Dalam Petikan 1 terdapat **enam kesalahan bahasa**, manakala Petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Sarang burung walet mempunyai pelbagai manfaat yang telah diketahui umum. Pengambilan dan amalan memakan sarang burung walet dalam jangkamasa panjang dipercayai dapat melegakan kesan penuaan. Enzim yang cergas dalam sarang burung turut meransang antibodi sekali gus dikuatkan lagi sistem imun dalam badan bagi melawan penyakit.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3				6			

[6 markah]

**Petikan 2**

Kita akan mendapat ilmu pengetahuan yang luas di perpustakaan kerana di situ terdapat himpunan buku-buku daripada pelbagai cabang ilmu. Terdapat buku-buku fesyen dan buku-buku ilmiah yang bermutu untuk rujukan ramai orang khususnya murid sekolah. Suasana di dalam perpustakaan yang selesa, tegang dan sunyi amat sesuai untuk pengunjung membaca buku dan mengulangkaji pelajaran.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3							

[5 markah]

#### Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, di bawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang menyampaikan titah raja barang sesuatu.

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

---



---



---



---



---



---



---

[6 markah]

#### Soalan 5

Tulis **satu ayat** bagi setiap peribahasa di bawah ini.

- (i) Segan bertanya sesat jalan

---



---

- (ii) Untung sabut timbul, untung batu tenggelam.

---



---

[4 markah]

### Praktis

3

#### Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata ganda**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Keindahan desa dengan kicauan pelbagai spesies burung berwarna-warni yang terbang bebas di ruang angkasa dan bertenggek di ranting pohon menghijau antara pemandangan alam semula jadi yang begitu mendamaikan. Keunikan sarang burung tempua yang terjantai di dahan-dahan pokok pula mempunyai tarikan yang tersendiri kerana kekemasan buaatannya biarpun hanya menggunakan paruh. Berjalan-jalan sambil menikmati suasana yang mendamaikan membuatkan sesiapa sahaja akan leka. Suasana akan lebih indah apabila menyaksikan sekumpulan anak muda bermain layang-layang ketika angin bertiup kencang.

Dipetik dan diubah suai daripada Sarang Burung Tempua Jadi Tarikan  
Oleh Noorazura Abdul Rahman, *Berita Harian*, 20 September 2020

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[8 markah]

**Soalan 2**

*Tukar ayat tunggal di bawah menjadi tiga ayat majmuk tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kos melancong di luar negara mahal. Melancong di dalam negara lebih murah. Melancong di dalam negara dapat membantu ekonomi negara berkembang. Banyak pekerjaan dapat diwujudkan. Kebanyakan rakyat Malaysia suka pergi bercuti ke luar negara. Mereka berasa bangga pergi bercuti ke luar negara. Pelancong asing suka datang ke negara kita. Mereka memuji keindahan negara kita. Negara kita kaya dengan flora. Negara kita ada pelbagai spesies fauna.

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[6 markah]

**Soalan 3**

*Dalam Petikan 1 terdapat enam kesalahan bahasa, manakala Petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**Petikan 1**

Kebanyakan orang ragu-ragu untuk mengambil makanan pedas dalam diet harian mereka. Sebenarnya makanan pedas bertindak sebagai pembakar kalori yang afektif. Para penyelidik-penyelidik mencadangkan bahawa ekstrak pedas mempunyai potensi untuk dirawat asma dan penyakit hipersensitif yang lain. Makanan pedas mempunyai tindakan pengawit yang melambatkan kerosakan makanan. Oleh kerana itu, kita perlu mempunyai ilmu untuk berdiet. Tanpa ilmu, kita akan beramal diet yang salah.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3				6			

[6 markah]

**Petikan 2**

Terdapat pelbagai cara untuk merealisasikan amalan gaya hidup sihat di dalam kehidupan seharian kita. Antara langkahnya ialah kita hendaklah menjalani peperiksaan kesihatan yang berkala di pusat perubatan. Langkah ini penting agar supaya kita mengetahui taraf kesihatan kita sama ada kita sihat atau kita menghidap penyakit tertentu.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3							

[5 markah]

#### Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, “Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, ‘Jangan tiada dikasihi anakku ini,’ kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.”

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

---

---

---

---

---

[6 markah]

#### Soalan 5

Dalam setiap ayat di bawah terdapat peribahasa. Berikan **maksud peribahasa** tersebut.

(i) Azizah berasa sungguh marah akan Pak Cik Johari yang menghina abangnya kerana *cutit paha kanan, paha kiri terasa juga*.

(ii) Zulhisham menasihati anaknya agar tidak menentang ketua kampung itu kerana mereka ibarat *durian dengan mentimun, menggolek rosak, kena golek rosak juga*.

[4 markah]

### Praktis

4

#### Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata hubung**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Keluarga bahagia teras keluarga cemerlang. Jika seisi keluarga mengecap kesenangan dan kebahagiaan sudah pasti pertelingkahan rumah tangga dapat dihindarkan. Ibu bapa yang bersatu dapat menumpukan perhatian terhadap kerjaya dan dapat menyempurnakan tanggungjawab terhadap keluarga. Permuafakatan dalam kalangan anggota keluarga dapat menjamin kerukunan dan kedamaian rumah tangga. Keluarga yang hidup aman damai juga mengutamakan gaya hidup sihat. Lazimnya, mereka akan mengamalkan pemakanan seimbang serta beriadah secara konsisten agar setiap ahli keluarga sihat sepanjang hayat.

Dipetik dan diubah suai daripada *Pentingnya Keluarga Bahagia*  
Oleh Thaarmaaraj Ramanathan, *Dewan Siswa*, April 2020

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[8 markah]



**Soalan 2**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan.

(1) Apabila tiba musim durian, pesta makan durian diadakan. (2) Terdapat pelbagai jenis durian yang berbeza saiz dan rasa. (3) Sungguhpun buah durian kuat baunya, ramai orang suka makan buah durian. (4) Anda boleh memasukkan isi buah durian dalam pelbagai jenis masakan.

(i) Nyatakan jenis ayat (1), (2) dan (4) dalam petikan.

---

(ii) Tukarkan ayat (1) dan ayat (3) kepada ayat susunan biasa.

---



---

(iii) Tukarkan ayat (4) menjadi ayat pasif.

---

[6 markah]

**Soalan 3**

Dalam Petikan 1 terdapat enam kesalahan bahasa, manakala Petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Pertumbuhan gejala sosial semakin meningkat dari masa ke semasa. Kita sering kali melihat di dada akhbar dan mendengar di corong-corong radio mengenai tentang perlakuan negatif yang dilakukan oleh para remaja pada masa kini. Kebejatan sosial di kalangan remaja kini makin meragukan pelbagai pihak.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3				6			

[6 markah]

**Petikan 2**

Tarikh 31 Ogos 1957 sentiasa dipahat dalam ingatan rakyat Malaysia. Tanah Melayu dibebaskan daripada cengkaman penjajahan British selepas dijajah hampir 500 tahun dengan beberapa siri kedatangan penjajah bermula dengan Portugis, Belanda, British dan pendudukan Jepun sebelum kedatangan British semula. Tarikh 16 September 1963 pula, negara Malaysia dibentuk secara rasmi setelah melalui frasa konfrontasi Indonesia dan Filipina yang menuntut kepulauan Borneo atas beberapa faktor-faktor seperti geopolitik dan persejarahan.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3							

[5 markah]

#### Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?”

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

---

---

---

---

---

---

---

---

[6 markah]

#### Soalan 5

Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

(i) Jamil berasa sedih dan pilu kerana cintanya tidak dibalas oleh Jamilah walaupun dia telah banyak berkorban untuk memikat hati Jamilah.

---

(ii) Guru besar tidak berpuas hati dengan jumlah kehadiran murid yang terlalu sedikit ketika menghadiri kelas tambahan yang dianjurkan oleh pihak PIBG sekolah.

---

[4 markah]

### Praktis 5

#### Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata bilangan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Obesiti dapat ditakrifkan sebagai kegemukan yang disebabkan oleh lemak yang berlebihan. Masalah ini telah melanda rakyat Malaysia sejak sekian lama. Obesiti dijangka menjadi punca kematian kedua tertinggi di Malaysia selepas penyakit jantung. Oleh itu, kita haruslah mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Sebahagian daripada masyarakat tidak cakna mengenai obesiti dan enggan menuruti segala saranan Kementerian Kesihatan mengenai gaya hidup sihat. Masyarakat lebih selesa mengamalkan gaya hidup yang diwarisi oleh keluarga masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada Obesiti, Di Manakah Silapnya?  
Oleh Ayu Indasari Razali, *Dewan Siswa*, Mei 2020

(i) \_\_\_\_\_

---

(ii) \_\_\_\_\_

---

- (iii) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

[8 markah]

**Soalan 2**

Baca ayat di bawah dan pisahkan kepada **subjek dan predikat**.

- (i) Harga saham syarikat itu telah jatuh merudum dua hari selepas disenaraikan di bursa saham.  
 Subjek: \_\_\_\_\_  
 Predikat: \_\_\_\_\_
- (ii) Majalah Betik amat digemari oleh golongan remaja sekolah.  
 Subjek: \_\_\_\_\_  
 Predikat: \_\_\_\_\_
- (iii) Presiden Amerika Syarikat mengakui tenteranya terlibat secara tidak langsung menggulingkan kerajaan Mesir.  
 Subjek: \_\_\_\_\_  
 Predikat: \_\_\_\_\_

[6 markah]

**Soalan 3**

Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Sarawak atau lebih dikenali sebagai Bumi Kenyalang adalah negeri terbesar di Malaysia yang terletak dalam Borneo. Sebelum kelahiran Persekutuan Malaysia, Sarawak bebas daripada penjajahan British pada 22 Julai 1963. Selain terkenal dengan keindahan flora dan founa, Sarawak juga unik dari segi kepelbagaian budaya daripada kaum dan etnik yang beza.

Jika berada di kawasan pendalaman, anda boleh melihat rumah panjang klasik yang masih kukuh berdiri. Sarawak amat sangat terkenal dengan rumah panjang yang ditunggu oleh masyarakat Iban, Melanau, Orang Ulu dan Bidayuh. Kebanyakan rumah dibina berjauhan dengan sungai yang menjadi laluan utama bagi masyarakat tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada Menyingkap Keunikan Rumah Panjang Annas Rais oleh Sapphira Izwah Kazaruddin, *Dewan Siswa*, Julai 2020

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				7			
2				8			
3				9			
4				10			
5				11			
6							

[11 markah]

#### Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah Patih Gajah Mada, “Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya.”

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

---

---

---

---

---

---

---

[6 markah]

#### Soalan 5

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **dua** peribahasa yang dapat dikaitkan dengan petikan ini.

Rashid sudah mengecat rumah baharunya walaupun bumbung belum siap dipasang sepenuhnya kerana dia ingin melihat sama ada warna yang dibelinya itu sesuai. Akibatnya, sebahagian besar cat rumahnya telah luntur ketika hujan lebat sehari selepas itu kerana belum cukup kering. Nasib malang Rashid berterusan apabila keesokan harinya pokok mangga yang berhampiran telah tumbang dan menimpa bahagian dapur rumah baharunya itu. Kini dia perlu menambah kos pembinaan rumah tersebut akibat nasib yang menimpanya tetapi dia telah kehabisan wang yang diperuntukkan untuk membina rumah tersebut.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_

[4 markah]

### Praktis

6

#### Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja** dan **dua kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih turut memudahkan orang ramai menyebarkan berita palsu dengan begitu cepat melalui media sosial. Selain itu, ketaasuban individu yang mahu menjadi “orang pertama” yang menyebarkan sesuatu berita tanpa menyelidik kesahihannya juga menjadi punca penularan berita palsu. Oleh itu, setiap individu harus bertanggungjawab terhadap perkara yang dikongsikan menerusi media sosial. Hal ini bagi mengelakkan penularan berita palsu, rekaan dan fitnah.

Dipetik dan diubah suai daripada Penularan “Wabak” Berita Palsu  
Oleh Laupa Junus, *Dewan Masyarakat*, Jun 2020

- (i) \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

- (ii) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- [8 markah]

**Soalan 2**

Nyatakan pola ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

- (i) Gambar Mona Lisa lukisan Leonardo da Vinci.  
 \_\_\_\_\_
- (ii) Beberapa orang sedang menanam sayur di kebun.  
 \_\_\_\_\_
- (iii) Kucing adik pandai bermain bola.  
 \_\_\_\_\_
- (iv) Pelancong-pelancong Jerman ke Melaka untuk makan durian.  
 \_\_\_\_\_
- [6 markah]

**Soalan 3**

Dalam Petikan 1 terdapat **enam kesalahan bahasa**, manakala Petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Kajian keturunan melalui analisa merupakan satu perkara biasa di dalam bidang sains di Eropah. Hal ini bermula sejak beberapa dekad yang lalu dan ujian ini didukung oleh perasaan ingin tahu yang sekali tinggi berkenaan sejarah keturunan keluarga. Kemampuan ahli sains menguji keturunan manusia didorong oleh kehadiran asid deoksiribonukleik (DNA), iaitu bahan kimia yang menyimpan genetik maklumat.

	Salah	Betul		Salah	Betul
1			4		
2			5		
3			6		

[6 markah]

**Petikan 2**

Pertubuhan kumpulan media sosial rakan sekerja menyebabkan terpaksa kita bekerja 24 jam sehari. Maklumat berkaitan dengan pekerjaan dan tugas di tempat kerja disampaikan pada bila masa sahaja, walaupun selepas habis waktu bekerja ataupun pada hari cuti. Aktiviti ini memberikan impak kepada hubungan di antara anggota keluarga kerana fokus terhadap keluarga berkurangan.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3							

[5 markah]

#### Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka tiada disahuti oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya.”

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

---



---



---



---



---

[6 markah]

#### Soalan 5

Tulis **satu** ayat bagi setiap peribahasa berikut. Ayat anda hendaklah dapat memberikan maksud peribahasa tersebut.

- (i) bagai telur di hujung tanduk

---



---

- (ii) bagai dakwat dengan kertas

---



---

[4 markah]

### Praktis 7

#### Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Oleh sebab bimbang akan penularan wabak penyakit, warga Sekolah Kebangsaan Sinderut telah mengadakan gotong-royong membersihkan kampung orang asli di situ. Kerja-kerja sukarela itu dilakukan untuk memastikan kebersihan di kawasan kampung terjaga. Sambutan ibu bapa dan murid begitu luar biasa terhadap program yang dijalankan dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.30 tengah hari. Sebelum majlis itu berakhir, guru besar mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang ditunjukkan oleh masyarakat di kampung itu.

Dipetik dan diubah suai daripada Murid, Guru Gotong-royong Bersihkan Kampung  
Oleh Roselan Ab Malek, *Berita Harian*, 8 Januari 2020

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[8 markah]

**Soalan 2**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan.

(1) Kita perlu mengurangkan pembelian makanan dalam tin. (2) Makanan tersebut dibungkus secara berlebih-lebihan untuk menjaga kandungannya. (3) Selain itu, makanan tersebut mengandungi bahan tambahan seperti garam, gula, pewarna dan perasa tiruan. (4) Sebaliknya, belilah sayur-sayuran yang ditanam secara semula jadi atau organik. (5) Kesimpulannya, anda mampu melakukan banyak perkara untuk melindungi alam sekitar sekali gus menjaga kesihatan ahli keluarga.

- (i) Nyatakan jenis ayat (1), ayat (3), dan (5).  
\_\_\_\_\_
- (ii) Tukar ayat (2) menjadi ayat songsang  
\_\_\_\_\_
- (iii) Nyatakan penanda wacana yang terdapat dalam petikan di atas.  
\_\_\_\_\_
- (iv) Tukarkan ayat (5) menjadi ayat pasif  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[6 markah]

**Soalan 3**

Dalam Petikan 1 terdapat enam kesalahan bahasa, manakala Petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Pada masa kini, amalan membuang masa dengan melayari Internet pada waktu bekerja semakin berleluasa. Ini mungkin disebabkan oleh terdapatnya keperluan Internet di pejabat dan majikan menganggap pekerjaanya sibuk bekerja di hadapan komputer. Realitinya ramai pekerja-pekerja sedang menonton vidio, membeli barang secara atas talian ataupun mengemas kini status di media sosial.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3				6			

[6 markah]



**Petikan 2**

Pertandingan sukan yang bertaraf antarabangsa akan mempromosikan negara kita. Setiap kejohanan yang dianjurkan biasanya diterbitkan secara langsung melalui siaran televisyen di seluruh dunia. Oleh yang demikian, rakyat negara lain yang juga peminat setia sesuatu jenis sukan boleh mengetahui berbagai keunikan dan keistimewaan negara kita. Selain daripada itu, pihak penganjur juga turut mengadakan diskaun untuk menarik kehadiran penonton.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3							

[5 markah]

**Soalan 4**

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku andika Betara, endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patik alahkan?”

Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, “Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya engkau kujadikan penggawa agung.”

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

---

---

---

---

---

---

---

---

[6 markah]

**Soalan 5**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Fatimah membeli sepasang kasut yang mahal kerana menurutnya biarpun kasut itu mahal tetapi selesa dipakai dan tahan lasak. Fia berasa tidak rugi membelinya kerana (i) \_\_\_\_\_. Fatimah juga berasa lebih untung kerana kasut yang mahal itu lebih tahan lama. Sekiranya dia membeli kasut yang murah, biasanya dia terpaksa membeli kasut baharu dalam tempoh yang singkat. Sikap Fatimah ini sama seperti ibunya kerana (ii) \_\_\_\_\_. Mereka berdua tidak suka membazirkan wang untuk membeli barang yang tidak bermanfaat.

[4 markah]

**Soalan 1**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata ganda**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Individu yang tidur di dalam kereta dengan enjin masih dihidupkan berisiko untuk mati lemas akibat terhidu gas karbon monoksida. Gas ini menjadi toksik kepada manusia dan haiwan dalam kepekatan yang tinggi. Semua orang berisiko mendapat keracunan karbon monoksida jika terdedah kepada gas tersebut. Antara yang berisiko ialah orang tua, kanak-kanak, mereka yang mudah tercungap-cungap akibat masalah pernafasan dan jantung, mereka yang menghidap masalah kekurangan darah serta mereka yang menghidap masalah sawan. Ibu bapa hendaklah menasihati anak-anak dan saudara-mara supaya tidak tidur di dalam kereta bagi mengelakkan risiko mati lemas.

Dipetik dan diubah suai daripada Karbon Monoksida Gas Bertoksik yang Membunuh  
Oleh Dr. Haliza Abdul Rahman, *Sinar Harian*, 23 September 2020

- (i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[8 markah]

**Soalan 2**

Tukar **ayat pasif** di bawah kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Si Comot dibawa oleh Amira ke klinik haiwan untuk diberikan suntikan vaksin.  
\_\_\_\_\_
- (ii) Kawasan sekeliling surau yang semak ini kami bersihkan sejak pagi tadi.  
\_\_\_\_\_
- (iii) Hamid disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana disyaki melakukan pecah amanah terhadap wang syarikatnya.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[6 markah]

**Soalan 3**

Dalam Petikan 1 terdapat **enam kesalahan bahasa**, manakala Petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Banyak rumusan kajian menunjukkan aktiviti tidur seketika pada waktu siang penting untuk kesihatan. Kajian mengesyorkan tidur jenis ini memberikan impak terhadap kesihatan mental dan fizikal seorang. Tidur seketika pada waktu siang terbukti mampu meningkat naik produktiviti dan keberkesanan pembahagian masa pekerja.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3				6			

[6 markah]

### Petikan 2

Memandangkan pendidikan adalah anak kunci perubahan maka pelbagai usaha-usaha perlu dilaksanakan bagi menambah peluang pendidikan dan latihan untuk wanita. Ibubapa perlu diberikan kesedaran agar memberikan peluang pada anak-anak perempuan untuk belajar dalam pelbagai bidang. Pihak kerajaan juga perlu menyediakan kesenangan bagi wanita yang bekerja selepas mereka menjadi ibu.

Salah		Betul		Salah		Betul	
1				4			
2				5			
3							

[5 markah]

### Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

“Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian?”

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

---



---



---



---



---



---



---

[6 markah]

### Soalan 5

Dalam petikan di bawah terdapat **dua** peribahasa. Kenal pasti peribahasa tersebut, kemudian berikan maksud.

Azlan telah lama berkawan dengan Alea sejak mereka mula bekerja di pejabat yang sama. Azlan ingin memperisteri Alea namun impiannya hancur seperti kaca terhempas ke batu kerana pinangannya ditolak oleh ayah Alea. Azlan cuba melupakan kekecewaannya dengan berpindah tempat kerja. Dia berjanji untuk meningkatkan kehidupan keluarganya agar tidak dihina oleh orang kaya lagi. Baginya di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

(i) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

[4 markah]



## FORMAT PEPERIKSAAN

- 1 Calon akan diberikan dua petikan yang mempunyai tema yang hampir sama.
- 2 Petikan akan diambil daripada majalah, akhbar dan Internet.
- 3 Calon akan diajukan empat soalan. Kemungkinan soalan ialah:
  - (a) Maksud frasa
  - (b) Persamaan dan perbezaan daripada dua petilan
  - (c) Soalan KBAT berdasarkan petikan
  - (d) Soalan KBAT, masih berdasarkan petikan

## PANDUAN MENJAWAB

- 1 Calon akan diajukan empat soalan yang membawa 12 markah dengan pecahan 2 markah, 3 markah, 3 markah dan 4 markah.
- 2 Calon diminta membaca petikan dan membuat perbandingan sebelum menjawab soalan yang diajukan.
- 3 Calon perlu melihat markah untuk menentukan jumlah isi yang patut disertakan.
- 4 Sekiranya 3 markah, perlu kemukakan dua isi. Sekiranya 4 markah, perlu kemukakan empat isi atau 2 isi (dengan huraian). Huraian yang baik perlu menyatakan SUKA (supaya / untuk / kerana / agar).
- 5 Pemarkahan bahasa akan dinilai secara *impression*.

## Praktis 1 MuLus Pencemaran Alam

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

## Bahan 1

Sejak belakangan ini, rekod kualiti alam sekitar di negara ini menunjukkan kemerosotan baik dalam soal kualiti air, udara, sampah sarap atau tanah. Prof. Datuk Dr. Mohd Ekhwan Toriman menyatakan 25 batang sungai dilaporkan tercemar dengan Johor mencatat kadar tertinggi, diikuti Pulau Pinang dan Melaka. Pembangunan negara yang pesat dalam pelbagai bidang turut *menyumbang kemerosotan* kualiti alam sekitar. Hari ini, tanpa kita sedari hubungan antara kesihatan dengan keselamatan, terutama bagi masyarakat bandar kian terancam.

Kualiti udara negara juga terjejas akibat pencemaran yang berpunca daripada asap, habuk, gas karbon dioksida, monoksida dan metana, bahkan mengandungi virus serta kuman yang boleh menyebarkan penyakit melalui pernafasan, sentuhan atau pendedahan secara langsung. Pertambahan jumlah penduduk di negara ini turut menyumbang peningkatan penajaan sampah sarap, terutama di kawasan bandar. Secara semula jadi, alam sekitar boleh menyerap pencemaran jika kuantitinya sedikit.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kemerosotan Kualiti Alam Sekitar Jejaskan Keselamatan dan Kesejahteraan Hidup Masyarakat Bandar” oleh Prof. Madya Dr. Haryati Shafii, *news.uthm.edu.my*

## Bahan 2

SUNGAI PETANI – Suspek yang membakar tapak pelupusan sampah di Semeling sehingga mengakibatkan kebakaran besar sejak lima hari lalu ditahan ketika sedang membakar kabel, kira-kira pukul 2.00 petang tadi. Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Penolong Pesuruhjaya Adzli Abu Shah berkata, suspek berusia 35 tahun ditahan kerana disyaki menyebabkan kebakaran di tapak pelupusan sampah terbabit.

“Setakat ini, lelaki itu mengakui telah membakar longgokan sampah bagi mendapatkan tembaga dan barangan bernilai,” katanya. Beliau berkata, hasil laporan bomba mendapati terdapat unsur-unsur jenayah khianat hasil daripada tangkapan suspek itu. Beberapa kilogram tembaga dan wayar yang dicuri turut dirampas. Katanya, suspek akan direman bagi membantu siasatan. Hasil ujian air kencing mendapati lelaki terbabit positif dadah jenis morfin. Siasatan akan dijalankan mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksaan dan Seksyen 29A Akta Alam Sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada “Suspek Bakar Tapak Pelupusan Sampah Ditahan” oleh Siti Zubaidah Zakaraya, *Sinar Harian*, 24 Januari 2020

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *menyumbang kemerosotan*.  
Rangkaian kata bermaksud \_\_\_\_\_ [2 markah]
- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan punca kualiti udara terjejas dan usaha kerajaan menangani masalah tersebut?  
Kualiti udara terjejas akibat pencemaran yang berpunca daripada asap, habuk, gas karbon dioksida, monoksida dan metana, bahkan mengandungi \_\_\_\_\_. Usaha kerajaan menangani masalah tersebut dengan menangkap suspek yang \_\_\_\_\_ [3 markah]
- (iii) Masalah pencemaran alam terus berlaku walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan. Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat berterusan melakukan pencemaran alam sekitar?  
Pencemaran alam terus berlaku disebabkan oleh masyarakat bersikap mementingkan diri sendiri kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Seterusnya, hukuman yang dikenakan \_\_\_\_\_ [3 markah]
- (iv) Kumpulan anda ditugaskan oleh Kelab Pencinta Alam Sekitar untuk membersihkan pantai yang tercemar. Nyatakan usaha-usaha dilakukan oleh kumpulan anda untuk menarik perhatian orang ramai agar mengunjungi pantai yang sebelum ini sepi daripada perhatian masyarakat. Apabila kami memperoleh tugas, kami terus mengedarkan maklumat kepada penduduk setempat menerusi media sosial dan risalah agar bersama-sama mengadakan gotong-royong membersihkan pantai pada waktu dan tarikh yang ditetapkan. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [4 markah]

## Praktis 2 MuLus

## Kesihatan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Secara umum, ramai menyedari kepentingan sarapan terutamanya kepada anak-anak yang bersekolah supaya bertenaga untuk memulakan hari, tetapi ramai yang mengabaikannya. Sarapan penting kerana menjadi hidangan pertama untuk anak-anak selepas lebih 10 jam tidak makan. Sarapan yang diambil akan membantu meningkatkan paras glukosa dalam badan semula dan seterusnya membekalkan tenaga untuk menjalani aktiviti harian. Glukosa ialah sumber tenaga utama kepada badan yang memberikan tenaga mencukupi agar kekal fokus terhadap proses pembelajaran.

Oleh itu, menu sarapan yang disarankan adalah antara 300 kcal hingga 500 kcal (kalori). Menu ini sepatutnya mempunyai gabungan karbohidrat, protein, sayur-sayuran, buah-buahan, lemak, susu dan tenusu. Setiap makanan yang diambil dapat menyumbang tenaga kepada anak-anak, namun sumber utama bagi membekalkan tenaga ialah makanan yang kaya dengan karbohidrat. Sumber lain seperti protein, lemak dan serat membantu membekalkan nutrien lain yang juga diperlukan oleh badan untuk tumbesaran yang baik.

Dipetik dan diubah suai daripada "Sarapan Bekal Nutrisi, Tingkat Perkembangan Otak Anak" oleh Halina Mohd Noor, *Berita Harian*, 11 Januari 2020

**Bahan 2**

Kegemukan atau obesiti ialah penyakit kronik yang sedang menular dalam kalangan masyarakat dunia termasuklah Malaysia. 10 tahun dahulu, obesiti hanyalah dikenal pasti sebagai faktor risiko kesihatan terutamanya untuk penyakit kardiovaskular, khususnya penyakit jantung. Namun, *bersandarkan penemuan* saintifik baharu sejak lima tahun belakangan ini, masalah obesiti ternyata penyakit yang membawa kesan buruk terhadap kesihatan dan menyebabkan penyakit serius kepada individu obesiti yang mempunyai penyakit jantung dan diabetes.

Pada tahun 2003 – 2004, Amerika Syarikat mencatatkan 32.2 peratus orang dewasa mengalami obesiti. Manakala di negara kita, statistik pada tahun 2011 mencatatkan 15.10 peratus rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas mengalami obesiti. Berdasarkan statistik tersebut menunjukkan bahawa seramai 2.6 juta populasi dewasa di Malaysia mengalami obesiti seterusnya menjadikan Malaysia negara tertinggi mempunyai kadar obesiti antara negara-negara Asia Tenggara.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kegemukan (Obesiti)”,  
Portal My Health Kementerian Kesihatan Malaysia

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *bersandarkan penemuan*.

Rangkai kata bermaksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, penjagaan makanan ada kaitan dengan tahap kesihatan setiap individu. Nyatakan kandungan makanan seimbang ketika bersarapan dan bukti obesiti yang dialami oleh rakyat Malaysia berdasarkan kajian yang dilakukan.

Kandungan makanan seimbang ketika bersarapan ialah menu \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

- (iii) Kanak-kanak dan remaja sekarang mengabaikan makanan yang seimbang. Pada pendapat anda, mengapakah hal ini boleh berlaku?

Kanak-kanak dan remaja mengabaikan makanan yang seimbang kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

- (iv) Oleh sebab anda mengalami obesiti, anda telah dipilih menyertai Program Cabaran Ramping Sihat. Nyatakan usaha-usaha yang anda lakukan agar menjuarai program tersebut.

Untuk memastikan saya menjuarai program tersebut, saya akan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

KUALA LUMPUR: Seramai 20.1 juta orang pelancong antarabangsa berkunjung ke Malaysia sepanjang Januari hingga September tahun lalu yang *menjanakan pendapatan* sebanyak RM66.1 bilion. Menurut Laporan Pencapaian 2019 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Program Pengalaman Homestay Malaysia yang bertujuan memperkukuh ekonomi luar bandar telah menjanakan pendapatan sebanyak RM29.7 juta dengan membabitkan kedatangan 458 899 orang pelancong.

Pendapatan sektor kebudayaan pula berjumlah RM585.4 juta yang merangkumi hasil kluster seni budaya kraf dan seni visual (RM547.9 juta), seni persembahan (RM28.7 juta), warisan budaya (RM4.1 juta) dan lain-lain sebanyak RM4.7 juta. Sementara itu, prestasi kehadiran pelawat ke Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) serta acara dan premis kebudayaan bagi tahun lalu seramai 29.3 juta orang.

Dipetik dan diubah suai daripada “Malaysia Catat RM66.1 Bilion Pendapatan Pelancongan”,  
*Berita Harian*, 24 Januari 2020

### Bahan 2

Pelancongan menjadi industri ketiga terpenting negara selepas pembuatan dan komoditi. Namun 3.5 juta orang pekerja dalam sektor itu terkesan akibat penularan pandemik COVID-19. Alasan utama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang panjang menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan perniagaan. Kos operasi terpaksa ditanggung, namun tiada keuntungan berikutan ketiadaan pelanggan apabila sempadan negara ditutup sepenuhnya kepada pelancong asing.

Mereka juga memberikan alasan tempahan yang dibuat pelancong asing telah dibatalkan. Dalam satu laporan, pembatalan tempahan bilik hotel ketika itu mencecah RM58 juta. Kerajaan melalui pelan rangsangan ekonomi seperti Pakej Prihatin Nasional (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) memberikan beberapa insentif kepada sektor ini. Antaranya insentif langsung termasuk pengecualian cukai pelancongan sehingga Disember 2020, pembayaran ansuran cukai ditangguhkan dan geran padanan RM100 juta untuk mengekalkan pekerja mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada “Strategi Pemasaran Kreatif Pulih Sektor Pelancongan”  
oleh Prof. Dr. Rohaizat Baharun, *Berita Harian*, 7 Julai 2020

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *menjanakan pendapatan*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_

[2 markah]

- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, berkaitan dengan industri pelancongan.

Nyatakan hasil ekonomi yang diperoleh penduduk luar bandar menerusi industri ini dan usaha kerajaan untuk merencanakan industri pelancongan yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 semula.

Menerusi industri pelancongan, \_\_\_\_\_

---



---



---

[3 markah]



(iii) Seramai 29.3 juta orang pelancong mengunjungi Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Pada pendapat anda, mengapakah kita memerlukan pengiktirafan sesuatu peninggalan lama itu sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO?

Kepentingan pengiktirafan tersebut adalah untuk \_\_\_\_\_

---

---

---

[3 markah]

(iv) Kawasan tempat anda tinggal berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan.

Nyatakan usaha yang anda dan penduduk setempat lakukan untuk menjadikan kawasan tempat tinggal sebagai kawasan pelancongan?

Saya dan wakil penduduk setempat akan \_\_\_\_\_

---

---

---

---

[4 markah]

## Praktis 4 SPM

## Patriotisme

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Kejayaan negara hari ini berlandaskan liku-liku sejarah negara yang dilalui bersama dengan anggota masyarakat terdahulu. Generasi hari ini perlu menginsafi dan menyedari bahawa Malaysia hari ini bukanlah sebuah negara yang dapat dibina sekelip mata, tetapi melalui lipatan sejarah yang panjang dengan penuh keunikan dan wajar diamati serta difahami dari sudut sejarah.

Penjajahan Portugis, Belanda, British dan Jepun yang pernah meragut kekayaan dan kemakmuran negara sudah dihadapi oleh masyarakat terdahulu sehinggalah terbentuknya sebuah negara yang bebas, merdeka dan berdaulat. Memahami sejarah silam negara amat penting kerana mempunyai nilai yang penuh dengan iktibar dan pengajaran. Sebagai rakyat Malaysia yang berjati diri, mempunyai nilai toleransi dan berakhlak mulia, kita harus bertindak bijak dan tidak mudah dipengaruhi oleh *sebarang provokasi* dalam apa-apa jua bentuk atau pengaruh seperti berita palsu, diayah dan fitnah media sosial yang berleluasa pada masa ini.

Dipetik dan diubah suai daripada "Air Mata, Darah dan Keringat"  
oleh Prof. Madya Dr. Khairi Ariffin, *Harian Metro*, 1 September 2020

### Bahan 2

Dalam menyambut ulang tahun kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos, janganlah kita melupakan peristiwa Bukit Kepong di Muar, Johor pada tahun 1950 yang menyimpan kenangan sejarah berdarah semasa darurat pertama di Tanah Melayu. Tragedi berdarah serangan Balai Polis Bukit Kepong itu berlaku semasa tempoh darurat ketika Tanah Melayu dalam proses rundingan untuk mendapatkan kemerdekaan. Serangan hendap pada awal pagi 23 Februari itu telah dilakukan oleh kira-kira 180 orang penganas Parti Komunis Malaya (PKM).

Seramai 17 anggota polis telah terkorban dalam pertempuran menentang serangan komunis dan balai polis serta berek tempat anggota polis tinggal turut dibakar sehingga hangus. Keseluruhan anggota polis yang terkorban dalam tragedi itu berjumlah 25 orang termasuk ahli keluarga anggota polis dan penduduk kampung. Pengorbanan pejuang negara dalam mempertahankan tanah air semasa darurat pertama sedikit sebanyak telah mengekang penularan aktiviti penganas komunis.

Dipetik dan diubah suai daripada "Pengajaran Kisah Bukit Kepong"  
oleh Dr. Amelia Yuliana Abd. Wahab, *Utusan Malaysia*, 10 September 2020

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *sebarang provokasi*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, isu yang disentuh berkaitan dengan sejarah. Nyatakan faedah memahami sejarah silam dan terangkan tragedi yang berlaku pada 23 Februari 1950.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

- (iii) Mata pelajaran Sejarah kurang diminati oleh murid. Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini boleh berlaku?

Mata pelajaran Sejarah kurang diminati oleh murid kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

- (iv) Anda telah dilantik sebagai Pengerusi Minggu Sejarah yang akan diadakan tidak lama lagi. Berikan cadangan kepada ahli jawatankuasa untuk memastikan program tersebut mendapat sambutan yang meriah daripada murid-murid. Cadangan saya kepada ahli jawatankuasa untuk memastikan program Minggu Sejarah mendapat sambutan yang meriah daripada murid ialah \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]

## Praktis 5 SPM

## Bahasa

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Keyakinan anak bangsa sangat penting untuk memastikan bahasa Melayu terus berada pada kedudukan yang sepatutnya. Bahasa Melayu bukan pula hak mutlak orang Melayu, tetapi milik masyarakat majmuk Malaysia. Kini, murid disogokkan dengan pelbagai bahan rujukan yang ditulis dalam pelbagai bahasa asing, terutama bahasa Inggeris. Bahasa Melayu seakan-akan ditolak ke tepi, ditinggalkan dan seolah-olah dianaktirikan di bumi sendiri.

Cabaran globalisasi pada masa ini meninggalkan kesan mendalam kepada bahasa Melayu. Kecenderungan ekonomi negara ke arah perindustrian menyebabkan peningkatan kemasukan organisasi multinasional ke Malaysia. Hal ini mewujudkan dilema dalam kalangan masyarakat dan pemimpin. Rakyat perlu menguasai bahasa Inggeris, tetapi pada masa sama bahasa Melayu harus dipertahan dan dimartabatkan. Keadaan ini akhirnya membawa kepada kekeliruan semua pemegang taruh.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kembalikan Kegemilangan Bahasa Melayu ke Persada Dunia”  
oleh Prof. Dr. Zafir Khan Mohamed Makhbul, *Berita Harian*, 18 Jun 2020

**Bahan 2**

Lambakan karya popular yang menggunakan bahasa rojak, termasuk berunsur khidmat pesanan ringkas dan slanga, boleh menjejaskan kemurnian bahasa Melayu. Karya yang menggunakan bahasa Melayu secara tidak tepat itu telah mendapat sambutan dalam kalangan generasi muda. Sasterawan Negara, Datuk Dr. Anwar Ridhwan, berkata generasi muda ialah golongan paling banyak membaca, sekali gus menjadi *penentu moral* bangsa dan masa depan negara.

Menurutnya, jika generasi muda tidak terbiasa dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul, pasti akan terbawa-bawa dalam kehidupan mereka. Sedangkan merekalah yang akan mengambil alih pentadbiran negara pada masa hadapan. Menurut beliau lagi, karya serius yang dikaitkan dengan fungsi intelektual dan estetika kurang mendapat sambutan berbanding dengan karya popular. Penerbit karya popular memahami minat serta kemahuan generasi muda hingga memilih untuk menerbitkan karya secara *indie* dan berunsurkan *urban* sesuai dengan jiwa mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada “Karya Bahasa Rojak Jejas Generasi Muda” oleh Nurhafizah Maidin, *Bername Harian*, 7 Mac 2020

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *penentu moral*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_ [2 markah]

- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, isu yang disentuh berkaitan dengan bahasa Melayu. Nyatakan dilema yang wujud akibat cabaran globalisasi terhadap bahasa Melayu dan kesannya jika generasi muda tidak menguasai bahasa Melayu.

Dilema yang wujud akibat cabaran globalisasi terhadap bahasa Melayu ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [3 markah]

- (iii) Penggunaan bahasa basahan atau bahasa pasar berleluasa dalam media sosial. Pada pendapat anda, mengapakan fenomena ini boleh berlaku?

Bahasa basahan atau bahasa pasar berleluasa dalam media sosial kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [3 markah]

- (iv) Sekolah anda telah menyertai Program Pertukaran Pelajar dan pesertanya pula terdiri daripada pelajar luar negara yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu. Salah seorang peserta menjadi anak angkat keluarga anda. Nyatakan usaha yang perlu anda lakukan agar peserta tersebut dapat menguasai bahasa Melayu dengan cepat dan lancar?

Untuk memastikan peserta Program Pertukaran Pelajar yang tinggal dengan keluarga saya menguasai bahasa Melayu dengan cepat dan lancar, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [4 markah]

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting dan menjadi aset negara serta penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Kerajaan amat prihatin terhadap kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak pada 17 Februari 1995. Konvensyen ini memberikan tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.

Malaysia amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang merupakan generasi pewaris negara masa hadapan. Oleh itu, kanak-kanak akan diberikan akses kepada maklumat yang berkualiti dan bahan bersesuaian daripada pelbagai sumber supaya kanak-kanak dapat menyertai aktiviti yang berkaitan dengan hal ehwal mereka. Malah, kerajaan menggalakkan media massa dan pihak swasta untuk menyebarkan maklumat yang bersesuaian dan berkualiti.

Dipetik dan diubah suai daripada “Dasar Kanak-kanak Negara”,  
Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat

### Bahan 2

Autisme berlaku tanpa mengira latar belakang kaum, pendidikan, kedudukan dan status sosioekonomi. Statistik menunjukkan terdapat 47 ribu orang autisme berumur antara enam bulan hingga lewat 20-an di Malaysia. Jumlah ini meningkat pada setiap tahun, apabila setiap seorang daripada 150 orang kanak-kanak yang dilahirkan di seluruh dunia memiliki simptom autisme. Walaupun terdapat peningkatan, saintis masih belum dapat mengenal pasti dan tidak mempunyai bukti yang kukuh mengenai punca autisme.

Antara ciri yang jelas pada anak autisme ialah tingkah laku berulang-ulang dan *minat yang terbatas*. Ciri-ciri ini jelas kelihatan pada zaman awal kanak-kanak, iaitu kelewatan perkembangan dalam pertuturan dan bahasa, kurang minat dalam interaksi sosial, mempunyai corak permainan yang ganjil dan tidak menyukai perubahan. Contoh kelewatan perkembangan dalam pertuturan dan bahasa ialah mereka tidak boleh bertutur dan hanya mengeluarkan bunyi sahaja. Sekiranya boleh bertutur, perkataan yang dilafazkan tidak mempunyai makna atau sukar difahami.

Dipetik dan diubah suai daripada “Anak Autisme dan Cabaran Ibu Bapa Berkerjaya”  
oleh Syahrina Hayati Md Jani, *Dewan Masyarakat*, Jun 2020

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *minat yang terbatas*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_

[2 markah]

- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, isu yang disentuh berkaitan dengan kanak-kanak.

Nyatakan tumpuan yang diberikan oleh Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak dan ciri-ciri autisme yang jelas kelihatan pada zaman awal kanak-kanak.

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak memberikan tumpuan terhadap \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[3 markah]

(iii) Isu penderaan kanak-kanak oleh orang dewasa sering diperkatakan dalam masyarakat dan ditularkan di media sosial.

Pada pendapat anda, apakah yang akan anda lakukan jika mendapat tahu jiran anda melakukan penderaan kanak-kanak?

Apabila saya mendapat tahu jiran saya mendera kanak-kanak, saya akan \_\_\_\_\_

---

---

---

[3 markah]

(iv) Kanak-kanak istimewa tergolong dalam kumpulan orang kurang upaya (OKU). Katakanlah adik anda merupakan seorang OKU.

Apakah tindakan yang anda lakukan terhadap adik anda itu?

Pada peringkat awal, saya dan keluarga akan \_\_\_\_\_

---

---

---

---

[4 markah]

PTERS



**Format Peperiksaan**

- 1 Calon akan diberikan dua atau tiga petikan yang mempunyai tema yang hampir sama.
- 2 Petikan akan diambil daripada antologi, majalah, akhbar dan Internet.
- 3 Calon akan diajukan empat soalan. Kemungkinan soalan ialah:
  - (a) Maksud frasa
  - (b) Soalan berdasarkan semua petikan
  - (c) Soalan KBAT berdasarkan petikan
  - (d) Soalan KBAT masih berdasarkan petikan

**Panduan Menjawab**

- 1 Calon akan diajukan empat soalan yang membawa 13 markah dengan pecahan 2 markah, 4 markah, 3 markah dan 4 markah.
- 2 Calon diminta membaca petikan dan membuat perbandingan sebelum menjawab soalan yang diajukan.
- 3 Calon perlu melihat markah untuk menentukan jumlah isi yang patut disertakan.
- 4 Sekiranya 3 markah, perlu kemukakan dua isi. Sekiranya 4 markah, perlu kemukakan empat isi atau 2 isi (dengan huraian). Huraian yang baik perlu menyatakan SUKA (supaya/ untuk/ kerana/ agar).
- 5 Pemarkahan bahasa akan dinilai secara *impression*.

**JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL**



**Praktis 1 MuLus      Harga Diri**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Hakim, cucu Kaduk ialah seorang yang terpelajar. Hal Hakim inilah yang hendak kuceritakan di sini. Dia belajar hingga ke universiti, barangkali berkat namanya yang bermaksud bijaksana itu. Hakim semakin sedar betapa banyaknya ketidakadilan yang sedang berlaku di sekelilingnya. Dunia ini penuh dengan penganiayaan. Pengajiannya telah memberikan dia pencerahan terutama dalam kes tanah datuknya yang telah terlepas ke tangan raja. Dia bercerita dan berbincang dengan sahabat baiknya Azam, seorang mahasiswa jurusan undang-undang. Mereka bersetuju bahawa ini merupakan satu penganiayaan dan mula mengatur strategi untuk menuntut hak yang dirampas.

Dipetik daripada cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” oleh Zurinah Hassan, Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, DBP, 2014

**Bahan 2**

**Gelanggang**

Ini gelanggang kita yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih lima dekad yang lalu satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat dan air mata dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat berpadu kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang *menangkis tohmahan* demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh hati nurani kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah gelanggang jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

**Onn Malini**  
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, 2014.

### Bahan 3

#### Pantun Ilmu

Pohon nyiur tumbuh berjajar,  
Tegak pohon tinggi terlampai,  
Barang siapa tekun belajar,  
Tentu cita-cita akan tercapai.

Rusa berbintik hendak diburu,  
Sayang sungguh tidak ketemu;  
Andai cinta ilmu dan guru,  
Tuntut ilmu janganlah jemu.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menangkis tohmahan*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, tergambar kesungguhan pengarang berusaha mengingatkan pembaca agar menguasai ilmu dan berhati-hati mengharungi kehidupan agar diri tidak tertipu.  
Nyatakan kesungguhan pengarang berdasarkan bahan-bahan tersebut.

Berdasarkan Bahan 1, pengarang menegaskan bahawa ilmu yang dipelajarinya membuatkan dia tahu mengenai kes tanah datuknya \_\_\_\_\_. Berdasarkan Bahan 2, pengarang mengingatkan kita supaya berani menangkis tohmahan untuk \_\_\_\_\_. Seterusnya, berdasarkan Bahan 3, pengarang mahu kita tekun belajar untuk mencapai cita-cita serta \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (iii) Karya sastera sarat dengan nasihat untuk dijadikan iktibar kepada pembaca.

Pada pendapat anda, mengapakah pengarang menitipkan nasihat menerusi karya yang dihasilkannya?

Pengarang menitipkan nasihat menerusi karya yang dihasilkannya kerana sebelum era Internet, kebanyakan masyarakat gemar membaca karya sastera dan peluang itu digunakan oleh pengarang untuk memberikan nasihat secara tidak langsung. Seterusnya, \_\_\_\_\_

[3 markah]

- (iv) Generasi muda yang merupakan tulang negara pada masa hadapan perlu menjaga diri dan menghargai masa. Malangnya, anda mendapati ada sekumpulan remaja yang melepak saban malam di kawasan lapang tidak jauh dari rumah anda.

Sebagai remaja yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini?

Usaha pertama yang saya lakukan ialah saya berbincang dengan persatuan penduduk untuk mencari penyelesaian masalah tersebut. Kemudian, saya bersama-sama wakil penduduk yang disegani akan menemui remaja tersebut untuk menasihati mereka agar pulang ke rumah dan mengisi masa dengan perkara yang berfaedah. \_\_\_\_\_

[4 markah]



Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

#### Tanyalah Diri

Tika melewati A Famosa  
tergamit sejarah masa lalu  
masa keris dan berdaulatan  
tak dapat *membenteng kemaraan*  
orang-orang Portugis  
dengan kepala ilmu baru  
menghujani kota Melaka dengan peluru  
dan memaksa sultan lari ke hulu.

Tahun 1511 telah mengajar kita  
hulubalang berilmu kebal  
tak dapat membendung perpaduan  
semangat keperwiraan yang kental

dicairkan oleh pemimpin  
yang gelap mata dan fikir  
fitnah dan rasuah  
sudah terasuk jiwa  
sedang Tuah dihukum bunuh  
dan Jebat lebih sedia mabukkan darah  
hampir 500 tahun sudah berlalu  
Portugis, Belanda dan Inggeris  
tidak betah lagi bermain untung  
tentang *gold, gospel* dan *glory*  
Melaka sudah lebih 30 tahun mengenal  
nilai kemerdekaan.

**Maarof Saad**  
*Dewan Sastera, DBP, Mac 1988*

### Bahan 2

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaasuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing, bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Dipetik daripada cerpen “Munysi” oleh Husna Nazri,  
*Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul, DBP, 2014*

### Bahan 3

NORA: Kau ni teruklah. Langsung tak ada semangat cinta akan negara sendiri. Jahanam negara kita ini kalau ramai yang berfikiran macam kau. Malu aku ada kawan macam kau.

AIMAN: Janganlah merajuk. Tak baik kau cakap macam tu kepada aku. Hmm, apa kata aku belanja kau sarapan pagi ini?

NORA: Tak payahlah kau gunakan wang kau untuk pujuk aku. Jangan ingat dengan wang kau boleh dapat semua perkara yang kau mahukan.

(AIMAN terkejut dengan tindakan NORA kepadanya. Selama ini mereka sentiasa bersependapat dalam pelbagai perkara. Tetapi tidak pada kali ini. AIMAN kehairanan, lalu terus menuju ke kantin).

SUNDARANI: Kau dapat masuk kem mana?

AIMAN: Kem? Kem Majidi. Hahaha.

SUNDARANI: Sejak bila pula kem itu jadi Kem Latihan Khidmat Negara? Setahu aku, itu kem untuk askar saja. Macam Kem Pulada.

AIMAN: Kau ini lurus bendul betullah. Aku bergurau saja. Cepat betul kau percaya perkara yang aku cakap. Bahaya orang macam kau ini, senang kena tipu. Kau sibuk tanya aku, kau dapat kem mana?

SUNDARANI: Kem De Bana, Jempol.

Dipetik daripada drama "Berkhidmat untuk Negara" oleh Affix Zulkarnaen Adam, Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, DBP, 2014

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *membenteng kemaraan*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, tergambar semangat patriotik dalam kalangan anak watan. Nyatakan punca berlakunya penjajahan, kesan penjajahan dan usaha mewujudkan semangat patriotik dalam kalangan remaja.

Berdasarkan Bahan 1, pengarang menceritakan penjajahan berlaku apabila pemimpin \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Berdasarkan Bahan 2, kesan daripada penjajahan ialah kota besar kehilangan segala  
\_\_\_\_\_. Seterusnya, berdasarkan Bahan 3, sebahagian remaja diwajibkan menyertai \_\_\_\_\_ untuk mewujudkan semangat patriotik.  
[4 markah]

- (iii) Selama lebih 2 000 tahun, negara dijajah sama ada menerusi campur tangan politik atau pendudukan. Kini, penjajahan baharu berlaku menerusi media dan ekonomi.

Berikan pendapat anda tentang penjajahan baharu yang dilakukan oleh kuasa besar dunia. Penjajahan baharu menerusi media seperti Internet, buku dan filem mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat untuk menyokong dan membenarkan tindakan yang dilakukan oleh negara kuasa besar. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.  
[3 markah]

- (iv) Walaupun negara kita sudah merdeka, namun tindak-tanduk masyarakat Malaysia seakan-akan negara kita belum merdeka sepenuhnya.

Ulas pernyataan tersebut dengan bukti-bukti yang sesuai. Banyak tindak-tanduk masyarakat seakan-akan negara kita belum merdeka sepenuhnya, antaranya penggunaan bahasa Melayu yang dianggap kelas rendah berbanding dengan bahasa Inggeris. Seterusnya, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.  
[4 markah]

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Barang siapa tidak takut Tuhan,  
Hidupnya tidak akan bertahan.

Barang siapa tidak pernah puasa,  
Hidupnya akan penuh dosa.

Barang siapa meninggalkan solat,  
Bererti dia berbuat maksiat.

Barang siapa tidak mengeluarkan zakat,  
Hartanya tidak akan mendapat berkat.

Barang siapa mampu melaksanakan haji,  
Tentulah orangnya patut dipuji.

Barang siapa berkuasa mengabaikan rakyat,  
Akan disumpah masyarakat sepanjang hayat.

**Ulin Nuha Masruchin,**  
*Buku Pintar Majas, Pantun dan Puisi, 2017*

### Bahan 2

Belum sempat Kak Chah dan Shahmeem menjawab, seorang lelaki dewasa bertubuh tegap, berbaju-T dan berseluar panjang hitam serta berwajah serius, datang dan memegang beg plastik remaja kurus itu. Remaja itu cuba lari, tetapi lelaki bertubuh tegap itu berjaya menendangnya sehingga tersungkur. Aku begitu terkejut sehingga terlupa menjerit. Seorang lagi lelaki dewasa Turki datang mengambil beg plastik hitam yang terjatuh.

*“We are police. They all sell black market things,”* ujar lelaki Turki yang kedua.

Aku sempat melihat air mata merembes dari pipi remaja kurus tadi. Barangkali ketakutan, barangkali kesakitan. Puisi Mevlana Celaleddin Ar-Rumi tentang kemanusiaan sekali lagi bergema di hatiku. Nampaknya tiada belas kasihan terhadap perjuangan meneruskan hidup jika melanggar peraturan.

Dipetik daripada cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” oleh Maskiah Haji Masron, Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, DBP, 2014

### Bahan 3

#### Sang Gembala Kuda

Dia lelaki bergelar perkasa  
dengan cemeti keberanian di tangan  
rembat angkuhnya memacu takut  
menghalau kuda-kuda di padang  
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang  
adalah kanun janji kesetiaan  
dimamah rakus kala lapar  
tak peduli nasib diri setelah kenyang  
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa  
sesekali suaranya lebih gempita  
daripada ringkik kuda sekandang

pacunya diiring seribu keberanian  
*meredah onak* di rimba perburuan  
meranduk lumpur di paya penindasan

sambil melibas cemeti durjana  
dia melempar muslihat  
aku penyelamat maruah  
berjuang atas kebenaran  
menentang semua kebobrokan.

**Mohd. Hashim Othman**  
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
DBP, 2014

(i) Berdasarkan **Bahan 3**, berikan maksud *meredah onak*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_ [2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, pengarang ada memaparkan sikap orang yang lebih berkuasa. Nyatakan sikap tersebut dalam setiap petikan.

Menerusi Bahan 1, orang berkuasa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [4 markah]

(iii) Pihak berkuasa menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk melancarkan pentadbiran dan menguatkuasakan undang-undang negara. Berikan pendapat anda tentang peranan masyarakat terhadap pihak berkuasa.

Peranan masyarakat terhadap pihak berkuasa ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [3 markah]

(iv) Setiap negara mempunyai peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa di sana. Sekiranya anda berpeluang bercuti ke negara asing bersama-sama keluarga, apakah yang patut anda lakukan untuk menjaga diri dan memastikan percutian berjalan lancar?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [4 markah]

**Praktis 4 SPM**

**Usia**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

[www.sibermerdeka.com.my](http://www.sibermerdeka.com.my)

Dalam kebun diriku  
aku tanam saujana rancangan  
untuk memerdekakan warga susahku  
hidup menentang senja dan malam.

Dalam parlimen diriku  
aku bahas isu onak dan enak  
untukku merdekakan warga fikirku  
mengelak hidup dikotak-katikkan.

Dalam laut diriku  
ombak gelora menampar pantai aman  
untuk menguji amal dan iman.

Dalam gergasi diriku  
terperdaya jua oleh permainan si kancil  
namun sempat sedar dan beringat lagi.

Dalam pentas diriku  
aku berlatih menangkis angin  
aku berlatih memungkah awan  
menghayati skrip demi skrip  
yang tak diduga klimaksnya.

Dalam dewan diriku  
aku tak cemas lagi  
oleh kata yang mengekang  
aku tak lemas lagi  
oleh kata yang menyerang.

Kini, kapal diriku telah berlabuh di pangkalan usia  
aku turun darinya menghadapi hidup nyata  
peristiwa datang peristiwa pergi  
bagai siang memanggil malam  
dan sibermerdeka terus berkaca  
terus mengalirkan arus ingatan  
elakkan dirimu menjadi sia-sia  
hamparkan dirimu di persada Tuhan.

**Abdul Ghaffar Ibrahim**  
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
DBP, 2014

## Bahan 2

### Syair Bidasari

Ada raja suatu negeri,  
Sultan halifah akas bestari,  
Asalnya baginda raja yang bahari,  
Melimpah ngadil dagang senteri.

Hairan orang empunya temasya,  
Baginda itulah raja perkasa,  
Sangat tiada merasai susah,  
Entah pada esok dan lusa

Seri sultan raja bestari,  
Setelah ia sudah beristeri,  
Beberapa bulan beberapa hari,  
Hamillah puteri permaisuri.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,  
Baginda duduk bersuka-sukaan,  
Datanglah *beroleh kedukaan*,  
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
DBP, 2014

## Bahan 3

### Pantun Nasihat

Turun ke laut menangkap ikan,  
Jala diletak di dalam sampan;  
Tolong-menolong kita amalkan,  
Beroleh bahagia masa depan.

Indah sungguh kota Mekah,  
Kota suci banyak berkat;  
Rajin-rajin kita bersedekah,  
Rezeki tidak salah alamat.

Orang lama banyak petua,  
Petua untuk awet muda;  
Hormati orang lebih tua,  
Sayangi yang lebih muda.

Periuk belanga di atas para,  
Tinggi para daripada kepala:  
Hidup ini hanya sementara,  
Tua beramal mencari pahala.

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *beroleh kedukaan*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_ [2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, terlihat perubahan seseorang itu apabila semakin bertambah usia. Berdasarkan puisi-puisi tersebut, nyatakan perubahan tersebut.

Berdasarkan Bahan 1, apabila usia bertambah, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [4 markah]

(iii) “Seorang ibu boleh menjaga sepuluh orang anak. Manakala sepuluh orang anak belum pasti boleh menjaga seorang ibu ketika tua”. Ungkapan tersebut sering kali kita dengar dalam ceramah. Pada pendapat anda, mengapakah situasi ini boleh berlaku?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [3 markah]

(iv) Persatuan yang anda anggotai bercadang melawat ke rumah kebajikan warga emas. Semasa mesyuarat, anda diminta mengemukakan cadangan tentang aktiviti yang akan dilaksanakan supaya warga emas akan berasa seronok dengan kehadiran ahli persatuan sepanjang lawatan tersebut. Kemukakan cadangan anda itu.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [4 markah]

**Praktis 5 SPM** **Membaca**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

**Aku Membaca Lagi**

Aku mendongak langit  
membaca garis dan titik  
menaakuli kebesaran-Mu  
di bawahnya gumpalan mega  
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam  
kicauan burung  
desiran ombak dan wajah pelangi  
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi  
membaca langit  
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
dahan dan ranting terkulai  
daun-daun berguguran  
helai demi helai  
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit  
kutemui  
bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah.

**Razali Mohd. Yussof**  
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
DBP, 2014

## Bahan 2

### Merindui Buku

Inilah denai jejak seni ke hati,  
puncak fikir yang indah sekali,  
tanpa himpunan ilmu di kalbu buku  
kita tak sempat sampai ke mercu itu.  
Di sini diri sentiasa di taman  
menikmati unggas dan puspa menawan;  
di sinilah vista buku saraf seni,  
meranum akal mematang peribadi.

Buku adalah denyut nadi utama  
penting bagi *minda waras* manusia;  
dan buku juga gema fakir yang sakti,  
nyaman dan mesranya sebuah simfoni.

Kita memupuk insan yang luhur budi  
melalui tapisan hikmat berseni;  
dan buku memang tasik aneka ilmu  
yang perlu diselami sejujur kalbu.

Buku mengasuh diri sasa bersuara;  
membaca menjadi jambatan bertuah  
kita merindu buku dan ghairah baca  
agar sentiasa canggih dan berhemah.

**A Samad Said**  
*Dewan Sastera*, DBP, Ogos 214

## Bahan 3

### Mari Membaca

Mekar kesumba indah melati,  
Cantik tersemat dambaan puteri;  
Ilmu ditimba sepenuh hati,  
Kekuatan umat minda bestari.

Daun nipah kajangnya rapat,  
Hidangan tetamu di Kuala Maran;  
Buku menyimpan jutaan maklumat,  
Fakta, ilmu, cereka hiburan.

Anak muda pulang ke desa,  
Ibu dan ayah lama menanti;  
Warga membaca tak buang masa,  
Kutubkhanah menjadi teman sejati.

Cantik sungguh si bunga kejora,  
Buat hiasan di hari raya;  
Marilah sahut seruan negara,  
Bangsa membaca bangsa berjaya.

**Noraini MY**



(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *minda waras*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, keseluruhannya berkaitan dengan amalan membaca. Nyatakan manfaat membaca berdasarkan puisi-puisi tersebut.

Menerusi Bahan 1, penyair mengakui bahawa membaca \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]

(iii) Era digital dan maklumat terkini yang boleh diperolehi menerusi telefon pintar menyebabkan pasaran buku, majalah dan akhbar jatuh merudum. Nyatakan impaknya jika tiada usaha untuk menyuburkan penerbitan bahan bercetak semula.

Sekiranya tiada usaha menyuburkan penerbitan bahan bercetak semula, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

(iv) Persatuan yang anda anggotai bercadang menerbitkan karya kreatif dalam bentuk antologi. Guru penasihat persatuan telah memilih anda sebagai penyelaras projek tersebut. Terangkan usaha yang anda lakukan sebaik-baik sahaja anda dilantik memegang jawatan tersebut.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]


**Praktis 1 MuLus**    **Harga Diri**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**
**Gurindam Beberapa Petua Hidup**
***Fikir dan Kata***

Kurang fikir, kurang siasat,  
Tentu dirimu kelak tersesat.

Fikir dahulu sebelum berkata,  
Supaya terelak silang sengketa.

Perkataan tajam jika dilepas,  
Ibarat beringin, racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,  
Boleh ditimpa bahaya besar.

***Silang Sengketa***

Siapa menggemari silang sengketa,  
Kelaknya nanti berdukacita.

Silang selisih jangan dicari,  
Jika tersua janganlah lari.

***Ilmu***

Jikalau ilmu tiada sempurna,  
Tiada berapa ia berguna.

Ilmu kepandaian boleh dikejar,  
Asal mahu rajin belajar.

***Za'ba***

*Antologi Sejadah Rindu,*  
KPM, 2015

**Bahan 2**
**Sajak Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus**

Kuhantar kau mengecapi angin baharu  
udara lain dari kampung bendang kuningmu  
bumantara asing dari yang sering kaumesrai  
yang sama sekali berbeza  
dengan suasana suntimu  
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu  
memesrai azimat dan tangkal  
dari tangga gading.

Kulepaskan kau menjadi burung putih  
dengan sayap berkembang  
menongkah awan perak dan kabut dingin  
mengenal kalimat hujan dan bilah petir  
menyelit antara sembilu nasib  
dan waras akal.

Di awan kampus yang *sarat ilmu*  
hadir sihir angin bernafas api  
di pohon kampus yang tegar status  
berceracak selumbar noda mengabur fikir  
di padang kampus yang hijau pertimbangan  
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.

Pandai-pandailah kau terbang  
menongkah awan mulus dan kabus dingin  
jangan kau pulang  
dengan percikan duka dan balutan luka  
di sayapmu yang patah.

**Sazalee Yacob**

*Antologi Sejadah Rindu,*  
KPM, 2015

**Bahan 3**
**Pantun Sahabat Sejati**

Batang kelapa dibuat titi,  
Lumpur paya jangan diredah;  
Sahabat setia itulah sejati,  
Terjalin mesra sangatlah indah.

Bunga mawar batang berduri,  
Dipegang cermat terluka nanti;  
Sahabat sejati sukar dicari,  
Hargai dia jangan dikhianati.

Belikan saya daging sekati,  
Turut dibeli ikan haruan;  
Sahabat sejati saling menasihati,  
Bertambah ilmu serta pengetahuan.

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *sarat ilmu*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, turut membicarakan tentang ilmu pengetahuan.  
Nyatakan cara-cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan berdasarkan setiap bahan.

Berdasarkan Bahan 1, ilmu pengetahuan boleh diperoleh \_\_\_\_\_.

Bahan 2 pula, penyajak menyatakan ilmu diperoleh dengan \_\_\_\_\_.

Manakala menerusi Bahan 3, ilmu pengetahuan diperoleh dengan \_\_\_\_\_.

[4 markah]

(iii) Kebanyakan remaja lebih mudah mendengar nasihat daripada rakan-rakan, sebaliknya nasihat daripada ahli keluarga sendiri kurang diindahkan.  
Pada pendapat anda, mengapakah remaja mudah menerima nasihat daripada rakan-rakan berbanding dengan ahli keluarga?

Remaja mudah menerima nasihat daripada rakan-rakan kerana remaja selalu menghabiskan masa bersama dengan rakan menyebabkan segala nasihat dan \_\_\_\_\_.

Sebaliknya, sesetengah ibu bapa pula sibuk bekerja dan kurang berkomunikasi dengan anak-anak menyebabkan \_\_\_\_\_.

[3 markah]

(iv) Sebagai seorang yang rapat dengan guru dari Unit Disiplin, anda selalu terdedah dengan maklumat berkaitan dengan salah laku murid. Anda mempunyai cadangan untuk mengatasi masalah salah laku murid.  
Nyatakan cadangan anda kepada guru dari Unit Disiplin.

Cadangan saya untuk mengurangkan salah laku murid ialah guru perlu melihat latar belakang keluarga murid kerana \_\_\_\_\_.

Selain itu, murid yang melakukan salah laku kebanyakannya lemah dalam akademik dan tidak minat belajar \_\_\_\_\_.

[4 markah]

## Praktis 2 MuLus Patriotisme

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Tatkala bom pertama meledak, diikuti oleh rentetan dentuman meriam serta serangan kapal terbang, seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami terasa tersentak pergi dan terlucut begitu sahaja daripada genggamannya. Sebaik-baik saja perang pecah pada tahun 1941 dan Jepun masuk, keadaan menjadi berkecamuk. Suasana kehidupan kampung dipengap ketakutan. Namun, kami bersyukur atas dua perkara. Pertama, kampung kami terpencil, maka jarang-jaranglah dihendap oleh Jepun. Garisan perang pula tidak melintang di atas tanah kami, maka itu, tiada seorang pun antara kami yang pernah diratah atau dirobek peluru. Kedua, kami bersyukur kerana kacau-bilau zaman Jepun menyedarkan kami betapa hinanya hidup terjajah.

Seminggu sebelum Jepun tiba, Tuan Booth sudah berundur. Kami nampak keretanya menyusur pergi merentasi jalan kampung. Isterinya sugul sekali. Anak perempuannya yang berusia sekitar sepuluh tahun itu merengkuh di tingkap kereta sambil tersenyum hambar memandang anak-anak kampung yang berlari mengekori kereta.

Dipetik daripada cerpen "Cinta Ahmad Mutawakkil"  
oleh Zainal Rashid Ahmad,  
*Antologi Sejadah Rindu*, KPM, 2015

## Bahan 2

### Sajak Kudup Perang

Sementara dia bergelar panglima  
laskar perang; yang terus-menerus  
membajakan kezaliman – sering  
mengudupkan putik dendam  
kita masih perlu berterima kasih  
kepada jari-jemari takdir  
kerana membenarkan sepasang mata  
untuk berlari dengan tangan bergari  
sempat juga menadah sejangkau puisi  
untuk sehari lagi; sambil bertanya:  
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk  
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus  
ringkik kuda, gemerincing  
pedang pusaka  
dan darah yang tiba-tiba membuak  
di daerah angkara – percikanya  
menumbuhkan kelopak rahsia  
dalam keliru, tertanya-tanya kita  
tangan mana yang memenggal  
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih  
tidak mahu  
menyanjungnya pendekar paling gagah  
kerana takhta setia terbina  
di istana wangsa

bukanlah penjamin kukuhnya  
pasak saksama  
sesekali turut direntakan daki pendusta  
melekatlah selumbar sengsara  
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak  
menggelarnya sebagai pengkhianat  
kerana kita masih menangi  
peta keadilan yang tersiat – nun, karam  
di lautan kesumat  
sedang warga memanggilnya keramat.

Perang pun melecurkan *lidah muslihat*  
bercabang lalu bertemu bayu palsu;  
bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnya  
mewarnakan keindahan pada hodohnya  
menjungkitkan amarah pada damainya  
teramat lara kita menjahit semula  
perca-perca bahagia – seperti perawan  
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,  
kita masih bertengkar  
tentang siapa  
pahlawan sebenarnya.

**Tuah Saujana**  
*Antologi Sejadah Rindu*, KPM, 2015

## Bahan 3

Dua puluh tahun lagi dia tentu sudah bercucu. Mungkin telah memandu sebuah motokar mewah yang diimport dan menjadi pengarah yang terkenal. Mungkin dia tidak kenal lagi dengan Mellisa yang memandu motokar tua, ekzosnya menyembur keluar asap kotor.

Dia sayang kepada negara ini, bangsa ini. Walaupun dia lahir di luar negara tetapi dia warganegaraanya. Dia besar dan bersekolah di sini. Baginya, dia tidak akan dapat hidup di negara lain biar bagaimana mewah dan maju sekalipun. Dia tidak akan dapat hidup di negeri China, walaupun dia berbangsa Cina, berkebudayaan Cina dan leluhurnya dahulu berasal dari Guangdong. Iklim di sana berbeza. Cara hidup di sana berbeza. Cara berfikirnya berbeza.

Sebelum dia mati, dia hanya ingin melihat negara dan rakyat negara ini hidup aman dan damai. Semua suku kaum hidup dalam harmoni sebagai satu bangsa yang merdeka dan berjaya. Peristiwa hitam 13 Mei itu tidak berulang lagi. Dia lalu memeluk dengan erat kekasihnya yang sejati, M16.

Dipetik daripada cerpen "Mellisa" oleh Abdullah Hussain,  
*Antologi Harga Remaja*, KPM, 2010

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *lidah muslihat*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, menunjukkan bahawa peperangan dan pertelingkahan akan melahirkan kesedaran terhadap semangat patriotik.

Berikan bukti lahirnya kesedaran tersebut berdasarkan semua bahan.

Berdasarkan Bahan 1, keadaan kacau-bilau pada zaman Jepun \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Seterusnya menerusi Bahan 2, peperangan telah membangkitkan semangat untuk \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Menerusi Bahan 3 pula, peristiwa hitam 13 Mei membuatkan Mellisa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]

(iii) Pasukan keselamatan negara menumpahkan taat setia untuk memastikan negara dalam keadaan aman dan kedaulatan negara dipertahankan.

Pada pendapat anda, mengapakah sesetengah rakyat Malaysia mempertikaikan kerjaya pasukan keselamatan negara?

Sesetengah rakyat Malaysia mempertikaikan kerjaya pasukan keselamatan negara kerana mereka beranggapan anggota pasukan keselamatan hanya \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Selain itu, mereka tidak tahu bahawa pasukan keselamatan bukan sahaja menjaga di darat, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

(iv) Suasana pembelajaran lebih menyeronokkan sekiranya kelas dalam keadaan kondusif dan hubungan sesama murid dalam keadaan harmoni. Berikan pendapat anda tentang usaha mewujudkan hubungan yang harmoni dalam kalangan murid yang berbeza latar belakang.

Usaha mewujudkan hubungan yang harmoni dalam kalangan murid yang berbeza latar belakang boleh dilakukan dengan melibatkan semua murid dalam jawatankuasa yang dibentuk oleh guru kelas seperti \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Seterusnya, guru perlu selalu mengadakan aktiviti secara berkumpulan di dalam kelas yang \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Tidak percaya aku, Doktor Murni boleh tersenyum semanis itu. “Ini surat peletakan jawatan saya. Tidak cukup menjadi doktor manusia, saya mahu menjadi doktor kemanusiaan juga. Kalau tiada di hospital ini, saya yakin ada di hospital lain.”

Profesor Doktor Juaidi ternganga.

Doktor Murni berlari menggapai tanganku. “Nusia, kita ke bank darah. Dua pek darah daripada awak, dua pek darah daripada saya, mampu menghidupkan semua yang koma dalam Unit Rawapan Rapi kecuali Profesor Doktor Juaidi.”

Cahaya kalimantang menyinari dinding pejal Unit Rawatan Rapi. Aku tersilau dalam redup mata Doktor Murni. Seakan-akan tergeما suara Munkar dan Nakir menyoal: siapa saudaramu, wahai Nusia?

Dipetik daripada cerpen “Gerhana Manusia” oleh Aminah Mokhtar,  
*Antologi Sejadah Rindu*, KPM, 2015

### Bahan 2

IBU: Nak buat macam mana lagi, encik. Kami dah beri pelajaran hingga masuk ke universiti.

ARIF: Betul mak cik, tetapi ... masuk ke universiti saja belum menjamin seseorang itu mendapat kasih sayang secukupnya.

*IBU dan BAPA berpandangan. Mereka kelihatan semacam rasa bersalah.*

PELAKON I: Pak cik, mak cik ... kita marilah sama-sama membantu Azmir. Dia amat memerlukan perhatian dan kasih sayang, bukan cemuhan dan penghinaan. Dia memerlukan semangat dan perangsang daripada kita semua, bukan kutukan dan hukuman.

PELAKON II: Kami lihat, Azmir seperti sedang menderita suatu penderitaan yang tak bertanggung. Kutukan, cemuhan dan hukuman akan hanya menyebabkan sakit yang dialaminya menjadi lebih parah.

ARIF: Kami fikir, eloklah pak cik dan mak cik berjumpa dengan Azmir di hospital dengan segera sebelum terlambat. Dia amat memerlukan kita semua; lebih-lebih lagi, pak cik dan mak cik. Kami minta diri dulu.

Dipetik daripada drama “Bukan Gila” oleh Sharif Shaary  
*Antologi Sejadah Rindu*, KPM, 2015

### Bahan 3

#### Seloka Emak Si Randang

Baik budi Emak Si Randang,  
Dagang lalu ditanakkan,  
Tiada kayu rumah diruntuhkan,  
Anak pulang kelaparan,  
Anak di pangku diletakkan,  
Kera di hutan disusui,  
Dagang pergi awak terhutang,  
Beras habis padi tak jadi.

**Md. Ali Bachik** (Penyelenggara)  
*Antologi Harga Remaja*,  
KPM, 2010

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *kutukan dan hukuman*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, terdapatnya nilai kemanusiaan menerusi watak yang dipaparkan. Nyatakan nilai kemanusiaan dalam setiap petikan.

Berdasarkan Bahan 1, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]

(iii) Kini, kesedaran masyarakat untuk menderma darah semakin meningkat. Kempen derma darah juga kerap kali diadakan terutamanya ketika negara menghadapi pandemik COVID-19. Berikan pandangan anda tentang kepentingan-kepentingan menderma darah.

Kepentingan menderma darah ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

(iv) Rakan anda menghadapi masalah tekanan perasaan namun keluarga rakan anda itu tidak cakna akan masalah yang dihadapinya. Sebagai rakan karib, apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk membantu rakan anda itu?

Apabila rakan saya menghadapi masalah tekanan perasaan, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[4 markah]

## Praktis 4 SPM

## Keinsafan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

#### Sajak Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angh ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.



Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati

embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

**Teo Wei Sing**  
*Antologi Sejadah Rindu,*  
KPM, 2015

## Bahan 2

Aiman teringat akan bisikan halus yang didengarinya ketika dia dalam keterasingan di planet bulan melalui pentas halusinasinya. Suara ghaib itu mengajaknya agar lebih mendekatkan diri kepada Ilahi. Jangan kaubinasakan habitat semula jadi di planet bumi. Salahnya barangkali, dia menganggap pucuk kelapa muda sebagai kapal Soyuz, yang menghantuinya sekian lama. Aiman tidak perlu akan latihan yang intensif dan istimewa itu, babah; tidak perlu akan latihan terapi itu, ibu. Aiman akan mengusahakannya sendiri.

Aiman mendongak ke langit. Sisik-sisik awan berarak tenang, seteduh air kolam sewaktu malam jernih. Sang suria terus setia memancarkan cahayanya. Sayup-sayup kedengaran muzik beralun, lembut dan penuh makna, semacam mengubati kelukaan hatinya ketika menjenguk ke lereng cerun bukit di hadapannya. Jauh-jauh di sudut hati, dia memanjatkan doa dan harapan ke hadrat Ilahi!

Dipetik daripada cerpen “Hipertensi” oleh Ilias Zaidi  
*Antologi Sejadah Rindu, KPM, 2015*

## Bahan 3

### Sajak Mengintai Ruang Insaf

Semakin berat kejahatan  
terpikul di bahu  
semakin jauh perjalanan  
memburu nur-Mu.

Sewaktu berlari di padang hidup  
kerap kakiku tersadung selirat akar  
tubuhku tercalar duri pidana  
pada samar kejauhan  
ancala mulia makin kabur  
dan menghilang.

Sekadar songsong aksara kata  
tanpa kembali ke tunjang makna,  
“Apakah dalam *sarat khilaf*  
masih terbuka ruang untuk  
dianugerahkan keinsafan?”

Rabb,  
moga pintu taubat-Mu terbuka  
sebelum api dari bara itu menyala.

**Shukri Abdullah**  
*Antologi Harga Remaja,*  
KPM, 2010

- (i) Berdasarkan **Bahan 3**, berikan maksud *sarat khilaf*.

Rangkai kata membawa maksud \_\_\_\_\_  
[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, turut memaparkan perkara tentang keinsafan.  
Nyatakan keinsafan-keinsafan tersebut.

Menerusi Bahan 1, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

- (iii) Menerusi **Bahan 1** dan **Bahan 2**, terdapatnya konflik antara anak dengan ibu bapa. Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh anak untuk mengelakkan konflik dengan ibu bapa?

Sebagai anak, kita perlu \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[3 markah]

- (iv) Anda mendapat tahu bahawa seorang rakan anda telah menghantar ibunya ke rumah orang-orang tua. Rakan anda memberikan alasan bahawa dia tidak larat untuk menjaga ibunya yang sudah uzur kerana sibuk bekerja. Sebagai rakan yang baik, apakah nasihat anda agar rakan anda itu menjaga ibunya dengan baik?

Sebagai rakan, saya akan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

## Praktis 5 SPM

## Ketaatan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

#### Sajak Sejadah Rindu

Terkedu aku  
di sejadah rindu  
mengungkap kalimah syahdu  
*bait bicara* tersentuh kalbu  
merekah keinsafan di hati yang beku  
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan  
kupohon kembali nafas kehidupan  
dalam keterhadan dan keterbatasan insan  
moga terbuka ruang keampunan  
sebelum saat aku dinisankan  
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi  
keikhlasan menjadi bukti  
akhirnya  
aku sujud menghadap Ilahi  
di keheningan yang sepi  
lafaz taubat mengiringi  
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh  
jiwa yang kaku tersentuh  
ayat-ayat cinta disusun kukuh  
di sejadah rindu yang lusuh  
kemaafan yang kupohon sungguh  
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa  
izinkan aku menjadi manusia  
yang taat sentiasa  
pada perintah Maha Kuasa  
agar aku tidak lupa  
dunia ini hanya bersifat sementara.

**Mohd. Haikal Aminuddin**  
*Antologi Sejadah Rindu,*  
KPM, 2015

**Seloka Berbuat Istana Zaman Dahulu**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja.  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh malam tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar tersergam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat gantung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

**Za'ba**

*Antologi Sejadah Rindu,*  
KPM, 2015

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *bait bicara*.

Rangkaian kata membawa maksud \_\_\_\_\_

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, memaparkan tentang ketaatan kepada Tuhan dan juga ketaatan kepada pemimpin. Nyatakan ketaatan tersebut dalam setiap bahan.

Berdasarkan Bahan 1, \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

- (iii) Pemimpin yang baik akan disegani dan dihormati serta mudah mendapat kerjasama daripada orang bawahannya. Berikan pendapat anda tentang sikap pemimpin yang mudah untuk mendapat kerjasama daripada orang bawahannya.

Sikap pemimpin yang mudah untuk mendapat kerjasama daripada orang bawahannya ialah \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[3 markah]

- (iv) Anda telah dilantik sebagai ketua murid di sekolah anda. Sebagai ketua murid, anda perlu mendapatkan kerjasama daripada semua murid untuk menjalankan tugas dengan baik. Oleh yang demikian, anda perlu memastikan semua murid menghormati anda sebagai ketua murid.

Nyatakan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk menjadi ketua murid yang dihormati oleh semua murid.

Usaha-usaha yang akan saya lakukan ialah \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

**Format Peperiksaan**

- 1 Calon akan diajukan dua soalan:
  - (a) Soalan (i) berupa petikan yang membawa 4 markah
  - (b) Soalan (ii) berkaitan sastera yang membawa 6 markah
- 2 Soalan (i) tidak bergantung pada novel, sebaliknya terikat dengan petikan. Tidak boleh menyertakan jawapan daripada pemahaman terhadap keseluruhan novel yang dibaca.
- 3 Untuk menjawab Soalan (ii), calon perlu menguasai topik penting yang berkaitan dengan novel seperti sinopsis, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, unsur saspens dan kejutan, nilai murni/kemanusiaan, dan pengajaran.

**Panduan Menjawab**

- 1 Untuk Soalan (i), calon perlu membaca soalan terlebih dahulu, kemudian membaca petikan. Calon perlu menyertakan 3 isi untuk memperoleh markah maksimum.
- 2 Untuk Soalan (ii), calon perlu memahami kehendak soalan dan menulis jawapan sekitar 50 hingga 100 patah perkataan.
- 3 Bagi kedua-dua soalan, markah bahasa akan dinilai secara *impression*.

**Soalan (i) Petikan Novel [4 markah]****TINGKATAN**  
4

Leftenan Adnan Wira Bangsa

**Praktis 1 MuLus**

“Tadi aku terserempak Ah Chong. Dia cari kau. Tapi kau tak ada, jadi dia minta aku sampaikan duit hasil jualan getah,” jawab Pak Karim sambil menyeluk poket seluar lusuhnya lalu mengeluarkan beberapa keping wang kertas dan diberikannya kepada Pak Saidi. Wang itu disambut Pak Saidi, kemudian dikiranya satu persatu sebelum dimasukkan ke dalam poket seluarnya.

“Terima kasih, Karim,” ucap Pak Saidi.

“Selain nak serahkan duit itu, aku nak cakap sikit dengan kau. Harap jangan marah,” ujar Pak Karim.

“Apa halnya? Cakaplah.”

Pak Karim mengambil tempat duduk di sebelah Pak Saidi. “Aku dengar si Abu menghasut Tok Ketua supaya mengambil tindakan terhadap kau kerana menghantar anak belajar di sekolah orang putih. Melampau betul Si Abu itu!” rungut Pak Karim.

“Apa pula kata Ketua Kampung?” tanya Pak Saidi.

“Tok Ketua kata dia tidak boleh menghukum sesiapa yang hendak menghantar anaknya belajar di sekolah Inggeris. Malah itu menyalahi undang-undang British. Tetapi Abu masih tak puas hati. Dia akan bertindak sendiri katanya,” jawab Pak Karim sambil menasihati Pak Saidi supaya berhati-hati.

“Biarkanlah Karim. Dia nak kata apa-apa pun aku tak peduli kerana yakin aku tidak melanggar undang-undang dan hukum agama. Aku tak dapat nak melarang dia bercakap kerana mulut tempayan boleh ditutup tapi mulut manusia, sampai nak mati pun boleh bercakap lagi.”

Nyatakan sikap mulia yang ditunjukkan oleh Pak Saidi.

Sikap mulia yang ditunjukkan oleh Pak Saidi ialah mengucapkan terima kasih atas wang \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Pak Saidi juga seorang yang tegas mahu menghantar anaknya belajar di sekolah Inggeris  
kerana \_\_\_\_\_.

Pak Saidi tidak mahu berkelahi dengan Abu yang menghasut Tok Penghulu kerana baginya mulut \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

## Praktis 2 SPM

“Perkara itu telah dibincangkan di peringkat atasan. Kami sengaja menghebahkan serangan akan dilakukan melalui Singapura bagi mengelirukan musuh. Dengan ini kekuatan askar British akan bertumpu di Singapura,” jawab Jeneral Yamashita.

“Baru saya faham, tuan,” kata Kuzuko.

“Awak masih muda dan baru keluar dari pusat latihan tentera. Banyak perkara yang perlu awak belajar. Jangan segan bertanya,” kata jeneral yang berumur 45 tahun itu.

“Tuan telah mengirimi ramai perisik ke Tanah Melayu bagi memberitahu penduduk tempatan bahawa askar Jepun datang bagi membebaskan negara mereka daripada penjajahan British. Setelah British kita halau, maka mereka akan memerintah negara mereka sendiri. Apa yang kita dapat daripada peperangan ini?” tanya pembantunya ingin tahu.

“Itu juga satu helah peperangan ...,” jawab Jeneral Yamashita. “Harapan maharaja kita begitu tinggi untuk memperluas tanah jajahan Jepun di Asia. Matlamat perjuangan kita untuk merampas kuasa dan memerintah Tanah Melayu dengan menyebarkan berita kononnya kehadiran kita untuk menghalau British. Kita menjanjikan kemerdekaan dengan semboyan “Asia untuk orang Asia” secara tidak langsung memberikan tanggapan baik dalam kalangan penduduk Tanah Melayu untuk menerima kedatangan kita dengan mudah. Dengan sokongan yang diperoleh itu, kita akan dapat mempengaruhi pemikiran mereka supaya terus menyokong perjuangan kita. Hal ini memberikan peluang yang cerah kepada kita untuk bertapak dan berkuasa selama-lamanya di Tanah Melayu,” katanya lagi.

Nyatakan strategi peperangan Jepun untuk berjaya dalam misi meluaskan kuasa.

Strategi peperangan Jepun untuk berjaya dalam misi meluaskan kuasa adalah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**TINGKATAN**  
**5**

**Tirani**

## Praktis 1 MuLus

“Doktor tidak akan membuat pembedahan tanpa berbincang terlebih dahulu dengan pesakit atau pelanggannya,” sambung Dr. Zahari mengingatkan dirinya tentang etika kedokteran yang perlu dijaga. “Kadang-kadang ada juga yang menyerah bulat-bulat kepada kebijaksanaan pakar, terserah,” katanya sambil mengangkat bahu.

“Setelah selesai mengatur rangka, kulit pun dilitupi semula di atasnya, gitu?” sela Bazilah menatap wajah tunangnya. Dr. Zahari senyum melebar dan mengangguk.

“Berapa lama agaknya masa untuk pembedahan begitu sehingga selesai?” tanya Waheeda disapa perasaan khuatir.

“Dua hingga tiga jam akan selesai, jika tiada komplikasi lain,” kata Dr. Zahari sambil menangkap kedua-dua tangan, menyilangkan jarinya persis baru sahaja menyelesaikan satu sesi pembedahan.

“Eh, eh ... sesi ceramah berhenti dulu!” tiba-tiba suara Ila melantun kuat, sambil memberikan laluan pelayan meletakkan pinggan makanan di hadapan masing-masing.

“Kita makan dulu,” katanya memperagakan cara iklan TV. Keceriaan Bazilah metah mengendurkan sedikit suasana apatah lagi apabila menatap hidangan bersama-sama salad yang begitu menyelerakan.

Nyatakan prosedur awal sehingga pembedahan muka selesai.

Prosedur awal sehingga pembedahan muka selesai ialah doktor akan berbincang terlebih dahulu dengan pesakit atau pelanggannya. Selepas \_\_\_\_\_

---

---

---

---

## Praktis 2 SPM

“Mak bercadang balik ke Sarawak lusa,” segugus suara ibunya menerjah telinga Waheeda semasa bersantai di beranda malam itu. “Rimas mak duduk saja dalam dua minggu ni. Runsing juga kat orang di Tajau Emas,” Raidah meluahkan isi hati. “Hal Eda pun sudah selesai. Wajah Eda, syukur sangat-sangat. Memang ketara bezanya,” kata Raidah sambil menancap raut wajah anak gadisnya.

“Wajah sememang manis ditambah pula kelopak mata cantik berlapis, hidung mancung macam heroin Hindustan, sampai hilang kata-kata untuk memuji,” Bazilah memuji ikhlas. Perasaan Waheeda berbunga dibuai pujian lunak rakannya sekali gus melontar jauh konflik rendah diri yang menyelubunginya sekian lama.

“Orang dulu-dulu memuji hidung bak seludang mayang, pipi bak pauh dilayang, memang banyak kiasnya,” Raidah mengimbau zaman mudanya. “Sekarang nak banding pun orang tidak kenal apa pauh? Apa seludang?” getusnya.

Nyatakan sebab-sebab Raidah mahu balik ke Sarawak.

Raidah mahu balik ke Sarawak kerana \_\_\_\_\_

---

---

---

---

## Soalan (ii) Sastera Tulen [6 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Tirani* karya Bab Sabariah



Nota Novel

**Sinopsis**

Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_, karya \_\_\_\_\_. Novel ini mengisahkan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Cerita bermula apabila watak  
utama, \_\_\_\_\_ telah \_\_\_\_\_. Selepas itu, dia  
\_\_\_\_\_. Watak utama novel ini mengalami konflik \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ apabila dia \_\_\_\_\_.

Walau bagaimanapun, dia \_\_\_\_\_.  
Dia telah berjaya \_\_\_\_\_.

Novel ini mencapai puncaknya apabila \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Di samping itu, \_\_\_\_\_.  
Akhirnya, novel ini berkesudahan dengan peristiwa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Selain itu, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**Tema**

Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_, karya \_\_\_\_\_. Tema  
novel ini ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Peristiwa pertama yang ada kaitan dengan novel ini ialah peristiwa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Selain itu, kejadian \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ juga ada kaitan dengan novel ini. Hal ini dikatakan demikian kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Seterusnya, tema novel ini juga diperkuat dengan peristiwa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

\_\_\_\_\_. Peristiwa ini menyebabkan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Oleh hal  
yang demikian, tema novel ini amat sesuai dengan kejadian yang berlaku sepanjang plot novel ini.

**Persoalan/ Nilai Murni/ Pengajaran**

Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_, karya \_\_\_\_\_. Persoalan /  
Nilai murni/ Pengajaran pertama yang dapat saya peroleh daripada novel ini ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Buktinya, \_\_\_\_\_.

Selain itu, persoalan/ nilai murni/ pengajaran \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ juga dapat saya temukan dalam novel ini. Hal ini dikatakan demikian kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.



Sementara itu, persoalan yang seterusnya ialah persoalan/ nilai murni/ pengajaran \_\_\_\_\_

Buktinya, \_\_\_\_\_

### Watak Utama/ Watak Sampingan

Watak utama/ watak sampingan novel \_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_  
ialah \_\_\_\_\_. Dalam novel ini, watak utama/ watak sampingan seorang yang  
\_\_\_\_\_. Buktinya, \_\_\_\_\_

Selain itu, watak utama/ watak sampingan seorang yang \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Buktinya, \_\_\_\_\_

Di samping itu, utama/ watak sampingan seorang yang \_\_\_\_\_ Buktinya,

Sementara itu, watak utama/ watak sampingan seorang yang \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Buktinya, \_\_\_\_\_

Seterusnya, watak utama/ watak sampingan seorang yang \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Buktinya, \_\_\_\_\_

### Plot

Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_, karya \_\_\_\_\_

Plot novel ini ditulis mengikut kronologi/ tidak mengikut kronologi. Hal ini dikatakan demikian kerana novel ini  
dimulakan dengan peristiwa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Peristiwa ini menyebabkan \_\_\_\_\_

Pada perkembangan ceritanya, watak utama, \_\_\_\_\_  
telah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Hal ini mengakibatkan \_\_\_\_\_

Konflik yang berlaku dalam novel ini ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Hal ini juga menyebabkan \_\_\_\_\_

Walau bagaimanapun, cerita ini menuju puncaknya apabila \_\_\_\_\_

Hal ini dikatakan demikian kerana \_\_\_\_\_

Akhirnya, novel ini mencapai penutupnya apabila \_\_\_\_\_

## Latar Tempat/ Masa/ Masyarakat

Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_, karya \_\_\_\_\_.

Latar tempat/ masa/ masyarakat pertama yang dapat saya peroleh daripada novel ini ialah \_\_\_\_\_

Buktinya, \_\_\_\_\_

Selain itu, \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_. Buktinya, \_\_\_\_\_

Di samping itu, latar tempat/ masa/ masyarakat \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_. Buktinya, \_\_\_\_\_

## TINGKATAN 4

### Leftenan Adnan Wira Bangsa

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

#### Sinopsis

Adnan merupakan anak sulung kepada Pak Saidi dan Mak Milah yang turut mempunyai anak bernama Ahmad dan Amarullah. Sejak kecil lagi Adnan bercita-cita menjadi seorang askar. Setelah tamat sekolah Inggeris, Adnan ditawarkan jawatan sebagai guru pelatih. Walaupun beberapa tahun berkhidmat sebagai guru pelatih di

(1) \_\_\_\_\_, cita-cita Adnan tidak pernah pudar sehinggalah pasukan Askar Melayu Diraja diperkenalkan. Adnan dan kawannya Mamat terpilih menyertai temu duga di

(2) \_\_\_\_\_. Pada awalnya Mak Milah kurang senang dengan kerjaya pilihan Adnan, namun setelah berfikir panjang akhirnya Adnan dibenarkan meneruskan cita-citanya itu.

Setelah menjalani latihan ketenteraan di kem Haig Lines, Port Dickson selama setahun, Adnan ditugaskan ke

(3) \_\_\_\_\_. Berkat kesungguhan dan restu daripada ibu bapanya, Adnan dengan mudah

dinaikkan pangkat daripada askar biasa kepada (4) \_\_\_\_\_ dan turut terpilih bagi mewakili platoon askar Melayu di London serta dinaikkan pangkat kepada Leftenan Muda. Selain menghormati orang tua, Adnan juga merupakan seorang anak yang taat apabila menuruti hasrat Pak Saidi dan Mak Milah untuk menjodohkannya dengan Sophia. Akhirnya perancangan ibu bapanya berhasil dan dia dikuniakan dua cahaya mata; Mokhtar dan Zainuddin. Setelah beberapa tahun tinggal berjauhan, akhirnya Adnan, Sophia dan anak-anaknya berpeluang tinggal bersama-sama

apabila dipindahkan tugas ke (5) \_\_\_\_\_. Namun semua itu tidak bertahan lama setelah

keadaan menjadi huru-hara apabila Jepun ingin meluaskan kuasa jajahan ke (6) \_\_\_\_\_ serta semakin hampir ke Tanah Melayu dan Singapura.

Adnan terpaksa menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung halaman. Sebagai pembantu kepada ketuanya,

Adnan diarahkan memperkukuh kawalan dan pertahanan di Pasir Panjang dan (7) \_\_\_\_\_.

Pertempuran bermula setelah salah sebuah pesawat pengintip Inggeris ditembak jatuh oleh pihak Jepun. Jepun dengan liciknya telah menggunakan Thailand sebagai laluan untuk menyelip masuk ke Tanah Melayu.

(8) \_\_\_\_\_ yang dilancarkan bagi menyekat kemaraan Jepun mengalami kegagalan, malah Jepun semakin mara menyerang melalui lautan serta timur Tanah Melayu.

Seterusnya, Jepun masuk ke Johor dan memusnahkan satu demi satu kubu pertahanan tentera British serta askar Melayu. Leftenan Adnan dan ketuanya (9) \_\_\_\_\_ berjaya mempertahankan Pasir Panjang dan seterusnya cuba bergerak mempertahankan Bukit Candu. Akibat menerima serangan yang bertali arus daripada Jepun, satu persatu benteng pertahanan tumbang. Tentera Jepun terus menyerang kubu askar Melayu di Bukit Candu bertalu-talu. Leftenan Adnan telah terkorban sewaktu berlawan dengan tentera Jepun yang telah menyelip masuk ke kubu pertahanan askar Melayu. Jeneral Yamashita mengarahkan Leftenan Renya Mutuguchi mencari keluarga Leftenan

Adnan untuk membalas dendam atas kematian tentera Jepun serta adiknya. Berlaku pergelutan antara Pak Saidi dengan tentera Jepun. Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun dengan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Namun, Pak Saidi turut terkorban dibunuh oleh (10) \_\_\_\_\_.

### Persoalan

- 1 Persoalan mengutamakan pendidikan, contohnya Pak Saidi menghantar anaknya ke sekolah Inggeris kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Persoalan tanggungjawab seorang ketua, contohnya ketua kampung Sungai Ramal berusaha merungkaikan masalah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Persoalan kegigihan untuk memperoleh kecemerlangan, contohnya Adnan yang masih belum fasih berbahasa Inggeris gigih berlatih untuk \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Persoalan kepatuhan kepada Tuhan, contohnya Pak Saidi memastikan anak-anaknya mendapat pendidikan agama \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Persoalan semangat cinta akan tanah air, contohnya setelah menjadi askar, Adnan sanggup berjuang mempertahankan tanah air dengan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### Perwatakan Leftenan Adnan

- 1 Seorang yang gemar membantu, contohnya jika ada kelapangan Adnan akan membantu ayahnya \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Seorang yang amat menghormati ibu bapa, contohnya Adnan akur dengan jodoh yang \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Seorang yang menyayangi keluarganya, contohnya Adnan berasa sebak apabila dia terpaksa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Seorang pegawai tentera yang bersemangat waja, contohnya Adnan tetap tidak mahu menyerah kalah walaupun \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Seorang yang bijak dalam menyusun strategi peperangan, contohnya strategi yang disusun oleh Adnan menyebabkan Jepun tewas \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## Pengajaran

- 1 Kita perlu mempunyai semangat patriotik untuk mempertahankan negara, contohnya Adnan yang memilih untuk menjadi askar sanggup \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Seorang ketua hendaklah adil menjalankan tanggungjawabnya, contohnya setelah mendengar aduan penduduk kampung, Tok Ketua meminta Pak Saidi menjelaskan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Seorang isteri sewajarnya menyayangi suami, contohnya Sophia yang amat menyayangi suaminya, Adnan telah mengutus \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Kita haruslah rajin berusaha mencari rezeki, contohnya Pak Saidi rajin bekerja \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Kita perlu berani menentang musuh, contohnya Pak Saidi tidak takut menentang tentera Jepun yang datang ke rumahnya hingga berjaya \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## TINGKATAN 5

### Tirani

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

## Sinopsis

Novel ini dimulakan dengan kisah Waheeda yang mahu melakukan pembedahan plastik pada wajahnya untuk membaiki, memulih serta menjaga kekemasan diri walaupun dibantah oleh ayahnya, Fadhil kerana bertentangan dengan hukum syarak dan konvensi agama. Sebagai pengurus inap desa (1) \_\_\_\_\_, Waheeda bertanggungjawab menguruskan segala keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh tetamu yang menginap di situ dengan bantuan daripada sanak saudaranya. Kehadiran (2) \_\_\_\_\_ yang menyerang secara tiba-tiba di chalet itu menyebabkan pipi dan hidungnya cedera. Waheeda dikejarkan ke hospital oleh Fadhil sambil ditemani oleh ibunya, Raidah. Selepas pembedahan, Waheeda menyatakan hasratnya untuk melakukan pembedahan plastik kepada Dr. Zakaria.

Setibanya di (3) \_\_\_\_\_, Waheeda disambut oleh Bazilah, rakan lama ketika belajar di Universiti Teknologi Malaysia di rumahnya di Yishun Street. Keesokannya, Bazilah membawa Waheeda berjumpa dengan pakar bedah plastik merangkap tunangnya, Dr. Zahari untuk menerangkan prosedur pembedahan plastik yang boleh dilakukan oleh Waheeda. Kemudian, Waheeda pergi ke Silicon Medical Center (SMC) untuk berjumpa dengan (4) \_\_\_\_\_ bagi melakukan beberapa pembedahan. Waheeda memaklumkan kepada Bazilah bahawa pembedahan (5) \_\_\_\_\_ akan memakan masa antara 10 hingga 15 jam. Pembedahan mata akan diketuai oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh, manakala pembedahan hidungnya akan diketuai oleh Dr. Averroes atau Dr. Rushdi.

Sejurus mendapat mesej mengenai pembedahan yang akan dijalani oleh Waheeda, Raidah bergegas ke Singapura bagi menemani anaknya. Selepas dua minggu Waheeda selamat menjalani pembedahan, Raidah kembali ke Sarawak. Waheeda mengambil peluang bercuti secara percuma di Hotel Flamingo de Rosa di Pulau Sentosa yang diberikan oleh SMC.

Waheeda turut memohon jawatan (6) \_\_\_\_\_ di Flamingo Resort. Waheeda memilih untuk tinggal lebih lama kerana kesan pembedahan hidungnya belum stabil dan bersyukur kerana mendapat tawaran bekerja di situ. Halloway, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Hotel Flamingo mengarahkan Waheeda menyiapkan brosur kempen

suku kedua tahun ini dan dia akan mewakili Flamingo dalam Pertandingan (7) \_\_\_\_\_ di The Four Seasons Hotel. Kehadiran Waheeda di situ menarik minat Zahid. Zahid memperkenalkan Waheeda kepada bapanya, Datuk Yasser Arief di Restoran de La Rossa. Waheeda dan Datuk Yasser Arief banyak bercerita tentang perkembangan industri pelancongan di Sarawak. Kemudian, Zahid menghantar rombongan merisik Waheeda.

Zahid menelefon Waheeda untuk memberitahu bahawa upacara merisik telah selesai dijalankan dan Waheeda kini merupakan sebahagian daripada miliknya. Zahid memujuk Waheeda agar memberikan notis

(8) \_\_\_\_\_ tetapi Waheeda enggan berbuat demikian atas alasan masih terikat dengan kontrak di hotel tersebut. Hidung Waheeda mengalami masalah akibat demam selesema lalu di rawat di SMC. Lebih seminggu Waheeda menghilangkan diri dan Zahid mulai risau jika Waheeda berubah hati. Majlis pertunangan Waheeda dan Zahid terpaksa dibatalkan kerana ketiadaan Waheeda lalu digantikan dengan majlis pertunangan Ghazi dan Fatimah. Setelah gagal menghubungi Waheeda, Zahid segera ke Singapura dan mendapati Waheeda berada di SMC selepas diberitahu oleh Anati. Hati Zahid cemburu melihat kemesraan Waheeda dengan Dr. Rushdi. Majlis perkahwinan

antara Zahid dengan Waheeda dijalankan dengan penuh adat dan budaya (9) \_\_\_\_\_. Majlis persandingan kali kedua bagi Waheeda dan Zahid pula diadakan di Hotel Seri Gading. Zahid teringat akan janji temu dengan Waheeda untuk makan tengah hari di Restoran Seri Gading. Zahid berasa cemburu dan ragu akan kesetiaan Waheeda apabila menemui Waheeda di bilik penginapan Dawood, pelanggan di Chalet Tajau Emas.

Waheeda tidak bersetuju dengan idea bapa mentuanya untuk menggabungkan Hotel Seri Gading dan Chalet Tajau Emas menjadi satu syarikat perniagaan. Disebabkan rasa marah dan cemburu buta, Zahid tidak pulang ke rumah. Raidah menasihati Waheeda agar menjaga batas pergaulannya dengan pelanggan lelaki bagi mengelakkan Zahid cemburu dan buruk sangka.

Seterusnya, Waheeda selamat melahirkan bayi perempuan yang diberi nama Izzati di (10) \_\_\_\_\_ tetapi tidak dihiraukan oleh Zahid. Datin Hazirah memberikan alasan bahawa Zahid tidak dapat datang kerana sibuk menguruskan konvensyen antarabangsa di hotelnya. Waheeda meluahkan krisis rumah tangganya kepada ibunya. Zahid mempertikaikan status anak kandungnya setelah meneliti ciri-ciri fizikal Izzati. Waheeda

menyerahkan keputusan ujian (11) \_\_\_\_\_ yang diambil daripada sampel rambut mereka bertiga. Waheeda meminta dan merayu suaminya agar melihat hasil laporan tetapi dipertikaikan oleh suaminya. Novel ini mencapai puncaknya apabila Zahid nekad menceraikan Waheeda dengan talak satu disebabkan cemburu dan curiga yang melampau. Waheeda mengalami masalah kemurungan dan meroyan akibat tindakan suaminya.

Kemudian, Waheeda dibawa oleh Raidah dan Ghazi ke Pusat Rawatan Islam, Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan dan (12) \_\_\_\_\_. Di situ, Waheeda terjumpa dengan Lais yang pernah bekerja di Hotel Flamingo de La Rossa. Lais menyuarakan kerisauannya terhadap pak ciknya, iaitu Pak Cik Aziz yang menghidap strok akibat Chalet Iwana-Iwani miliknya diisytiharkan bankrap. Kemudian, Ghazi dan Waheeda membeli chalet yang terletak di (13) \_\_\_\_\_ itu dan ditukarkan nama kepada Aya-Sajinah. Waheeda berusaha membangunkan chalet itu walaupun kadang-kadang berasa sedih kerana terpaksa berjauhan dengan anak kesayangannya, Izzati yang bersekolah di Sarawak. Seterusnya, perbualan antara Izzati dengan ibunya berkisarkan kertas laporan DNA, gambar majlis konvoquesyennya, dan wajah ibunya yang berbeza dengan wajahnya.

20 tahun berlalu, Izzati kini membesar sebagai gadis sunti yang bijak, berdikari, serta mampu membantu Lais menyelia Cafe Iwani dan Restoran Iwana. Akhirnya, novel ini berkesudahan dengan peristiwa Zahid yang kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah berehat di Cafe Iwani. Lais mengetahui bahawa Zahid ialah bekas suami Waheeda berdasarkan perbualan antara Zahid dan Aiman yang didengarinya. Zahid menyatakan kekesalan terhadap sikapnya yang enggan melihat laporan DNA yang ditunjukkan oleh Waheeda dahulu kepada Aiman. Zahid menangis apabila mendapati bahawa gadis yang dilihatnya selama tiga hari ialah anaknya, Izzati. Zahid menceritakan segala-galanya kepada Izzati dan Izzati memaafkan Zahid. Waheeda terperanjat lalu bergegas meninggalkan Cafe Iwani apabila dia terpandang bekas suaminya, Zahid sedang berborak dengan Lais dan Izzati. Izzati memberitahu ibunya tentang penyesalan Zahid atas kesalahan masa lampaunya tetapi perkara itu sukar diterima oleh Waheeda. Zahid bersungguh

(14) \_\_\_\_\_ kepada Waheeda. Lais cuba menenteramkan Zahid, manakala Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan ayah kandungnya itu.

## Perwatakan Waheeda

- 1 Waheeda memiliki perasaan kasih sayang, contohnya dia menjaga dan mendidik \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Waheeda seorang yang bertanggungjawab, contohnya dia memikul tugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam di \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Waheeda seorang yang bijaksana, contohnya dia bijak menguruskan masa dengan baik dan berkualiti antara urusan kerja di \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Waheeda bersikap rasional dalam tindakan, contohnya dia bersetuju membeli Chalet Iwana-Iwani kepunyaan Pak Cik Abdul Aziz di Cameron Highlands setelah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Waheeda berpendirian tegas, contohnya Waheeda bertekad melakukan rekonstruksi pada bahagian mata dan hidungnya selepas \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 6 Waheeda seorang yang berani, contohnya Waheeda berani menanggung risiko dengan membuat pinjaman baharu \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 7 Waheeda seorang yang gigih, contohnya Waheeda gigih mengusahakan chalet penginapannya tanpa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 8 Waheeda seorang yang prihatin, contohnya Waheeda bergegas ke bilik penginapan pelanggannya, Encik Dawood di Chalet Tajau Emas setelah dimaklumkan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 9 Waheeda seorang yang penyabar, contohnya Waheeda sabar menghadapi tuduhan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 10 Waheeda seorang setia kawan, contohnya Waheeda masih berhubungan dengan kawan-kawannya seperti \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## Latar Masyarakat

- 1 Masyarakat yang mengamalkan nilai kasih sayang dalam kehidupan, contohnya Raidah sanggup menjaga Waheeda yang bersalin di Hospital Pakar Normah, Kuching dan sanggup menemani Waheeda yang kemurungan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

- 2 Masyarakat yang tekun dan rajin menimba ilmu, contohnya Waheeda, Bazilah, Fatimah, Izzati dan Zahid digambarkan sebagai masyarakat yang tekun dan rajin menimba ilmu sehingga \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Masyarakat yang gigih menghadapi cabaran dan dugaan hidup, contohnya Waheeda gigih berdepan dengan berbagai-bagai cabaran seperti peristiwa pembedahan mata dan hidungnya, peristiwa keretakan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap keluarga, contohnya sebagai seorang ayah, Fadhil membawa Waheeda yang cedera teruk angkara \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Masyarakat yang menceburi kegiatan ekonomi, contohnya Fadhil, Raidah, Datuk Yasser Arief, Waheeda dan Fatimah mengusahakan chalet untuk \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### **Pengajaran**

- 1 Kita perlu memiliki perasaan kasih sayang terhadap ahli keluarga, contohnya Raidah mengambil berat dan sanggup menjaga cucu sulungnya, Izzati semasa ketiadaan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Kita hendaklah pandai berdikari, contohnya Fadhil tidak menyusahkan orang lain, sebaliknya dia sendiri membawa Waheeda yang cedera akibat \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Kita haruslah mempunyai keberanian, contohnya Waheeda berani menanggung risiko dengan membuat pinjaman baharu daripada \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Kita mestilah bersifat baik hati terhadap orang lain, contohnya Bazilah membenarkan Waheeda menetap di rumahnya di \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Kita perlulah mengamalkan sikap bekerjasama, contohnya masyarakat \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_





## Pengenalan

- 1 Soalan rumusan akan diajukan dalam Kertas Bahasa Melayu 2, Soalan 9.
- 2 Soalan ini membawa 30 markah.
- 3 Masa yang dicadangkan 45 minit.
- 4 Panjang petikan tidak melebihi 300 patah perkataan.
- 5 Petikan berdasarkan bahan sumber yang mempunyai **tidak kurang daripada dua fokus**.
- 6 Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada sumber yang berbeza seperti prosa, puisi dan grafik tetapi mempunyai tema yang sama.
- 7 Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.
- 8 Calon perlu mengenal pasti semua fokus yang terdapat dalam semua bahan.
- 9 Rumusan **tidak melebihi 120 patah perkataan**.
- 10 Jawapan perlu ditulis dalam bentuk esei (dicadangkan tiga perenggan iaitu pendahuluan, isi dan penutup)

## Strategi Menjawab Soalan

- 1 Baca kedua-dua bahan. Bahan tersebut mempunyai fokus yang berbeza tetapi tema yang sama.
- 2 Garisi idea penting untuk ditulis dalam bentuk isi tersurat.
- 3 Sebagai gambaran awal, fokus idea boleh dirujuk pada tajuk petikan makalah.

## Cara Menulis Penulisan

- 1 **Menulis Pendahuluan [Perenggan Pertama – 2 markah]**
  - (a) Pendahuluan rumusan ditulis dalam sebaris ayat sahaja.
  - (b) Dicadangkan calon menulis pendahuluan selepas selesai menulis isi dan penutup untuk mengelakkan kesilapan menulis fokus.

Jumlah Fokus	Penulisan Pendahuluan	Markah
(a) Pendahuluan 2 fokus	Rumusan membincangkan <u>          (Fokus 1)          </u> dan <u>          (Fokus 2)          </u> .	2 markah
	Rumusan membincangkan <u>          (Fokus 1)          </u> .	1 markah
(b) Pendahuluan 3 Fokus	Rumusan membincangkan <u>          (Fokus 1)          </u> , <u>          (Fokus 2)          </u> dan <u>          (Fokus 3)          </u> .	2 markah
	Rumusan membincangkan <u>          (Fokus 1)          </u> dan <u>          (Fokus 2)          </u> .	1 markah

## 2 Menulis Isi Tersurat [Perenggan Kedua – 16 markah]

- (a) Isi perlu diambil daripada kedua-dua bahan.
- (b) Bahan 1 atau Bahan 2 kemungkinan mengandungi dua fokus (fokus penting dan fokus kurang penting). Calon perlu mengambil fokus penting sahaja. Beberapa fokus dalam bahan bertujuan mengelirukan calon.
- (c) Sekiranya Bahan 1 atau Bahan 2 mengandungi fokus yang seimbang, ambil kedua-dua fokus. Jika ini berlaku, tulis pendahuluan cara kedua (3 Fokus).
- (d) Tidak perlu menambah isi yang tiada dalam bahan kerana rumusan tidak memerlukan isi tersirat.

## 3 Menulis Penutup [Perenggan Ketiga – 2 markah]

- (a) Penutup sesuatu rumusan merangkumi pendapat, pandangan, atau cadangan tentang apa-apa yang diperkatakan dalam petikan.

- (b) Pandangan, ayat mesti disokong dengan kata-kata sebab, agar, atau supaya. Contoh: Kesimpulannya, kerajaan hendaklah bekerjasama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian agar/supaya hasil pertanian dapat ditingkatkan.

## Pemarkahan

- 1 Markah keseluruhan ialah 20 markah.
- 2 Pecahan markah ialah pendahuluan (2 markah), isi (16 markah) dan kesimpulan (2 markah).
- 3 Calon perlu mengemukakan 8 isi lengkap (isi wajib diambil daripada kedua-dua bahan dan menyentuh setiap fokus).
- 4 Markah bahasa sebanyak 10 dinilai secara holistik. Pecahan markah bahasa ialah cemerlang (08 – 10 markah), baik (05 – 07 markah) dan lemah (01 – 02).

## Panduan Mengira Perkataan

Perkataan yang Dikira sebagai Satu Perkataan	
Nama khas	Suhana Binti Ali
Kata ganda	kunang-kunang
Penggunaan kata depan “di” dan “ke”	di sini, ke sana
Tarikh	20 Julai 2021
Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan	301, tiga ratus satu
Gelaran	Yang Berhormat

### Kesimpulan

- 1 Perlu bijak menjimatkan perkataan seperti orang ramai (masyarakat), di negara ini (di Malaysia), dan mengambil berat (prihatin).
- 2 Calon perlu menulis pada satu helai kertas jawapan sahaja dan jangan disatukan dengan jawapan soalan yang lain untuk memudahkan pemeriksaan.
- 3 Perlu membaca teks sekurang-kurangnya dua kali.
- 4 Perlu mencari sebanyak mungkin isi tersurat.
- 5 Menggunakan bahasa yang baik dan gramatis.
- 6 Menulis dalam tiga perenggan; pendahuluan, isi tersurat dan penutup

### Praktis 1 MuLus Aktiviti Kokurikulum

Baca petikan dan teliti pantun yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

#### Bahan 1: Petikan

5 Bidang kurikulum dan kokurikulum saling berkaitan dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehan murid untuk mencapai kecemerlangan yang seimbang dalam kedua-dua bidang tersebut. Aktiviti kokurikulum mampu melengkapkan keterampilan fizikal, emosi dan sahsiah murid. Murid memperoleh pelbagai kebaikan semasa melakukan aktiviti kokurikulum. Antaranya, murid-murid dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat menerusi kokurikulum. Hal ini boleh mengurangkan penglibatan murid dalam gejala sosial seperti merokok, melepak, vandalisme, membuli atau merayau-rayau ke sana ke sini kerana mereka tiada masa untuk melakukan perkara-perkara tersebut.

10 Menerusi aktiviti kokurikulum, murid akan diberikan tugas-tugas tertentu untuk dilaksanakan bersama-sama ahli kumpulan. Tugas tersebut akan membuatkan murid-murid itu menjadi lebih bertanggungjawab. Di samping itu, daya kepemimpinan merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid pada abad ke-21 ini. Lantaran itu, daya kepemimpinan murid dapat dipupuk melalui pelantikan sesuatu jawatan menerusi aktiviti kokurikulum yang disertai. Antara jawatan yang disandang adalah sebagai pengerusi, setiausaha, bendahara dan ahli jawatankuasa. Selain itu, murid berupaya berinteraksi dengan baik. Murid yang pernah memimpin sesuatu pertubuhan akan lebih yakin untuk menjadi pemimpin sesuatu organisasi pada suatu hari kelak.

15 Oleh itu, negara kita tidak akan menghadapi masalah ketandusan pemimpin kerana generasi muda sekarang berupaya berfikir secara kritis dan kreatif untuk menjana idea dan bijak menyelesaikan masalah yang dihadapi. Di samping itu, murid juga harus menyertai aktiviti kokurikulum untuk membentuk negara yang bersatu-padu.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Kepentingan Aktiviti Kokurikulum kepada Pelajar”, oleh Jared Liw Zhi Long, *Dewan Siswa*, Januari, 2020

## Bahan 2: Pantun Kokurikulum

Mencari rezeki elok menjaja,  
Menjual lontong juga laksana;  
Akademik lebih diutamakan remaja,  
Kokurikulum dianggap membuang masa.

Buah mata kucing buah longan,  
Dibuat minuman sangatlah enak;  
Keluarga tidak berikan sokongan,  
Kokurikulum ditolak oleh anak.

Anak muda bermain kecapi,  
Dikir barat turut didendangkan;  
Jika prasarana tidak mencukupi,  
Murid sukar untuk bersukan.

Budak-budak baru bersunat,  
Langkah diatur berhati-hati;  
Badan cepat berasa penat;  
Alasan murid elak beraktiviti.

### Pendahuluan [Perenggan Pertama – Idea Utama Dua Bahan]

Rumusan membincangkan kepentingan aktiviti kokurikulum kepada murid dan sebab-sebab murid tidak meminati aktiviti kokurikulum. [2 markah]

### Bahan Fokus 1 [Perenggan Kedua]

S1 Kokurikulum boleh **meningkatkan keupayaan** dan kebolehan murid mencapai kecemerlangan. [2 markah]

S2 Seterusnya, mampu **melengkapkan keterampilan** \_\_\_\_\_ [2 markah]

S3 Selanjutnya, murid dapat mengisi masa lapang \_\_\_\_\_ [2 markah]

S4 Selain itu, murid akan menjadi \_\_\_\_\_ [2 markah]

S5 Di samping itu, \_\_\_\_\_ murid dipupuk melalui pelantikan sesuatu jawatan. [2 markah]

S6 Seterusnya, murid berupaya \_\_\_\_\_ [2 markah]

### Fokus Bahan 2 [Perenggan Kedua]

S7 Sebab-sebab murid tidak mahu menyertai aktiviti kokurikulum kerana lebih \_\_\_\_\_ [2 markah]

S8 Seterusnya, **keluarga tidak** \_\_\_\_\_ [2 markah]

S9 Selanjutnya, **prasarana** yang \_\_\_\_\_ [2 markah]

S10 Akhir sekali kokurikulum membuat \_\_\_\_\_ [2 markah]

### Penutup [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]

Kesimpulannya, setiap murid perlu mempunyai kesedaran akan kepentingan kokurikulum **agar/ supaya** kecemerlangan akademik diimbangi dengan kecemerlangan sahsiah. [2 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Obesiti dapat ditakrifkan sebagai kegemukan akibat lemak yang berlebihan dan telah melanda rakyat Malaysia sejak sekian lama. Obesiti dijangka menjadi punca kematian kedua tertinggi di Malaysia selepas penyakit jantung. Obesiti terjadi apabila seseorang itu kurang mengamalkan senaman. Hal ini disebabkan oleh rakyat Malaysia lebih gemar melayari Internet berbanding dengan beriadah. Menurut kajian oleh *Hootsuit and We Are Social*, rakyat Malaysia memperuntukkan masa sekurang-kurangnya tiga jam sehari di media sosial.

Selain itu, tekanan atau stres juga merupakan penyumbang utama masalah obesiti. Ramai yang beranggapan bahawa makan dengan banyak dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi. Lebih-lebih lagi apabila mereka mengambil makanan ringan dan makanan segera yang pastinya akan menambahkan berat badan. Masyarakat juga tidak mengamalkan pemakanan seimbang. Kini, terlalu banyak syarikat makanan segera yang menjual makanan berkalori tinggi dan tidak sihat di negara kita. Sebanyak 70 peratus remaja yang mempunyai ibu bapa bekerja terpaksa mengambil makanan segera sebagai makanan harian. Selain itu, kanak-kanak dan remaja juga lebih suka memakan makanan ringan. Kebanyakan masyarakat tidak mengendahkan implikasi yang bakal dihadapi jika terlalu banyak mengambil makanan berkalori tinggi serta mengandungi lemak, manis dan masin yang berlebihan.

Selain itu, obesiti terutamanya dalam kalangan kanak-kanak berpunca daripada sikap ibu bapa yang kurang menjaga pemakanan anak-anak mereka. Ibu bapa memberikan anak-anak makanan yang tidak berkhasiat dan kurang sesuai dengan tumbesaran anak-anak mereka. Ada juga sebahagian ibu bapa menganggap kanak-kanak yang obes sebagai montel dan comel. Mereka akan berasa bangga apabila anak mereka dikatakan comel.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Obesiti, Di Manakah Silapnya?", oleh Ayu Indasari Razali, *Dewan Siswa*, Mei 2020

### Bahan 2: Petikan dan Grafik

- Selalu bersenam.  
Anda harus bersenam sekurang-kurangnya 150 – 300 minit setiap minggu untuk mengekalkan berat badan ideal. Senaman yang baik seperti berenang dan berjalan laju.
- Makan makanan yang berkhasiat.  
Anda harus makan makanan yang mengandungi pelbagai khasiat yang memenuhi keperluan nutrisi. Elak makanan berlemak dan kurangkan makanan manis dan masin. Makan secara teratur.
- Elakkan makanan berat sebelum tidur.  
Jika mahu makan pada waktu malam, pastikan makan empat jam sebelum anda tidur.
- Elakkan makan secara berlebihan.  
Anda harus makan secara seimbang mengikut keperluan tenaga seharian anda. Ambil tahu jumlah kalori makanan supaya kita tidak makan melebihi kalori yang diperlukan oleh badan.

#### MENGATASI OBESITI DENGAN TEPAT

Ketahui cara yang betul untuk mengekalkan berat badan unggul

#### Amalkan Gaya Hidup Sihat



<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan punca _____	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
S1 Punca obesiti disebabkan oleh kurang _____	[2 markah]
S2 Seterusnya, _____ turut menyebabkan obesiti.	[2 markah]
S3 Selanjutnya, tidak mengamalkan _____	[2 markah]
S4 Selain itu, suka memakan _____	[2 markah]
S5 Di samping itu, ibu bapa memberikan makanan yang _____ dan kurang sesuai.	[2 markah]
S6 Seterusnya, anggapan bahawa kanak-kanak yang obes sebagai _____	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
S7 Cara mengatasi obesiti adalah dengan selalu bersenam _____	[2 markah]
S8 Seterusnya, makan makanan yang berkhasiat _____	[2 markah]
S9 Selanjutnya, elakkan makanan berat sebelum tidur _____	[2 markah]
S10 Akhir sekali, mengelakkan makan _____	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya, _____	[2 markah]

Baca kedua-dua petikan yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Berlaku kebanjiran iklan dalam media sosial yang memperkenalkan pelbagai jenis produk termasuklah kosmetik, makanan kesihatan, aksesori serta pelbagai barangan keperluan diri dan rumah. Lambakan iklan ini menimbulkan pelbagai reaksi oleh pengguna terutamanya mengenai ketidakpuasan hati mereka terhadap isu pengiklanan palsu di media massa. Dalam perniagaan, iklan memainkan peranan yang amat penting kerana memberikan banyak faedah. Namun, iklan mampu membuatkan pengguna menjadi boros ketika berbelanja. Banyak pengguna membeli sesuatu barang atau menggunakan sesuatu perkhidmatan kerana dipengaruhi oleh iklan.

Selain itu, iklan turut mempengaruhi pengguna untuk membeli barangan bukan keperluan. Sebagai contohnya, seorang suri rumah akan membeli sesuatu barang atau peralatan dapur yang canggih kerana terpengaruh oleh iklan walaupun peralatan tersebut sudah ada di rumah. Iklan juga menggalakkan tabiat yang buruk. Iklan rokok dan makanan segera misalnya dapat mempengaruhi orang untuk menghisap rokok dan memakan makanan segera. Dalam pada itu, terdapat iklan yang memperdaya pengguna dengan maklumat palsu tentang sesuatu produk atau perkhidmatan. Kelebihan sesuatu produk atau perkhidmatan itu sengaja dilebih-lebihkan atau diada-adakan dalam iklan. Pengguna pula hanya akan mengetahui bahawa mereka terperdaya setelah menggunakan produk atau perkhidmatan itu.

Di samping itu, terdapat syarikat yang mengeksploitasi wanita dalam iklan untuk melariskan produk mereka. Mereka menggunakan kecantikan paras dan tubuh wanita untuk menarik perhatian para pengguna supaya membeli atau menggunakan produk mereka. Seterusnya, penggunaan iklan dalam pemasaran akan menyebabkan harga produk meningkat. Hal ini disebabkan oleh kos untuk menghasilkan sesuatu iklan amat tinggi kerana penggunaan model, teknologi dan kru penerbitan yang berpengalaman.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Elak Jadi Mangsa Iklan Dusta”, oleh Zila Nor, *Dewan Masyarakat*, Februari 2020

### Bahan 2: Petikan

#### Kebaikan Iklan kepada Pengguna

- Menyampaikan maklumat dan penerangan dengan mudah kepada pengguna. Pengguna memperoleh maklumat berkaitan dengan harga atau bayaran bagi produk atau perkhidmatan di pasaran menerusi iklan.
- Pengguna boleh merancang perbelanjaan. Pengguna boleh membuat perancangan perbelanjaan dengan baik berdasarkan maklumat pada iklan sekali gus mengelakkan pembaziran.
- Membolehkan pengguna membuat perbandingan terhadap produk dan perkhidmatan. Pengguna mudah membuat perbandingan produk atau perkhidmatan dari aspek harga, kuantiti dan kandungan menerusi maklumat yang dinyatakan dalam iklan.
- Pengguna akan sentiasa mengetahui peluang-peluang yang terbuka pada setiap masa. Kebanyakan peluang pekerjaan dan peluang pendidikan pada masa ini tersebar luas menerusi iklan-iklan di media massa, media sosial dan papan iklan.

<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Utama Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
S1 Impak negatif iklan ialah pengguna menjadi	[2 markah]
S2 Seterusnya, <b>mempengaruhi pengguna</b>	[2 markah]
S3 Selanjutnya, <b>menggalakkan</b>	[2 markah]
S4 Selain itu, <b>memperdaya pengguna</b>	[2 markah]
S5 Di samping itu, <b>mengeksploitasi</b>	[2 markah]
S6 Seterusnya, iklan menyebabkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
S7 Kebaikan iklan pula ialah <b>menyampaikan maklumat</b>	[2 markah]
S8 Seterusnya, pengguna dapat <b>merancang</b>	[2 markah]
S9 Selanjutnya, membolehkan pengguna <b>membuat</b>	[2 markah]
S10 Selain itu, pengguna akan sentiasa <b>mengetahui peluang-peluang</b>	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]



Baca kedua-dua petikan yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Sukan merupakan kegiatan yang menyeronokkan, mencabar dan memerlukan kemahiran yang cekap, ketangkasan yang pantas serta tenaga yang tinggi. Terdapat pelbagai jenis sukan termasuklah bola sepak, olahraga, badminton, hoki, dan bola tampar yang sering menjadi pilihan utama rakyat Malaysia. Impak positif sukan kepada seseorang ialah diri akan berasa puas apabila melakukan aktiviti sukan yang digemari. Kepuasan ini tercapai kerana aktiviti sukan memerlukan tumpuan tenaga yang banyak lalu menjadikan seseorang itu menikmati suasana kehidupan yang bermakna selepas selesai bersukan.

Selain itu, mereka yang sering bersukan akan memperoleh kebaikan dari aspek kesihatan tubuh badan. Aktiviti sukan yang dilakukan membolehkan lemak dalam badan dibakar dan menguatkan tulang serta jantung. Malah, bersukan dapat membantu mengurangkan stres yang dihadapi kerana mental seseorang memerlukan aktiviti yang berbeza dengan rutin harian yang melelahkan. Kajian juga membuktikan bahawa perpaduan masyarakat boleh dipupuk menerusi pelbagai acara sukan terutama pertandingan yang melibatkan pasukan negara. Konsep perpaduan ini dicapai kerana kejayaan atau kegagalan pasukan kebangsaan dalam sebarang acara sukan turut dirasai oleh rakyat tanpa mengira kaum. Seterusnya, sukan juga mampu membentuk serta memantapkan disiplin yang terpuji dalam diri remaja. Disiplin diri dalam konteks ini merupakan keperluan hidup yang amat penting kepada remaja sebagai persediaan untuk masa depan dan seterusnya membolehkan remaja mencapai kejayaan dalam segala bidang yang diceburi.

Amalan aktiviti sukan juga dapat membentuk individu berfikiran positif. Orang yang berfikiran positif akan menganggap sesuatu masalah sebagai cabaran dan menolak hal yang negatif. Dari aspek psikologi, bersukan dapat memberikan keyakinan yang tinggi kepada seseorang. Keyakinan amat penting dalam menghadapi cabaran hidup yang getir. Kini, ramai yang terdedah kepada pelbagai masalah sosial, pengaruh nilai negatif dari Barat dan kesukaran mencari pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran yang dimiliki.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Kebaikan Menyertai Aktiviti Sukan”, oleh Ivan Avannus Jacob Jimbangan, *Dewan Siswa*, Mac 2020

### Bahan 2: Petikan

- Sesetengah sukan lasak seperti gusti, karate dan ski dianggap berbahaya serta berisiko tinggi kerana terdapat para atlet mengalami kecederaan serius semasa pertandingan.
- Isu penyalahgunaan dadah oleh atlet untuk meningkatkan prestasi juga merupakan tindakan yang melanggar undang-undang. Ada atlet yang sanggup menggunakan dadah atau steroid demi kemenangan dan kemasyhuran. Ben Johnson merupakan bekas pelari 100 meter yang digantung dari arena balapan akibat penggunaan steroid.
- Sukan juga boleh membawa permusuhan dan pergaduhan. Isu pergaduhan sering dilihat dalam arena sukan bola sepak apabila penyokong sesuatu pasukan yang kalah tidak berpuas hati dengan keputusan perlawanan. Keadaan ini menimbulkan provokasi daripada penyokong kedua-dua buah pasukan seterusnya boleh mencetuskan rusuhan.



<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Utama Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua ]	
S1 Kelebihan bersukan menyebabkan diri	[2 markah]
S2 Seterusnya, kebaikan dari aspek	[2 markah]
S3 Selanjutnya, membantu mengurangkan	[2 markah]
S4 Selain itu, <b>perpaduan</b> masyarakat	[2 markah]
S5 Di samping itu, membentuk serta	[2 markah]
S6 Seterusnya, membentuk individu	[2 markah]
S7 Selanjutnya, memberikan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
S8 Selain itu, sukan dianggap <b>berbahaya</b> serta berisiko tinggi yang boleh mendatangkan	[2 markah]
S9 Di samping itu, atlet <b>menyalahgunakan dadah</b> untuk	[2 markah]
S10 Sukan juga boleh membawa <b>permusuhan dan pergaduhan</b> oleh	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Kebanyakan remaja tidak mempunyai “peta kehidupan” yang jelas. Apabila ditanya tentang cita-cita, kebiasaannya remaja menjelaskan bahawa hal itu bergantung pada keputusan peperiksaan. Mereka menjadikan keputusan peperiksaan sebagai penentu masa hadapan. Sebenarnya, diri akan bersemangat mengharungi kehidupan sekiranya mempunyai cita-cita. Jika seseorang ingin menjadi doktor, sudah tentu dia akan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya. Mereka yang memiliki cita-cita lebih bersedia terhadap perkara yang akan dilakukan pada masa hadapan. Seseorang yang bercita-cita menjadi pemain badminton profesional akan mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan ke arah merealisasikan cita-citanya itu.

Selain itu, orang yang mempunyai cita-cita akan mempunyai jalan hidup yang jelas. Mereka tahu arah hidup yang akan dijalani dan tahu tujuan mereka belajar serta menuntut ilmu adalah untuk mengejar cita-cita dan berusaha sekuat mungkin untuk mencapainya. Perkara yang mengalihkan fokus mereka untuk mencapai cita-cita akan dibuang jauh-jauh. Mereka yang mempunyai cita-cita diyakini mempunyai mental dan niat yang semakin terarah. Mental akan menjadi lebih kuat untuk melawan rasa malas, mengantuk, dan godaan bermain permainan menerusi talian Internet. Bagi remaja yang mempunyai cita-cita pula, mereka akan berusaha meningkatkan kemampuan diri. Misalnya, remaja yang mahu menjadi doktor akan berusaha menguasai mata pelajaran Sains dan Biologi.

Orang yang mempunyai cita-cita, akan menjadikan kegagalan sebagai titik mula untuk memastikan cita-cita yang sebenar berjaya digapai. “Peta kehidupan” yang menjadi wawasan kekal kehidupan kita itu perlulah ditulis dengan jelas berkenaan sasaran hidup kita. Kalau kita ada peta kosong sahaja tetapi tidak tahu apa-apa yang hendak dilakarkan, maknanya kita tidak memiliki cita-cita. Orang yang tidak ada cita-cita ialah orang yang tidak ada matlamat hidup. Hal ini demikian kerana orang yang mempunyai cita-cita akan berterusan berusaha sehingga impian menjadi kenyataan. Sesungguhnya, kita perlu mempunyai cita-cita sejak kecil. Namun, cita-cita kita perlu berubah mengikut keadaan semasa untuk mengelakkan diri kita daripada menganggur.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Cita-cita dan Matlamat Kehidupan”,  
oleh Dr. Muhaya Mohamad, *Dewan Siswa*, April 2020

### Bahan 2: Grafik

Orang yang berfikiran negatif akan gagal mencapai cita-cita. Semua kerja yang dilakukan dilihat dari sudut negatif dan ada sahaja yang tidak kena.

Orang yang selalu merungut tidak akan mencapai kejayaan. Rungutan akan menjadi halangan dan alasan untuk tidak berusaha mencapai kejayaan.

Cita-cita tidak akan dicapai sekiranya kurang berkeyakinan terhadap usaha yang dilakukan. Jika kita tiada keyakinan diri, orang lain juga tidak akan yakin pada kita.

<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Utama Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
<b>S1</b>	[2 markah]
<b>S2</b> Seterusnya,	[2 markah]
<b>S3</b> Selanjutnya,	[2 markah]
<b>S4</b> Selain itu,	[2 markah]
<b>S5</b> Di samping itu,	[2 markah]
<b>S6</b> Seterusnya,	[2 markah]
<b>S7</b> Selanjutnya,	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
<b>S8</b> Selain itu,	[2 markah]
<b>S9</b> Di samping itu,	[2 markah]
<b>S10</b> Seterusnya,	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]

Baca petikan dan pantun yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Rasuah merupakan penyakit sosial yang serius kerana mampu menjatuhkan sesebuah kerajaan. Pada era digital ini menyaksikan peningkatan amalan rasuah dalam kalangan masyarakat Malaysia termasuklah penguat kuasa dan pemimpin. Rasuah dijadikan sebagai salah satu jalan pintas untuk seseorang itu mengecapi kemewahan hidup dalam masa singkat. Sebenarnya, tiada penyakit yang tiada penawarnya, maka langkah yang sistematik harus dilaksanakan untuk membendung masalah ini. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menguatkuasakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia agar penularan amalan rasuah di negara ini dapat dikurangkan. Pegawai SPRM sentiasa memberikan komitmen yang tinggi semasa menyasat kes rasuah tanpa memilih bulu.

Gejala rasuah juga dapat ditangani sekiranya media massa memainkan peranan dengan menyiarkan kes rasuah dan kesannya. Secara tidak langsung, masyarakat akan mendapat kesedaran tentang betapa bahayanya jika mereka mengamalkan rasuah. Hal ini dikatakan demikian kerana gejala rasuah akan menjatuhkan nama baik serta imej negara dan diri. Lagipun, media massa merupakan media perdana yang mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat tentang sesuatu perkara.

Ibu bapa juga mestilah menyemai sikap membenci rasuah dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Didikan agama dan moral amat penting untuk anak-anak bagi memantapkan iman dan mengukuhkan jati diri. Lagipun, didikan agama dan moral yang mencukupi dapat membantu seseorang itu untuk membezakan perkara yang baik dan perkara yang tidak baik. Kita mengharapkan kerajaan menguatkuasakan undang-undang dan hukuman. Hal ini bagi memastikan pengamal rasuah berfikir dua kali sebelum melakukan rasuah.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Bendung Gejala Rasuah", oleh Nisha Haridas, *Dewan Siswa*, Februari 2020

### Bahan 2: Pantun

#### Pantun Punca Rasuah

Berkilau sinar batu permata,  
Merah menyala batu delima;  
Wang terhidang di depan mata,  
Lemahnya iman terus diterima.

Tanaman keledak sudah berisi,  
Dimasak pengat dengan durian;  
Hutang berbukit perlu dilunasi,  
Disogok wang berubah pendirian.

Buah labu dibuat sekaya,  
Manis rasanya enak dimakan;  
Diri miskin berlagak kaya,  
Wang haram tidak difikirkan.

Batas permatang tidak rata,  
Tempat laluan orang bersawah;  
Peluang ada di depan mata,  
Peluang merasa hidup mewah.

<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
S1	[2 markah]
S2 Seterusnya,	[2 markah]
S3 Selanjutnya,	[2 markah]
S4 Selain itu,	[2 markah]
S5 Di samping itu,	[2 markah]
S6 Seterusnya,	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
S7	[2 markah]
S8 Seterusnya,	[2 markah]
S9 Selanjutnya,	[2 markah]
S10 Akhir sekali,	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan


Bermula pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Dasar Sifar Penolakan secara Menyeluruh bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK). Hal ini bagi memastikan tiada murid dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) yang dinafikan hak mereka untuk memasuki alam persekolahan. Sebagai kesinambungan usaha itu, Dasar Inklusif OKU juga dilaksanakan dan diberikan keutamaan. Menerusi dasar ini, institusi pendidikan tinggi perlu memastikan kemudahan dan sistem sokongan pendidikan yang berterusan dapat diberikan kepada pelajar OKU yang berjaya mendapat tempat di universiti awam dan swasta.

OKU ialah kanak-kanak atau orang dewasa yang cacat keadaan fizikal atau mentalnya sejak lahir atau kesan kemalangan atau penyakit tertentu. Oleh itu, masyarakat perlu menerima kehadiran golongan OKU seadanya. Masyarakat juga perlu membantu OKU menjalani kehidupan dengan sebaik-baiknya. Lantas, masyarakat perlu sedar bahawa OKU tidak meminta dilahirkan dalam keadaan yang tidak sempurna dan mereka mempunyai hak untuk hidup sama seperti orang lain. OKU haruslah diberikan layanan yang baik kerana mereka turut mempunyai perasaan yang sama seperti insan lain.

Namun begitu, kita harus melayan OKU secara istimewa dalam keadaan-keadaan tertentu seperti membantu mereka melintas jalan, memberikan tempat duduk di dalam kenderaan awam dan sebagainya. Kita juga mengharapkan tabung khas disediakan untuk memudahkan masyarakat menyalurkan bantuan kewangan kepada OKU. Oleh hal yang demikian, nasib OKU akan terbela dan mendapat simpati yang berterusan daripada masyarakat untuk meneruskan kehidupan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Dasar Inklusif OKU”, oleh Azimah Ismail, *Dewan Masyarakat*, Januari 2020

### Bahan 2: Grafik



<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Utama Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
<b>S1</b>	[2 markah]
<b>S2</b> Seterusnya,	[2 markah]
<b>S3</b> Selanjutnya,	[2 markah]
<b>S4</b> Selain itu,	[2 markah]
<b>S5</b> Di samping itu,	[2 markah]
<b>S6</b> Seterusnya,	[2 markah]
<b>S7</b> Selanjutnya,	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
<b>S8</b>	[2 markah]
<b>S9</b> Seterusnya,	[2 markah]
<b>S10</b> Akhir sekali,	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]

Baca petikan dan dialog yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Menurut laman web *worldatlas.com*, terdapat 10 buah negara yang paling banyak membaca di dunia pada tahun 2019. Negara tersebut ialah India selama 10 jam 42 minit seminggu, diikuti Thailand (sembilan jam), China (lapan jam), Filipina (tujuh jam 36 minit), Mesir (tujuh jam 30 minit), Republik Czech (tujuh jam 24 minit), Sweden (tujuh jam enam minit), Perancis (enam jam 54 minit), Hungary (enam jam 48 minit) dan Arab Saudi (enam jam 48 minit).

Masyarakat dunia memanfaatkan masa dengan membaca bahan berkualiti. Hal ini demikian kerana membaca dapat menjaga otak untuk terus kekal aktif. Sama seperti anggota badan yang lain, otak juga memerlukan senaman supaya kekal kuat dan sihat. Oleh itu, senaman otak yang paling berkesan ialah membaca. Menurut kajian, aktiviti membaca boleh mengurangkan tekanan yang dihadapi seperti masalah peribadi dan masalah di tempat kerja. Membaca juga boleh menambahkan pengetahuan kerana maklumat yang kita baca akan tersimpan dalam otak. Kita boleh menggunakan maklumat baharu yang diperolehi semasa pembacaan dalam pekerjaan, pengajaran, pembelajaran, perbualan atau ketika menjawab soalan.

Membaca boleh menambahkan perbendaharaan kata dan perlu diakui bahawa semakin banyak kita membaca, semakin banyak perkataan yang kita peroleh. Membaca juga boleh menguatkan daya ingatan kerana ketika membaca novel misalnya kita perlu mengingat pelbagai watak, latar belakang, cita-cita dan sejarah, serta pelbagai plot cerita. Pada waktu yang sama, membaca boleh meningkatkan kemahiran berfikir analitik yang lebih kukuh. Sekiranya mempunyai peluang untuk membincangkan buku yang dibaca dengan orang lain, kita akan dapat menyatakan pendapat dengan jelas dan mendalam.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Budaya Membaca Remaja”,  
oleh Sham A. Kadir, *Dewan Siswa*, April 2020

### Bahan 2: Dialog

Salina: Apakah bahan bacaan yang tidak berkualiti?

Cikgu: Bahan bacaan yang tidak berkualiti ialah novel berunsur pornografi, majalah hiburan dan buku-buku yang ditulis tidak mengikut hukum tatabahasa. Bahan tersebut banyak di pasaran dan mudah dilayari di Internet.

Salina: Apakah keburukannya jika kita membaca bahan yang tidak berkualiti?

Cikgu: Membaca bahan yang tidak berkualiti hanya membuang masa kerana tidak mendatangkan apa-apa faedah. Selain itu, kualiti bahasa kita juga akan merosot kerana membaca bahan yang salah hukum tatabahasanya. Kita juga akan terpengaruh dengan perkara yang negatif. Malah, penguasaan ilmu kita tidak akan bertambah.

Salina: Jelaslah saya cikgu. Nampaknya kita perlu mengutamakan bahan bacaan yang berkualiti.



<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Utama Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
S1	[2 markah]
S2 Seterusnya,	[2 markah]
S3 Selanjutnya,	[2 markah]
S4 Selain itu,	[2 markah]
S5 Di samping itu,	[2 markah]
S6 Seterusnya,	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
S7	[2 markah]
S8 Seterusnya,	[2 markah]
S9 Selanjutnya,	[2 markah]
S10 Akhir sekali,	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]

Baca petikan dan teliti sajak yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi telah membawa banyak perubahan positif kepada kehidupan manusia termasuklah aspek penjagaan kesihatan. Lantaran itu, kemajuan bidang sains telah dimanfaatkan dalam usaha untuk membendung penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit disebarkan oleh agen jangkitan seperti bakteria, parasit dan virus. Pada masa ini, manusia digemparkan dengan wabak COVID-19 yang

5

kini telah menjadi pandemik di seluruh dunia dan mengorban jutaan nyawa. Bagi mengelakkan penularan virus ini, kita mestilah memakai pelitup muka apabila berada di tempat yang sesak dengan orang ramai. Dengan pemakaian pelitup muka secara tidak langsung kita dapat menghalang tangan daripada menyentuh kawasan pada anggota badan yang boleh menyebabkan kemasukan virus ke dalam badan kita. Selain itu, kita perlu kerap membasuh tangan dengan sabun atau

10

pensanitasi tangan beralkohol. Pensanitasi tangan beralkohol ini dapat membunuh virus yang berada pada tangan kita sekali gus dapat menghalang virus memasuki badan. Di samping itu, kita haruslah mematuhi penjarakan fizikal antara satu sama lain. Kita mestilah sentiasa menjarakkan diri sekitar satu meter semasa berada di luar rumah. Oleh itu, kita mesti memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan berkaitan dengan arahan penjarakan fizikal.

15

Seterusnya, kerajaan perlu memastikan penjagaan kesihatan yang teratur dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penjagaan kesihatan merupakan satu amalan yang berterusan. Sebagai contohnya, setiap anggota masyarakat hendaklah menjaga kebersihan diri sepanjang masa. Kebersihan diri merupakan asas yang akan mengelakkan tubuh dijangkiti penyakit. Bersihkan dan basmi kuman pada permukaan tubuh dengan kerap, terutama sekali permukaan yang bersentuhan dengan makanan dan tempat yang kerap

20

dipegang seperti pili, pemegang pintu dan telefon.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Memperkasakan Bioteknologi bagi Menangani Ancaman Virus dan Penyakit”, oleh Laupa Junus, *Dewan Masyarakat*, Mei 2020

### Bahan 2: Petikan

Walaupun fenomena penyakit berjangkit sering dipaparkan di pelbagai media massa namun kurangnya kesedaran daripada anggota masyarakat telah menyebabkan berlakunya penularan fenomena ini. Anggota masyarakat pada masa ini terlalu sibuk dengan urusan masing-masing sehingga kurang mengambil tahu terhadap isu semasa termasuklah penyakit berjangkit. Kebanyakan masyarakat juga tidak mengamalkan pemakanan seimbang hingga menyebabkan mereka mudah untuk dijangkiti penyakit berjangkit. Hal ini demikian kerana pemakanan seimbang dan berkhasiat dapat menguatkan sistem kekebalan dalam dalam tubuh badan kita.

### Bahan 3: Sajak

#### Keranamu COVID-19

Penghujung 2019 kaudatang tanpa diundang  
ramai mangsamu dijemput kematian  
setiap hari kian bertambah.

Keranamu, dunia menutup sempadan  
tiada lagi ria mengisi percution  
segala-galanya menjadi tertutup.

ekonomi dunia menjadi runtuh  
yang miskin menjadi papa  
vaksin tiba menjadi harapan.

Wahai, COVID-19, nyahlah dari bumi ini!  
tiada yang menyambut kedatanganmu!

<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Utama Tiga Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
S1	[2 markah]
S2 Seterusnya,	[2 markah]
S3 Selanjutnya,	[2 markah]
S4 Selain itu,	[2 markah]
S5 Di samping itu,	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
S6	[2 markah]
S7 Seterusnya,	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 3</b> [Perenggan Kedua]	
S8	[2 markah]
S9 Seterusnya,	[2 markah]
S10 Akhir sekali,	
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]

Baca petikan dan teliti pantun yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1: Petikan

Ciri pantun Melayu termasuklah terbina dalam bentuk berangkap dan mengandungi bahagian pembayang dan maksud. Pantun terbahagi kepada pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat, lapan kerat dan 12 kerat. Bagi pantun dua kerat rima akhirnya ialah a-a, manakala rima akhir bagi pantun empat kerat ialah a-b-a-b. Aspek dalaman pantun mempunyai unsur estetik dan isi. Unsur estetik pantun berdasarkan penggunaan lambang tertentu mengikut tanggapan serta pandangan dunia masyarakat Melayu dan berdasarkan hubungan makna antara pembayang dengan maksud sama ada secara konkrit ataupun abstrak.

Masyarakat Melayu tradisional menyampaikan pelbagai nasihat menerusi pantun. Masyarakat Melayu terdahulu kaya dengan pelbagai nasihat dan pengalaman hidup serta amat peka dengan perubahan sesuatu perkara lantas menggunakan pantun sebagai kaedah memberikan peringatan. Pantun Melayu juga digunakan untuk meluahkan perasaan kasih sayang dalam kalangan masyarakat tanpa mengira batasan sama ada rasa sayang antara kekasih, suami kepada isteri ataupun anak kepada ibu bapa. Masyarakat Melayu sememangnya mementingkan adat istiadat dalam kehidupan sehari-hari. Lantaran itu, pantun juga memainkan peranan yang penting dalam upacara yang melibatkan adat istiadat. Dalam majlis merisik, bertunang hinggalah majlis perkahwinan, pantun akan dilafazkan sebagai mukadimah atau pembuka kata sebagai tanda meminta kebenaran atau untuk menyampaikan maksud di hati.

Pantun juga dilihat sebagai satu teknik menyindir atau menempelak seseorang itu dengan lebih sopan. Pantun juga digunakan oleh masyarakat untuk menggambarkan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara dengan bahasa yang berlapik dan tidak secara berterus terang. Pantun juga dicipta untuk tujuan mencabar ketangkasan fikiran.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Pantun Melayu Tersirat Makna di Balik Keindahan Kata", oleh Jaymani Sevanathan, *Pelita Bahasa*, Februari 2020

### Bahan 2: Pantun

Menjerat napuh waktu senja,  
Kusangka napuh rupanya kancil;  
Pantun tidak digemari remaja,  
Tidak dikenalkan sejak kecil.

Pendayung ada di dalam sampan,  
Marilah kita mudik ke hulu;  
Pantun tersisih dalam kehidupan,  
Mahu ditutur terasa malu.

Hebatnya Badang bertubuh sasa,  
Terkenal hingga Pulau Jawa;  
Dipelajari untuk lulus periksa,  
Pantun tidak lekat di jiwa.

Kaki berdarah terpijak semalu,  
Lekas diubati jangan dibiarkan;  
Ungkapan moden diguna selalu,  
Pantun terbatas untuk digunakan.

<b>Pendahuluan</b> [Perenggan Pertama – Idea Utama Dua Bahan]	
Rumusan membincangkan	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 1</b> [Perenggan Kedua]	
S1	[2 markah]
S2 Seterusnya,	[2 markah]
S3 Selanjutnya,	[2 markah]
S4 Selain itu,	[2 markah]
S5 Di samping itu,	[2 markah]
S6 Seterusnya,	[2 markah]
<b>Fokus Bahan 2</b> [Perenggan Kedua]	
S7	[2 markah]
S8 Seterusnya,	[2 markah]
S9 Selanjutnya,	[2 markah]
S10 Selain itu,	[2 markah]
<b>Penutup</b> [Perenggan Ketiga – Cadangan dan Harapan]	
Kesimpulannya,	[2 markah]

# KERTAS MODEL 1

## KERTAS 1

Masa: 2 jam

### Arahan:

Anda dikehendaki menjawab soalan Bahagian A dan satu soalan Bahagian B.

### Bahagian A

[30 markah]

### Soalan 1

Maklumat di bawah berkaitan dengan Internet.


Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan jalur lebar kepada masyarakat**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Mencari terendak di luar kota,  
Hendak dibawa balik ke rumah;  
Internet memudahkan hidup kita,  
Boleh berurusan hanya di rumah.

Di hujung halaman pohon bidara,  
Angin bertiup daunnya gugur;  
Internet tingkatkan ekonomi negara,  
Perniagaan asing mudah melabur.

Nenek di dapur menanak nasi,  
Datuk di laman menarik galah;  
Internet memudahkan kita komunikasi,  
Menjadi wadah penyelesaian masalah.



## Bahagian B

[70 markah]

Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

### Soalan 2

RINGKASAN BELANJAWAN SUKAN 2020	
RM20 JUTA	e-Sukan
RM45 JUTA	Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP)
RM179 JUTA	Persiapan kejohanan antarabangsa seperti Sukan Olimpik 2020, Sukan SEA 2021 dan atlet paralimpik
RM10 JUTA	Pembangunan atlet wanita
RM299 JUTA	Pelaksanaan program sukan untuk semua termasuk memulih dan menaik taraf kemudahan sukan

Maklumat di atas tentang Belanjawan 2020 yang berkaitan dengan sukan. Walaupun saban tahun jutaan ringgit dicurahkan untuk kemajuan negara, namun demikian mutu sukan negara belum begitu membanggakan.

Berikan **pendapat** anda tentang langkah-langkah meningkatkan mutu sukan negara agar atlet Malaysia lebih banyak meraih kejayaan di pentas antarabangsa.

### Soalan 3

#### Gurindam 12 Fasal yang Keenam

Cahari olehmu akan sahabat,  
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan guru,  
Yang boleh tahukan tiap seteru.

Cahari olehmu akan isteri,  
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,  
Pilih segala orang setiawan.

*Antologi Harga Remaja,*  
Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009.

Gurindam di atas menekankan keperluan kita mencari sahabat. Sehubungan dengan itu, sahabat anda seorang warganegara asing telah mengundang anda ke rumahnya untuk satu upacara yang berkaitan dengan budayanya.

**Ceritakan pengalaman** anda semasa berada di rumah sahabat anda itu.

#### Soalan 4

Wakil Rakyat ialah mereka yang dipilih dalam pilihan raya untuk menjadi wakil penduduk di kawasan pilihan rayanya. Wakil Rakyat mempunyai tanggungjawab yang penting iaitu menyuarakan masalah masyarakat di kawasan yang diwakili serta berperanan dalam penggubalan undang-undang. Seseorang wakil rakyat mungkin seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen. Wakil rakyat menjadi jurucakap rakyat yang diwakilinya dan beliau mempunyai satu kerusi di Dewan Undangan Negeri atau di Dewan Rakyat (di Parlimen).

Pilihan raya baru sahaja berakhir. Wakil rakyat segera menjalankan tugas menemui para pengundi. Anda telah berpeluang mengikuti lawatan wakil rakyat ke sebuah kawasan pedalaman. Banyak pengalaman yang anda peroleh sepanjang lawatan itu.

Tulis **laporan** mengenai pengalaman anda tersebut.

#### Soalan 5

Indah sungguh suasana pantai,  
Ramai orang singgah mandi;  
Emas berbingkai mutiara berantai,  
Silau mata tenggelam budi.

Tulis sebuah **cerpen** berdasarkan pantun di atas.



**Arahan:**

Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diajukan.

**Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa**

[35 markah]

**Soalan 1**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja** dan **dua kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Sudah panjang hayat sastera Melayu pascamoden yang bermula sejak 1970-an. Pascamodenisme lahir hasil penentangan terhadap modenisme yang gagal mentadbir manusia dan mengakibatkan berlakunya dua peperangan dunia. Manusia kehilangan harapan, sejarah dan masa depan, lalu mengimpikan anjakan dunia baharu, maka lahirlah zaman pascamoden. Konsep pascamoden yang menjadi teras ialah penentangan total terhadap aliran realisme. Hal ini merupakan sanggahan terhadap falsafah modenisme. Karya yang mementingkan gagasan, pemikiran dan falsafah seperti konsep keberadaan dan eksistensi manusia mampu melahirkan manusia yang cakna dan berwawasan.

Dipetik dan diubah suai daripada Menghargai Sastera Melayu Pascamoden oleh Mana Sikana, *Sinar Harian*, 20 September 2020

[8 markah]

**Soalan 2**

Tukar **ayat majmuk** di bawah menjadi **enam ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

Masalah merokok dalam kalangan murid lelaki dan perempuan semakin meningkat. Pelbagai program kesedaran tentang bahaya merokok nampaknya tidak berkesan, malahan peratusan murid merokok semakin bertambah. Mereka semakin berani merokok di khalayak ramai dengan memakai uniform sekolah.

[6 markah]

**Soalan 3**

Dalam petikan 1 terdapat **enam kesalahan bahasa**, manakala petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Remaja merupakan aset pembangunan negara di masa hadapan kerana merekalah pelapis kepada kepemimpinan hari ini yang akan mengetuai negara ke arah negara maju. Oleh itu, persiapan ke arah ketinggian ilmu, akhlak dan pelbagai ilmu pengetahuan perlu dilakukan bermula daripada sekarang. Murid yang merupakan generasi muda berperanan untuk mencari ilmu pengetahuan agar kejadian manusia yang berilmu pengetahuan serta menjadi modul insan yang berkualiti.

[6 markah]

**Petikan 2**

Sabah merupakan salah sebuah negeri yang mengada penduduk berbilang-bilang kaum. Antara setengah kaum peribumi di sana adalah orang Kadazan, Bajau dan Murut. Seperti negeri-negeri di Semenanjung, Sabah juga tidak ketinggalan daripada menikmati kejayaan yang pesat selepas mencapai kemerdekaan.

[5 markah]

**Soalan 4**

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang.

Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, KPM, 2015

[6 markah]

**Soalan 5**

Baca dialog di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **dua** peribahasa yang dapat dikaitkan dengan dialog ini.

FATIN: Saya kagumlah dengan kerajinan kamu membuat kerja rumah, sekali gus memasak untuk keluarga kamu.

HUSNA: Saya sudah biasalah Damia, lagipun sejak kecil lagi ibu saya mendidik saya membuat kerja-kerja dapur. Kamu inilah dapat peluang belajar ke peringkat tinggi, tidak boleh duduk di dapur lama-lama.

FATIN: Betullah tindakan emak kamu itu, sebagai anak perempuan kita mestilah diajar semua kerja di dapur. Saya ingin belajar memasak daripada kamu apabila ada masa nanti.

HUSNA: Boleh, yang penting kamu ada kemahuan untuk memasak, kalau kamu tidak minat tentu kamu tidak akan berjaya.

[4 markah]

## Bahagian B: Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 6

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Bahan 1

Bagi yang belum berkesempatan bercuti ke destinasi pelancongan domestik, antara lokasi menarik untuk dikunjungi ialah Projek Taman Tugu yang terletak di tengah ibu kota. Biarpun waktu semakin menghampiri tengah hari, namun terik sang suria langsung tidak dihiraukan oleh para pengunjung yang mahu meneruskan aktiviti merentas hutan. Hutan hujan tropika yang kian mendapat tempat di hati masyarakat kerana kewujudan Projek Taman Tugu, sememangnya mendekati orang ramai dengan alam semula jadi untuk melakukan riadah.

Taman ini berkeluasan kira-kira 16.1 hektar dan dibuka dari pukul 7.00 pagi hingga 6.00 petang. Taman yang *memiliki aura* tersendiri ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada pengunjung untuk menyaksikan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan yang melebihi 1 000 pokok asli tempatan seperti jelutung, tembusu, pulau dan gaharu. Terdapat kira-kira 4 000 pokok hutan hujan asli tempatan berusia antara lapan hingga 10 tahun yang terdiri daripada 230 spesies hutan hujan seperti keruing, meranti dan mersawa.

Dipetik dan diubah suai daripada “Aktiviti Riadah Popular Hujung Minggu” oleh Mahani Ishak, *Berita Harian*, 30 Ogos 2020

#### Bahan 2

Waktu cuti sekolah eloklah digunakan dengan sebaik mungkin. Kebiasaannya pada waktu cuti sekolah kita akan menonton televisyen atau bermain permainan dalam talian. Namun, kita juga boleh menggunakan waktu cuti untuk pelbagai aktiviti lain seperti mengunjungi perpustakaan. Suasana perpustakaan berbeza dengan situasi di rumah. Selain terdapat pelbagai jenis buku, suasana yang senyap dan kondusif amat sesuai untuk kita membaca buku dan mengulang kaji pelajaran di samping boleh mendamaikan hati dan fikiran. Sebenarnya banyak lagi aktiviti yang boleh kita lakukan seperti beriadah bersama-sama rakan, berpersatuan, mengikuti kelas tambahan, kem motivasi, kem cuti sekolah, bekerja sambil dan menghadiri bengkel penulisan.

Ada juga yang merancang untuk mengikut keluarga bercuti. Ajaklah ibu bapa melawat ke tempat-tempat bersejarah seperti muzium, galeri sejarah dan tempat yang mempunyai kesan peninggalan sejarah. Bawalah buku catatan untuk kita mencatat ilmu baharu yang kita peroleh di samping menjadikan pengalaman tersebut sebagai kenangan yang menarik.

Dipetik dan diubah suai daripada “Gunakan Waktu Cuti Panjang dengan Sebaik-baiknya” oleh Mohamad Ali Alimin, *GPS Bestari*, 25 Februari 2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *memiliki aura*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan aktiviti yang dilakukan untuk memanfaatkan waktu cuti. [3 markah]
- (iii) Selain merehatkan minda, terdapat banyak tujuan lain seseorang itu pergi bercuti ke sesuatu tempat. Berikan pendapat anda. [3 markah]
- (iv) Ada yang memanfaatkan cuti hujung minggu dengan beriadah. Ada pula yang suka menghabiskan masa dengan bersantai bersama-sama rakan sebaya atau memerap di dalam bilik sahaja. Pada pendapat anda, mengapakah aktiviti riadah tidak menjadi amalan wajib dalam kalangan masyarakat kita? [4 markah]

### Soalan 7

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

#### Di Sini Di Tanah Ini

Di bumi inilah  
tiada lain  
nasi dan lauknya  
sawah ladang segenggam  
menjadilah segunung perak.

Bukankah tanah ini  
sawah ladang ini yang memberikan nafas  
dan anak-anakmu yang menginjak  
memamah lumat daging tulang  
tanah sejengkal ini  
kasihmu masih berbelah  
hatimu di bumi lain  
asing bagai ikan-ikan di gurun.

Mengucaplah mereka yang wajar mengucap  
dengan dua bibir hatimu sendiri  
di sinilah udara yang kauhirup  
usahlah hembuskan kembali  
dengan racun yang berbisa  
membunuh pucuk yang baru bertunas

Menginjak dahi para wali  
yang kepadanya kauberikan kepercayaan.

Tiada kematian yang lebih nikmat  
dari mengasihi tanah keramat ini.

**Zam Ismail**

### Bahan 2

Hakim pernah berseloroh, “Kalau aku berjaya menebus kembali tanah itu, aku nak dirikan sebuah memorial. Aku akan namakannya Memorial Pak Kaduk. Biar memorial itu menjadi peringatan kepada semua umat Melayu agar berhati-hati dengan tanah mereka. Maksud aku, biar mereka menjaga hak-hak mereka agar tidak terlepas ke tangan orang lain.”

“Kau nak buat tugu Pak Kaduk ke? Apa gunanya membina tugu dalam kampung ini? Mana ada pelancong yang nak datang melawat?” tanya Azam.

“Aku bergurau saja. Lagipun ini tanah kampung yang berstatus tanah pertanian. Apalagi yang wajar dibuat selain berkebun dan menternak. Aku sudah mendapat nasihat dan berbincang dengan beberapa orang. Aku sudah berbincang dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab memajukan bidang pertanian.”

Dipetik daripada cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja”  
oleh Zurinah Hassan dalam *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014

### Bahan 3

#### Seloka Pak Kaduk

Aduhai malang Pak Kaduk  
Ayamnya menang kampung tergadai  
Ada nasi dicurahkan  
Awak pulang kebuluran  
Mudik menongkah surut  
Hilir menongkah pasang;  
Ada isteri dibunuh

Nyaris mati oleh tak makan  
Masa belayar kematian angin  
Sauh dilabuh bayu berpuput  
Ada rumah bertandang duduk.

*Kumpulan Puisi Melayu Tradisional*  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menebus maruah*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, mengekalkan hak milik tanah dianggap sebagai mengembalikan maruah. Berdasarkan Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3, nyatakan harapan dan peristiwa yang berkaitan dengan tanah. [4 markah]
- (iii) Tanah dianggap penting oleh masyarakat kita, namun tanah yang dimiliki kebanyakannya tidak diusahakan. Pada pendapat anda, apakah yang wajar dilakukan untuk mengatasi tanah terbiar tanpa diusahakan? [3 markah]
- (iv) Sekiranya keluarga anda memiliki tanah yang tidak diusahakan, apakah yang akan anda lakukan? [4 markah]

### Soalan 8

(i) *Jawab soalan berdasarkan novel yang anda kaji.*

#### Petikan

“Insyallah, bang. Sophia akan jaga anak-anak kita dan jaga ayah dan mak. Abang janji balik dengan selamat dan jemput Sophia serta anak-anak di sini, ya,” pintanya dalam sedu-sedan.

“Insyallah sayang. Dengan izin Tuhan abang akan kembali ke sini. Tetapi sekiranya abang tidak kembali, Sophia redakan pemergian abang. Abang berjuang demi tanah air, agama, dan bangsa daripada dijajah pihak musuh. Doakan abang, ya.”

Sophia hanya mengangguk. “Sophia sentiasa mendoakan keselamatan abang. Doa Sophia tidak akan putus-putus mengiringi perjuangan abang.” Air matanya turun seperti air terjun. Selendangnya sudah dibasahi air mata.

“Abang mohon ampun dan maaf jika sepanjang kita bersama, ada kata-kata abang yang menyakiti hati Sophia tanpa abang sedar.”

“Abang tidak pernah menyakiti hati Sophia sepanjang kita hidup bersama. Abang seorang suami dan ayah yang baik. Sophia juga minta ampun atas salah silap Sophia selama ini dan halalkan makan minum Sophia ....” Kata-katanya terhenti. Dia tidak mampu lagi untuk berkata-kata. Pandangannya kabur dibasahi air mata.

Kemudian Adnan mengeluarkan sesuatu dari beg. Sehelai selendang berwarna merah dibelinya di Singapura sebelum mereka pulang ke kampung untuk isteri tercinta. Selendang itu diletakkannya di atas kepala isterinya. Merah menurut Adnan, berani.

Dipetik daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014

Berikan bukti Sophia seorang isteri dan ibu yang bertanggungjawab.

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (b) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (c) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin

Berikan **tiga** nilai murni yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[6 markah]

## Bahagian C: Rumusan

[30 markah]

### Soalan 9

Baca petikan dan teliti pantun yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

#### Bahan 1: Petikan

5 Keluarga bahagia teras keluarga cemerlang. Jika seisi keluarga mengecap kesenangan dan kebahagiaan, nescaya segala elemen negatif seperti perselisihan, pertelingkahan dalam rumah tangga dapat dihindarkan. Antara ciri keluarga bahagia ialah anak-anak mempunyai didikan agama dan moral yang utuh. Hal ini demikian kerana agama merupakan tunjang pembentukan sesebuah keluarga itu. Kebiasaannya, keluarga yang berpendidikan agama mampu melahirkan persefahaman dan perasaan bertolak ansur dalam perhubungan keluarga.


10 Seterusnya, ibu bapa haruslah memberikan kasih sayang mereka dengan secukupnya walaupun tidak mampu melayan anak-anak bagai menatang minyak yang penuh. Lantaran itu, ibu bapa haruslah berusaha sedaya mungkin untuk meluangkan masa bersama dengan anak-anak. Kita juga mengharapkan ibu bapa memastikan anak-anak tidak bergaul dengan rakan yang buruk akhlaknya. Lebih-lebih lagi, anak-anak yang sedang membesar mudah terpengaruh dengan rakan mereka. Darah muda membuatkan mereka mudah memberontak untuk melakukan perkara yang baharu. Ibu bapa haruslah mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi anak-anak seperti bertanyakan hal berkaitan dengan pelajaran di sekolah dan kehidupan sosial mereka.

15 Malah, ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak sebagai salah satu langkah untuk melahirkan keluarga yang penyayang. Peranan ibu bapa dalam usaha membentuk keluarga sakinah adalah amat penting. Oleh itu, ibu bapa perlu menjadi teladan kepada anak-anak supaya dapat dicontohi oleh mereka. Seterusnya, anak-anak juga memainkan peranan yang penting dengan membantu meringankan beban ibu bapa seperti menjaga adik, mengemas rumah dan memasak. Dengan itu, ibu bapa tidaklah terlalu tertekan apabila pulang ke rumah setelah penat bekerja.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Pentingnya Keluarga Bahagia", oleh Thaarmaaraj Ramanathan, *Dewan Siswa*, April 2020

#### Bahan 2: Grafik

### RUMAHTANGGA HARMONI KELUARGA BAHAGIA



- > Keluarga bahagia perlu saling menghormati.
- > Keluarga bahagia berusaha mengelakkan pertengkaran.
- > Taman perumahan memperbanyak aktiviti kekeluargaan.

KERTAS SOALAN TAMAT

# KERTAS MODEL 2

## KERTAS 1

Masa: 2 jam

### Arahan:

Anda dikehendaki menjawab soalan Bahagian A dan satu soalan Bahagian B.

### Bahagian A

[30 markah]

### Soalan 1

Maklumat di bawah berkaitan dengan usaha menggalakkan murid ke perpustakaan sekolah.


Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha menggalakkan murid membaca buku di perpustakaan.**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

#### Syair Menggalakkan Murid ke Perpustakaan Sekolah

Rak di pustaka banyak bertingkat,  
Dipenuhi buku di setiap tingkat,  
Murid membaca dengan semangat,  
Dengan kempen sentiasa dibuat.

Program NILAM terus dipacu,  
Merangsang murid membaca buku,  
Agar murid tidak merasa jemu,  
Menimba ilmu menerusi buku.



#### Waktu Operasi Perpustakaan Sekolah

Isnin, Selasa, Khamis: 7.45 pagi – 2.00 petang

Rabu: 7.45 pagi – 3.30 petang

Jumaat: 7.45 pagi – 12.00 tengah hari

#### Peringatan:

Kunjungan pada waktu PdP perlulah diiringi oleh guru yang mengajar.






## Bahagian B

[70 markah]

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

### Soalan 2



Dalam usaha melahirkan modal insan, peranan ibu bapa tidak dapat dinafikan.

Berikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa dalam memastikan anak-anak memiliki modal yang cemerlang untuk mengisi keperluan negara.

### Soalan 3

#### Sajak Perpaduan Malaysia

Malaysia tanah airku  
tanah tumpah darah tercinta  
pelbagai kaum dan budaya  
damai, harmoni dan sentosa  
dinaungi payung mahkota

Berbeza kaum dan etnik  
Aneka corak budaya dan adat  
Bukan penghalang rakyat berpadu  
Bersatu hati berganding bahu  
Memastikan negara kekal harmoni

Bersatulah wahai bangsaku  
berpadu mencipta sejarah  
mengukir nama di pentas dunia  
mengharumi nama Malaysia  
agar sentiasa dijulung

Berpadulah wahai bangsaku  
Majukan negara yang tercinta  
Pertahankan kedaulatan negara  
Terus gemilang di persada dunia

Kerajaan sering menekankan kepentingan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Terangkan usaha-usaha yang telah dan patut dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan perpaduan kaum dalam kalangan rakyat Malaysia dapat diperteguh.

#### Soalan 4

##### PROSES PENGAMBILAN ATLET MURID

- Kemasukan atlet murid ke Sekolah Sukan Malaysia (SSM) melalui proses mengenal pasti bakat peringkat kebangsaan yang dikendalikan oleh bahagian sukan (bagi pengambilan atlet murid tingkatan satu).
- Melalui program “talent scouting” oleh jurulatih SSM dan jurulatih luar untuk pengambilan atlet murid tingkatan dua dan ke atas.
- Pencalonan daripada Persatuan Sukan Negeri, Kebangsaan, Majlis Sukan Negara dan jurulatih atlet tersebut.

Institusi pendidikan, terutamanya sekolah memainkan peranan untuk melahirkan bakat-bakat muda sebagai atlet negara. Anda tertarik untuk menulis sebuah rencana dengan menekankan peranan sekolah dalam melahirkan atlet negara bertaraf dunia.

#### Soalan 5

Kalau mencari buah asam,  
Biar lebih jangan kurang;  
Berusaha gigih disertai azam,  
Kejayaan diraih dengan cemerlang.

Kalau mencari buah asam,  
Biar lebih jangan kurang;  
Waktu belajar kuatkan azam,  
Pasti kejayaan akan dijulung.

Pantun di atas menyentuh kegigihan seseorang untuk berjaya.

Tulis sebuah cerpen yang ada kaitan dengan peribahasa “Belakang parang lagi kalau diasah nescaya tajam”.

**Arahan:**

Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diajukan.

**Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa**

[35 markah]

**Soalan 1**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja** dan **dua kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Ternyata kata-kata Zaim tempoh hari sangat tepat. Pada malam itu, aku muat turun permainan Pahlawan Legenda dengan perasaan teruja. Aku menetapkan profil pemain dan memilih watak yang bersesuaian. Gelanggang pertama berjaya kutempuh. Aku bangga dengan kemenanganku walaupun baru sekali percubaan. Semangatku semakin berkobar-kobar untuk bertarung di medan seterusnya.

Dipetik dan diubah suai daripada "Ralit"  
oleh Muhammad Aiman Mohd. Anwar, *Dewan Siswa*, Ogos 2020

[8 markah]

**Soalan 2**

Gabungkan ayat-ayat dalam petikan di bawah menjadi **tiga** ayat majmuk tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

Ramai rakyat Malaysia berhijrah ke Australia. Mereka belajar di sana. Selepas tamat belajar mereka bekerja di sana. Pendapatan mereka di sana sungguh lumayan. Nilai mata wang Australia lebih tinggi daripada Malaysia. Mereka teruja bekerja di sana. Terdapat rakyat Malaysia memohon kerakyatan Australia. Mereka hidup selesa di sana. Mereka mempunyai ramai ahli keluarga di Malaysia.

[6 markah]

**Soalan 3**

Dalam petikan 1 terdapat **enam kesalahan bahasa**, manakala petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Pemanduan dari Kuala Lumpur ke Cameron Highlands mengambil masa hampir tiga jam. Sepanjang laluan Tapah ke Cameron Highlands, mata disajikan dengan pemandangan yang penghijauan dan cukup mendamaikan. Kelihatan juga restoran yang menjual buah durian di sepanjang laluan mendaki ke Cameron Highlands. Apabila tiba di pusat peranginan di perbukitan itu, suhu dinginnnya serendah 14 darjah Celsius seakan menggigit tulang sum-sum. Penulis memilih untuk menginap di Copthorne Cameron Highlands yang terletak di Brinchang. Di situ, terdapat replika termometer paling tertinggi di Malaysia dan telah dibenarkan oleh Malaysia Books of Records pada tahun 2015.

Dipetik dan diubah suai daripada "Tujuh Keunikan di Copthorne"  
oleh Azli Khairi, *Dewan Siswa*, Ogos 2020

[6 markah]

## Petikan 2

Pada hari ini, media sosial dikatakan raja. Setiap orang yang memiliki telefon pintar dengan pencapaian Internet boleh menjadi pemberita dan pengarang walaupun mereka tidak pernah seharipun mempelajari ilmu kewartawanan. Sebagai akibatnya, kebebasan media telah mencapai tahap anarki dan mempunyai aspek negatif yang jauh lebih teruk serta merbahaya daripada media arus perdana. Perkara yang amat merisaukan bila mendapati betapa cetiknya pemikiran pengguna media sosial dan betapa hambarnya pegangan agama dan budaya mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada “Media Sosial Dedah Kehambaran Pemikiran”  
oleh A. Kadir Jasin, *Dewan Masyarakat*, Ogos 2020

[5 markah]

## Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, “Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan.

Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada”,  
dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

[6 markah]

## Soalan 5

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian isi tempat-tempat kosong dengan peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan.

Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) semakin bertambah setiap tahun. IPTS mendapat sambutan ramai pihak kerana peluang kursus yang lebih banyak. Maka tidak hairanlah IPTS terus bertambah saban tahun (i) \_\_\_\_\_. Hal ini menunjukkan masyarakat Malaysia telah maju selaras dengan kemajuan hari ini. Mereka bukan sahaja mengetahui perkembangan dalam negara tetapi mengikuti perkembangan luar negara. Negara kita kini sama taraf dengan negara maju lain boleh dikatakan (ii) \_\_\_\_\_.

[4 markah]

## Bahagian B: Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 6

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Bahan 1

KUALA LUMPUR – Polis membuka kertas siasatan mengenai kejadian pencemaran air di Sungai Selangor yang mengakibatkan gangguan bekalan air kepada 1.2 juta akaun atau hampir lima juta orang pengguna di Lembah Klang. Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, siasatan oleh pihak polis sedang dijalankan dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Siasatan dilakukan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan *perbuatan khianat* sehingga menyebabkan berlaku pemutusan bekalan air untuk tujuan pertanian, makanan atau minuman kepada manusia dan haiwan atau bagi menjalankan sebarang pengeluaran. Siasatan awal pihak berkuasa mendapati bahawa bahan pelarut menjadi punca kepada pencemaran bau. Beberapa buah kawasan kilang dikenal pasti menjadi punca pencemaran berkenaan dan pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan bahan pelarut itu dibuang oleh kilang haram yang beroperasi di sekitar Selangor.

Dipetik dan diubah suai daripada “Pencemaran Sungai Selangor: Polis Buka Kertas Siasatan” dalam *Harian Metro*, 20 Oktober 2020

#### Bahan 2

Pencemaran air ialah perubahan yang berlaku kepada air dari segi kandungan atau warna serta sifat-sifat kimia yang disebabkan oleh pelbagai bahan pencemar dalam pelbagai bentuk seperti pepejal, cecair dan gas. Pencemaran air boleh menyebabkan kemusnahan ekosistem akuatik dan membawa kepada masalah kesihatan awam sekiranya orang di hilir menggunakan air sungai yang tercemar yang sama untuk minum atau mandi.

Pengukuran pencemaran air dijalankan dengan menganalisis sampel air untuk ujian fizikal, kimia dan biologi. Kawalan pencemaran air boleh dicapai dengan rawatan air sisa yang sesuai termasuklah rawatan air sisa kumbahan dan perindustrian di samping menyediakan perkhidmatan sanitasi yang dikendalikan dengan selamat untuk orang yang tidak mempunyai akses, rawatan air sisa pertanian, hakisan dan kawalan sedimen dari tapak pembinaan, dan mengawal air larian bandar (air hujan).

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *perbuatan khianat*. [2 markah]
- (ii) **Bahan 1** dan **Bahan 2** merujuk kepada pencemaran air. Berdasarkan kedua-dua bahan, nyatakan impak pencemaran air. [3 markah]
- (iii) Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan masalah pencemaran air tidak akan berlaku, namun air masih juga tercemar. Nyatakan tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkuasa tempatan yang membina kilang secara haram di tepi-tepi sungai. [3 markah]
- (iv) Persekitaran di luar sekolah anda tidak begitu bersih sehingga menyebabkan warga sekolah terhidu bau busuk. Sebagai murid yang cakna, terangkan usaha yang anda boleh lakukan. [4 markah]

### Soalan 7

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Bahan 1

“Dia pelawa kita minum teh di banglonya,” kata Ahmad Mutawakkil. “Saya fikir, Tuan Booth ikhlas nak berbaik- baik.”

Kami terdiam, tak berani bersuara, menantikan kata putus daripada Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap.

Akhirnya, setelah agak lama buntu, Ahmad Mutawakkil meluahkan pandangan. “Selama Tuan Booth di sini, sejak dulu lagi, tak pernah dia memusuhi kita. Jadi, saya fikir atas sifat hati Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Hati Melayu tak reti bermusuhan, hati Melayu penuh persahabatan.”

Dengan kata-kata hikmah itu, runtuhlah segala tembok penghalang antara kampung kami dengan estet Tuan Booth. Sekalipun tanpa Ahmad Mutawakkil, kami sudah biasa bertandang ke banglo mewah itu. Malah, ada ketikanya, majlis yang ada di estet itu turut disertai orang perempuan. Isteri Tuan Booth yang terkenal dengan masakan yang sedap-sedap itu kerap menghidangi kami dengan menu Orang Putih. Lebih istimewa, pada setiap kali ada majlis perkahwinan, Tuan Booth sekeluarga pasti akan meraikan pasangan pengantin di estetnya. Ada antara kami yang agak ragu-ragu dengan perkara itu.

Dipetik daripada cerpen “Cinta Ahmad Mutawakkil”  
oleh Zainal Rashid Ahmad, dalam *Antologi Sejadah Rindu*, KPM, 2015

#### Bahan 2

Petang itu Murni menziarahi ibunya lagi. Niat untuk membawa ibunya ke kota tidak lepas dari ingatan. Kali ini dia akan cuba seberapa boleh memujuk ibu yang terlalu liat untuk meninggalkan rumah dan sawah ladangnya itu.

“Apa sajalah yang nak kucari di bandar tu,” kata ibu.

“Melihat-lihat keindahan kota,” jawab Murni sambil memegang bahu ibu dan mengurut-urut perlahan dengan manja.

“Aku senang hati di kampung ni, Murni. Rasanya tak ada apa-apa yang terkilan di hati aku kalau aku mati pun. Tak usahlah kau susah-susah tentang mak kau ni, Murni,” tambahnya lagi.

“Mak! Mak dah tua. Dah patut berehat-rehat sekarang. Takkanlah seumur hidup nak bergelumang dengan lumpur-lumpur di bendang tu saja. Seseekali eloklah senang-senang hati *menyedut angin kota*,” pujuk Murni tidak jemu-jemu. Ibunya tersenyum lebar. Dia tidak bersuara seketika.

Dipetik daripada cerpen “Budi yang Tak Terbeli”  
oleh Khadijah Hashim dalam *Antologi Anak Laut*, KPM, 2000

#### Bahan 3

##### Pantun Budi

Ambilkan saya buah delima,  
Masak sebiji di balik daun;  
Budi tuan saya terima,  
Jadi kenangan bertahun-tahun.

Anak ikan dimakan ikan,  
Manakan sama ikan tenggiri;  
Mati ikan kerana umpan,  
Mati tuan kerana budi.

Anak dara berkain cukin,  
Dari Daik bulan puasa;  
Tidak kira kaya miskin,  
Asalkan baik budi bahasa.

Buah pedada dalam baldi,  
Masak nasi hari petang;  
Hidup kita biar berbudi,  
Hingga mati dikenang orang.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menyedut angin kota*.

[2 markah]

- (ii) **Semua bahan** tersebut menekankan kepentingan hidup berbudi dalam masyarakat.

Berdasarkan **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3**, nyatakan impak amalan berbudi kepada masyarakat sekeliling.

[4 markah]

(iii) Kita selalu diingatkan agar menghormati orang yang lebih tua dan berusaha membalas budi orang yang banyak berjasa.  
Sebagai remaja, apakah yang akan anda lakukan untuk membuktikan anda berbudi kepada ibu bapa anda?  
[3 markah]

(iv) Sebahagian daripada rakan anda bersikap biadab terhadap guru. Segala teguran guru tidak dipedulikan. Hal ini menyebabkan motivasi guru untuk mendidik semakin berkurangan.  
Sebagai ketua kelas, apakah yang akan anda lakukan apabila menghadapi situasi ini?  
[4 markah]

### Soalan 8

(a) Jawab soalan berdasarkan novel yang anda kaji.

#### Petikan

Doktor dari klinik panel Flamingo yang merawat Waheeda memberi beberapa preskripsi ubat selepas menasihatinya agar banyak berehat. Antibiotik harus dihabiskan dalam masa tiga hari. Ubat selesema dan demam pula perlu juga dimakan, doktor mengingatkannya. Dalam hati teringat akan kata orang tua-tua, penyakit datang bagaikan ribut dan hilangnya pula bagaikan semut. Orang tua-tua sememangnya bijak mengungkap peribahasa hasil pengamatan dan penelitian tajam mereka, fikir Waheeda. Dia semakin rimas, lantaran demamnya tidak juga kebah walaupun pelbagai ubat telah ditelan. Sensorinya memberitahu hanya Allahlah sebenar-benar menyembuhkan, sedang doktor hanya perantara dan penerima ongkosnya sahaja. Waheeda menggeleng. Untuk beberapa hari selesemannya masih lagi berlarutan. Selepas bersin berpanjangan, Waheeda rasa tulang rawan hidungnya semacam tidak betul.

“Dr Rushdi, Eda rasa hidung Eda runtuhlah!” nada Waheeda digamit cemas semasa menghubungi doktor mentornya.

Dipetik daripada novel *Tirani*, karya Beb Sabariah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015

Apakah usaha doktor untuk memastikan Waheeda segera sembuh daripada penyakit yang dihidapinya?

[4 markah]

(b) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (ii) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (iii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman
- (iv) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Lazimnya watak utama dalam sesebuah novel lebih banyak mendapat perhatian dan digemari oleh pembaca. Berikan **dua** alasan bagi menyokong pandangan anda dengan mengemukakan bukti yang tepat berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari.

## Bahagian C: Rumusan

[30 markah]

### Soalan 9

Baca kedua-dua petikan yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

#### Bahan 1: Petikan

Kementerian Pendidikan Malaysia disarankan agar menjadikan pengucapan awam sebagai subjek khusus dalam sistem pendidikan negara kerana masih ramai yang tidak mahir untuk berkomunikasi apabila berada di khalayak ramai. Terdapat banyak kesan positif jika subjek ini dijadikan huraian sukatan pelajaran di negara kita. Antara kesan positif tersebut termasuklah dapat melahirkan individu yang dapat menjadi

5 pemimpin pada masa hadapan. Pemimpin harus mempunyai karisma dan pengaruh yang luar biasa untuk mempengaruhi pengikutnya. Seseorang itu boleh muncul menjadi suatu nama yang besar dalam dunia politik tanah air hanya kerana kuasa pengucapan awamnya yang berjaya menarik minat rakyat untuk menjadi pengikut setianya.

Selain itu, subjek pengucapan awam ini juga dapat memudahkan remaja untuk mencari pekerjaan

10 suatu hari nanti. Di samping itu, pengucapan awam ini dapat mencungkil bakat dan potensi remaja untuk menjadi remaja yang cemerlang. Guru dapat membantu dalam mengenal pasti murid yang boleh menjadi pemidato atau pendebat yang baik. Seterusnya, pengucapan awam juga dapat memastikan sama ada seseorang murid itu benar-benar cemerlang atau tidak dalam subjek bahasa.

Pengucapan awam turut memberikan skil penyampaian komunikasi yang berkesan melalui

15 teknik-teknik tertentu. Sebagai contohnya, kita dapat menyampaikan maklumat mengikut fokus acara seperti ceramah, syarahan, dan pembentangan, mempunyai pengetahuan tentang perkara yang hendak disampaikan serta peka dengan latar belakang dan situasi semasa hadirin. Selain itu, kemahiran pengucapan awam mampu menjadikan graduan-graduan yang menceburi pengucapan awam lebih ke hadapan berbanding dengan graduan lain. Malah, kemahiran yang dikuasai akan memberikan keyakinan

20 apabila berkomunikasi dengan khalayak.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Hala Tuju TVNET di Malaysia”,  
oleh Khairul Ariffin, *Dewan Masyarakat*, Mac 2020

#### Bahan 2: Petikan

Sudut Pidato didirikan di kawasan khas yang bersesuaian untuk melaksanakan aktiviti pengucapan awam. Sudut Pidato yang asal dan terkenal terletak di sudut timur laut Taman Hyde di London, England. Mereka yang mahu berpidato diberikan kebebasan berucap tentang semua isu tetapi dengan kawalan dan pemerhatian oleh pihak polis. Meskipun dalam kawalan pihak polis, semua pemidato bebas memilih tajuk pidato mereka. Namun begitu, ucapannya perlulah tidak bercanggah dengan undang-undang.

Hasrat untuk mengetengahkan kemahiran pengucapan awam ini selari dengan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Arahan mewujudkan sudut pidato ini merujuk surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM.100-1/7/2 Jld. 5 (30) bertarikh 6 Jun 2018. Setiap sekolah perlu melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk pengucapan awam sebagai salah satu kemahiran yang perlu digilap dalam kalangan murid.



# JAWAPAN

## TOPIK 1: KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN

### Praktis 1 MuLus

- 1 lingua
- 2 kegemilangan
- 3 mengutamakan
- 4 lapisan
- 5 dilaksanakan
- 6 dipinggirkan
- 7 ditingkatkan
- 8 agenda
- 9 menggembleng
- 10 berpijak

### Praktis 2 MuLus

- 1 merugikan
- 2 bergolek
- 3 berwibawa
- 4 media
- 5 menghimpun
- 6 inspirasi
- 7 bersemangat
- 8 meruntuhkan
- 9 mengembangkan
- 10 mengalah

### Praktis 3 MuLus

Malaysia kaya dengan buah-buahan tempatan yang bermusim dan tidak bermusim. Buah bermusim yang sangat popular dan digemari hampir seluruh rakyat Malaysia seperti durian, rambutan dan manggis. Buah tidak bermusim pula boleh didapati sepanjang tahun seperti pisang, betik, jambu dan belimbing.

### Praktis 4 MuLus

Sebagai kesimpulannya, masalah pencemaran alam sekitar perlu ditangani dengan kerjasama semua pihak. Kita perlu cakna akan kepentingan menjaga alam sekitar agar dapat dipelihara serta dijaga dengan lebih baik. Kita perlu bersama-sama melestarikan alam sekitar kerana hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.

### Praktis 5 MuLus

**Idea 1:** Permainan tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang ini melambangkan budaya dan identiti sesuatu bangsa. Lantaran itu, permainan tradisional hendaklah terus dimainkan supaya generasi kini dan seterusnya dapat mengenali warisan budaya mereka sendiri.

**Idea 2:** Pelancong asing bukan sahaja mahu menikmati keindahan alam semula jadi serta keenakan makanan di Malaysia malah mereka turut menghayati budaya masyarakat tempatan. Oleh itu, permainan tradisional berupaya memukau hati para pelancong asing.

**Idea 3:** Buktinya, permainan layang-layang sentiasa mendapat tempat di hati masyarakat pelbagai kaum dan dimainkan bersamasama di kawasan lapang. Mereka juga berkongsi idea tentang layang-layang, lalu tercetuslah suasana yang muhibah dan harmoni.

### Praktis 6 SPM

[Pendahuluan] “Bahu memikul, hati menyokong” bermaksud melakukan sesuatu dengan sukarela tanpa dipaksa. Ungkapan ini amat

sesuai dengan aktiviti kesukarelawanan yang menyumbangkan masa, sumber, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman kepada masyarakat. Pelbagai kerja sukarela boleh dilakukan seperti membantu mangsa bencana alam, dan aktiviti gotong-royong.

**[Idea 1]** Faedah menyertai aktiviti kesukarelawanan ialah kita dapat melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah. Dengan menjadi sukarelawan, kita dapat mempelajari kemahiran berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling, pengurusan media dan kerja berpasukan. Secara tidak langsung, aktiviti ini melatih dan memupuk sifat empati serta kepimpinan dalam diri.

**[Idea 2]** Selain itu, aktiviti kesukarelawanan menjadi alternatif untuk anak muda mengisi masa lapang. Hal ini demikian kerana sesetengah anak mudanya lebih suka membuang masa dengan melepak dan melakukan perkara yang negatif. Apabila mereka menyertai aktiviti kesukarelawanan mereka akan lebih terdorong untuk mengamalkan nilai-nilai murni akibat kesedaran semasa melakukan aktiviti kemasyarakatan.

**[Idea 3]** Pada sisi yang lain, aktiviti kesukarelawanan dapat mengelakkan masyarakat daripada bersifat materialistik. Menerusi aktiviti kesukarelawanan, kita akan berasa bahagia apabila melihat orang lain gembira dan tersenyum dengan sumbangan yang diberikan. Impaknya, wang yang disumbangkan itu akan menjadi lebih berkat dan melimpah ruah.

**[Penutup]** Sebagai kesimpulannya, aktiviti kesukarelawanan harus dibudayakan bersama-sama bagai aur dengan tebing dalam kehidupan setiap orang terutamanya anak muda. Sikap kepedulian kita mampu melahirkan masyarakat yang prihatin sekali gus menyemai semangat muhibah dan perpaduan.

### Praktis 7 SPM

[Pendahuluan] Kedai koperasi sekolah merupakan perniagaan yang ditubuhkan oleh pihak sekolah dengan pengawasan Kementerian Pendidikan dan Angkatan Kedai Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Kedai koperasi sekolah ditadbir oleh ahli lembaga pengarah dan dijalankan oleh ahli jawatankuasa yang terdiri daripada murid-murid.

**[Idea 1]** Koperasi sekolah dapat membantu memudahkan murid memperoleh barang keperluan sekolah dengan harga yang lebih murah dan berpatutan daripada harga di pasaran. Murid-murid tidak perlu membuang masa ke pasar raya atau ke kedai hanya untuk membeli alat tulis dan buku.

**[Idea 2]** Seterusnya, penglibatan murid menguruskan kedai koperasi turut menjadi proses pembelajaran aspek perniagaan di luar bilik darjah. Mereka berpeluang mengetahui perkara-perkara asas operasi perniagaan seperti urusan jual beli, membuat akaun dan pemasaran. Secara tidak langsung, perkara yang dipelajari di dalam kelas menerusi mata pelajaran Prinsip Akaun dan Matematik dapat dipraktikkan seterusnya menjadikan mereka lebih cekap.

**[Idea 3]** Seterusnya, penubuhan kedai koperasi dapat membantu menambah sumber kewangan sekolah. Hal ini demikian kerana keuntungan kedai koperasi berpunca daripada pembelian barangan oleh murid-murid, guru-guru dan warga sekolah. Sebahagian keuntungan akan diberikan kepada pihak sekolah untuk menyediakan pelbagai kemudahan di sekolah.

**[Penutup]** Sebagai kesimpulannya, penubuhan kedai koperasi seperti cendawan tumbuh selepas hujan memberikan banyak faedah kepada warga sekolah termasuklah guru dan murid. Oleh itu, semua warga sekolah perlulah menyokong dengan membeli peralatan sekolah dan buku di kedai koperasi.

## Praktis 8 SPM

**[Pendahuluan]** Obesiti atau kegemukan dalam kalangan kanak-kanak amat membimbangkan. Obesiti berlaku apabila lemak badan terkumpul sehingga tahap yang menjejaskan kesihatan seseorang. Bagaimana acuan begitulah kuihnya, begitu jugalah cara ibu bapa membesarkan anak akan mempengaruhi tubuh badan anak mereka.

**[Idea 1]** Ibu bapa perlu mengamalkan pola pemakanan seimbang dalam keluarga. Pola pemakanan seimbang melibatkan penyediaan makanan yang berkhasiat dan corak pemakanan yang teratur. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak makan secara sederhana bukannya berlebihan dan mengamalkannya di rumah.

**[Idea 2]** Seterusnya, ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak memakan buah-buahan. Ibu bapa perlu menjadikan amalan memakan buah-buahan suatu perkara yang menyeronokkan bersama dengan anak-anak. Laburkanlah sedikit wang untuk membeli buah-buahan walaupun agak mahal kerana faedahnya kepada kesihatan anak-anak tidak ternilai.

**[Idea 3]** Selanjutnya, ibu bapa mestilah menggalakkan anak-anak melakukan aktiviti riadah. Aktiviti riadah seperti bermain badminton, berbasikal dan berjoging perlu dilakukan bersama dengan anak-anak. Aktiviti riadah perlulah konsisten diamalkan kerana amat baik untuk kesihatan anggota keluarga secara keseluruhannya.

**[Penutup]** Sebagai kesimpulannya, ibu bapa perlu menjadikan gaya hidup sihat dan pemakanan yang berkhasiat sebagai amalan keluarga. Obesiti boleh menyebabkan pelbagai penyakit kronik yang lain kepada kanak-kanak dan orang dewasa. Oleh itu, ibu bapa perlu bersikap tegas terhadap anak-anak apabila melibatkan makanan.

## Praktis 9 SPM

**[Pendahuluan]** Kemajuan sains dan teknologi memudahkan urusan harian manusia. Teknologi pengangkutan dengan ciptaan pelbagai jenis kenderaan telah memudahkan mobiliti manusia dalam kehidupan seharian. Inovasi kaedah rawatan moden pula telah menambah baik kehidupan manusia dari aspek penjagaan kesihatan.

**[Idea 1]** Ibu bapa hendaklah memperkenalkan dunia sains dan teknologi kepada anak-anak. Ibu bapa boleh membawa anak-anak mengunjungi pameran sains dan teknologi dan membelikan mereka bahan-bahan bacaan tentang sains dan teknologi. Sekiranya anak-anak menunjukkan minat terhadap bidang ini, ibu bapa hendaklah memberikan galakan dan dorongan yang bersesuaian.

**[Idea 2]** Guru-guru sains di sekolah pula hendaklah memberikan penekanan terhadap aspek teori, amali serta penyelidikan. Pertandingan reka cipta sains perlu diadakan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti murid. Tawarkan hadiah yang menarik agar lebih ramai murid mengambil bahagian. Usaha ini dipercayai dapat meningkatkan minat murid terhadap sains dan teknologi.

**[Idea 3]** Seterusnya, institusi pengajian tinggi hendaklah menawarkan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan sains dan teknologi supaya lebih ramai mahasiswa berpeluang mengikuti pengajian itu. Pihak institusi pengajian tinggi juga perlu menyediakan kemudahan pembelajaran sains dan teknologi yang kondusif kepada mahasiswa untuk menarik minat generasi muda menceburi bidang ini.

**[Penutup]** Sebagai kesimpulannya, bidang sains dan teknologi banyak mendatangkan faedah kepada kehidupan manusia. Kesedaran semua pihak tentang kepentingan sains dan teknologi amatlah penting supaya pemupukan budaya ini dalam kalangan murid akan mencapai matlamatnya. Minat dan kecenderungan boleh terhasil kerana hendak seribu daya tidak hendak seribu dalih.

## Praktis 10 SPM

**[Pendahuluan]** Ungkapan “Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara” membuktikan betapa remaja amat diperlukan untuk meneruskan legasi kepemimpinan negara. Sikap kepemimpinan ini perlu dipupuk, disemai dan dibentuk sejak seseorang itu masih kecil. Tugas sebagai pemimpin cilik bermula apabila seseorang itu dipilih sebagai ketua murid.

**[Idea 1]** Ketua murid perlu mempunyai sahsiah yang terpuji dalam dirinya. Perilaku berbudi pekerti seperti mematuhi peraturan sekolah, menghormati guru, bertanggungjawab dan amanah merupakan kriteria yang perlu ada pada ketua murid. Oleh yang demikian, ketua murid pasti dihormati oleh murid-murid lain.

**[Idea 2]** Untuk membina kredibiliti, ketua murid perlu bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Sikap bertanggungjawab ini akan melahirkan generasi pemimpin negara yang lebih berkualiti dan berintegriti. Pengalaman sebagai ketua akan menjadikan murid itu lebih bersedia mendepani cabaran sebagai pemimpin apabila dewasa kelak.

**[Idea 3]** Seterusnya, ketua murid juga perlu menjadi suri teladan kepada murid-murid lain. Hal ini demikian kerana setiap tindakan mereka turut dinilai dan diikuti oleh murid lain. Oleh itu, ketua murid perlu terlebih dahulu mematuhi semua peraturan sekolah supaya sikap ini dicontohi oleh murid lain.

**[Penutup]** Sebagai kesimpulannya, jawatan ketua murid perlu digalas dengan penuh tanggungjawab. Ketua murid perlu meneroka peluang keemasan ini untuk membina jati diri sebagai pemimpin yang berintegriti. Mereka diharap mampu menjadi modal insan yang berkualiti kepada negara sekali gus menerajui kepimpinan negara kelak.

## TOPIK 2: KARANGAN UMUM

### MuLus 1

**Pendahuluan:** Oleh sebab itulah, kita selalu dicanang dengan cogan kata “Majulah Sukan untuk Negara” kerana sukan banyak faedah termasuklah boleh mengerakkan ekonomi negara.

**Idea 1: (Contoh/ Bukti)** Pelbagai penyakit yang dikaitkan dengan gaya hidup yang tidak aktif antaranya obesiti seterusnya boleh menyebabkan diabetes, hipertensi dan serangan jantung. Sedangkan kos untuk mengubatnya lebih tinggi daripada memperuntukkan masa seharian sekitar setengah jam untuk bersukan.

**Idea 1: (Kesan/ Kesimpulan)** Hal ini demikian kerana badan akan mengeluarkan peluh apabila bersukan sekali gus membuang toksin melalui peluh di samping membakar kalori. Walaupun kita berasa letih tetapi tubuh akan menjadi lebih segar.

**Idea 2: (Contoh/ Bukti)** Masa yang terluang boleh dihabiskan dengan pelbagai kegiatan sukan. Lantas, kita terhindar daripada melakukan perkara yang sia-sia seperti melepak, berpelesenan dan aktiviti tidak bermoral lain.

**Idea 2: (Kesan/ Kesimpulan)** Secara tidak langsung, masalah gejala sosial khususnya dalam kalangan anak muda mampu dibendung kerana mereka tiada masa untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah.

**Idea 3: (Contoh/ Bukti)** Semangat kesukanan dapat memupuk nilai-nilai perpaduan seperti bekerjasama, bertoleransi dan meletakkan kepentingan negara serta pasukan melebihi kepentingan diri. Masyarakat pelbagai kaum pula akan berasa diri mereka menjadi anak Malaysia yang sejati.

**Idea 3: (Kesan/ Kesimpulan)** Apabila masyarakat bersatu padu tanpa prejudis terhadap kaum-kaum lain, sudah pasti keharmonian dan keamanan dapat diwujudkan. Seterusnya, agenda pembangunan negara yang dirancang dapat dilaksanakan kerana masyarakat mengutamakan perpaduan.

**Idea 4: (Contoh/ Bukti)** Kemajuan sukan negara menampakkan hala tuju anak muda yang berkebolehan dan berpotensi menjadikan bidang sukan sebagai kerjaya. Pemain bola sepak profesional, pemain badminton seperti Datuk Lee Chong Wei dan bekas ratu boling negara, Shalin Zulkifli menjadikan sukan masing-masing sebagai kerjaya.

**Idea 4: (Kesan/ Kesimpulan)** Apabila sukan menjadi satu industri di negara ini, peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia akan bertambah.

**Penutup:** Bidang sukan diharap dapat melahirkan masyarakat yang sihat, bersatu padu, berdaya maju dan berdaya saing. Sesungguhnya, sukan berfaedah kepada individu, masyarakat dan negara. Tegasnya, kegiatan sukan wajar digalakkan kepada semua lapisan.

### MuLus 2

**Pendahuluan:** Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan. Saya berterima kasih kerana diundang untuk menyampaikan ceramah pada pagi yang mulia ini dengan tajuk “Usaha-usaha Mengurangkan Tabiat Merokok dalam Kalangan Remaja”. Tajuk ini saya pilih berdasarkan data daripada Kementerian Kesihatan yang menunjukkan jumlah perokok terus bertambah saban tahun, walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengurangkannya.

**Idea 1:** Sihat yang dimaksudkan meliputi aspek pemakanan, pergaulan, pakaian, dan cara hidup. Amalan tersebut menyedarkan kita bahawa



merokok amat berbahaya dari segi kesihatan dan menghabiskan wang ringgit.

**Idea 2:** Sekiranya ibu atau bapa seorang perokok, mereka perlu mengelakkan diri daripada merokok di hadapan anak-anak. Sebolehnya ibu bapa yang merokok perlu berusaha berhenti merokok walaupun mengambil masa yang lama, tetapi lambat laun rasa ketagihan itu dapat diatasi.

**Idea 3:** Remaja yang baru berjinak-jinak dengan rokok biasanya tidak berani merokok di rumah kerana takut akan dimarahi, sebaliknya mereka lebih berani merokok ketika bersama-sama rakan di luar. Jadi, masyarakatlah yang berperanan menegur remaja yang masih bersekolah daripada terjebak dalam salah laku ini.

**Idea 4:** Angka-angka seperti kira-kira 10 000 orang penduduk negara ini mati setiap tahun akibat penyakit yang berkaitan dengan rokok seperti kanser hendaklah dimaklumkan kepada murid-murid. Kita mengharapkan remaja insaf dengan pendedahan tersebut.

**Penutup:** Semua masalah boleh diselesaikan kerana hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Semua pihak mestilah berganding bahu sebagai aur dengan tebing untuk menangani isu remaja yang merokok kerana mereka merupakan aset yang sangat berharga untuk memajukan negara pada masa depan. Semoga hasrat negara untuk melahirkan remaja yang cergas dan berfikiran positif dapat direalisasikan.

### MuLus 3

#### Idea 1

**Huraian:** Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara telah termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967.

**Contoh/ Bukti:** Seksyen 5 Akta DBP 1959 (Disemak 1978) (Akta 213) dan diperluas melalui Akta DBP (Pindaan dan Perluasan) 1995 (Akta A930) pula adalah untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan.

**Kesan/ Kesimpulan:** Lantaran itu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang oleh Parlimen.

#### Idea 2

**Huraian:** Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan matlamat perpaduan kaum dan integrasi nasional terus dipelihara dan diperkukuh.

**Contoh/ Bukti:** Antaranya kerajaan melaksanakan sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan satu kurikulum kebangsaan untuk semua jenis sekolah serta satu sistem penilaian dan peperiksaan yang seragam.

**Kesan/ Kesimpulan:** Impaknya, remaja dapat bertutur dalam bahasa kebangsaan dengan fasih dan berkomunikasi dengan kaum-kaum lain dengan lebih mesra setelah tamat alam persekolahan.

#### Idea 3

**Huraian:** Pelbagai langkah dengan amalan-amalan yang wajar perlu diambil dan dikekalkan supaya negara bangsa Malaysia terus menikmati keamanan, kemakmuran, dan kesejahteraan pada zaman mendatang.

**Contoh/ Bukti:** Semua kegiatan yang dijalankan dalam pergaulan, perniagaan, aktiviti badan-badan bukan kerajaan, perlu melibatkan interaksi kaum yang mencerminkan keutuhan hidup bersama-sama.

**Kesan/ Kesimpulan:** Kebanyakan rakyat sependapat bahawa masyarakat Malaysia yang berbilang kaum sudah pun memahami betapa pentingnya perpaduan dan keadaan muhibah yang sedia ada.

#### Idea 4

**Huraian:** Semua kaum boleh merebut kekayaan ekonomi negara asal sahaja bekerja keras dan tidak menindas kaum lain.

**Contoh/ Bukti:** Kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat perbezaan ekonomi yang agak ketara antara kaum-kaum dan juga antara negeri-negeri di Malaysia.

**Kesan/ Kesimpulan:** Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan pendekatan untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kaum supaya kekayaan negara dapat dikecapi bersama-sama.

**Penutup:** Oleh sebab itulah kerajaan mementing aspek sosial dan cara hidup seperti pembentukan dan keperibadian bangsa, moral dan etika, kebudayaan kebangsaan dan pembangunan sumber manusia. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh pemimpin dan rakyat jelata sudah tentulah akan dapat merealisasikan sebuah bangsa Malaysia.

### MuLus 4

- 1 asyik termenung
- 2 meredah hutan
- 3 semapat beristirahat
- 4 menyusuk lembut
- 5 peserta diarahkan
- 6 mengelak lubang
- 7 menggunakan tali
- 8 bersungguh-sungguh
- 9 berusaha bangun
- 10 dibendung lagi

### MuLus 5

**Idea 1:** Seperti juga kita digalakkan menggunakan kereta nasional, kita perlu menghargai seni tempatan yang amat unik dan bernilai. Antara cara untuk menunjukkan sokongan terhadap industri ini adalah dengan membeli dan memakai produk batik atau songket tanpa rasa malu sebaliknya dengan rasa megah.

**Idea 2:** Oleh yang demikian, ibu bapa perlu terlebih dahulu memakainya supaya anak-anak meneladani mereka. Pakaian tersebut boleh dipakai pada hari-hari biasa atau pada hari perayaan seperti pemakaian baju kurung bermotifkan batik dan samping daripada songket.

**Idea 3:** Tuan rumah atau organisasi yang mengadakan sesuatu majlis keraian seperti majlis perkahwinan atau makan malam bolehlah menggunakan tema batik atau songket. Tetamu yang hadir pula digalakkan memakai pakaian mengikut tema yang ditetapkan. Secara tidak langsung, masyarakat dapat menyokong industri batik dan songket ini.

**Idea 4:** Oleh itu, langkah pihak sekolah berasrama yang menggunakan baju batik sebagai pakaian rasmi asrama amatlah bertepatan dengan usaha ini. Selain itu, guru-guru juga boleh selalu menggayakan pakaian daripada fabrik batik atau songket untuk menarik minat generasi muda terhadap produk ini.

**Penutup:** Oleh yang demikian, para pengusaha industri ini harus kreatif dan inovatif untuk menghasilkan produk yang memenuhi trend semasa. Rakyat Malaysia juga diharap kekal menyokong industri batik dan songket agar berkembang dengan jayanya.

## TOPIK 3: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

### Praktis MuLus: Bentuk Kata

- 1 pilihan raya
- 2 jalan raya
- 3 Air mata
- 4 bola sepak
- 5 roti canai
- 6 makmal sains

### Praktis SPM: Bentuk Kata

- 1 (i) Lebu raya: Keadaan jalan di lebu raya yang luas memudahkan saya untuk pulang ke kampung.  
(ii) Kerjasama: Setiap pekerjaan akan mudah dilaksanakan apabila penduduk kampung menjadikan kerjasama sebagai amalan.  
(iii) Memberitahu: Pengetua memberitahu semua murid agar bersedia menghadapi peperiksaan akhir tahun yang akan bermula pada hari Isnin minggu depan.
- 2 (i) Sepak raga: Sekumpulan murid bermain sepak raga di gelanggang sebelum aktiviti kokurikulum dijalankan.  
(ii) Anak muda: Anak muda perlu bersemangat waja untuk mengharungi cabaran hidup yang getir, apatah lagi pada waktu ini sukar untuk mencari pekerjaan.  
(iii) Tengah hari: Pada waktu tengah hari, saya akan melelapan mata sekitar 10 minit ketika rakan-rakan saya berehat.

### Praktis MuLus: Bentuk Terbitan

- (a)
  - (i) memasuki – memasukkan
  - (ii) baiki – membaiki
  - (iii) mengarang – dikarang

- (iv) bermain – bermain
- (v) dicakapkan – bercakap
- (vi) tersebar – sebar/ menyebarkan

- (b)
- (i) saya akan bawa – akan saya bawa ; menuju – bertukar
- (ii) menganugerahkan – menganugerahi ; bergaya – berjaya
- (iii) tertua sekali – tertua/ tua sekali ; padahal – tetapi

#### Praktis SPM: Kata Terbitan

- 1 (i) di dakwa – didakwa  
(ii) perhatian – pemerhatian  
(iii) tempuh – tempoh  
(iv) berdekatan – terdekat  
(v) lepasan – pelepasan  
(vi) habok – habuk
- 2 (i) budaya – gejala  
(ii) dipulih – dibendung  
(iii) sehingga ke – sehingga  
(iv) adalah – ialah  
(v) di dalam – dalam  
(vi) perihatin – prihatin
- 3 (i) banyak sekolah-sekolah – banyak sekolah  
(ii) pendalaman – pedalaman  
(iii) selesai – tamat  
(iv) Berbagai – Pelbagai  
(v) sediakan – menyediakan  
(vi) memanfaatkan – memanfaatkan

#### Praktis MuLus: Kata Ganda Penuh

- |                     |                 |
|---------------------|-----------------|
| 1 Murid-murid       | 4 apa-apa       |
| 2 undang-undang     | 5 ajaran-ajaran |
| 3 pengawas-pengawas | 6 Kanak-kanak   |

#### Praktis MuLus: Kata Ganda Separa

- (a)
 

1 Lelabu	4 kekabu
2 jeriji	5 lelabah
3 bebuli	6 lelayang
- (b)
 

1 berangan-angan – awalan	4 turun-temurun – sisipan
2 buah-buahan – akhiran	5 berhati-hati – awalan
3 sehari-harian – apitan	6 Jari-jemari – sisipan

#### Praktis MuLus: Kata Ganda Berentak

- |                  |                 |
|------------------|-----------------|
| 1 hingar-bingar  | 4 segar-bugar   |
| 2 lintang-pukang | 5 gerak-geri    |
| 3 ulang-alik     | 6 porak-peranda |

#### Praktis MuLus: Akronim

- 1 tadika – taman didikan kanak-kanak
- 2 Jentolak – jentera tolak
- 3 gimrama – gimnastik berirama
- 4 PULADA – Pusat Latihan Darat
- 5 UPSI – Universiti Pendidikan Sultan Idris
- 6 GAPENA – Gabungan Persatuan Penulis Nasional

#### Praktis MuLus: Kata Nama Am & Kata Nama Khas

- (a)
 

1 kampung	4 Bangunan
2 Adik	5 badminton
3 jalan	6 Si Tompok
- (b)
 

1 professor – profesor	4 Putrajaya – Putrajaya
2 institut – institut	5 atlit – atlet
3 ibubapa – ibu bapa	6 apatmen – apartmen

#### Praktis MuLus: Kata Kerja

- |     |      |
|-----|------|
| 1 ✗ | 6 ✗  |
| 2 ✓ | 7 ✗  |
| 3 ✓ | 8 ✓  |
| 4 ✗ | 9 ✓  |
| 5 ✓ | 10 ✓ |

#### Praktis MuLus: Kata Adjektif

- |                   |                         |
|-------------------|-------------------------|
| 1 merah – kuning  | 4 seram – sunyi         |
| 2 gagah – lemah   | 5 kerap – dekat/ hampir |
| 3 panjang – labuh | 6 ngeri – gayat         |

#### Praktis MuLus: Kata Hubung

- |                     |                    |
|---------------------|--------------------|
| 1 manakala – sambil | 4 yang – bahawa    |
| 2 agar – untuk      | 5 hingga – setelah |
| 3 atau – dan        | 6 semoga – tetapi  |

#### Praktis MuLus: Kata Seru

- |         |          |
|---------|----------|
| 1 Wah   | 4 Hai    |
| 2 Amboi | 5 Wahai  |
| 3 Cis   | 6 Aduhai |

#### Praktis MuLus: Kata Tanya

- |            |              |
|------------|--------------|
| 1 Bilakah  | 4 bagaimana  |
| 2 Siapakah | 5 siapa      |
| 3 apa      | 6 Mengapakah |

#### Praktis MuLus: Kata Perintah

- |          |          |
|----------|----------|
| 1 Harap  | 4 Jemput |
| 2 Minta  | 5 Sila   |
| 3 Jangan | 6 Tolong |

#### Praktis MuLus: Kata Pangkal Ayat, Kata Pembena & Kata Sandang

- (a)
 

1 Maka	3 Alkisah
2 Adapun	4 Hatta
- (b)
 

1 betul	3 Yang
2 Benar	4 Sang; Sang

#### Praktis MuLus: Kata Bantu

- |                  |                        |
|------------------|------------------------|
| 1 masih – mahu   | 4 pernah – akan        |
| 2 telah – akan   | 5 belum – hendak/ mahu |
| 3 sedang – mesti | 6 masih – akan         |

#### Praktis MuLus: Kata Penguat

- |             |           |
|-------------|-----------|
| 1 sekali    | 4 cantik  |
| 2 sekali    | 5 teramat |
| 3 terpandai | 6 agak    |

#### Praktis MuLus: Kata Penegas

- |         |          |
|---------|----------|
| 1 tah   | 4 memang |
| 2 hanya | 5 lah    |
| 3 juga  | 6 kah    |

#### Praktis MuLus: Kata Nafi

- |         |         |
|---------|---------|
| 1 tidak | 4 bukan |
| 2 tidak | 5 bukan |
| 3 bukan | 6 bukan |

#### Praktis MuLus: Kata Pemerli

2; 3; 6

#### Praktis MuLus: Kata Bilangan

- |            |              |
|------------|--------------|
| 1 beberapa | 4 Kedua-dua  |
| 2 separuh  | 5 Beberapa   |
| 3 pelbagai | 6 Sebahagian |





### Praktis MuLus: Kata Arah

- |           |         |
|-----------|---------|
| 1 hadapan | 4 sudut |
| 2 antara  | 5 utara |
| 3 pangkal | 6 atas  |

### Praktis MuLus: Kata Sendi Nama

- |         |            |
|---------|------------|
| 1 pada  | 4 pada     |
| 2 untuk | 5 demi     |
| 3 dalam | 6 daripada |

### Praktis MuLus: Kata Pascakata

- |               |             |
|---------------|-------------|
| 1 Sebenarnya  | 4 Busuknya  |
| 2 Sakitnya    | 5 lajunya   |
| 3 Bahawasanya | 6 nampaknya |

### Praktis MuLus: Frasa

- 1 (i) FN + FA  
(ii) FN + FK  
(iii) FN + FS  
(iv) FN + FN  
(v) FN + FA  
(vi) FN + FK
- 2 (i) FN + FA  
(ii) FN + FK  
(iii) FN + FS  
(iv) FN + FN  
(v) FN + FA  
(vi) FN + FS

### Praktis SPM: Ayat Majmuk

- 1 (i) Ramai orang beranggapan meminum air sejuk tidak elok kerana air sejuk boleh menyebabkan kegemukan.  
(ii) Badan secara automatik akan meningkatkan suhu air di dalam perut apabila seseorang meminum air sejuk.  
(iii) Meminum air sejuk tidak menyebabkan kegemukan tetapi berpunca daripada kesalahan cara pemakanan seseorang.
- 2 (i) Kulit epal mempunyai khasiat yang tinggi.  
(ii) Khasiat kulit epal lebih tinggi daripada isi buah epal.  
(iii) Kulit epal sangat kaya dengan pelbagai vitamin.  
(iv) Kulit epal tinggi antioksidan.  
(v) Khasiat kulit epal sangat besar kepada kesihatan tubuh badan.  
(vi) Khasiat kulit epal mampu membantu mencegah kanser.
- 3 (i) Hampir seluruh rakyat Malaysia menggemari sate yang ada pelbagai jenis mengikut cita rasa masyarakat.  
(ii) Walaupun Hasma tidak cemerlang dalam pelajaran tetapi dia berjaya dalam perniagaan kedai makannya.  
(iii) Kamu hendak mengikut ayah berjoging atau mengikut ibu pergi ke pasar tandi?

### Praktis MuLus: Ayat Penyata

- 1 Pak Cik Hakim memasang kawat pada pagar di kebunnya.  
2 Beberapa orang pemuda sedang berusaha memadamkan kebakaran belukar.  
3 Terdapat pelbagai jenis alat muzik dijual di kedai itu.  
4 Pembalakan telah menyebabkan berlakunya tanah runtuh.  
5 Jalur Gemilang kecil dipasang pada kenderaan sempena sambutan Bulan Kebangsaan.

### Praktis MuLus: Ayat Tanya

- 1 (i) Kawan awak berasal dari mana?  
(ii) Mengapakah baju awak kotor?  
(iii) Berapakah harga sepinggan mi goreng itu?  
(iv) Ayah awak bekerja sebagai apa?  
(v) Apakah tarian yang dipersembahkan oleh murid-murid di atas pentas itu?  
(vi) Apakah bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat kastard karamel?

- 2 (i) Di manakah lokasi kilang penyelenggaraan jentera yang menyebabkan berlakunya pencemaran bau?  
(ii) Bilakah kilang terbabit beroperasi?  
(iii) Apakah kesan akibat pencemaran bau itu?  
(iv) Apakah tindakan pihak berkuasa setelah kilang terbabit dikesan beroperasi sejak enam tahun lalu?  
(v) Apakah yang dilakukan oleh kilang itu di kawasan premis mereka?  
(vi) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa apabila kilang tersebut gagal mengemukakan bukti?

### Praktis MuLus: Ayat Perintah

- |                 |                   |
|-----------------|-------------------|
| 1 ayat suruhan  | 4 ayat permintaan |
| 2 ayat silaan   | 5 ayat larangan   |
| 3 ayat larangan | 6 ayat suruhan    |

### Praktis MuLus: Ayat Seruan

- 1 Wah, indah sungguh pemandangan dari atas bukit ini!  
2 Syabas, ayah sangat bangga akan kejayaan kamu!  
3 Wahai anak bangsaku, marilah bersama-sama memajukan negara!  
4 Eh, cepatnya awak sampai ke sini!  
5 Syukur, kamu semua terselamat dalam kejadian tanah runtuh itu!  
6 Aduh, peningnya kepalaku berpusing-pusing rasanya!

### Praktis MuLus: Ayat Aktif & Ayat Pasif

- |        |        |
|--------|--------|
| 1 AP   | 4 AATT |
| 2 AAT  | 5 AAT  |
| 3 AATT | 6 AP   |

### Praktis MuLus: Ayat Aktif & Ayat Pasif

- 1 (i) Gunung itu kami daki hampir lima jam tanpa berehat.  
(ii) Rumput di laman itu mesti kamu potong pada petang besok.  
(iii) Sayur-sayuran dari kebunnya dijual oleh Hamizah di pasar tandi.
- 2 (i) Jutawan terkenal Arab memiliki cincin berlian berharga RM 24 juta itu.  
(ii) Emak saya menebang pokok rambutan itu kerana terlalu banyak semut.  
(iii) Penggunaan komputer telah memudahkan kerja-kerja di pejabat.

### Praktis MuLus: Bahasa Melayu Klasik

- 1 Seri Betara Majapahit; penjurit; mengalahkan; membunuh; Bukit Cina; Seri Betara  
2 Raja Benua Siam; Syahrnunwi; Timur; Bubunya; meminta

### Praktis SPM: Bahasa Melayu Klasik

- 1 Sesudah itu, Patih pun berasa hairan. Patih Gajah Mada berfikir dalam hatinya. 'Mengenai negeri Melaka itu sukar binasa lalu puas hatiku. Mengenai khabar penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu, jika tidak mati, sudah tentu kalahlah Melaka.' Setelah sudah dia berfikir, Patih Gajah Mada pun teringat akan Petala Bumi. Kemudian, Patih Gajah Mada segeramenyuruh kepada isteri Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi mencuri ke Daha itu, sama ada sudah kembali atau belum.
- 2 Kemudian orang Patih Gajah Mada pun pergilah menemui isteri Petala Bumi. Ketika itu Kertala Sari sudah pulang dari Daha, terlalu banyak memperoleh harta berupa emas, perak, pakaian dan mata wang berpuh-puluh juta dan ramai orang yang dicurinya. Setelah Kertala Sari datang ke rumahnya, dia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, ke manakah pergi bapaku lalu tidak aku lihat ini?"
- 3 Lalu Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam. Hal ini menyebabkan Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlangkap untuk menyerang Melaka. Awi Cakri

nama panglimanya, membawa rakyat tidak terkira banyaknya. Dipersembahkan kepada Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam telah menitahkan hulubalangnya, Awi Cakri membawa rakyat terlalu ramai berjalan darat terus ke hulu Pahang.

- 4 Lalu, setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar tersebut, baginda menyuruh menghimpunkan semua rakyat jajahan berhimpun di Melaka. Tun Perak telah membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isteri sekali. Orang Kelang menghadap Sultan, “Ya tuanku, semua rakyat jajahan yang datang menghadap lelaki sahaja, tetapi patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

### Praktis SPM: Peribahasa

- 1 (i) Ibarat mencangkul angin  
(ii) Malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan  
(iii) Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- 2 (i) Kamil seperti katak kena simbah air (orang yang tidak dapat menjawab sesuatu soalan) apabila disoal siasat oleh polis tentang penyelewengan wang rumah anak-anak yatim.  
(ii) Hashim mendapat keuntungan besar dengan hanya bermodalkan RM 1000.00 dalam perniagaan itu seperti aur ditanam, betung yang tumbuh (mendapat laba yang banyak dengan sedikit modal).  
(iii) Kematian Lim Goh Tong seperti gajah mati tulang setimbun (orang kaya yang mati banyak meninggalkan harta) kerana mendiang merupakan jutawan terkenal di Malaysia.
- 3 (i) burung diam dalam sangkar  
(ii) zaman beralih musim bertukar  
(iii) berdiri sama tinggi, duduk sama rendah
- 4 (i) **Peribahasa:** lempar batu sembunyi tangan  
**Maksud:** Orang yang cuba menyembunyikan kesalahannya.  
(ii) **Peribahasa:** lain orang makan nangka, lain orang yang kena getahnya  
**Maksud:** Orang lain yang buat salah tetapi orang lain yang kena tuduh.  
(iii) **Peribahasa:** terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk akibatnya  
**Maksud:** Menanggung akibat daripada kesilapan kata-kata yang dituturkan.

### Praktis Persediaan SPM

#### Praktis 1

##### Soalan 1

- (i) Tidak ramai murid yang berani menemui Cikgu Sufaat kerana beliau guru disiplin yang tegas dalam menjalankan tugas.  
(ii) Orang yang berjihad cekat akan menganggap setiap halangan sebagai cabaran untuk terus berusaha sehingga berjaya.  
(iii) Pak Cik Kamil menjalankan perniagaan menjual nasi lemak di hadapan rumahnya untuk mengisi masa yang terluang.  
(iv) Pemuda itu mengaut anak-anak ikan yang dipancingnya, kemudian dimasukkan ke dalam baldi yang sudah terisi air.

##### Soalan 2

Sarah memberitahu Adilah bahawa dia akan berangkat ke Kuala Terengganu pada petang itu. Adilah bertanyakan Sarah tempoh dia akan berada di sana. Sarah mengatakan bahawa dia akan berada di sana selama seminggu jika tugasnya dapat disiapkan tetapi jika kerjanya tidak selesai mungkin akan berlanjutan seminggu lagi. Adilah menasihati Sarah agar memandu kereta dengan berhati-hati kerana ketika itu musim hujan. Sarah meminta Adilah supaya tidak risau kerana dia seorang pemandu yang berhemah. Adilah turut mengingatkan Sarah agar menelefonnya apabila dia telah sampai di tempat kerjanya itu.

##### Soalan 3

- 1 baru – baharu  
2 dikenalpasti – dikenal pasti  
3 dari – daripada

- 4 berdepan – berhadapan  
5 menyeberangi – melalui  
6 pelusuk – pelosok  
7 baik – ketat  
8 mewartakan – mengumumkan  
9 bagaimana pun – bagaimana pun  
10 disekat – menyekat  
11 mencatatkan – mencatatkan

#### Soalan 4

Kemudian, oleh ibunya diceritakan segala hal-ehwal dari awal hingga akhir kepada anaknya. Setelah mendengar cerita ibunya itu, Kertala Sari terlalu marah. “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehu! Tanpa kata-kata seterusnya. Lalu negeri Melaka pun habis aku musnahkan. Sekiranya aku tidak bertindak demikian, bukannya aku anak perajurit yang berani dan licik.”

#### Soalan 5

- (i) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak  
(ii) jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

#### Praktis 2

##### Soalan 1

- (i) Warganegara Malaysia perlu menguasai bahasa Melayu dengan fasih dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.  
(ii) Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah mampu membentuk jati diri dan semangat patriotik.  
(iii) Setiap murid mempunyai tanggungjawab menjaga kebersihan kelas agar suasana pembelajaran akan menjadi lebih selesa.  
(iv) Setiap kakitangan kerajaan perlu menjalankan amanah yang ditetapkan oleh ketua jabatan masing-masing.

##### Soalan 2

- (i) Apakah yang akan diadakan oleh Angkatan Tentera Malaysia sempena sambutan Hari Angkatan Tentera?  
(ii) Bilakah tarikh sambutan itu?  
(iii) Di manakah sambutan akan diadakan?  
(iv) Apakah tema sambutan tersebut?  
(v) Apakah tujuan diadakan majlis tersebut?  
(vi) Siapakah tetamu kehormat dalam majlis tersebut?

##### Soalan 3

###### Petikan 1

- 1 manafaat – manfaat  
2 jangkamasa – jangka masa  
3 cergas – aktif  
4 melegakan – melambatkan  
5 meransang – merangsang  
6 dikuatkan – menguatkan

###### Petikan 2

- 1 himpunan buku-buku – himpunan buku  
2 fesyen – fiksiyen  
3 ramai orang – orang ramai  
4 tegang – tenang  
5 mengulangkaji – mengulang kaji

##### Soalan 4

Mengenai Seri Ameri itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya. Disebabkan dia cerdik dan tahu berkomunikasi, dijadikan baginda sebagai pesuruh raja dengan gelaran Seri Amerta. Lalu dibuatkan oleh baginda sebuah bangku yang tebal dan diletakkan di bawah lutut baginda. Di situlah dia memikul pedang dan dialah yang menyampaikan titah raja tentang sesuatu perkara.

##### Soalan 5

- (i) Sikap Jasmin yang hanya diam walaupun tidak memahami perkara yang diajar oleh guru boleh merugikan dirinya kerana segan bertanya sesat jalan.  
(ii) Lin Dan ingin mencuba nasib dengan menjadi pemain bola sepak kelab antarabangsa di luar negara kerana baginya untung sabut timbul, untung batu tenggelam.



### Praktis 3

#### Soalan 1

- (i) Kebanyakan umat Islam akan memasang lampu yang berwarna-warni di halaman rumah masing-masing apabila menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.
- (ii) Dahan-dahan pokok yang tumbang dan menghalang lalu lintas telah dibersihkan oleh pihak berkuasa tempatan setelah menerima aduan daripada orang ramai.
- (iii) Dua orang remaja dari bandar itu berjalan-jalan di atas permatang sambil melihat beberapa orang penduduk kampung mengerjakan sawah.
- (iv) Layang-layang yang terputus talinya itu terbang melayang sebelum tersangkut pada dahan pokok kemoja.

#### Soalan 2

- (i) Kos melancong di luar negara mahal tetapi melancong di dalam negara lebih murah malahan dapat membantu ekonomi negara berkembang kerana banyak pekerjaan dapat diwujudkan.
- (ii) Kebanyakan rakyat Malaysia suka dan berasa bangga pergi bercuti ke luar negara sedangkan pelancong asing suka datang ke negara kita.
- (iii) Mereka memuji keindahan negara kita yang kaya dengan flora dan pelbagai spesies fauna.

#### Soalan 3

##### Petikan 1

- 1 afektif – efektif
- 2 para penyelidik-penyelidik – para penyelidik
- 3 dirawat – merawat
- 4 pengawit – pengawet
- 5 oleh kerana – oleh kerana
- 6 beramal - mengamalkan

##### Petikan 2

- 1 merealisasikan – mengaplikasikan
- 2 di dalam – dalam
- 3 peperiksaan – pemeriksaan
- 4 agar supaya – agar/ supaya
- 5 taraf – tahap

#### Soalan 4

Kemudian, Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan dengan diiringkan oleh orang itu.

Setelah sampai kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Lalu kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, tujuan aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihi anakku ini,' kerana bapamu sudah terbunuh ketika melakukan tugas Seri Betara. Sekarang anakku hendak dijadikan pegawai istana yang terbaik."

#### Soalan 5

- (i) Jika orang yang rapat dengan kita mendapat kesusahan, kita turut merasa susah.
- (iii) Orang yang lemah tidak berdaya melawan orang yang kuat.

### Praktis 4

#### Soalan 1

- (i) Amalan bertolak ansur dan saling memahami akan mengeratkan hubungan kita dengan jiran tetangga.
- (ii) Peserta seminar itu memberikan tepukan gemuruh kepada Dr. Hanafi setelah beliau mengemukakan hujah-hujah yang begitu bernas.
- (iii) Nelayan itu membawa baju hujan serta makanan yang secukupnya sebelum turun ke laut untuk mencari rezeki.
- (iv) Masyarakat perlu mengamalkan penjarakan fizikal agar penyakit berjangkit seperti COVID-19 dapat dibendung.

#### Soalan 2

- (i) Ayat (1) Ayat Susunan Songsang; Ayat (2) Ayat Majmuk; Ayat (4) Ayat Aktif
- (ii) Pesta makan durian diadakan apabila tiba musim durian. Ramai orang suka makan buah durian sungguhpun buah durian kuat baunya.

- (iii) Isi buah durian boleh anda masukkan dalam pelbagai jenis masakan.

### Soalan 3

#### Petikan 1

- 1 Pertumbuhan – Peningkatan
- 2 masa ke semasa – semasa ke semasa
- 3 mengenai tentang – mengenai/ tentang
- 4 masa kini – masa ini
- 5 di kalangan – dalam kalangan
- 6 meragukan – membimbangkan

#### Petikan 2

- 1 dipahat – terpahat
- 2 dibebas – dibebaskan
- 3 resmi – rasmi
- 4 frasa – fasa
- 5 beberapa faktor-faktor – beberapa faktor

### Soalan 4

Selanjutnya, pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah bersama-sama orang ramai. Lalu, kata pesuruh raja yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, semua orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya kepada Duli Yang Dipertuan. Perihal orang jajahan semuanya menghadap lelaki juga, namun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah demikian perangai tuan?"

### Soalan 5

- (i) Bagai bertepuk sebelah tangan
- (ii) Dapat dihitung dengan jari

### Praktis 5

#### Soalan 1

- (i) Dia tetap berasa gembira walaupun memperoleh tempat kedua dalam pertandingan pidato kerana percubaan pertama yang dilakukannya telah membuahkan kejayaan.
- (ii) Sebahagian daripada murid yang mengalami cirit-birit telah dihantar ke klinik kesihatan oleh ahli keluarga dan guru.
- (iii) Beliau telah mencurahkan segala ilmu yang dimilikinya kepada anak buahnya sepanjang kursus di Putrajaya.
- (iv) Semua murid yang hendak mengikuti program cuti sekolah perlu mendapatkan keizinan daripada ibu bapa atau penjaga masing-masing.

#### Soalan 2

- (i) Subjek: Harga saham syarikat itu  
Predikat: telah jatuh merudum dua hari selepas disenaraikan di bursa saham
- (ii) Subjek: Majalah Betik  
Predikat: amat digemari oleh golongan remaja sekolah
- (iii) Subjek: Presiden Amerika Syarikat  
Predikat: mengakui tenteranya terlibat secara tidak langsung menggulingkan kerajaan Mesir

#### Soalan 3

- 1 adalah – ialah
- 2 dalam – di
- 3 kelahiran – pembentukan
- 4 founa – fauna
- 5 beza – berbeza
- 6 pedalaman – pedalaman
- 7 klasik – tradisional
- 8 amat sangat – amat/ sangat
- 9 ditunggu – didiami
- 10 kebanyakan – kebanyakan
- 11 berjauhan – berhampiran

#### Soalan 4

Setelah Patih Gajah Mada mendengar sedemikian itu, beliau terlalu gembira lalu dijamunya makan minum dan bersuka ria serta diberikannya pakaian.

Setelah selesai, Kertala Sari dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Lalu sembah Patih Gajah Mada, “Perihal penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuh-tujuhnya.”

#### Soalan 5

- (i) belum duduk sudah berlunjur
- (ii) sudah jatuh ditimpa tangga

#### Praktis 6

##### Soalan 1

- (i) Murid-murid dilarang menyebarkan soalan peperiksaan kepada rakan-rakan yang tidak hadir pada hari peperiksaan.
- (ii) Mahasiswa perlu menyelidik bahan yang diperoleh daripada lapangan untuk menghasilkan dapatan kajian yang menyeluruh dan meyakinkan.
- (iii) Kerja-kerja mencetak bahan seminar itu perlu dilakukan dengan cepat kerana masa tinggal sehari sahaja sebelum seminar berlangsung.
- (iv) Halim dan pasukannya berjaya menghasilkan satu prototaip yang canggih untuk produk baharu syarikatnya.

##### Soalan 2

- (i) FN + FN: “Gambar Mona Lisa” (FN) “lukisan Leonardo da Vinci” (FN)
- (ii) FN + FK: “Beberapa orang” (FN) “sedang menanam sayur di kebun” (FK)
- (iii) FN + FA: “Kucing adik” (FN) “pandai bermain bola” (FA)
- (iv) FN + FS: “Pelancong-pelancong Jerman” (FN) “ke Melaka untuk makan durian” (FS)

##### Soalan 3

###### Petikan 1

- 1 analisa – analisis
- 2 di dalam – dalam
- 3 sains – sains
- 4 dekat – dekad
- 5 sekali tinggi – tinggi sekali
- 6 genetik maklumat – maklumat genetik

###### Petikan 2

- 1 pertubuhan – penubuhan
- 2 terpaksa kita – kita terpaksa
- 3 bila – bila-bila
- 4 aktiviti – situasi/ fenomena
- 5 di antara – antara

##### Soalan 4

Lalu tidak disahut oleh Tun Perak kata-kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, juga tidak disambut oleh Tun Perak. Cukup tiga kali Seri Amerta berkata, barulah dibalas oleh Tun Perak. Katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah dijaga dengan baik. Jangan sampai berkarat. Jangan tumpul matanya.”

##### Soalan 5

- (i) Kedudukan negara Greece sekarang bagai telur di hujung tanduk (berada dalam keadaan yang sulit) kerana hutang negaranya terlalu tinggi sehingga gagal membayar balik hutang negaranya.
- (ii) Haniza dan suaminya tidak pernah berjauhan sejak mereka berkahwin, keadaan mereka bagai dakwat dengan kertas. (tidak pernah bercerai/ berjauhan)

#### Praktis 7

##### Soalan 1

- (i) Amalan menjaga kebersihan di kawasan perumahan perlu dilakukan secara sukarela oleh penduduk tanpa mengharap sebarang upah demi kesejahteraan hidup bersama.
- (ii) Kehebatan Badang dalam cerita rakyat begitu luar biasa sehinggakan musuh yang gagah berani berasa gerun apabila berdepan dengannya.

(iii) Amalan tidur sekitar 30 minit pada waktu tengah hari boleh memberikan tenaga baharu kepada seseorang sebelum menyambung kerja semula.

(iv) Lafaz terima kasih setelah menerima bantuan daripada seseorang dapat melahirkan rasa puas kepada orang yang memberikan sumbangan.

##### Soalan 2

- (i) (1) Ayat aktif; (3) Ayat majmuk; (5) Ayat Majmuk
- (ii) Untuk menjaga kandungannya, makanan tersebut dibungkus secara berlebih-lebihan.
- (iii) (3) Selain itu; (4) Sebaliknya; (5) Kesimpulannya
- (iv) Kesimpulannya, banyak perkara mampu anda lakukan untuk melindungi alam sekitar sekali gus menjaga kesihatan ahli keluarga.

##### Soalan 3

###### Petikan 1

- 1 pada masa kini – pada masa ini
- 2 Ini mungkin – Hal ini mungkin
- 3 keperluan – kemudahan
- 4 ramai pekerja-pekerja – ramai pekerja
- 5 vidio – video
- 6 atas talian – dalam talian

###### Petikan 2

- 1 Pertandingan – Penganjuran
- 2 diterbitkan – disiarkan
- 3 berbagai – pelbagai/ berbagai-bagai
- 4 Selain daripada itu – Selain itu
- 5 diskaun – promosi

##### Soalan 4

Sesudah itu sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku paduka Betara, peduli apalagi tugas membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedangkan negeri Daha patik kalahkan?”

Setelah Seri Betara mendengar kata-kata Kertala Sari itu, lalu Seri Betara bertitah, “Segeraldah engkau pergi ke Melaka itu. Lakukan seperti katamu itu, supaya engkau aku jadikan pegawai besar istana.”

##### Soalan 5

- (i) alah membeli menang memakai
- (ii) bagaimana acuan begitulah kuihnya

#### Praktis 8

##### Soalan 1

- (i) Kanak-kanak berusia lima tahun perlu dihantar ke tabika untuk membiasakan mereka dengan persekitaran pembelajaran dan kemahiran berinteraksi sesama rakan.
- (ii) Sharel sudah tercungap-cungap walaupun baru sepuluh minit berjoging kerana dia sudah lama tidak bersenam.
- (iii) Anak-anak Pak Hamid bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malahan berakhlak mulia.
- (iv) Majlis perkahwinan menjadi meriah dengan kehadiran saudara-mara dan kenalan yang datang dari pelbagai tempat.

##### Soalan 2

- (i) Amira membawa Si Comot ke klinik haiwan untuk diberikan suntikan vaksin.
- (ii) Kami membersihkan kawasan sekeliling surau yang semak ini sejak pagi tadi.
- (iii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyiasat Hamid kerana disyaki melakukan pecah amanah terhadap wang syarikatnya.

##### Soalan 3

###### Petikan 1

- 1 rumusan – dapatan
- 2 menunjukkan aktiviti – menunjukkan bahawa aktiviti
- 3 mengesyorkan – mengesahkan
- 4 seorang – seseorang
- 5 meningkat naik – meningkatkan
- 6 pembahagian – penggunaan





## Petikan 2

- 1 adalah – ialah
- 2 pelbagai usaha-usaha – pelbagai usaha
- 3 Ibubapa – Ibu bapa
- 4 pada – kepada
- 5 kesenangan – kemudahan

## Soalan 4

“Tentang pekerjaan orang yang bekerja ini, bagaimana tuan hamba tahu? Perihal sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan, anak isteri dan segala peralatan. Benarkah pada fikiran tuan hamba, kami datang dengan lelaki juga, sebegitu jauh dari Selat Kelang? Jikalau sesuatu terjadi di negeri ini, apakah nasib kami semua?”

## Soalan 5

- (i) seperti kaca terhempas di batu – hati yang hancur kerana dukacita/sangat kecewa di mana ada kemahuan di situ ada jalan – seseorang yang mengejar sesuatu impian akan berusaha untuk mencapainya

## TOPIK 4: PEMAHAMAN [Petikan Umum]

### Praktis 1 MuLus

- (i) membantu mengurangkan.
- (ii) virus serta kuman; disyaki telah menyebabkan kebakaran di tapak pelupusan sampah.
- (iii) merasakan kerosakan tidak memberikan kesan yang ketara kepada dirinya; tidak menakutkan dan denda yang dikenakan masih mampu dibayar
- (iv) Pada tarikh yang dijanjikan, kerja-kerja membersihkan pantai dan membina tempat istirahat dilakukan dengan bantuan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan. Persekitaran yang sudah cantik kami bebahkan dalam media sosial untuk menarik perhatian pengunjung agar datang berkelah. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### Praktis 2 MuLus

- (i) melalui dapatan.
- (ii) perlu mempunyai gabungan karbohidrat, protein, sayur-sayuran, buah-buahan, lemak, susu dan tenusu. Seterusnya, bukti obesiti yang dialami oleh rakyat Malaysia berdasarkan kajian yang dilakukan ialah 2.6 juta populasi dewasa mengalami obesiti dan menjadikan Malaysia negara tertinggi mempunyai kadar obesiti antara negara-negara Asia Tenggara.
- (iii) mereka lebih gemar makan makanan segera dan makanan ringan yang lebih sedap serta menyelerakan tanpa memikirkan kemudaratannya. Seterusnya, ibu bapa tidak menitikberatkan makanan yang seimbang untuk anak-anak mereka kerana sibuk dengan kerja.
- (iv) mengamalkan pemakanan yang seimbang mengikut keperluan kalori badan. Saiz hidangan pula mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia, iaitu suku pinggan sumber karbohidrat, suku pinggan lagi sumber protein dan separuh pinggan sayur serta buah. Seterusnya, saya bersenam pada setiap petang selama 30 minit untuk membakar lemak dan kalori serta mendapatkan bentuk badan yang ideal. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### Praktis 3 SPM

- (i) menghasilkan jumlah wang.
- (ii) ekonomi luar bandar telah menjana pendapatan sebanyak RM29.7 juta dengan kedatangan pelancong seramai 458 899 orang. Seterusnya, usaha kerajaan untuk merancakkan industri pelancongan yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 semula melalui pelan rangsangan ekonomi seperti Pakej Prihatin Nasional (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
- (iii) menjaga warisan bangsa daripada pupus dan seterusnya generasi akan datang dapat melihat sendiri warisan masa lampau yang terdapat di negara ini. Seterusnya, pengiktirafan tersebut dapat memastikan tapak warisan dunia itu sentiasa dipulihara dan dipelihara untuk mengekalkan bangunan bersejarah, monumen, kawasan bandar, aspek sosioekonomi, budaya dan tapak sejarah.

- (iv) menemui pegawai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk mendapatkan khidmat nasihat serta bantuan kepakaran dan kewangan. Setelah memperoleh konsep pelancongan, kami akan melengkapkan kawasan kami dengan kemudahan istirahat, makanan, layanan dan pemandu pelancong. Seterusnya, kami bekerjasama dengan kementerian untuk mewara-warakan produk yang kami sediakan menerusi media sosial. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### Praktis 4 SPM

- (i) sesuatu yang membangkitkan kemarahan.
- (ii) Memahami sejarah silam negara amat penting kerana sejarah mempunyai nilai yang penuh dengan iktibar dan pengajaran. Seterusnya, sejarah yang berlaku pada 23 Februari 1950 ialah serangan hendap terhadap Balai Polis Bukit Kepong yang telah dilakukan oleh kira-kira 180 orang penganas Parti Komunis Malaya (PKM).
- (iii) kurikulum Sejarah lebih menyajikan gambaran peristiwa dan aktiviti manusia pada masa lampau yang lebih bersifat abstrak menyebabkan pembelajarannya di dalam kelas tidak lebih daripada aktiviti menghafal. Seterusnya, pengajaran guru bergantung sepenuhnya pada buku teks menyebabkan maklumat dan pengalaman pembelajaran yang ingin diterapkan menjadi terbatas dan kaku.
- (iv) program yang diadakan perlu melibatkan semua murid seperti Pertandingan Deklamasi Sajak Patriotisme dan Teka Silang Kata Sejarah. Seterusnya, tokoh yang mahir dengan sejarah setempat dan sejarah negara diundang untuk mengadakan ceramah. Selain itu, majlis perasmian dan penutupan diadakan pada hari perhimpunan sekolah yang dihadiri oleh semua murid. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### Praktis 5 SPM

- (i) menetapkan akhlak.
- (ii) rakyat perlu menguasai bahasa Inggeris, tetapi pada masa sama bahasa Melayu harus dipertahan dan dimartabatkan. Seterusnya, kesan jika generasi muda tidak menguasai bahasa Melayu ialah generasi muda tidak terbiasa dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul, seterusnya terbawa-bawa dalam kehidupan mereka.
- (iii) pengguna lebih suka mesej yang ringkas tetapi mudah difahami kerana dapat ditaip dengan cepat. Selain itu, latar belakang pengguna yang menguasai bahasa lain selain bahasa ibunda, walaupun bahasa tersebut tidak dikuasai sepenuhnya menyebabkan perkataan yang digunakan bercampur aduk.
- (iv) saya akan menghadihkan kamus dwibahasa kepadanya agar dia dapat merujuk kamus untuk mengetahui makna sesuatu kosa kata. Saya pula akan lebih banyak menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris untuk membiasakan dia berbahasa Melayu. Saya akan membawanya berjalan-jalan dan menerangkan tempat dan barang yang ditemui dalam bahasa Melayu. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### Praktis 6 SPM

- (i) kecenderungan yang terhad.
- (ii) kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Ciri-ciri autisme yang jelas kelihatan pada zaman awal kanak-kanak ialah kelewatan perkembangan dalam pertuturan dan bahasa, kurang minat dalam interaksi sosial, mempunyai corak permainan yang ganjil dan tidak menyukai perubahan.
- (iii) menghubungi Talian Kasih 15999 untuk membuat aduan dengan menerangkan secara lengkap waktu dan tempat berlakunya penderaan tersebut. Jika perlu saya akan merakam kejadian tersebut menggunakan telefon pintar sebagai bukti penderaan itu benar-benar berlaku.
- (iv) mendaftarkan namanya di Jabatan Kebajikan Masyarakat agar dia mendapat insentif dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Perhatian dan kasih sayang diberikan kepada adik saya agar dia tidak berasa tersisih, sebaliknya sentiasa rasa disayangi.

Seterusnya, saya akan memastikan adik saya memperoleh pendidikan kemahiran yang sesuai agar dia boleh berdirikan kelak. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

## TOPIK 5: PEMAHAMAN [Petikan KOMSAS]

### Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

#### Praktis 1 MuLus

- (i) menepis tuduhan
- (ii) yang terlepas ke tangan raja; mempertahankan maruah diri dan negara; mencintai ilmu dan guru dengan menuntut ilmu tanpa jemu. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]
- (iii) sesuatu karya dianggap berkualiti sekiranya berjaya menyuntik kesedaran dan seterusnya mengubah cara berfikir pembaca.
- (iv) Kemudian, saya mencadangkan agar persatuan penduduk mencari dana untuk membina gelanggang yang sesuai supaya golongan remaja boleh memanfaatkan masa dengan beriadah seperti bermain futsal. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

#### Praktis 2 MuLus

- (i) menahan kemajuan; gelap mata, berlakunya fitnah dan rasuah; nilai tradisi dan berlaku pemisahan puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah; Kem Latihan Khidmat Negara
- (ii) Penjajahan ekonomi pula ialah keinginan kuasa besar menguasai ekonomi dunia menerusi sistem kapitalis dan tekanan berterusan terhadap negara-negara lain menerusi perjanjian perdagangan yang berat sebelah.
- (iii) masyarakat lebih mengutamakan barangan import yang mewah daripada barangan keluaran tempatan. Selain itu, cara hidup masyarakat yang kebaratan dengan berpakaian mencolok mata dan berkelakuan sumbang yang bertentangan dengan budaya timur dan Islam. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

#### Praktis 3 SPM

- (i) menempuh akar (halangan).
- (ii) yang mengabaikan rakyat akan disumpah masyarakat sepanjang hayat. Manakala menerusi Bahan 2, polis Turki menggunakan kuasa dan kekerasan untuk menangkap remaja yang menjual barang di pasaran gelap. Bahan 3 pula, gembala yang berkuasa terhadap kuda-kudanya mahu menyelamatkan maruah, berjuang atas kebenaran untuk menentang segala kebobrokan. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]
- (iii) masyarakat perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi memudahkan pihak berkuasa menjalankan tanggungjawab mereka. Masyarakat juga perlu membantu pihak berkuasa membanteras jenayah dengan melaporkan kepincangan dan jenayah yang berlaku di sekeliling masyarakat.
- (iv) Apabila berada di negara asing, saya akan mematuhi undang-undang negara tersebut dengan mengelakkan diri daripada melakukan jenayah. Seterusnya, saya akan berhemah dalam berkomunikasi dan menjaga tingkah laku kerana segala perbuatan saya akan memberikan imej kepada negara. Saya telah akan melakukan perkara yang mencurigakan agar tingkah laku saya tidak akan disalah tafsir. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

#### Praktis 4 SPM

- (i) mendapat kesusahan.
- (ii) penyajak akan mendekati diri kepada Tuhan dengan beribadah. Manakala bagi Bahan 2, sultan digambarkan meninggalkan takhta kerajaan. Seterusnya, menerusi Bahan 3, penyair beramal untuk mencari pahala. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]
- (iii) Anak tidak mampu menjaga ibu yang sudah tua kerana mereka lebih mengutamakan kerjaya yang memerlukan komitmen seawal

pagi hingga malam. Keadaan ditambah lagi dengan jarak rumah ibu di kampung halaman sedangkan tempat tinggal anak di kota besar yang jauh dan memakan masa untuk pulang.

- (iv) Saya akan mencadangkan supaya diadakan persembahan nyanyian lagu-lagu tahun 1950-an dan 1960-an agar mereka dapat mengimbau zaman muda serta dapat melupakan kesedihan. Selain itu, makanan tradisional yang sesuai dengan selera warga emas di sana juga akan dihidangkan. Ahli persatuan juga perlu menyantuni warga emas dengan sopan dan penuh kasih sayang agar warga emas di situ rasa dihargai. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

#### Praktis 5 SPM

- (i) pemikiran sihat.
- (ii) dapat menaakuli kebesaran Tuhan yang menciptakan alam. Menerusi Bahan 2, buku dianggap sebagai denyut nadi utama yang penting bagi pemikiran manusia kerana mempunyai kelebihan yang luar biasa dan sarat dengan ilmu. Manakala menerusi Bahan 3, buku menyimpan jutaan maklumat, fakta, ilmu, cereka hiburan dan bangsa membaca bangsa berjaya. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]
- (iii) penulis kreatif dan penulis buku ilmiah tidak berminat untuk menghasilkan karya mereka lantas menyebabkan tiada karya baharu yang tercetak di pasaran. Seterusnya, masyarakat lebih terdedah dengan bahan bermutu rendah dari aspek kandungan dan bahasa menyebabkan pengetahuan masyarakat tidak bertambah.
- (iv) Sebaik-baik sahaja saya dilantik sebagai penyelaras penerbitan karya kreatif, saya membentuk ahli jawatankuasa seperti bahagian publisiti, penyuntingan karya, dana dan urusan penerbitan. Seterusnya saya menghebahkannya di perhimpunan rasmi sekolah dengan meminta rakan-rakan menghantar karya kreatif asli berbentuk cerpen dan sajak. Saya meminta guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu memaklumkan dengan terperinci kepada murid-murid yang berminat untuk mengambil bahagian. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

#### Sejadah Rindu

##### Praktis 1 MuLus

- (i) terlalu banyak pengetahuan.
- (ii) Berdasarkan Bahan 1, ilmu pengetahuan boleh diperoleh sekiranya kita rajin belajar. Bahan 2 pula, penyajak menyatakan ilmu diperoleh dengan bersungguh-sungguh menimba ilmu yang diajar di universiti. Manakala menerusi Bahan 3, ilmu pengetahuan diperoleh dengan saling menasihati antara sahabat sehati.
- (iii) Remaja mudah menerima nasihat daripada rakan-rakan kerana remaja selalu menghabiskan masa bersama dengan rakan menyebabkan segala nasihat dan tindakan rakan yang akrab lebih banyak mempengaruhi tingkah laku. Sebaliknya, sesetengah ibu bapa pula sibuk bekerja dan kurang berkomunikasi dengan anak-anak menyebabkan anak-anak sukar untuk mengikuti nasihat yang diberikan.
- (iv) Cadangan saya untuk mengurangkan salah laku murid ialah guru perlu melihat latar belakang keluarga murid kerana kebanyakan masalah berpunca daripada keluarga dan guru perlu bersemuka dengan ibu bapa mereka untuk mencari penyelesaian terbaik. Selain itu, murid yang melakukan salah laku kebanyakannya lemah dalam akademik dan tidak minat belajar lalu guru bertanggungjawab memberikan motivasi dan bimbingan agar mereka lebih menghargai pelajaran. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

##### Praktis 2 MuLus

- (i) kata-kata tipu daya.
- (ii) Berdasarkan Bahan 1, keadaan kacau-bilau pada zaman Jepun telah menyedarkan penduduk kampung betapa hinanya hidup terjajah. Seterusnya menerusi Bahan 2, peperangan telah membangkitkan semangat untuk memulihkan kebahagiaan dan kedamaian kembali. Menerusi Bahan 3 pula, peristiwa hitam 13 Mei membuatkan Mellisa mahu melihat rakyat dan negaranya hidup aman dan damai.



- (iii) Sesetengah rakyat Malaysia mempertikaikan kerjaya pasukan keselamatan negara kerana mereka beranggapan anggota pasukan keselamatan hanya berpeluk tubuh memandangkan negara dalam keadaan aman dan tidak menghadapi ancaman musuh. Selain itu, mereka tidak tahu bahawa pasukan keselamatan bukan sahaja menjaga di darat, sebaliknya turut menjaga ruang udara, perairan negara dan sempadan negara yang berisiko diserang musuh.
- (iv) Usaha mewujudkan hubungan yang harmoni dalam kalangan murid yang berbeza latar belakang boleh dilakukan dengan melibatkan semua murid dalam jawatankuasa yang dibentuk oleh guru kelas seperti Jawatankuasa Kebersihan dan Keceriaan Kelas dan Jawatankuasa Program dan Lawatan bagi memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi. Seterusnya, guru perlu selalu mengadakan aktiviti secara berkumpulan di dalam kelas yang terdiri daripada murid pelbagai kaum supaya mereka dapat berinteraksi dengan lebih berkesan lantas mengeratkan hubungan. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### **Praktis 3 SPM@2021**

- (i) cercaan dan seksaan.
- (ii) Berdasarkan Bahan 1, Doktor Murni mengajak Nusia untuk menderma dua pek darah bagi menyelamatkan semua pesakit yang koma di Unit Rawatan Rapi. Menerusi Bahan 2, Pelakon I mengajak pak cik dan mak cik membantu Azmir dengan memberikan perhatian, kasih sayang, semangat dan perangsang. Manakala Bahan 3 pula, emak Si Randng bermurah hati menyediakan makanan apabila orang yang asing lalu di depan rumahnya.
- (iii) Kepentingan menderma darah ialah kita dapat menyelamatkan nyawa orang lain yang kehilangan darah akibat kemalangan atau pesakit yang memerlukan darah agar mereka dapat hidup lebih lama. Selain itu, badan kita juga menjadi lebih sihat dengan menderma darah kerana badan kita akan menggantikan sel-sel darah baharu sekali gus mengekalkan kecergasan.
- (iv) Apabila rakan saya menghadapi masalah tekanan perasaan, saya akan menjadi tempat dia meluahkan perasaan agar dia merasa lebih tenang apabila masalahnya didengar dan memberikan kata-kata semangat kepadanya. Kemudian saya akan membawanya berjumpa dengan kaunselor supaya dia mendapat bantuan daripada pakar untuk mengatasi tekanan yang dihadapi. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### **Praktis 4 SPM@2021**

- (i) penuh kesilapan.
- (ii) Menerusi Bahan 1, penyajak mengharapkan keinsafan hadir dalam diri anak-anaknya sama ada anak-anaknya setia mahupun derhaka. Menerusi Bahan 2, Aiman mendengar suara ghaib yang mengajaknya mendekati diri kepada Ilahi dan melarangnya merosakkan habitat semula jadi di bumi. Seterusnya menerusi Bahan 3, penyajak mengharapkan pintu taubat akan tiba sebelum berlakunya kematian.
- (iii) Sebagai anak, kita perlu memberikan perhatian terhadap nasihat yang disampaikan oleh ibu bapa walaupun ada yang bertentangan dengan kehendak hati kerana ibu bapa lebih berpengalaman dalam hidup. Selain itu, anak perlu sentiasa melibatkan ibu bapa untuk berkongsi masalah dan meminta pandangan ibu bapa supaya ibu bapa rasa dihargai serta dihormati.
- (iv) Sebagai rakan, saya akan menasihatinya supaya menjaga ibunya dengan baik di rumah sendiri kerana bakti anak kepada ibu bapa akan mendapat ganjaran pahala daripada Tuhan. Selain itu, saya akan memintanya mengingat kembali pengorbanan ibunya membesarkan dia agar timbul keinsafan dalam dirinya lantas berusaha menjaga ibunya dengan sebaik mungkin. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

### **Praktis 5 SPM@2021**

- (i) susunan/ baris kata.
- (ii) Berdasarkan Bahan 1, penyair berdoa agar dia menjadi manusia yang taat akan perintah Tuhan kerana dunia hanya sementara.

- Berdasarkan Bahan 2, tukang dan utas yang taat akan perintah raja bekerja siang dan malam untuk menyiapkan istana raja.
- (iii) Sikap pemimpin yang mudah untuk mendapat kerjasama daripada orang bawahannya ialah pemimpin yang sentiasa menghargai dan berterima kasih kepada orang bawahannya yang telah melakukan kerja untuknya. Selain itu, pemimpin yang selalu membantu orang bawahannya akan disenangi dan mudah untuk mendapat kerjasama sebagai tanda membalas jasa.
  - (iv) Usaha-usaha yang akan saya lakukan ialah saya terlebih dahulu akan memberikan contoh yang baik menerusi tingkah laku yang berintegriti dan berdisiplin supaya murid lain akan mengikut teladan yang saya tunjukkan dan menghormati saya. Seterusnya, saya akan bertegas kepada murid-murid yang bermasalah disiplin supaya mereka menghormati saya seterusnya memberikan kerjasama dengan baik. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

## **TOPIK 6: PEMAHAMAN [Novel]**

### **Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa**

#### **Praktis 1 MuLus**

yang diberikan oleh Karim; tidak melanggar undang-undang dan hukum agama; tempayan boleh ditutup tetapi tidak bagi mulut manusia

#### **Praktis 2 SPM**

dengan menghebahkan bahawa serangan akan dilakukan melalui Singapura bagi melirukan musuh agar askar British bertumpu di Singapura. Seterusnya, pihak Jepun mengirimi ramai perisik ke Tanah Melayu bagi memberitahu penduduk tempatan bahawa askar Jepun datang untuk membebaskan negara daripada penjajahan British. Jepun juga menabur janji kemerdekaan dengan semboyan “Asia untuk orang Asia” agar penduduk Tanah Melayu menerima kedatangan mereka.

### **Tingkatan 5: Tirani**

#### **Praktis 1 MuLus**

selesai mengatur rangka, kulit pun dilitupi di atasnya semula. Pembedahan tersebut akan selesai dalam tempoh dua hingga tiga jam jika tiada komplikasi lain.

#### **Praktis 2 SPM**

berasa rimas duduk sahaja dalam tempoh dua minggu. Selain itu, dia berasa rusing memikirkan orang yang berada di Tajau Emas. Akhir sekali, hal yang berkaitan dengan anak gadisnya, Waheeda telah selesai.

### **Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa**

#### **Sinopsis**

- 1 Sekolah Melayu Sungai Ramal
- 2 Port Dickson
- 3 Singapura
- 4 sarjan
- 5 Pasir Panjang
- 6 Asia Tenggara
- 7 Bukit Candu
- 8 Ops Matador
- 9 Kapten Rix
- 10 tentera Jepun

#### **Persoalan**

- 1 anaknya akan mempelajari lebih banyak perkara di situ daripada belajar di sekolah Melayu.
- 2 penduduk kampung berjumpa dengan Pak Saidi untuk mendengar penjelasannya agar keputusan yang dibuat tidak berat sebelah.
- 3 menjuarai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh sekolahnya.
- 4 dengan mengajar mereka mengaji al-Quran pada waktu malam dan memastikan mereka bersolat.
- 5 menentang tentera Jepun di Bukit Candu sehingga menggadaikan nyawanya sendiri.

### Perwatakan Leftenan Adnan

- 1 di kebun atau sawah pada setiap pagi.
- 2 diatur oleh ibu bapanya walaupun pada mulanya dia agak terkejut dengan keputusan ibu bapanya itu.
- 3 meninggalkan keluarganya di kampung halaman demi tugasnya terhadap negara.
- 4 mengetahui sudah ramai askar Melayu yang gugur dalam pertempuran.
- 5 dalam serangan pertamanya di Pasir Panjang dan ramai tentera Jepun yang terkorban.

### Pengajaran

- 1 berjuang mempertahankan tanah air daripada tentera Jepun sehingga nyawanya terkorban
- 2 tindakannya menghantar anak ke sekolah Inggeris agar keputusan yang dibuat tidak berat sebelah.
- 3 sepucuk surat kepada suaminya yang sedang bertugas untuk meluahkan rasa rindunya.
- 4 mencari rezeki pagi dan petang kerana tidak mahu membuang masa seperti kebanyakan penduduk di kampungnya yang gemar duduk di kedai kopi.
- 5 membunuh beberapa orang tentera Jepun dengan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya walaupun akhirnya dia turut terbunuh

### Tingkatan 5: Tirani

#### Sinopsis

- 1 Tajau Emas
- 2 monyet Belanda
- 3 Singapura
- 4 Doktor Alma Chen
- 5 hidung dan mata
- 6 Pegawai Perhubungan
- 7 Ratu Pelancongan Antarabangsa
- 8 berhenti kerja
- 9 Melayu Sarawak
- 10 Hospital Pakar Normah
- 11 DNA
- 12 khidmat kaunseling
- 13 Cameron Highlands
- 14 meminta maaf

### Perwatakan Waheeda

- 1 anak perempuan tunggalnya, Izzati dengan penuh kasih sayang.
- 2 Hotel Flamingo de La Rossa dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.
- 3 Chalet Tajau Emas dengan masa bersama-sama ahli keluarganya, terutama Izzati.
- 4 melihat lokasi dan potensi chalet itu jika diusahakan secara sistematik dan bersungguh-sungguh.
- 5 wajahnya dcederakan oleh monyet Belanda.
- 6 daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan bagi membeli chalet Iwana-Iwani daripada Abdul Aziz.
- 7 sedikit pun berasa gentar dan takut akan saingan daripada pengusaha hotel yang lain.
- 8 tentang tangki air panas yang pecah dan terkena sedikit pada tubuh pelanggannya.
- 9 melulu dan fitnah akibat sikap cemburu buta suaminya, Zahid.
- 10 Nasuha dan Bazilah walaupun mereka tinggal berjauhan dan sibuk dengan karier masing-masing.

### Latar Masyarakat

- 1 ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), Kuala Lumpur.
- 2 berjaya memperoleh ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- 3 dan kemusnahan rumah tangganya dan peristiwa dia mengusahakan chalet penginapan untuk kemudahan pelancong.
- 4 diserang monyet Belanda ke hospital dengan segera bagi mendapatkan rawatan.
- 5 penginapan para pelancong sebagai sumber pendapatan mereka.

### Pengajaran

- 1 Waheeda yang mengusahakan chalet Aya-Sajinah di Cameron Highlands.
- 2 diserang monyet Belanda ke hospital dengan segera bagi mendapatkan rawatan.
- 3 tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan bagi membeli chalet Iwana-Iwani daripada Abdul Aziz.
- 4 Aziz.
- 5 Yishun Street sepanjang tempoh Waheeda menjalani rawatan pembedahan muka dan hidungnya di Silicon Medical Center, Singapura.
- 6 Kampung Matang bekerjasama dalam menguruskan majlis perkahwinan Zahid dengan Waheeda.

### TOPIK 7: RUMUSAN

#### Praktis 1 MuLus

- S2: fizikal, emosi dan sahsiah.  
S3: dengan aktiviti bermanfaat.  
S4: lebih bertanggungjawab.  
S5: daya kepimpinan  
S6: berinteraksi dengan baik.  
S7: mengutamakan akademik  
S8: memberikan sokongan.  
S9: disediakan tidak mencukupi.  
S10: badan cepat berasa penat.

#### Praktis 2 MuLus

**Pendahuluan:** berlakunya obesiti dan cara-cara mengatasinya.

- S1: mengamalkan senaman.  
S2: tekanan perasaan  
S3: pemakanan seimbang.  
S4: makanan ringan.  
S5: tidak berkhasiat  
S6: montel dan comel.  
S7: sekurang-kurangnya 150 – 300 minit.  
S8: yang memenuhi keperluan nutrisi badan dengan teratur.  
S9: dengan memastikan makan empat jam sebelum tidur.  
S10: secara berlebihan.  
**Penutup:** kita perlu berusaha mengelakkan obesiti agar/ supaya kesihatan kita terus berkekalan.

#### Praktis 3 MuLus

**Pendahuluan:** keburukan dan kebaikan iklan kepada pengguna.

- S1: boros ketika berbelanja.  
S2: untuk membeli barangan bukan keperluan.  
S3: tabiat yang buruk.  
S4: dengan memberikan maklumat palsu.  
S5: wanita untuk melariskan produk.  
S6: harga produk meningkat.  
S7: dan penerangan dengan mudah kepada pengguna.  
S8: perbelanjaan.  
S9: perbandingan terhadap sesuatu produk dan perkhidmatan.  
S10: yang terbuka pada setiap masa.  
**Penutup:** pengguna perlu berhati-hati apabila membeli barang yang diiklankan agar/ supaya tidak tertipu dengan kualiti dan harga.

#### Praktis 4 MuLus

**Pendahuluan:** kelebihan dan keburukan sukan.

- S1: berasa puas melakukan aktiviti sukan yang digemari.  
S2: kesihatan tubuh badan.  
S3: stres yang dihadapi.  
S4: boleh dipupuk.  
S5: memantapkan disiplin yang terpuji.  
S6: berfikiran positif.  
S7: keyakinan yang tinggi kepada seseorang.  
S8: kecederaan yang serius.  
S9: meningkatkan prestasi.  
S10: penyokong yang tidak berpuas hati.  
**Penutup:** setiap individu perlu memanfaatkan masa dengan bersukan agar/ supaya penampilan diri lebih meyakinkan.





### Praktis 5 SPM

**Pendahuluan:** kepentingan cita-cita dan faktor yang menghalang cita-cita.

- S1: Cita-cita menyebabkan diri bersemangat mengharungi kehidupan.
  - S2: lebih bersedia terhadap perkara yang akan dilakukan pada masa hadapan.
  - S3: mempunyai jalan hidup yang jelas.
  - S4: mental dan niat semakin terarah.
  - S5: berusaha meningkatkan kemampuan diri.
  - S6: menjadikan kegagalan sebagai titik mula.
  - S7: berterusan berusaha sehingga impian akan menjadi kenyataan.
  - S8: kegagalan memburu cita-cita bagi mereka yang berfikiran negatif.
  - S9: orang yang selalu merungut tidak mencapai kejayaan.
  - S10: cita-cita tidak akan dicapai sekiranya kurang berkeyakinan terhadap usaha yang dilakukan.
- Penutup:** kita perlu mempunyai cita-cita berdasarkan kemampuan diri agar/ supaya cita-cita yang diimpikan akan menjadi kenyataan.

### Praktis 6 SPM

**Pendahuluan:** usaha membendung rasuah dan sebab-sebab masyarakat menerima rasuah..

- S1: Usaha membendung rasuah menerusi penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
  - S2: pegawai SPRM sentiasa memberikan komitmen yang tinggi semasa menyiasat.
  - S3: media massa menyiarkan kes rasuah dan kesannya.
  - S4: ibu bapa menyemai sikap membenci rasuah dalam diri anak-anak.
  - S5: didikan agama dan moral untuk anak-anak memantapkan iman dan jati diri.
  - S6: kerajaan menguatkuasakan undang-undang dan hukuman.
  - S7: Rasuah berlaku apabila seseorang itu lemah iman.
  - S8: seseorang yang banyak berhutang akan mudah menerima rasuah.
  - S9: seorang yang miskin tetapi mahu berlagak kaya.
  - S10: menerima rasuah kerana peluang ada di depan mata.
- Penutup:** marilah kita bersama-sama membendung dan membanteras gejala rasuah agar/ supaya Malaysia lebih cepat menjadi sebuah negara maju.

### Praktis 7 SPM

**Pendahuluan:** usaha membantu orang kurang upaya (OKU) dan sebab-sebab masyarakat bersikap negatif terhadap OKU.

- S1: Usaha membantu OKU menerusi Dasar Sifar Penolakan secara Menyeluruh bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK).
  - S2: melaksanakan Dasar Inklusif OKU.
  - S3: masyarakat menerima kehadiran golongan kurang upaya.
  - S4: membantu OKU menjalani kehidupan dengan sebaik-baiknya.
  - S5: OKU diberikan layanan yang baik kerana mereka turut mempunyai perasaan.
  - S6: melayan OKU secara istimewa dalam keadaan-keadaan tertentu.
  - S7: tabung khas untuk memudahkan masyarakat menyalurkan bantuan kewangan.
  - S8: Sebab-sebab masyarakat bersikap negatif terhadap OKU kerana dianggap membebankan ahli keluarga.
  - S9: kos menguruskan OKU amat tinggi bagi keluarga yang tidak berkemampuan.
  - S10: masyarakat berasa malu mempunyai anak menghidap OKU.
- Penutup:** masyarakat perlu berterusan membantu OKU agar/ supaya kehidupan mereka lebih baik.

### Praktis 8 SPM

**Pendahuluan:** kepentingan membaca bahan berkualiti dan keburukan membaca bahan tidak berkualiti.

- S1: Membaca bahan yang berkualiti dapat menjaga otak untuk terus kekal aktif.
- S2: mengurangkan tekanan yang dihadapi.
- S3: boleh menambahkan pengetahuan.
- S4: menambahkan perbendaharaan kata.
- S5: menguatkan daya ingatan.

S6: meningkatkan kemahiran berfikir analitik yang lebih kukuh.

S7: Keburukan membaca bahan yang tidak berkualiti hanya membuang masa kerana tidak mendatangkan apa-apa faedah.

S8: kualiti bahasa akan merosot kerana membaca bahan yang salah hukum tabahasanya.

S9: terpengaruh dengan perkara yang negatif.

S10: penguasaan ilmu kita tidak akan bertambah.

**Penutup:** masyarakat perlu membaca bahan yang berkualiti agar/ supaya hasrat Malaysia menjadi negara maju akan terlaksana.

### Praktis 9 SPM

**Pendahuluan:** langkah-langkah membendung penyakit berjangkit, punca penularan penyakit berjangkit dan impak COVID-19.

- S1: Langkah-langkah untuk membendung penyakit berjangkit dengan cara memakai pelitup muka apabila berada di tempat yang sesak.
  - S2: perlu kerap membasuh tangan dengan sabun atau pensanitasi tangan beralkohol.
  - S3: mematuhi penjarakan fizikal antara satu sama lain.
  - S4: memastikan penjagaan kesihatan yang teratur.
  - S5: bersihkan dan basmi kuman pada permukaan tubuh.
  - S6: Penyakit berjangkit merebak kerana masyarakat kurang kesedaran terhadap penyakit ini.
  - S7: masyarakat juga tidak mengamalkan pemakanan yang seimbang.
  - S8: Penyakit berjangkit seperti COVID-19 menyebabkan ramai yang mati.
  - S9: masyarakat tidak keluar negara disebabkan dunia menutup sempadan negara masing-masing.
  - S10: ekonomi dunia menjadi runtuh.
- Penutup:** kita perlu menjaga diri dan keluarga sepanjang masa agar/ supaya penularan penyakit berjangkit dapat dibendung.

### Praktis 10 SPM

**Pendahuluan:** kelebihan pantun dan punca pantun di lupakan.

- S1: Menerusi pantun, masyarakat Melayu tradisional menyampaikan pelbagai nasihat.
  - S2: meluahkan perasaan kasih sayang dalam kalangan masyarakat.
  - S3: memainkan peranan yang penting dalam upacara yang melibatkan adat istiadat.
  - S4: satu teknik menyindir atau menempelak seseorang itu dengan lebih sopan.
  - S5: menggambarkan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara.
  - S6: mencabar ketangkasan fikiran.
  - S7: Sebab pantun semakin dilupakan kerana pantun tidak dikenalkan kepada remaja sejak kecil.
  - S8: pantun tidak digunakan dalam kehidupan seharian kerana berasa malu untuk menurkannya.
  - S9: pantun dipelajari hanya untuk lulus peperiksaan menyebabkan tidak sehati dalam jiwa.
  - S10: selalu menggunakan bahasa moden menyebabkan ruang menggunakan pantun terbatas.
- Penutup:** puisi tradisional hendaklah terus disuburkan agar/supaya generasi baharu mengenal dan memperluas penggunaannya.

## **KERTAS MODEL 1**

### **KERTAS 1**

#### **Bahagian A: Karangan Respons Terhad**

[Kehendak soalan: Kebaikan Jalur Lebar kepada Masyarakat.]

Jalur lebar merupakan medium komunikasi dengan Internet berkelajuan tinggi. Menerusi jalur lebar, sesuatu laman sesawang boleh dilayari dengan lebih pantas. Penggunaan modem jalur lebar membolehkan kita menghantar dan menerima maklumat sehingga 40 kali ganda lebih pantas daripada modem berkeupayaan 56kbps.

Perkhidmatan jalur lebar membolehkan masyarakat bekerja dari rumah. Lebih-lebih lagi, kerajaan menggalakkan pekerja bekerja dari rumah ketika menghadapi pandemik COVID-19. Lantaran itu, jalur lebar sangat penting untuk melancarkan segala urusan kerja.

Perkhidmatan jalur lebar menjadi salah satu daya penarik pelabur luar. Bukan hanya prasarana seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan talian telefon menjadi kriteria pelabur pada masa ini. Kini jalur lebar

menjadi prasarana keperluan untuk mengekalkan kompetitif negara dan menarik lebih banyak pelaburan.

Jalur lebar juga penting dalam bidang pendidikan. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perkhidmatan jalur lebar memudahkannya Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) menerusi kelas secara dalam talian. Pendek kata, pandemik bukanlah penghalang untuk meneruskan pengajian dengan adanya perkhidmatan jalur lebar.

Sebagai kesimpulannya, jalur lebar merupakan program yang amat penting untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Kita menyokong usaha kerajaan menerusi Pelan Jalur Lebar Negara yang meletakkan sasaran penembusan sebanyak peratus menjelang 2025. Oleh yang demikian, masyarakat perlu memanfaatkan penggunaan jalur lebar kerana hanya jauhari juga yang mengenal manikam.

## Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

### Soalan 2

Format: Tiada

#### Pendahuluan:

Kerajaan membelanjakan jutaan ringgit untuk meningkatkan mutu sukan negara

#### Idea-idea:

- Mengelakkan pergeseran dalam kalangan pemimpin sukan – masing-masing berusaha mengekalkan jawatan
- Lebih banyak pendedahan atlet berbakat dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat antarabangsa
- Ibu bapa bersikap positif dengan menggalakkan anak-anak aktif dalam olahraga
- Kerjaya sebagai atlet boleh menjamin masa depan
- Menambah prasarana sukan peringkat mukim, daerah, dan negeri
- Pemakanan yang berkhasiat

#### Penutup:

Usaha proaktif perlu dijalankan untuk meningkatkan mutu sukan negara

### Soalan 3

Format: Tiada

#### Pendahuluan:

Setiap masyarakat mempunyai budaya tersendiri – perlu menghormati rakan yang mengundang kita – perlu menghormati budaya orang lain

#### Idea-idea:

- Budaya perkahwinan orang Inggeris – tidak pernah menghadiri majlis sedemikian – tiada beza dengan perkahwinan orang Melayu yang menerima pengaruh Barat
- Perkahwinan dijalankan di hotel – setiap tetamu membawa hadiah – duduk di kerusi yang disediakan – menanti majlis bermula
- Pengantin diarak dengan iringan pukulan kompang (mencampuradukkan dengan budaya Melayu) kemudian pengantin makan beradab di meja panjang
- Majlis memotong kek setinggi lapan tingkat – diadakan majlis tari-menari – hanya melihat kerana tidak pandai menari
- Diadakan persembahan nyanyian – keseluruhan lagu Inggeris – ketika itu pasangan pengantin menyantuni hadirin
- Pengantin berucap – menghargai kedatangan tetamu

#### Penutup:

Satu pengalaman menarik – memahami budaya Barat sudah meresap masuk ke dalam budaya masyarakat tempatan

### Soalan 4

Format: Laporan

#### Pendahuluan:

Tujuan lawatan untuk mendekati dan memahami masalah orang asli.

#### Idea-idea:

- Menyertai rombongan YB menaiki pacuan empat roda – meredah ke kawasan pedalaman – 35 kilometer dari jalan besar – mengambil masa hampir sejam
- Keadaan jalan begitu teruk – berlokap – dua kali termasuk parit – meneruskan perjalanan kerana sudah berjanji
- Apabila tiba diberi sambutan meriah – persembahan kebudayaan orang asli – dijamu makan makanan ikan air tawar
- Menerima laporan daripada ketua masyarakat – masalah

pengangkutan untuk ke bandar dan anak-anak ke sekolah – punca pendapatan berkurangan kerana penerokaan hutan secara besar-besaran – YB membuat catatan untuk tindakan lanjut

- Memberikan sumbangan RM10 000.00 untuk keperluan masyarakat – berjanji akan menyelesaikan masalah yang dihadapi
- Pulang pukul 5.00 petang – dalam perjalanan hujan lebat – terpaksa menanggung hujan sehingga hujan teduh – tiba tiga jam kemudian

#### Penutup:

Gembira kerana dapat turut serta – kagum akan ketabahan mereka – berjanji jika berkemampuan akan membantu mereka

### Soalan 5

Format: Tiada

#### Pendahuluan:

Keluarga Haji Daud begitu bahagia. Anak-anak akan nasihat

#### Idea-idea:

- Haji Daud jatuh sakit – anak-anak berkumpul
- Pembahagian wasiat dijalankan – semua anak mendapat bahagian masing-masing
- Haji Daud meninggal dunia – anak-anak tidak berpuas hati terhadap pembahagian harta arwah bapanya dulu
- Sesama adik-beradik tidak bertegur sapa – ibu mereka disisihkan
- Ibu mereka akhirnya meninggal dunia – perselisihan faham mengenai harta semakin memuncak
- Ada yang mengalah – tidak peduli harta yang tidak seberapa asal kehidupan adik-beradik berbaik semula

#### Penutup:

Usaha mendamaikan adik-beradik dijalankan – mereka sedar, kerana harta, hubungan adik-beradik boleh retak

## KERTAS 2

### Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

#### Soalan 1

- Penentangan golongan muda terhadap golongan tua boleh diatasi apabila masing-masing mengamalkan sikap bertolak ansur.
- Kita boleh mengimpikan kehidupan yang selesa tetapi perlu berusaha keras dan berhemat dalam berbelanja sejak mula bekerja lagi.
- Azman tidak mudah berputus asa kerana dia menyedari perjalanannya dalam sukan badminton masih panjang.
- Cadangan untuk membina lapangan terbang baharu itu masih lagi dalam pertimbangan berikutan kos pembinaannya yang amat tinggi.

#### Soalan 2

- Masalah merokok dalam kalangan murid lelaki meningkat.
- Murid perempuan yang merokok semakin meningkat.
- Pelbagai program kesedaran tentang bahaya merokok nampaknya tidak berkesan.
- Peraturan murid merokok semakin bertambah.
- Mereka semakin berani merokok di khalayak ramai.
- Mereka berani merokok dengan memakai pakaian uniform sekolah.

### Soalan 3

#### Petikan 1

	Salah	Betul		Salah	Betul
1	di masa	pada masa	4	daripada	dari
2	mengetuai	menerajui	5	kejadian	menjadi
3	ketinggian	kecemerlangan	6	modul	modal

#### Petikan 2

	Salah	Betul		Salah	Betul
1	mengada	mempunyai	4	adalah	ialah
2	berbilang-bilang	berbilang	5	kejayaan	kemajuan
3	setengah	suku			



#### Soalan 4

Kemudian Kertala Sari pun seperti kebiasaannya berjalan keluar masuk bermain-main di segenap kampung orang kaya dan pedagang.

Setelah diketahuinya, lalu Kertala Sari pun masuk dengan menyamar sebagai orang Patih Kerma Wijaya. Ketika itu, Kertala Sari masuk seorang diri mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap dengan Jawa yang ramai itu. Kemudian Kertala Sari, semua hulubalang yang sama-sama menghadap itu dilihatnya seorang demi seorang.

#### Soalan 5

- (i) alah bisa tegal biasa
- (ii) hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

#### Bahagian B: Pemahaman

##### Soalan 6

- (i) Rangkaian kata membawa maksud mempunyai perasaan halus.
- (ii) Waktu cuti boleh dimanfaatkan dengan mengunjungi lokasi menarik untuk dikunjungi seperti Projek Taman Tugu yang terletak di tengah ibu kota. Kita juga boleh ke perpustakaan, beriadah bersama-sama rakan, berpersatuan, mengikuti kelas tambahan, kem motivasi, kem cuti sekolah, bekerja sambil dan menghadiri bengkel penulisan. Seterusnya merancang mengikut keluarga bercuti ke tempat-tempat bersejarah seperti muzium, galeri sejarah dan tempat-tempat yang mempunyai kesan-kesan peninggalan sejarah. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]
- (iii) Seseorang itu pergi bercuti ke sesuatu tempat untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan kerana ahli keluarga biasanya sibuk dengan urusan masing-masing seperti bekerja dan belajar pada hari-hari biasa. Selain itu, bercuti ke sesuatu tempat boleh meluaskan pengetahuan untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.
- (iv) Aktiviti riadah tidak menjadi amalan wajib dalam kalangan masyarakat kita kerana aktiviti tersebut memenatkan dan mengambil masa, sedangkan pada hari minggu mereka mahu berehat bersama-sama keluarga di rumah. Selain itu, masyarakat lebih banyak menghabiskan masa melayari media sosial atau bermain e-sukan menerusi telefon pintar dan komputer menyebabkan mereka tidak mahu beriadah. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

##### Soalan 7

- (i) Rangkaian kata membawa maksud mendapatkan penghormatan semula.
- (ii) Berdasarkan Bahan 1, tanah khususnya ladang telah memberikan rezeki kepada keluarga. Manakala berdasarkan Bahan 2, Hakim mahu mengusahakan kebun dan ternakan di atas tanah yang ditebusnya. Seterusnya, berdasarkan Bahan 3, tanah di seluruh kampung telah tergedai akibat menyabung ayam.
- (iii) Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan boleh memajak tanah yang terbiar dengan bayaran yang sesuai untuk diusahakan dengan pertanian. Usaha yang lain adalah dengan membeli tanah tersebut menerusi pemaju untuk dimajukan dengan perumahan atau kompleks perniagaan.
- (iv) Sekiranya keluarga memiliki tanah yang tidak diusahakan, saya akan memanfaatkannya dengan menanam sayur-sayuran dan pokok buah-buahan yang cepat mengeluarkan hasil sebagai cara menambahkan pendapatan dan memanfaatkan masa terluang. Seterusnya, jika mendapat peluang yang lebih baik saya akan usahakan pertanian moden dengan mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

##### Soalan 8

- (i)

#### Petikan

Bukti Sophia seorang isteri dan ibu yang bertanggungjawab ialah dia berjanji di depan suaminya bahawa dia akan menjaga anak-anak, ayah dan emak sepanjang suaminya pergi bekerja. Dia juga sentiasa mendoakan keselamatan suaminya. Sophia juga memuji suaminya yang baik dan tidak pernah menyakitinya sepanjang hidup bersama. Akhir sekali, dia meminta ampun atas salah dan silapnya selama ini dan mengharapkan suaminya menghalalkan makan minumnya.

- (ii)

#### Tiga nilai murni.

##### (i) Jendela Menghadap Jalan

Nilai murni daripada novel Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin ialah keberanian, contohnya Lili berani untuk membalas kata-kata nenek mengenai kemahuannya untuk keluar sebentar kerana tidak mahu menjadi seperti orang gila yang bercakap seorang akibat tidak bermasyarakat dengan manusia lain. Selain itu kasih sayang, contohnya nenek Lili sangat menyayangi Lili, buktinya dia bimbang akan keselamatan Lili kerana melihat Lili baik terhadap Haziq sedangkan Haziq pernah melakukan kesalahan. Di samping itu kerjasama, contohnya Pak Sahak, Kiai Baharom, ketua kampung, dan Imam Sanusi datang ke rumah datuk Lili untuk berbincang tentang isu kubah surau dan ketua kampung meminta bantuan datuk Lili supaya membantunya kerana datuknya mempunyai pengaruh di kampung mereka.

##### (ii) Leftenan Adnan Wira Bangsa

Nilai murni daripada novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Taib ialah patriotisme, contohnya Adnan menjadikan semangat tokoh pejuang terdahulu sebagai contoh seperti Maharajalela, Tok Gajah, serta Mat Kilau yang sanggup berjuang menggadaikan nyawa demi mempertahankan tanah air. Seterusnya Leftenan Adnan bergadai nyawa menentang tentera Jepun di Bukit Candu demi mempertahankan tanah air. Selanjutnya kasih sayang, contohnya Sophia amat menyayangi suaminya, Adnan yang merupakan seorang tentera dan untuk meluahkan rasa rindunya, dia mengutus sepucuk surat kepada suaminya. Akhir sekali keberanian, contohnya Pak Saidi tidak takut menentang tentera Jepun sehinggakan Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun dengan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya walaupun akhirnya Pak Saidi telah dibunuh oleh tentera Jepun.

##### (iii) Di Sebalik Dinara

Terdapat beberapa nilai murni dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor iaitu kasih sayang, contohnya Marilyn/Medina sangat menyayangi Farisha dan sentiasa berusaha mencari Farisha kerana merindunya dan Alia pula sangat menyayangi Karl walaupun dia telah dipukul oleh Karl sehingga menjadi cyborg kerana cacat. Seterusnya hormat-menghormati, contohnya Farisha sentiasa menghormati abangnya Azraai walaupun berasa rimas dengan perbuatan abangnya yang seakan-akan mengongkongnya. Selanjutnya bekerjasama, contohnya Farisha sentiasa memberikan kerjasama kepada Aqram semasa melakukan kerjanya.

##### (iv) Pantai Kasih

Terdapat beberapa nilai murni dalam novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin iaitu hormat-menghormati, contohnya Raiha amat menghormati dan melayan setiap pesakit dan ahli keluarga pesakit yang menerima rawatan dan perkhidmatan di Pusat Rawatan Pantai Kasih secara adil tanpa mengira darjat atau kedudukan seseorang. Seterusnya berdikari, contohnya ibu Unong Siron tidak mahu menyusahkan sesiapa, sebaliknya menggunakan wang insurans akibat kemalangan yang diterima Unong Siron untuk membiayai operasi pembedahan penggantian sendi pinggul anaknya itu walaupun sudah enam kali demi memastikan anaknya itu kembali sihat. Selain itu keberanian, contohnya Raiha berani mendakwa suaminya di mahkamah keluarga dengan menyatakan secara tegas bahawa suaminya yang telah menyebabkan kematian anak tunggal mereka.

#### Bahagian C: Rumusan

##### Soalan 9

#### Pendahuluan

Rumusan membincangkan usaha-usaha mewujudkan keluarga bahagia dan ciri-ciri keluarga bahagia.

#### Fokus Bahan 1

- [S1] Keluarga bahagia dapat diwujudkan apabila anak-anak mempunyai didikan agama dan moral yang utuh.
- [S2] Seterusnya, ibu bapa haruslah memberikan kasih sayang mereka dengan secukupnya.

- [S3] Selanjutnya, ibu bapa meluangkan masa bersama dengan anak-anak.
- [S4] Selain itu, ibu bapa memastikan anak-anak tidak bergaul dengan rakan yang buruk akhlak.
- [S5] Di samping itu, ibu bapa mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi anak-anak.
- [S6] Seterusnya, ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak.
- [S7] Selanjutnya, anak-anak membantu meringankan beban ibu bapa.

#### Fokus Bahan 2

- [S8] Ciri-ciri keluarga bahagia ialah perlu saling menghormati.
- [S9] Di samping itu, keluarga bahagia berusaha mengelakkan pertengkaran.
- [S10] Seterusnya, taman perumahan memperbanyak aktiviti kekeluargaan.

#### Penutup

Kesimpulannya, ibu bapa perlu berusaha mewujudkan keluarga bahagia agar/ supaya anak-anak boleh memberikan perhatian terhadap pelajaran.

### KERTAS MODEL 2

#### KERTAS 1

##### Bahagian A: Karangan Respons Terhad

###### Soalan 1

Setiap sekolah dilengkapi dengan perpustakaan atau pusat sumber. Perpustakaan merupakan tempat menghimpun pelbagai jenis bahan bacaan sama ada buku akademik mahupun bahan bacaan umum. Jika Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah tersebut mantap sumber kewangannya, banyaklah buku di rak-rak perpustakaan.

Lantaran itu, kempen yang terancang perlu dilakukan untuk menggalakkan murid-murid mengunjungi perpustakaan. Hal ini demikian kerana tidak ramai murid yang membaca dan meminjam buku di perpustakaan. Kempen seperti Minggu Perpustakaan perlu diadakan di samping mengadakan jualan buku di lobi perpustakaan.

Kebiasaannya murid akan ke perpustakaan pada waktu rehat dan ketika mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris selama satu masa dalam seminggu. Oleh hal demikian, guru perpustakaan perlu membuka perpustakaan pada waktu lain untuk memberikan ruang kepada murid-murid ke perpustakaan.

Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) merupakan satu pendekatan untuk penyuburan tabiat membaca dalam kalangan murid. Matlamat utama Program NILAM adalah untuk membina tabiat membaca yang berkekalan dalam kalangan murid. Pengiktirafan diberikan kepada murid berdasarkan bilangan buku yang dibaca.

Sebagai kesimpulannya, setiap murid digalakkan ke perpustakaan untuk mewujudkan budaya membaca. Francis Bacon (1561 – 1626) seorang ilmuwan tersohor dari England ada berkata, “Membaca menjadikan seseorang berisi, berunding menjadikan dia siap, menulis menjadikan dia saksama”. Sebenarnya ilmu yang kita miliki hanyalah setitik air jika dibandingkan lautan yang luas.

##### Bahagian B: Karangan Umum

###### Soalan 2

Karangan tidak berformat.

#### Pendahuluan

Ibu bapa memainkan peranan membentuk akhlak remaja kerana masa anak-anak banyak bersama dengan ibu bapa.

#### Idea

- Memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang cukup, paling lewat ketika berusia tujuh tahun.
- Memastikan anak-anak memilih rakan sebaya yang mempunyai wawasan, latar belakang, dan pegangan hidup yang boleh diyakini.
- Selalu berhubung dengan pihak sekolah untuk memastikan akhlak anak sentiasa terpelihara.
- Menghantar anak mengikuti kursus yang berkaitan dengan keperibadian, akademik, dan teknologi maklumat.
- Mengenalkan anak dengan nilai budaya yang boleh diamalkan.

#### Penutup

Ibu bapa jangan jemu mendidik anak untuk menjadi modal insan yang cemerlang.

#### Soalan 3

Karangan tidak berformat.

#### Pendahuluan

Kerajaan telah memperkenalkan Sekolah Wawasan.

#### Idea

- Menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan murid, selain memberikan sumbangan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.
- Berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi rakyat Malaysia.
- Rakyat diberikan kebebasan bercakap, asal sahaja tidak menyentuh sensitiviti kaum dan hal-hal berkaitan dengan agama.
- Menggalakkan rakyat mengadakan rumah terbuka ketika hari perayaan.
- Rakyat bebas mengamalkan kepercayaan dan agama masing-masing dengan Islam sebagai agama rasmi.

#### Penutup

Slogan ini perlu dijelmakan dalam kehidupan rakyat untuk memastikan perpaduan kaum rakyat Malaysia dapat diperkukuh.

#### Soalan 4

Karangan berformat.

- Tanpa tajuk ditolak 2 markah
- Tanpa nama penulis ditolak 2 markah

#### Pendahuluan

Ibu bapa kini sudah mempunyai kesedaran terhadap masa depan mereka yang melibatkan diri dalam bidang sukan.

#### Idea

- Memberikan penjelasan secukupnya kepada ibu bapa terhadap program sukan yang dianjurkan pihak sekolah.
- Memanfaatkan Sekolah Sukan yang mempunyai aktiviti sukan yang terancang.
- Sering menghantar murid melibatkan diri dalam kejohanan peringkat daerah, negeri, dan negara.
- Mendapatkan nasihat daripada persatuan sukan dan jurulatih luar yang berwibawa.
- Mereka yang berbakat perlu diberikan pemakanan yang berkhasiat, khidmat nasihat, dan motivasi yang berterusan.

#### Penutup

Pihak sekolah, khususnya guru memainkan peranan penting untuk melahirkan atlet muda yang boleh diketengahkan pada peringkat dunia kelak.

#### Soalan 5

Karangan tidak berformat.

#### Pendahuluan

Nur Syazawani sering dimarahi oleh ibu bapanya kerana pencapaian akademiknya tidak memuaskan berbanding dengan adik-beradiknyanya yang lain.

#### Idea

- Nur Syazawani sering memikirkan nasib dirinya yang lemah dalam pelajaran.
- Mengisi masa lapang dengan membaca.
- Bertanya rakan yang berjaya untuk mendapat tip.
- Mendapat kekuatan baharu, lalu melipatgandakan usaha dengan menghadiri kelas tambahan dan seminar peperiksaan.
- Pencapaian meningkat, namun Nur Syazawani masih tidak berputus asa. Akhirnya memperoleh keputusan yang agak baik dalam SPM.

#### Penutup

Kini Nur Syazawani sudah menjadi orang yang berjaya lalu mengimbas sejarah silamnya dan menyertakan semula peribahasa.

### KERTAS 2

#### Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

##### Soalan 1

- Turun naik sesuatu perniagaan merupakan perkara biasa yang perlu dihadapi oleh para usahawan.
- Murid-murid berasa teruja apabila mendapat tahu Menteri Pendidikan akan berkunjung ke sekolah mereka pada minggu depan.





- (iii) Murid lepasan SPM boleh memilih untuk menyambung pelajaran di tingkatan enam, mengambil kursus peringkat diploma atau sijil kemahiran.
- (iv) Nazim berasa bangga apabila namanya disebut sebagai pemenang peraduan menulis cerpen anjuran Persatuan Bahasa Melayu.

### Soalan 2

Ramai rakyat Malaysia berhijrah ke Australia untuk belajar dan selepas tamat belajar mereka bekerja di sana. Pendapatan mereka di sana sungguh lumayan kerana nilai mata wang Australia lebih tinggi daripada Malaysia, maka mereka teruja bekerja di sana. Terdapat rakyat Malaysia memohon kerakyatan Australia setelah mereka hidup selesa di sana walaupun mereka mempunyai ramai ahli keluarga di Malaysia.

### Soalan 3

#### Petikan 1

	Salah	Betul		Salah	Betul
1	penghijauan	menghijau	4	sum-sum	sumsum
2	restoran	gerai	5	paling tertinggi	tertinggi
3	seakan	seakan-akan	6	dibenarkan	disahkan

#### Petikan 2

	Salah	Betul		Salah	Betul
1	pencapaian	capaian	4	bila	apabila
2	seharipun	sehari pun	5	celetiknya	celetiknya
3	merbahaya	berbahaya			

### Soalan 4

Lalu Tun Perak diam tidak menyahut kata-kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata, barulah disahut oleh Tun Perak, katanya, "Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi sebilah pedang. Akan hamba jaga sebaik-baiknya dan tidak akan dibiarkan berkarat hingga tumpul."

### Soalan 5

- (i) bagai cendawan tumbuh selepas hujan
- (ii) duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

### Bahagian B: Pemahaman

#### Soalan 6

- (i) Rangkaian kata perbuatan khianat bermaksud kegiatan menganiaya.
- (ii) Pencemaran air mengakibatkan gangguan bekalan air kepada 1.2 juta akaun atau hampir lima juta pengguna di Lembah Klang. Pencemaran air juga menyebabkan kemusnahan ekosistem akuatik dan membawa kepada masalah kesihatan awam.
- (iii) Tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkuasa ialah pihak berkuasa bertindak menutup kilang-kilang haram yang didirikan di tepi-tepi sungai dan membuang sisa kilang. Selain itu, pihak berkuasa tempatan bekerjasama dengan syarikat pembekal tenaga dan syarikat pengurusan air agar tidak membekalkan elektrik dan air kepada kilang yang tidak mempunyai lesen dan pematuhan sisa air terawat di kilang.
- (iv) Oleh sebab persekitaran di luar sekolah tidak sekolah tidak begitu bersih, saya akan menghubungi pihak berkuasa tempatan untuk melakukan pembersihan agar kesihatan penduduk dalam keadaan baik dan bau busuk tidak masuk ke kawasan sekolah. Jika usaha tersebut tidak mendapat perhatian, saya akan menulis sepucuk surat kepada Jabatan Alam Sekitar dengan menerangkan permasalahan yang wujud dan impak negatif kepada penduduk.

#### Soalan 7

- (i) Rangkaian kata membawa maksud merasai pengalaman tinggal di bandar besar.
- (ii) Impak amalan berbudi kepada masyarakat sekeliling dapat dilihat menerusi Bahan 1, apabila sikap baik Tuan Booth sekeluarga telah meruntuhkan tembok penghalang antara penduduk kampung dengan estet Tuan Booth. Menerusi Bahan 2, ajakan Murni untuk

membawa ibunya di kota telah menyenangkan hati ibunya tetapi ibunya lebih senang hati tinggal di kampung. Menerusi Bahan 3, orang yang berbudi akan dikenang masyarakat bertahun-tahun dan kenangan itu dibawa hingga ke mati.

- (iii) Sebagai remaja, cara untuk saya berbudi kepada ibu bapa adalah dengan dengan menuruti segala nasihat mereka kerana teguran atau nasihat mereka atas dasar kasih sayang. Selain itu, saya akan belajar bersungguh-sungguh agar memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan sebagai cara untuk membalas pengorbanan yang telah dicurahkan oleh mereka.
- (iv) Apabila berhadapan dengan sikap rakan yang biadab terhadap guru, saya akan menasihati rakan saya itu agar mengenang pengorbanan guru yang mendidik dan menganggap guru sebagai ibu kita yang berada di sekolah. Pada waktu yang sama, saya akan memujuk guru meneruskan sesi pembelajaran dan membuat majlis hari lahir guru itu untuk menggembirakan guru tersebut.

### Soalan 8

(a)

#### Petikan

Usaha doktor untuk memastikan Waheeda segera sembuh daripada penyakit yang dihidapinya adalah dengan memberi Waheeda beberapa preskripsi ubat. Menasihati Waheeda agar banyak berehat. Doktor juga mengingatkan agar Waheeda menghabiskan antibiotik dalam masa tiga hari serta memakan ubat selesema dan demam.

(b)

#### (i) Songket Berbenang Emas [Dahlia/Dahlia binti Embong]

- (a) Seorang yang berpandangan jauh. Contohnya, Dahlia sanggup menerima tawaran mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan pada peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun sebagai bekalan masa hadapannya walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga tercinta.
- (b) Seorang yang cekal dan tabah. Contohnya, Dahlia menempuh semua dugaan dan masalah yang berlaku dalam keluarganya sepanjang tempoh emaknya menerima rawatan di hospital akibat menghidap penyakit kemurungan dengan cekal dan tabah.

#### (ii) Tirani [Waheeda/Waheeda Nurlyana]

- (a) Seorang yang gigih menghadapi cabaran dan dugaan hidup. Contohnya, Waheeda gigih berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran seperti peristiwa pembedahan mata dan hidungnya, cabaran keretakan dan kemusnahan rumah tangganya, serta cabaran perniagaan dalam sektor pelancongan.
- (b) Seorang yang berani menanggung risiko dalam memajukan perniagaan. Contohnya, Waheeda sanggup membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan semata-mata untuk membeli Chalet Iwana-Iwani kepunyaan Encik Abdul Aziz Imran yang terletak di Cameron Highlands setelah melihat sendiri lokasi dan kemudahan serta mengkaji potensi yang terdapat di chalet tersebut.

#### (iii) Silir Daksina [Haiqal Hakimi/Aiman]

- (a) Seorang yang bijak dalam pelajaran. Contohnya, Haiqal Hakimi telah berjaya menyambung pengajiannya di Bumi Kenyalang.
- (b) Seorang yang kreatif dan berbakat dalam seni sastera. Contohnya, Haiqal Hakimi sering memenangi pertandingan deklamasi puisi peringkat sekolah serta menjadi johan dalam pertandingan menulis sajak dan cerpen pada peringkat negeri.

#### (iv) Bimasakti Menari [Nurul Hafsa]

- (a) Seorang yang berani dalam membuat tindakan. Contohnya, Nurul Hafsa berani membuat pembentangan Rancangan Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan khalayak yang terdiri daripada Menteri Besar Selangor, ahli akademik, pencinta alam sekitar dan usahawan yang terlibat dalam perniagaan teknologi hijau di Dewan Kuliah 1, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam meskipun dia hanyalah seorang wanita.

- (b) Seorang yang gigih membuat penyelidikan. Contohnya, Nurul Hafsa gigih membuat penyelidikan dan menyediakan folio tentang Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor sebelum isu itu dibahaskan di hadapan khalayak yang terdiri daripada Menteri Besar Selangor, ahli akademik, dan lain-lain.

### Soalan 9

#### Bahagian C: Rumusan

##### Pendahuluan

Rumusan ini membincangkan faedah subjek Pengucapan Awam dalam kalangan remaja dan usaha-usaha menggalakkan masyarakat berminat dalam pengucapan awam.

##### Isi Tersurat

- [S1] Subjek Pengucapan Awam dapat melahirkan individu yang dapat menjadi pemimpin pada masa hadapan.
- [S2] Seterusnya, memudahkan remaja untuk mencari pekerjaan suatu hari nanti.
- [S3] Selanjutnya, mencungkil bakat dan potensi remaja untuk menjadi remaja yang cemerlang.
- [S4] Selain itu, dapat memastikan sama ada seseorang remaja benar-benar cemerlang atau tidak dalam subjek bahasa.

- [S5] Seterusnya, memberikan skil penyampaian komunikasi yang berkesan melalui teknik-teknik tertentu.
- [S6] Malah, menjadikan graduan-graduan yang menceburi pengucapan awam lebih ke hadapan.
- [S7] Selanjutnya, kemahiran yang dikuasai akan memberikan keyakinan apabila berkomunikasi dengan khalayak.
- [S8] Usaha untuk menggalakkan masyarakat dalam pengucapan awam, Sudut Pidato didirikan di kawasan khas yang bersesuaian untuk melaksanakan aktiviti pengucapan awam.
- [S9] Seterusnya, mereka yang mahu berpidato diberikan kebebasan berucap tentang semua isu tetapi dengan kawalan dan pemerhatian oleh pihak polis.
- [S10] Malah, setiap sekolah perlu melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk pengucapan awam sebagai salah satu kemahiran yang perlu digilap dalam kalangan murid.

##### Penutup

Kesimpulannya, remaja perlu menguasai pengucapan awam pada era persaingan yang sengit, agar/ supaya dapat berkomunikasi dengan masyarakat dunia.

